


KERAJAAN NEGERI JOHOR



# LAPORAN EKONOMI 2017/2018

NEGERI JOHOR DARUL TA'ZIM








**KERAJAAN NEGERI JOHOR**

**LAPORAN  
EKONOMI  
2017/2018**  
NEGERI JOHOR DARUL TA'ZIM





TAJUK	M/S
<b>BAB 1 : EKONOMI NEGERI JOHOR DI TAHUN 2017</b>	
PENDAHULUAN	6
PERSEKITARAN EKONOMI DUNIA DI TAHUN 2017	6
Pertumbuhan Ekonomi Dunia: Tertinggi Sejak 2011	6
Perdagangan Dunia Dipacu Oleh Peningkatan Pelaburan Yang Menyeluruh	7
Pertumbuhan Ekonomi Utama Asia Dibantu Oleh Pemulihan Perdagangan Dunia	7
Permintaan Dalam Negeri Membantu Ekonomi Beberapa Negara Di Asia	8
Pertumbuhan Negara-Negara ASEAN Dibantu Oleh Perbelanjaan Infrastruktur Yang Lebih Tinggi	8
Permintaan Dan Harga Komoditi Yang Bertambah Baik Meningkatkan Inflasi Global	8
Tindakan Dasar Yang Berbeza Antara Negara	8
PRESTASI EKONOMI CHINA, INDIA DAN ASIA TENGGARA	9
Ekonomi ASEAN	9
Ekonomi Singapura	10
EKONOMI MALAYSIA DI TAHUN 2017	11
Peningkatan Permintaan Dalam Negeri Dirangsang Oleh Peningkatan Eksport	12
Prestasi Sektor-Sektor Ekonomi	13
Pertumbuhan KDNK	15
EKONOMI NEGERI JOHOR DI TAHUN 2017	15
PRESTASI SEKTOR-SEKTOR PENGELUARAN NEGERI JOHOR DI TAHUN 2017	16
Sektor Utama	16
Sektor Perindustrian	16
Sektor Perkhidmatan	17
PERGERAKAN HARGA DI NEGERI JOHOR DI TAHUN 2017	17
Harga Pengguna	17
PERTUMBUHAN KDNK NEGERI JOHOR PADA TAHUN 2017	19
EKONOMI WILAYAH ISKANDAR MALAYSIA DI TAHUN 2017	20
TENAGA BURUH NEGERI JOHOR DI TAHUN 2017	22
Migrasi	23
Penawaran Tenaga Buruh	24
Taburan Penduduk Bekerja Mengikut Jenis Pekerjaan	25
Kadar Pengangguran	26
Taburan Umur Tenaga Kerja	27
Kadar Penyertaan Tenaga Buruh Yang Berumur (15-64)	28

TAJUK	M/S
Taburan Penduduk Bekerja Mengikut Sektor Ekonomi	29
Trend Tenaga Buruh	31
PELABURAN KE DALAM NEGERI JOHOR DI TAHUN 2017	31
Perkembangan Pelaburan Ke Dalam Negara	31
Sektor Utama	32
Sektor Pembuatan	32
Sektor Perkhidmatan	33
Pelaburan Ke Dalam Negeri Johor	34

## BAB 2 : PRESTASI SEKTOR UTAMA DAN SEKTOR INDUSTRI NEGERI JOHOR DI TAHUN 2017

PENDAHULUAN	38
PERTUMBUHAN SEKTOR UTAMA DAN SEKTOR INDUSTRI NEGERI JOHOR DI TAHUN 2017	38
PRESTASI PENGELUARAN SEKTOR UTAMA	38
SEKTOR PERTANIAN	38
TANAMAN UTAMA	40
Kelapa Sawit	40
Getah	42
PERIKANAN	44
TERNAKAN	46
PERHUTANAN	47
PERTANIAN LAIN	48
SEKTOR PERLOMBONGAN DAN PENGKUARIAN	50
SEKTOR PEMBUATAN	51
Pengeluaran Industri Berorientasikan Domestik	52
Pengeluaran Industri Berorientasikan Eksport	53
SEKTOR PEMBINAAN	53
Pembinaan Unit Kediaman	57
Pembinaan Bangunan Industri	59
Pembinaan Pejabat Binaan Khas	59
Pembinaan Kompleks Perniagaan	59
Pembinaan Kompleks Riadah	60

## BAB 3 : SEKTOR-SEKTOR PERKHIDMATAN NEGERI JOHOR DI TAHUN 2017

PENDAHULUAN	62
SEKTOR UTILITI NEGERI JOHOR DI TAHUN 2017	62
Utiliti	62
Air	62
Elektrik	65
PERDAGANGAN BORONG DAN RUNCIT, HOTEL DAN RESTORAN	66
Perdagangan Borong	67

TAJUK	M/S
Perdagangan Runcit	68
Hotel dan Penginapan	70
Perkhidmatan Restoren, Makanan dan Minuman	71
<b>SEKTOR PELANCONGAN</b>	<b>72</b>
Arah Aliran Pelancongan dan Sumbangan Pelancongan Domestik	73
<b>PENGANGKUTAN, PENYIMPANAN DAN KOMUNIKASI</b>	<b>75</b>
Pengangkutan Darat	75
Pengangkutan Jalan Raya	76
Pengangkutan Rel	78
Pengangkutan Laut	78
Pengangkutan Udara	81
Telekomunikasi	83
Penyimpanan dan Penghantaran	84
<b>KEWANGAN, INSURANS, HARTANAH DAN PERKHIDMATAN PERNIAGAAN</b>	<b>85</b>
Perkhidmatan Kewangan dan Insurans	86
Perkhidmatan Perniagaan Hartanah	87
Perkhidmatan Professional, Sainifik dan Teknikal	89
<b>PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN LAIN</b>	<b>90</b>
<b>PERKHIDMATAN KERAJAAN</b>	<b>91</b>
<b>BAB 4: PERKEMBANGAN EKONOMI WILAYAH ISKANDAR MALAYSIA SEHINGGA TAHUN 2017</b>	
<b>Pengenalan</b>	<b>94</b>
<b>KEMAJUAN EKONOMI ISKANDAR MALAYSIA</b>	<b>94</b>
Kemajuan Ekonomi Iskandar Malaysia Dalam Tempoh 10 Tahun Pertama, 2006-2015	94
Pertumbuhan Ekonomi Iskandar Malaysia Bagi Tahun 2017	95
Pertumbuhan Nilai Ditambah Sektor-Sektor Ekonomi	96
Sektor Perindustrian	96
Sektor Perkhidmatan	97
Prospek dan Risiko Pertumbuhan Ekonomi Wilayah Iskandar Malaysia Bagi 2018-2025	98
Initiatif Di Dalam Sektor-Sektor	99
Sektor Pelancongan	99
Sektor Penjagaan Kesihatan	100
Sektor Kreatif	100
Sektor Budaya dan Warisan	101
<b>PASARAN PEKERJA DAN GUNATENAGA DI TAHUN 2017</b>	<b>101</b>
Jumlah dan Taburan Penduduk	101
Tenaga Buruh	102

TAJUK	M/S
Tenaga Kerja Mengikut Jenis Pekerjaan	103
Taburan Tenaga Kerja Mengikut Jenis Industri	105
<b>PELABURAN KE DALAM ISKANDAR MALAYSIA SEHINGGA 2017</b>	<b>106</b>
Strategi Meningkatkan Pelaburan Dan Ekonomi Iskandar Malaysia	109
Peningkatan Kemudahan Kepada Bakal Pelabur	109
Pengukuhan Sektor-Sektor Penggalak Ekonomi	110
Peningkatan Akses dan Kesambungan: Darat, Udara dan Rel	111
Peningkatan Kemudahan Telekomunikasi, Tenaga dan Air	111
Peningkatan Modal insan	111
Pemeriksaan Ekosistem PKS	111
<b>UNJURAN EKONOMI ISKANDAR MALAYSIA PASCA 2017</b>	<b>111</b>
<b>BAB 5 : EKONOMI NEGERI JOHOR DI TAHUN 2018</b>	
<b>Pengenalan</b>	<b>114</b>
<b>EKONOMI DUNIA DI TAHUN 2018</b>	<b>114</b>
Risiko Kepada Pertumbuhan Ekonomi Dunia	115
<b>EKONOMI MALAYSIA DI TAHUN 2018</b>	<b>115</b>
Sektor Luaran	116
Unjuran Eksport Negara	117
Unjuran Import Negara	117
Pertumbuhan Harga Komoditi	117
Situasi Harga	117
Pertumbuhan KDNK Malaysia Pada Tahun 2018	119
<b>EKONOMI NEGERI JOHOR DI TAHUN 2018</b>	<b>119</b>
Prospek Ekonomi Tahun 2018	119
Unjuran KDNK Negeri Di Tahun 2018	120
Unjuran Pertumbuhan Nilai Ditambah Sektor-Sektor Ekonomi Negeri	120
Sumbangan Nilai Ditambah Sektor-Sektor Pengeluaran Negeri kepada KDNK	121
Prospek Sektor Pembinaan Negeri Johor Di Tahun 2018	122
<b>EKONOMI WILAYAH ISKANDAR MALAYSIA DI TAHUN 2018</b>	<b>123</b>
Sumbangan Nilai-Nilai Ditambah Kepada KDNK Iskandar Malaysia	124
<b>UNJURAN TABURAN TENAGA BURUH NEGERI JOHOR DI TAHUN 2018</b>	<b>125</b>
<b>UNJURAN JANGKA PANJANG PENCAPAIAN EKONOMI NEGERI JOHOR, 2018-2030</b>	<b>127</b>



***EKONOMI  
NEGERI JOHOR  
DI TAHUN 2017***

**LAPORAN  
EKONOMI  
2017/2018**  
NEGERI JOHOR DARUL TA'ZIM

## EKONOMI NEGERI JOHOR DI TAHUN 2017

### PENDAHULUAN

Bab ini membincangkan prestasi ekonomi makro negeri Johor di tahun 2017. Perbincangan bermula dengan pembentangan ringkas maklumat mengenai prestasi dan arah aliran (trend) persekitaran ekonomi dunia. Ini diikuti oleh perbincangan mengenai arah aliran ekonomi beberapa negara maju, termasuk Amerika Syarikat (AS), Rantau Euro, Republik Rakyat China (China), dan Jepun. Turut dibincangkan juga ialah ekonomi jiran terhampir negara, iaitu Singapura. Perbincangan ini adalah bertujuan memberikan gambaran kesan luaran kepada ekonomi Malaysia dan Johor yang amat terbuka dan berkait rapat dengan perkembangan ekonomi negara-negara lain.

### PERSEKITARAN EKONOMI DUNIA DI TAHUN 2017<sup>1</sup>

Pada tahun 2017 keadaan ekonomi dan persekitaran kewangan dunia dicirikan oleh fenomena-fenomena berikut:

- (i) Aktiviti ekonomi pulih kukuh dengan ekonomi dunia mencatat kadar pertumbuhan tertinggi sejak tahun 2011;
- (ii) Peratus pertumbuhan perdagangan dunia mengatasi pertumbuhan KDNK dunia buat kali pertama sejak tahun 2014. Aktiviti ekonomi bertambah baik secara menyeluruh, merentas ekonomi maju dan ekonomi sedang pesat membangun. Perkembangan ini mendorong organisasi antarabangsa dan pihak berkuasa negara untuk menaikkan semakan unjuran pertumbuhan beberapa kali sepanjang tahun;
- (iii) Keutuhan pertumbuhan KDNK didorong terutamanya oleh pelaburan yang mantap dalam ekonomi maju, yang menyumbang pula kepada permintaan luaran yang menggalakkan, terutamanya di negara-negara Asia;
- (iv) Berikutan keadaan permintaan yang bertambah baik, beberapa bank pusat utama menaikkan kadar dasar utama sebagai sebahagian daripada usaha untuk melakukan normalisasi ke atas dasar monetari;
- (v) Inflasi keseluruhan mencatat peningkatan manakala inflasi teras dalam sebahagian besar

ekonomi maju kekal rendah. Ini mencerminkan pertumbuhan upah yang perlahan akibat kelembapan pertumbuhan produktiviti;

- (vi) Pasaran kewangan mencatat prestasi yang kukuh, sejajar dengan kepesatan pertumbuhan ekonomi dunia. Walaupun terdapat ketidaktentuan ekoran ketegangan geopolitik, ketidaktentuan (volatility) pasaran kewangan kekal rendah;
- (vii) Keraguan mengenai proses globalisasi yang tercetus pada tahun sebelumnya sudah semakin berkurangan. Keputusan beberapa pilihan raya utama di negara-negara EU menunjukkan risiko pergolakan yang timbul daripada pergerakan kumpulan kanan adalah lebih rendah. Dalam persekitaran ini, pembuat dasar terus melaksanakan pelbagai tindakan yang termasuk pembaharuan monetari, fiskal dan struktur, bagi mencapai matlamat negara masing-masing, termasuk pengukuhan asas-asas makroekonomi untuk pertumbuhan mampan jangka sederhana.

### Pertumbuhan Ekonomi Dunia: Tertinggi Sejak 2011

Ekonomi dunia mencatat pertumbuhan tertinggi sejak tahun 2011. Unjuran pertumbuhan global oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) untuk tahun 2017 disemak dengan menaikkan kadar pertumbuhan daripada 3.4% kepada 3.7% antara bulan Oktober 2016 hingga bulan Januari 2018. Semakan menaik oleh IMF ini mengubah haluan satu rentetan panjang sebelumnya yang mengandungi sebelas semakan menurun sejak tahun 2010.

Ekonomi maju mengalami pertumbuhan ekonomi yang mantap, disokong oleh permintaan dalam negeri yang lebih kukuh. Pertumbuhan KDNK Amerika Syarikat (AS) yang bertambah baik didorong oleh perbelanjaan pengguna yang semakin meningkat, dalam keadaan pasaran pekerja yang lebih ketat dan sentimen pengguna yang lebih positif. Kewujudan peluang pekerjaan di dalam suasana pertumbuhan pekerjaan yang kukuh menghasilkan peningkatan kadar penyertaan tenaga kerja. Perkembangan ini telah menjadikan kadar pengangguran ke tahap paling rendah sejak tahun 2001.

<sup>1</sup> Petikan daripada Laporan Bank Negara 2017 yang dikeluarkan pada awal 2017 dan Laporan Ekonomi Malaysia 2017/2017 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia pada akhir 2017.




Di kawasan Euro, pertumbuhan KDNK berkembang pada kadar yang lebih tinggi dengan disokong oleh peningkatan keyakinan perniagaan dan pengguna serta keadaan pembiayaan yang menggalakkan yang membantu meningkatkan pendapatan dan perbelanjaan. Ketidakpastian yang berterusan sepanjang tahun berhubung dengan beberapa keputusan pilihan raya utama di beberapa negara kawasan Euro dan hasil rundingan Brexit memberikan sedikit kesan kepada trend menaik pertumbuhan.

**Perdagangan Dunia Dipacu Oleh Peningkatan Pelaburan Yang Menyeluruh**

Pelaburan di AS dan kawasan Euro meningkat dalam persekitaran peningkatan permintaan pengguna. Ini disokong oleh peningkatan sentimen perniagaan dan keuntungan dan hasrat untuk menambahkan stok modal sedia ada di kalangan ekonomi utama dunia. Pelaburan yang kembali aktif di negara-negara maju menjadi faktor yang mengatasi kelemahan pada tahun-tahun sebelumnya, terutamanya dalam pelaburan jentera dan peralatan di AS. Seterusnya, peningkatan pelaburan yang menyeluruh memainkan peranan yang besar dalam memacu perdagangan dunia. Hasilnya perdagangan dunia mencatat pertumbuhan tertinggi sejak tahun 2011 (4.2%). Peningkatan semula perdagangan pada tahun 2017 adalah menyeluruh dan merentas kategori produk serta pasaran. Sektor teknologi yang meningkat turut menyokong pemulihan perdagangan.

**Pertumbuhan Ekonomi Utama Asia Dibantu Oleh Pemulihan Perdagangan Dunia**

Pemulihan dalam perdagangan dunia memberi kesan positif kepada pertumbuhan di kalangan beberapa ekonomi utama Asia. Permintaan menjadi lebih tinggi untuk produk elektronik dan elektrik (E&E). Peningkatan permintaan untuk semi konduktor bagi cip memori untuk telefon pintar dan komputer peribadi menjadi penggerak utama kepada peningkatan perdagangan di Asia. Ini adalah hasil pendedahan beberapa negara di rantau ini kepada kitaran teknologi global. Pertumbuhan KDNK ekonomi-ekonomi di Asia telah menerima manfaat, sebahagiannya, daripada prestasi eksport yang mencatat pertumbuhan dua angka.



**Rajah 1.1** Pertumbuhan KDNK Dunia Dan Beberapa Negara Terpilih, 2016 Dan 2017  
 Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF)

## Permintaan Dalam Negeri Membantu Ekonomi Beberapa Negara Di Asia

Di samping persekitaran luaran yang menggalakkan, permintaan domestik juga membantu ekonomi beberapa negara di Asia. Ekonomi RR China mencatatkan pertumbuhan di dalam persekitaran pembaharuan struktur ekonomi ke arah model pertumbuhan yang diterajui penggunaan. Pendapatan isi rumah yang meningkat, khususnya di kawasan luar bandar, dan kewujudan peluang pekerjaan yang tinggi telah meningkatkan pertumbuhan penggunaan.

## Pertumbuhan Negara-Negara ASEAN Dibantu Oleh Perbelanjaan Infrastruktur Yang Lebih Tinggi

Perbelanjaan infrastruktur yang lebih tinggi oleh sektor awam dan swasta di rantau ASEAN memacu pertumbuhan ekonomi. Perbelanjaan ini menghasilkan kesan peningkatan mobiliti luar bandar dan bandar melalui kesalinghubungan pengangkutan bagi membantu pembangunan ekonomi. Sokongan fiskal yang disertai oleh langkah-langkah untuk menyokong aktiviti ekonomi isi rumah berpendapatan rendah juga menjadi pencetus tambahan kepada permintaan dalam negeri di Asia.

## Permintaan Dan Harga Komoditi Yang Bertambah Baik Meningkatkan Inflasi Global

Inflasi global meningkat pada tahun 2017 disebabkan keadaan permintaan yang bertambah baik dan harga komoditi yang kembali pulih di separuh kedua tahun 2017. Walau bagaimanapun, kadar inflasi teras kekal sederhana di kebanyakan negara. Di separuh pertama tahun 2017, trend indeks harga komoditi IMF menurun, disebabkan terutamanya oleh pengeluaran minyak shale di AS yang lebih tinggi daripada jangkaan serta peningkatan pengeluaran makanan pertanian yang memberi tekanan kepada harga komoditi. Walau bagaimanapun, indeks tersebut beralih ke trend menaik pada separuh tahun kedua berikutan kenaikan harga minyak mentah. Ianya juga adalah susulan pengumuman

oleh Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Minyak (OPEC) dan beberapa pengeksport minyak bukan OPEC untuk melanjutkan pemotongan pengeluaran minyak sehingga akhir tahun 2018. Harga minyak mentah Brent melebihi USD60 setong, iaitu harga tertinggi dalam tempoh dua tahun. Harga logam seperti tembaga, besi dan zink juga bertambah baik, disokong oleh peningkatan permintaan global, berserta usaha RR China di dalam mengurangkan lebih kapasiti. Harga komoditi pertanian, termasuk makanan, juga meningkat pada tahun 2017, mencerminkan permintaan dunia yang meningkat dalam keadaan kekurangan bekalan. Pemulihan harga komoditi pada tahun 2017 menyumbang kepada inflasi keseluruhan yang lebih tinggi dalam ekonomi maju, dengan kadar purata 1.9% pada tahun 2017 (2016: 0.8%). Trend yang serupa berlaku di beberapa ekonomi Asia, contohnya di Filipina dan Thailand, yang mengalami inflasi yang lebih tinggi disebabkan oleh peningkatan kos pengangkutan dan utiliti. Walaupun inflasi keseluruhan meningkat, keadaan inflasi teras masih rendah<sup>2</sup>.

## Tindakan Dasar Yang Berbeza Antara Negara

Walaupun pertumbuhan global kembali pulih secara serentak, pendekatan dasar monetari dalam ekonomi maju dan Asia telah mengambil haluan berbeza. Perbezaan di dalam tindakan dasar yang berbeza antara negara adalah kerana penggunaan faktor-faktor yang berlainan sebagai asas di dalam ekonomi sesebuah negara. Secara umumnya, pendirian dasar monetari dalam kalangan ekonomi maju lebih cenderung untuk melakukan normalisasi polisi monetari secara beransur-ansur. Federal Reserve AS terus bertindak melakukan normalisasi polisi monetarinya dengan menaikkan sasaran kadar dana persekutuan sebanyak tiga kali pada tahun 2017 dengan jumlah 75 mata asas untuk mengakhiri tahun itu pada julat 1.25% -1.50%. Buat pertama kalinya dalam satu dekad Bank of England telah menaikkan kadar faedah penanda arasnya sebanyak 25 mata asas sebagai tindak balas kepada kenaikan pantas kadar inflasi. European Central Bank mengurangkan kadar pembelian bulanan aset kepada EUR30 bilion sehingga bulan September 2018.

<sup>2</sup> Beberapa sebab persekitaran inflasi menjadi rendah ialah, di antaranya, meningkatnya pengaruh produk; pekerja dan pasaran modal global yang lebih bersepadu; pertumbuhan produktiviti pekerja yang rendah yang memberikan kesan terhadap upah serta peranan teknologi dalam meningkatkan kecekapan sambil menurunkan kos barangan. Walau bagaimanapun, terputusnya perkaitan antara pertumbuhan yang kukuh dengan tekanan inflasi yang rendah terus menimbulkan kerumitan bagi bank-bank pusat utama dunia. Dalam kalangan ekonomi maju, hanya United Kingdom terkecuali daripada trend ini. Penyusutan nilai paun sterling secara mendadak telah mengakibatkan kenaikan harga.

Dalam kalangan ekonomi maju persekitaran pertumbuhan ekonomi yang kukuh membolehkan proses normalisasi polisi monetari dilakukan. Sebaliknya, berbeza daripada ekonomi maju, kadar inflasi yang semakin menurun di beberapa ekonomi Asia, seperti Indonesia dan India, telah mendorong bank-bank pusat menurunkan kadar faedah dasar. Bank of Japan juga telah mengekalkan program rangsangan besar-besaran dalam usaha untuk mendorong inflasi yang lebih tinggi, setelah gagal mencapai sasaran rasminya sebanyak 2% sejak suku pertama tahun 2015.

Di samping dasar monetari, beberapa ekonomi maju juga menggunakan dasar fiskal dan struktur untuk memperkukuh asas-asas makroekonomi. Di AS, Akta Potongan Cukai dan Pekerjaan diluluskan oleh kedua-dua dewan Kongres pada 20 Disember 2017, dengan membawa perubahan besar pada kadar cukai individu dan syarikat, serta percukaian perniagaan antarabangsa. Di kawasan Euro, usaha disasarkan untuk memaksimumkan kesan pembaharuan pasaran pekerja dan produk.

Bagi memperkukuh asas-asas makroekonomi dan mempertingkatkan tahap mampan prospek pertumbuhan jangka sederhana, pembuat dasar di Asia meneruskan pembaharuan struktur. Di RR China, usaha difokuskan pada pembaharuan dasar untuk mengurangkan lebihan kapasiti dan hutang, di samping mengekalkan peralihan secara beransur-ansur ke arah model pertumbuhan yang didorong oleh penggunaan yang lebih mampan. Kerajaan China juga memperhebatkan usaha menggalakkan pelaburan di bawah Belt and Road Initiative, khususnya untuk rangkaian infrastruktur.

Beberapa negara ASEAN khususnya telah mengumumkan langkah untuk mempercepatkan pelaburan infrastruktur, dengan mengutamakan infrastruktur fizikal dan modal insan dan institusi. Langkah-langkah yang dijalankan termasuk menaik taraf rangkaian pengangkutan, meningkatkan rangka kerja perkongsian awam-swasta yang sedia ada, dan meningkatkan kadar penembusan jalur lebar. Selepas tujuh tahun pertumbuhan yang lembab berikutan Krisis Kewangan Global, peningkatan kitaran membolehkan banyak ekonomi melaksanakan pelbagai dasar untuk mencapai pertumbuhan yang lebih inklusif dan mampan.





Walaupun pertumbuhan yang kukuh dicatat pada tahun 2017, pembuat dasar terus menghadapi pelbagai cabaran termasuk peningkatan penuaan penduduk, hutang global yang lebih tinggi, gangguan teknologi dan ketidaksamaan dalam pendapatan yang semakin meningkat. Pengubahsuaian dasar secara konsisten adalah penting untuk melaksanakan pembaharuan struktur bagi meneguhkan asas-asas ekonomi.

## PRESTASI EKONOMI CHINA, INDIA DAN ASIA TENGGARA

Pertumbuhan KDNK pada harga malar di Asia Tenggara, China dan India (Emerging Asia) kekal kukuh pada tahun 2017, dengan purata pertumbuhan 6.5% (2016: 6.4%). Ekonomi China tumbuh 6.9%, lebih pantas daripada pertumbuhan di tahun 2016 (2016: 6.7%), manakala ekonomi India tumbuh 6.7%, lebih perlahan daripada pertumbuhan di tahun 2016 (2016: 7.1%). Kawasan yang digelar Emerging Asia ini dijangka tumbuh 6.6% pada 2018, berdasarkan penggunaan dan pelaburan yang umumnya kukuh. Ekonomi Asia Tenggara meningkat dengan ketara pada 2017 berbanding tahun sebelumnya, dengan kebanyakan ekonomi ASEAN memaparkan kadar pertumbuhan yang lebih tinggi.

### Ekonomi ASEAN

Ekonomi sepuluh negara ASEAN, secara keseluruhannya, tumbuh dengan kadar purata 5.3% pada 2017 (2016: 4.8%) dengan kadar pertumbuhan melebihi 6.0% di Filipina negara CLM (Kemboja, Lao PDR dan Myanmar), dan Viet Nam (Rujuk Rajah 1.2). Secara keseluruhan, kedudukan luar ekonomi Emerging Asia kekal stabil dengan baki akaun semasa yang bertambah baik dalam beberapa ekonomi di rantau ini. Data Pelaburan Asing Langsung (FDI) menunjukkan gambaran yang menggalakkan. Kadar dasar di rantau ini telah meningkat, terutamanya sebagai tindak balas terhadap peningkatan tekanan inflasi dan kelemahan mata wang tempatan dalam sesetengah ekonomi, walaupun pihak berkuasa monetari juga telah menggunakan keperluan rizab untuk mengekalkan kecairan. Sementara itu, sejumlah besar ekonomi di rantau ini menyatukan kedudukan belanjawan mereka.



**Rajah 1.2** Pertumbuhan KDNK pada harga tetap di ASEAN, China dan India, 2016-2017  
 Sumber: OECD

Cabaran terhadap prospek ini dan penyelenggaraan kadar pertumbuhan yang mantap di rantau ini terus wujud, terutama berkaitan dengan kenaikan kadar faedah, pelaburan infrastruktur dan perdagangan. Peningkatan kadar faedah dalam ekonomi maju boleh memberi kesan negatif ke atas aliran modal dan permintaan dalam negeri di rantau ini. Projek infrastruktur yang dirancang boleh membantu untuk menyokong pertumbuhan dalam jangka masa terdekat, tetapi halangan dalam pelaksanaan projek-projek untuk menepati masanya mewujudkan risiko kepada pertumbuhan. Integrasi serantau yang akan terus tercabar oleh sentimen perlindungan yang semakin meningkat di seluruh dunia.

### Ekonomi Singapura<sup>3</sup>

Pada suku ke empat 2017 ekonomi Singapura meningkat 3.6% berbanding suku ke empat tahun 2016. Berbanding suku ke tiga 2017 ia tumbuh 2.1% (Suku Ke Tiga 2017: 11.2%). Sektor perkilangan berkembang 4.8% tahun ke tahun, lembap berbanding pertumbuhan 19.1% pada suku ketiga. Pertumbuhan didorong terutamanya oleh kluster kejuruteraan elektronik dan kejuruteraan jitu (precision engineering), yang terus berkembang di atas permintaan global yang aktif untuk semikonduktor, peralatan semikonduktor, juga produk optik. Sebaliknya, kluster kejuruteraan pengangkutan dan pengilangan bioperubatan

<sup>3</sup>Rujukan: Laporan-laporan dari Ministry of Trade and Industry Singapore (MTI)

menguncup akibat prestasi lembab segmen kejuruteraan marin & luar pesisir serta pengeluaran yang lebih rendah bagi bahan farmaseutikal aktif dan produk biologi. Sektor pembinaan menguncup 5.0% tahun ke tahun, berikutan penguncupan 9.3% pada suku ketiga, terutamanya disebabkan oleh kelemahan dalam sektor kerja-kerja pembinaan swasta.

Sektor perdagangan borong & runcit tumbuh 3.0% tahun ke tahun, berbanding 3.3% pada suku ketiga. Pertumbuhan sektor ini sebahagian besarnya disokong oleh segmen perdagangan borong, yang berkembang berikutan peningkatan jualan bagi produk petroleum dan produk berkaitan petroleum, telekomunikasi & komputer dan komponen elektronik. Sementara itu, segmen perdagangan runcit berkembang dengan dibantu oleh kenaikan jumlah jualan runcit kenderaan motor dan kenderaan bukan motor.

Sektor pengangkutan dan penyimpanan mencatatkan pertumbuhan 5.3% tahun ke tahun, sama dengan pertumbuhan 5.2% pada suku ketiga. Pertumbuhan sebahagian besarnya didorong oleh segmen pengangkutan air dan pengangkutan udara, yang menyaksikan peningkatan didalam perkhidmatan kargo laut dan penumpang udara. Sektor penginapan & perkhidmatan makanan berkembang 2.9% tahun ke tahun, lebih tinggi daripada pertumbuhan 1.3% pada suku ketiga. Pertumbuhan disokong oleh segmen penginapan, yang berkembang hasil daripada peningkatan ketibaan pengunjung sebanyak 9.8%. Segmen perkhidmatan makanan juga meningkat, disokong oleh peningkatan dalam jumlah jualan di restoran, kedai makan dan tempat-tempat makan yang lain.

Pertumbuhan dalam sektor maklumat dan komunikasi mencapai 6.0% tahun ke tahun, lebih tinggi daripada 5.1% yang dicatatkan pada suku ketiga. Pertumbuhan sektor ini terutamanya disokong oleh segmen perkhidmatan IT & maklumat yang terus mendapat manfaat daripada permintaan IT yang teguh. Sektor kewangan & insurans berkembang sebanyak 6.3% tahun ke tahun, menyederhana dari pertumbuhan 7.1% pada suku ketiga. Prestasi kukuh sektor ini adalah disebabkan pertumbuhan kukuh dalam segmen pengurusan dana, dan juga berterusan pengembangan dalam pengantaraan kewangan dan segmen insurans.

Sektor perkhidmatan perniagaan mencatatkan pertumbuhan 0.4% tahun ke tahun hampir sama dengan pertumbuhan 0.5% yang dicapai pada suku ketiga. Pertumbuhan adalah disokong oleh kedua-dua perkhidmatan profesional dan segmen lain, walaupun segmen hartanah terus menguncup. Sektor perkhidmatan lain berkembang 2.7% tahun ke tahun, lebih tinggi daripada pertumbuhan 2.0% pada suku ketiga. Pertumbuhan terutamanya didorong oleh sektor pendidikan, kesihatan & perkhidmatan sosial serta seni, hiburan & rekreasi segmen.

Untuk keseluruhan tahun 2017, ekonomi Singapura meningkat sebanyak 3.6%, lebih tinggi daripada pertumbuhan 2.4% pada 2016. Sektor perkilangan berkembang 10.1%, lebih baik daripada pertumbuhan 3.7% pada 2016. Pertumbuhan sebahagian besarnya didorong oleh elektronik dan kluster kejuruteraan jitu, walaupun pembuatan bioperubatan, kejuruteraan pengangkutan dan kluster pembuatan merosot.

Sektor pembinaan merosot sebanyak 8.4%, jauh daripada pertumbuhan 1.9% pada 2016. Output dalam sektor ini terutamanya merosot akibat kelemahan dalam kerja pembinaan sektor swasta, yang menguncup sebanyak 29.1% akibat penurunan dalam pembinaan perumahan swasta dan pembinaan bangunan industri.

Industri-industri yang menjana perkhidmatan meningkat sebanyak 2.8%, lebih tinggi daripada pertumbuhan 1.4% pada 2016. Pertumbuhan disokong terutamanya oleh kewangan & insurans, perdagangan borong & runcit dan sektor pengangkutan dan penyimpanan, yang masing-masing tumbuh 4.8%, 2.3% dan 4.8%.


## EKONOMI MALAYSIA<sup>4</sup> DI TAHUN 2017

Pada tahun 2017, ekonomi Malaysia mencatatkan prestasi kukuh dengan pertumbuhan 5.9% (2016: 4.2%), disokong oleh permintaan dalam negeri yang mencerminkan peningkatan dalam perbelanjaan sektor swasta dan awam. Sama seperti ekonomi-ekonomi lain di rantau ini, Malaysia memperolehi manfaat daripada pemulihan ekonomi global yang menyeluruh dengan mencatatkan peningkatan eksport kasar paling pesat sejak tahun 2004. Kesan-kesan positif daripada keaktifan sektor luaran juga telah memberi kesan positif kepada permintaan domestik.

<sup>4</sup>Perbincangan situasi ekonomi Malaysia adalah sedutan dan ringkasan daripada analisis, telahan dan perbincangan yang terdapat di dalam Laporan Ekonomi Malaysia 2017/2018 serta Laporan Bank Negara 2017.

### Peningkatan Permintaan Dalam Negeri Dirangsang Oleh Peningkatan Eksport

Eksport kasar meningkat 18.9% pada tahun 2017 (2016: 1.2%). Prestasi yang kukuh ini adalah disebabkan oleh permintaan yang lebih tinggi daripada rakan dagang utama seperti RR China, ASEAN, Kesatuan Eropah, AS dan Jepun. Ini adalah berikutan peningkatan yang pesat dalam kitaran teknologi global, pengembangan pelaburan dalam ekonomi maju dan pemulihan harga komoditi.




**Rajah 1.3** Malaysia: Perbandingan Pertumbuhan KDNK, Permintaan Dalam Negeri dan Eksport 2003-2007, 2008-2011, 2012-2016 dan 2017

Malaysia, sebagai pengeksport semikonduktor ketujuh terbesar di dunia, menerima kesan positif daripada peningkatan pesat di dalam sektor teknologi global. Pelancaran beberapa peranti pintar jenama utama pada tahun 2017 telah mencetuskan pesanan baharu di sepanjang rantai bekalan. Peningkatan kitaran teknologi (technology upcycle) menyumbang kepada peningkatan permintaan terhadap produk E&E. Hasilnya, eksport peranti semikonduktor meningkat 23.1% pada tahun 2017 (2016: 5.2%). Persekitaran yang menggalakkan mendorong permintaan yang kukuh, khususnya daripada ekonomi serantau, dan pemulihan aktiviti pelaburan

dalam ekonomi maju. Ini turut meningkatkan eksport produk bukan E&E (18.6%; 2016: 3.0%), seperti petroleum, bahan kimia, getah serta produk besi dan keluli. Eksport komoditi pulih pada tahun 2017, selepas dua tahun, dengan mencatat pertumbuhan positif, sebahagian besarnya disokong oleh pemulihan harga komoditi utama, khususnya minyak mentah dan gas asli cecair. Di samping itu permintaan dalam negeri juga menyokong pertumbuhan pada tahun 2017, dengan asas yang kukuh serta keadaan pasaran pekerja dan sentimen yang lebih baik. Kesan positif sektor luaran ke atas sektor domestik ini telah mula kelihatan pada separuh pertama tahun 2017.

<sup>3</sup>Perubahan peratusan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP)



**Rajah 1.4** Indeks Sentimen Pengguna dan Situasi Perniagaan, 2015-2017  
 Sumber: MIER

Peningkatan permintaan luaran memberi manfaat terutamanya kepada pelaburan swasta, apabila industri-industri berorientasikan eksport dan domestik meningkatkan kapasiti, yang juga merangkumi penggantian dan perolehan jentera dan peralatan, bagi memenuhi permintaan yang lebih tinggi. Peningkatan ini memberikan manfaat langsung kepada pasaran pekerja dengan pertumbuhan guna tenaga dan upah. Faktor ini telah membantu meningkatkan perbelanjaan isi rumah. Perbelanjaan sektor awam juga menyokong pertumbuhan dengan perbelanjaan lebih tertumpu pada infrastruktur dan perkhidmatan awam. Berikutan pengembangan permintaan, import kasar mencatat pertumbuhan 19.9% (2016: 1.9%). Import yang lebih tinggi dicatatkan untuk barangan pengantara dan barangan modal, sejajar dengan eksport perkilangan yang mantap dan aktiviti pelaburan yang lebih pesat dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan.

Kesimpulannya Malaysia mendapat manfaat daripada peningkatan ekonomi global yang menyeluruh. Pelaburan penting dalam sektor perkilangan, termasuk subsektor E&E, dan infrastruktur yang kondusif seperti pengangkutan, logistik dan perkhidmatan komunikasi, membolehkan perniagaan mengambil peluang daripada peningkatan permintaan global. Wujudnya rantaian kebelakang (backward linkages) dan rantaian hadapan (forward linkages) daripada eksport

kepada pelbagai industri dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan serta hubungan yang rapat dalam ekonomi Malaysia meningkatkan kesan positif daripada pesanan eksport yang lebih tinggi. Dengan sentimen perniagaan yang bertambah baik, kesan ini juga telah mempertingkatkan aktiviti perniagaan, perbelanjaan pelaburan, pengambilan pekerja dan pertumbuhan pendapatan. Pada tahun 2017, guna tenaga meningkat selaras dengan peningkatan tenaga kerja, dengan didorong oleh pekerja berkemahiran tinggi dan sederhana.

**Jadual 1.1** Malaysia: Petunjuk Utama Ekonomi

	2016	2017
Penduduk (juta)	31.6	32.1
Tenaga Kerja (Juta)	14.7	15.0
Guna Tenaga (Juta)	14.2	14.5
Pengangguran (% Dari Tenaga Kerja)	3.4	3.4
Pendapatan Per Kapita (RM)	38,915	42,228
KDNK (Harga 2010) (RM Bil)	1,108.2	1,174.3
KNK (Harga 2010) (RM Bil)	1,084.9	1,150.8

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pertumbuhan produktiviti juga meningkat pada tahun 2017, kebanyakannya didorong oleh sektor perkilangan dan perkhidmatan. Usaha ke arah pertumbuhan yang dipacu oleh produktiviti menerbitkan kepentingan pengukuran dan pemantauan metrik dan penunjuk yang relevan untuk membantu penggubalan dasar. Bagi tujuan itu, Biro Statistik Buruh Malaysia (Malaysian Bureau of Labour Statistics, MBLS) telah ditubuhkan untuk menyepadukan pengumpulan maklumat tentang pasaran pekerja, termasuk data tentang produktiviti pekerja dan jurang kemahiran. Langkah-langkah ini bertujuan untuk memaksimumkan sumber pertumbuhan baharu ekonomi melalui peningkatan produktiviti dan kecekapan aset sedia ada.

### Prestasi Sektor-Sektor Ekonomi

Nilai ditambah **Sektor pertanian** meningkat 7.2% pada tahun 2017 (2016: -5.2%) a disokong oleh pemulihan kelapa sawit dan getah berikutan cuaca baik. Subsektor ternakan, buah-buahan dan sayur-sayuran meningkat hasil peningkatan permintaan domestik. Pada 2017, sektor pertanian pulih dengan dipacu terutamanya oleh subsektor kelapa sawit dan getah yang merangkumi 53.1% daripada sektor pertanian.

Pengeluaran kelapa sawit meningkat dengan pertumbuhan ketara pengeluaran CPO sebanyak 15.0% (2016: -13.2%). Pengeluaran CPO kembali pulih kepada 19.9 juta tan metrik berikutan hasil buah tandan segar (FFB) yang lebih tinggi pada 12.7 tan metrik sehektar (2016: -15.3%; 12.6 juta tan metrik; 11.6 tan metrik sehektar). Walau bagaimanapun, kadar perahan minyak berkurang kepada 19.7% (2016: 20.2%) disebabkan oleh hujan di beberapa negeri pengeluar utama CPO. Sehingga akhir September 2017, harga purata CPO mengukuh kepada RM2,848 setan metrik (Jan – Sep 2016: RM2,556 setan metrik) meskipun stok minyak sawit meningkat kepada 2 juta tan metrik (akhir Sep 2016: 1.5 juta tan metrik). Pada 2017, harga CPO berada pada purata RM2,700 setan metrik (2016: RM2,653 setan metrik) disokong oleh permintaan kukuh terutamanya dari China dan India.

Nilai ditambah subsektor getah meningkat 20.8% (2016: -9.7%) dengan disokong oleh harga yang lebih tinggi serta peningkatan hasil berikutan keadaan cuaca yang lebih baik. Pada 2017, pengeluaran getah meningkat 3.9% kepada 700,000 tan metrik (2016: -6.7%; 673,513 tan metrik). Subsektor ini mencatat pertumbuhan 10.8% dengan purata harga pada RM7.30 sekilogram (2016: -6.3%; RM5.68 sekilogram).

Subsektor ternakan berkembang berkembang 3.1% pada tahun 2017 (2016: 3.7%) disokong oleh program Kerajaan yang berterusan dan peningkatan permintaan isi rumah. Subsektor pertanian lain berkembang 2.4% (2016: 5.1%) disokong oleh pengeluaran buah-buahan dan sayur-sayuran yang lebih tinggi dengan disokong oleh perkembangan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) serta peningkatan permintaan buah tropika terutamanya dari China dan Timur Tengah. Sehingga Ogos 2017, sebanyak 74 TKPM telah dibangunkan di Malaysia dengan keluasan 10,914 hektar. Sementara itu, pengeluaran padi meningkat berikutan usaha menaik taraf saluran, pengairan dan jalan ladang serta penggunaan benih dan baja berkualiti di samping amalan agronomi moden.

Pada 2017, subsektor perikanan dianggarkan tumbuh sederhana 0.2% (2016: 2.2%) disokong oleh hasil akuakultur. Dalam tempoh separuh pertama 2017 subsektor perikanan merosot 2.5%

dengan pengeluaran mencatat 936,575 tan metrik (Januari – Jun 2016: 2%; 979,042 tan metrik). Pendaratan ikan laut menguncup 8.0% (2016: 5.3%) terutamanya disebabkan oleh musim tengkujuh. Walau bagaimanapun, penurunan ini diimbangi pengeluaran akuakultur yang kembali meningkat 8.9% (2016: -18.3%). Pelbagai program Kerajaan seperti zon bersepadu akuakultur dan ternakan ikan sangkar dijangka mengukuhkan lagi subsektor ini.

Nilai ditambah **sektor perlombongan** terus berkembang pada kadar sederhana sebanyak 1.0% bagi 2017 (2016: 2.1%). Pertumbuhan ini disokong oleh peningkatan pengeluaran gas asli yang mengukuh sebanyak 4.7% (Januari – Jun 2016: 1.9%) sejajar dengan peningkatan eksport ke China, Jepun dan Republik Korea serta permintaan lebih tinggi daripada industri petrokimia dalam negeri. Walau bagaimanapun, subsektor minyak mentah dan kondensat merosot<sup>5</sup> 3.7% (Januari – Jun 2016: -1.2%). Minyak Brent diniagakan lebih tinggi pada purata USD52.05 setong dalam tempoh sembilan bulan pertama 2017 (Januari – September 2016: USD42.04 setong). Pada 2017, purata harga Brent dianggarkan sekitar USD50 setong (2016: USD44.05 setong). Sektor perlombongan dijangka berkembang disokong peningkatan pengeluaran gas asli yang mengimbangi pengurangan dalam pengeluaran minyak mentah. Subsektor gas asli dijangka mendapat manfaat daripada pengkomersialan LNG Train 9 di Kompleks LNG PETRONAS, Bintulu dan Fasiliti Gas Asli Cecair Terapung PETRONAS 1.

Nilai ditambah **sektor pembuatan** mengukuh 6.0% pada 2017 (2016: 4.4%) dengan peningkatan pelbagai output dalam industri berorientasikan eksport dan domestik. Dalam tempoh lapan bulan pertama, pengeluaran meningkat 6.4%, sementara jualan produk pembuatan kembali pulih 15.6% kepada RM500.2 bilion (Januari – Ogos 2016: 4%; -0.7%; RM432.8 bilion). Output industri berorientasikan eksport berkembang 6.5% (Januari – Ogos 2016: 4.3%) diterajui oleh peningkatan dalam kitaran elektronik global dan disokong oleh permintaan tinggi bagi produk berasaskan sumber. Sementara itu, industri berorientasikan domestik meningkat 6.2% (Januari – Ogos 2016: 3.4%) hasil daripada aktiviti penggunaan dan pembinaan yang rancak.

<sup>5</sup>Ini adalah sejajar dengan komitmen Malaysia mengurangkan pengeluaran minyak sehingga 20,000 tong sehari mulai Januari 2017. Langkah ini selaras dengan perjanjian antara Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Minyak (OPEC) dan anggota bukan OPEC untuk mengurangkan pengeluaran minyak sebanyak 1.8 juta tong sehari dari Januari 2017 hingga Mac 2018 bagi menangani lebihan pengeluaran minyak global.

Nilai ditambah **sektor pembinaan** merekod pertumbuhan kukuh sebanyak 6.7% pada 2017 (2016: 7.4%) terutamanya disokong oleh aktiviti disokong oleh projek kejuruteraan awam baharu dan sedia ada khususnya dalam segmen utiliti, pengangkutan dan petrokimia. Jumlah nilai kerja pembinaan siap meningkat 10.4% kepada RM68.9 bilion melibatkan 18,977 projek (Januari – Jun 2016: 11.4%; RM62.4 bilion; 20,026 projek). Sektor swasta menyumbang 63.6% kepada jumlah nilai kerja pembinaan. Subsektor kejuruteraan awam menyumbang 35.3%, kepada jumlah nilai kerja pembinaan diikuti oleh subsektor bukan kediaman (31.0%), kediaman (28.8%) dan aktiviti pembinaan pertukangan khas (4.8%).

Nilai ditambah **sektor perkhidmatan** meningkat 6.2% pada 2017 (2016: 5.7%) dengan sokongan aktiviti penggunaan domestik. Sektor ini menyumbang 54.5% kepada KDNK (2016: 54.3%). Kumpulan perkhidmatan akhir dianggarkan berkembang 6.0% (2016: 6.0%) dengan diterajui oleh sektor perdagangan borong dan runcit serta makanan & minuman dan penginapan. Kumpulan perkhidmatan perantara tumbuh 6.4% (2016: 5.5%) disokong oleh subsektor maklumat dan komunikasi serta kewangan dan insurans. Sementara itu subsektor perkhidmatan kerajaan tumbuh 4.9% (2016: 4.9%).

### Pertumbuhan KDNK

Sehaluan dengan persekitaran ekonomi dunia Malaysia dianggarkan merekod pertumbuhan positif di dalam Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada tahun 2017. Jumlah nilai ditambah bagi tahun 2017 dianggarkan meningkat dengan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) tumbuh 5.9% pada harga malar 2010 (2016: 4.2%). Jumlah nilai ditambah bagi tahun 2017 dianggarkan meningkat ke RM1,174,329 juta (2016: RM1,108,935 juta) dalam harga malar 2010. Dalam harga semasa ianya dianggarkan bernilai RM1,353,380 juta (2016: RM1,231,020 juta). Ini menghasilkan KDNK per kapita bernilai RM36,641 pada harga malar 2010 (2016: RM35,055), iaitu meningkat 4.5%. Dalam harga semasa, KDNK per kapita meningkat ke RM42,227 (2016: RM38,914). Ini membawa kepada taraf hidup yang lebih tinggi dengan KDNK per kapita dalam ukuran pariti kuasa beli dianggarkan meningkat 5.8% ke USD28,871 (2016: USD27,292) (Sila rujuk Jadual 1.2). Anggaran Pendapatan Negeri Kasar (GNI) menghasilkan nilai RM1,304,828 juta bagi GNI pada harga semasa bagi tahun 2017 (2016: RM1,195,480). Ini menghasilkan GNI per kapita bernilai RM40,712 pada harga semasa

bagi tahun 2017 (2016: RM37,791). Dalam nilai pariti kuasa beli GNI per kapita ini dianggarkan bernilai USD28,011 (2016: USD26,523).

**Jadual 1.2** Ringkasan Prestasi Ekonomi Malaysia di Tahun 2017

UKURAN	Nilai Bagi Tahun		Pertumbuhan	
	2016	2017	2016	2017
Penduduk ('000)	31,634	32,050	1.4%	1.3%
KDNK (Harga 2010) (RM Juta)	1,108,935	1,174,329	4.2%	5.9%
KDNK per kapita (Harga 2010) (RM)	35,055	36,641	2.7%	4.5%
KDNK (Harga Semasa) (RM Juta)	1,231,020	1,353,380	6.3%	9.9%
KDNK per kapita (Harga Semasa) (RM)	38,915	42,228	4.8%	8.5%

Sumber: UPEN Johor/Laporan Ekonomi Malaysia 2017/2018

## EKONOMI NEGERI JOHOR DI TAHUN 2017

Ekonomi Negeri Johor tumbuh sederhana dan menyeluruh di semua sektor pengeluaran (kecuali di sektor Pembinaan). Permintaan domestik yang menerima kesan daripada pemulihan ekonomi dunia terus aktif. Ekonomi negeri telah mendapat manfaat daripada kelestarian ekonomi negara dengan asas-asas yang kukuh yang merangkumi ekonomi yang pelbagai serta peningkatan peranan sektor swasta sebagai pemacu pertumbuhan yang teguh. Pada 2017, ekonomi Negeri Johor dianggarkan berkembang 6.2% (2016: 5.7%). Pertumbuhan ini disokong oleh permintaan dalam negeri yang mencerminkan peningkatan dalam perbelanjaan sektor swasta dan awam.

Ekonomi negeri Johor meraih manfaat daripada pemulihan ekonomi dunia yang menyeluruh dengan peningkatan eksport kasar negara hasil permintaan yang lebih tinggi daripada rakan dagang utama negara seperti RR China, Kesatuan Eropah, AS dan Jepun, berikutan peningkatan pesat dalam kitaran teknologi global, pengembangan pelaburan dalam

ekonomi maju dan pemulihan harga komoditi. Limpahan daripada sektor luaran negara telah memperkukuh permintaan domestik negeri dengan didorong oleh asas yang kukuh serta keadaan pasaran pekerja dan sentimen yang lebih baik yang menyokong pertumbuhan di tahun 2017.

Peningkatan pesat sektor teknologi global yang disokong oleh pelancaran peranti pintar jenama utama pada tahun 2017 telah mencetuskan pesanan baharu untuk syarikat di sepanjang rantai bekalan produk ini. Peningkatan kitaran teknologi menyumbang kepada permintaan yang mantap terhadap produk E&E Malaysia dan Johor. Hasilnya, eksport negara bagi peranti semikonduktor meningkat. Hal ini turut meningkatkan eksport produk bukan E&E, seperti petroleum, bahan kimia, getah serta produk besi dan keluli. Setelah merosot selama dua tahun berturut-turut, eksport komoditi telah mencatat pertumbuhan positif yang kukuh, sebahagian besarnya disokong oleh pemulihan harga komoditi utama.

## PRESTASI SEKTOR-SEKTOR PENGELUARAN NEGERI JOHOR DI TAHUN 2017

Dari sudut pengeluaran semua sektor ekonomi negeri, kecuali sektor pembinaan, dianggarkan mencatat pertumbuhan positif pada 2017. Pertumbuhan keseluruhan diterajui oleh sektor perkhidmatan dan perindustrian. Pertumbuhan sektor perkhidmatan disokong oleh aktiviti penggunaan di subsektor perdagangan borong dan runcit, kediaman dan restoren. Pertumbuhan sederhana tinggi subsektor pengangkutan dan penyimpanan menyokong peningkatan aktiviti berkaitan perdagangan. Sektor perkhidmatan kekal sebagai penyumbang utama kepada pertumbuhan. Sementara itu sektor pembuatan tumbuh dengan disokong oleh permintaan luar untuk produk E&E manakala sektor pembinaan merosot pada kadar 6.6% dengan fenomena "property overhang" yang agak tinggi dalam tahun 2017.

### Sektor Utama

**Sektor utama menyumbang 14.3% kepada KDNK Negeri di tahun 2017 (2016: 14.1%).**

Nilai ditambah sektor utama menyumbang sebanyak 14.3% kepada KDNK negeri Johor di tahun 2017 (2016: 13.9%). Nilai ditambah sektor ini, secara keseluruhan,

dianggarkan tumbuh sebanyak 9.0% bagi keseluruhan tahun 2017 (2016: -4.0%). Pertumbuhan yang mantap ini adalah disumbangkan oleh pertumbuhan nilai ditambah sektor pertanian yang positif di dalam persekitaran ekonomi pertanian yang baik. Pertumbuhan dua digit dicatatkan oleh sektor perlombongan dan pengkuarian (15.1%), walau pun lebih perlahan daripada pertumbuhan di tahun 2016 (2016: 19.3%).

Nilai ditambah **sektor pertanian** dianggarkan meningkat pada kadar 8.8% pada tahun 2017 (2016: -4.6%), disokong oleh pemulihan tanaman kelapa sawit dan getah berikutan cuaca yang lebih baik. Subsektor berkaitan makanan seperti ternakan, buah-buahan dan sayur-sayuran meningkat hasil permintaan yang lebih kukuh. Peningkatan subsektor ini turut disokong oleh pelbagai langkah peningkatan pengeluaran makanan termasuk pembangunan projek infrastruktur pertanian dan penerusan program berimpak tinggi iaitu zon bersepadu akuakultur dan ternakan ikan sangkar. Subsektor berkaitan makanan dijangka terus menyokong pertumbuhan melalui penggunaan teknik pertanian moden dan permintaan yang lebih kukuh daripada industri pemprosesan makanan.

**Sektor perlombongan** dan kuari memberi sumbangan sekitar 0.1% hingga 0.2% pada KDNK Johor. Namun ia menunjukkan pertumbuhan positif dari tahun-tahun 2013 hingga 2017. Dengan kadar pertumbuhan sekitar 13.3% pada tahun 2014, pada dasarnya ianya dianggap sebagai pertumbuhan yang tinggi. Walau pun ianya merekodkan kadar pertumbuhan yang agak menurun sedikit pada tahun 2015 dan 2016 iaitu pada kadar masing-masing sebanyak 10.7% dan 7.7% pada harga malar 2010. Pada tahun 2017 pula, ianya menunjukkan pertumbuhan yang sederhana tinggi iaitu sebanyak 15.1%. Trend ini dijangkakan akan berterusan dengan corak yang semakin mendatar pada tahun-tahun seterusnya.

### Sektor Perindustrian

Nilai ditambah sektor perindustrian menyumbang sebanyak 39.1% kepada KDNK negeri Johor di tahun 2017 (2016: 39.6%). Nilai ditambah sektor ini, secara keseluruhan, dianggarkan tumbuh sebanyak 4.4% bagi tahun 2017 (2016: 8.4%). Pertumbuhan yang lebih perlahan ini adalah disebabkan oleh nilai ditambah sektor pembinaan yang merosot di dalam persekitaran aktiviti pembinaan yang sederhana.

Walau bagaimanapun sektor pembuatan tumbuh positif dengan kadar yang lebih tinggi, iaitu pada kadar 6.8% (2016: 5.5%).


**Sektor Perkhidmatan**

Nilai ditambah sektor perkhidmatan dianggarkan mencatat pertumbuhan 6.7% bagi tahun 2017 berbanding tahun 2016 (2016: 5.8%). Output sektor ini meningkat bagi tahun 2017 dengan menghasilkan sumbangan nilai ditambah sebanyak 47.4% kepada KDNK negeri (2016: 47.1%). Kumpulan perkhidmatan perantara meningkat disokong sektor Kewangan & Insurans, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan yang tumbuh 3.8% (2016: 2.6%). Sementara itu, nilai ditambah kumpulan perkhidmatan akhir meningkat diterajui sektor Perdagangan Borong & Runcit, Penginapan Dan Restoren yang tumbuh 9.0% (2016: 6.2%) serta sector Perkhidmatan-Perkhidmatan Lain yang tumbuh 6.1% (2016: 5.7%).

**PERGERAKAN HARGA DI NEGERI JOHOR DI TAHUN 2017**

**Harga Pengguna**

Pada peringkat Negara inflasi<sup>6</sup> keseluruhan meningkat kepada 3.7% pada tahun 2017 (2016: 2.1%). Kadar inflasi ini mengalami volatiliti dan didorong terutamanya oleh harga bahan api dalam negeri yang lebih tinggi. Kos luar negeri dan kos dalam negeri yang lebih tinggi akibat harga komoditi global yang meningkat dan gangguan bekalan makanan dalam negeri juga menyumbang kepada inflasi pada tahun 2017. Walau bagaimanapun, kadar pertukaran ringgit yang lebih kukuh sejak bulan April 2017 membantu mengawal peningkatan dalam kos pengeluaran bagi barangan dalam negeri. Inflasi asas, seperti yang diukur oleh inflasi teras, juga lebih tinggi pada tahun 2017, dengan kadar purata 2.3% (2016: 2.1%).



**Rajah 1.5** Kadar Inflasi Semenanjung Malaysia bagi Sembilan Kumpulan Perbelanjaan, 2016 dan 2017


Sama halnya di seluruh Negara, Negeri Johor secara amnya mengalami kos yang lebih tinggi yang berpunca daripada gangguan bekalan dan penyesuaian harga. Pada tahun 2017, berlaku gangguan terhadap bekalan makanan segar. Misalnya cuaca buruk di musim tengkujuh, wabak selesema burung pada bulan Februari dan laut yang bergelora pada bulan Mei. Hal ini menyebabkan inflasi bagi barangan yang harganya tidak menentu kekal tinggi secara relative. Selain itu permintaan yang secara relatifnya lebih tinggi serta kos yang lebih

tinggi pada tahun 2017 meningkatkan harga runcit, terutamanya bagi kategori makanan di luar rumah serta hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah. Makanan segera dan produk makanan berasaskan gandum, misalnya, mengalami semakan harga menaik pada tahun 2017. Keadaan-keadaan ini digambarkan secara keseluruhannya oleh IHP bagi Makanan dan Minuman yang mencatat nilai 134.2 bagi 2017 (2016: 128.3). Nilai ini adalah lebih tinggi daripada nilai-nilai indeks di negeri-negeri lain.


<sup>6</sup> Diukur oleh perubahan peratusan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP)

Beberapa kenaikan harga yang berlaku pada separuh kedua tahun 2016 memberikan kesan hingga tahun 2017. Misalnya kenaikan caj TV satelit pada Ogos 2016 dan penghapusan subsidi minyak masak pada November 2016. Kesan-kesan ini dicatatkan oleh

IHP bagi Perkhidmatan Rekreasi Dan Kebudayaan (2017: 113.9, 2016: 112.1) dan IHP bagi Makanan dan Minuman. Walau bagaimanapun menjelang hujung tahun 2017, kesan kenaikan harga ini berakhir dan kadar inflasi menjadi sederhana.




Rajah 1.6a Kadar Inflasi Negeri Johor bagi Empat Kumpulan Perbelanjaan, 2016 dan 2017



Rajah 1.6b Kadar Inflasi Negeri Johor bagi Lima Kumpulan Perbelanjaan, 2016 dan 2017

Harga minyak global yang lebih tinggi pada tahun 2017 memberikan kesan langsung terhadap harga bahan api dalam negeri. Harga petrol RON 97, petrol RON 95 dan diesel diselaraskan lebih tinggi masing-masing sebanyak 34 sen, 41 sen dan 47 sen. Kesan terhadap IHP menjadi lebih ketara oleh harga minyak yang lebih rendah pada tahun 2016. Akibatnya, IHP pengangkutan bagi negeri Johor meningkat kepada 117.2 (2016: 102.9).

Secara keseluruhannya IHP mengikut kumpulan barangan pengguna mencatatkan pergerakan yang berbeza-beza di tahun 2017. IHP tertinggi dicatatkan oleh kumpulan Makanan Dan Minuman, iaitu 134.2 (2016: 128.3). Lima kumpulan, iaitu, kumpulan Perumahan, Air, Elektrik, Gas Dan Bahanapi Lain, kumpulan Kesihatan, kumpulan Pendidikan, kumpulan Restoran & Hotel serta kumpulan Hiasan, Perkakasan Dan Penyelenggaraan Isi Rumah masing-masing mencatatkan nilai IHP yang lebih tinggi daripada nilai di tahun 2016.



Rajah 1.7 Perbandingan Kadar Inflasi Negeri-Negeri Johor, Pulau Pinang dan Selangor bagi Enam Kumpulan Perbelanjaan Terpilih, 2017

### Pertumbuhan KDNK Negeri Johor Pada Tahun 2017

Sehaluan dengan persekitaran ekonomi dunia dan ekonomi negara yang berkembang sederhana negeri Johor dianggarkan merekod pertumbuhan positif di dalam Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) di tahun 2017. Jumlah nilai ditambah negeri bagi tahun 2017 dianggarkan meningkat dengan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) tumbuh 6.2% pada harga malar 2010 (2016: 5.7%).

Jumlah nilai ditambah bagi tahun 2017 dianggarkan meningkat 6.2% ke RM111,084 juta (2016: RM104,623 juta) dalam harga malar 2010. Dalam harga semasa ianya dianggarkan bernilai RM127,157 juta (2016: RM116,876 juta). Ini menghasilkan KDNK per kapita bernilai RM30,019 pada harga malar 2010 (2016: RM28,650), iaitu meningkat 4.8%. Dalam harga semasa, KDNK per kapita meningkat ke RM34,362 (2016: RM32,005) (Sila rujuk Jadual 1.3). Ini membawa kepada taraf hidup yang lebih tinggi dengan KDNK per kapita dalam ukuran pariti kuasa beli dianggarkan meningkat ke USD23,493 (2016: USD22,446). Anggaran Pendapatan Negeri Kasar (GNI) menghasilkan nilai RM122,595 juta bagi GNI pada harga semasa bagi tahun 2017 (2016: RM113,502 juta). Ini menghasilkan GNI per kapita bernilai RM33,129 pada harga semasa

bagi tahun 2017 (2016: RM31,081). Dalam nilai pariti kuasa beli GNI per kapita dianggarkan bernilai USD22,651 (2016: USD21,798).

Jadual 1.3 Ringkasan Prestasi Ekonomi Johor di Tahun 2016-2017


UKURAN	Nilai Bagi Tahun		Pertumbuhan (%)	
	2016	2017	2016	2017
Penduduk ('000)	3,652	3,701	1.1%	1.3%
KDNK (Harga 2010) (RM Juta)	104,623	111,084	5.7%	6.2%
KDNK per kapita (Harga 2010) (RM)	28,650	30,019	4.5%	4.8%
KDNK (Harga Semasa) (RM Juta)	116,876	127,157	9.4%	8.8%
KDNK per kapita (Harga Semasa) (RM)	32,005	34,362	8.2%	7.4%

Sumber: UPEN Johor/Jabatan Perangkaan Malaysia

**Jadual 1.4** Negeri Johor: KDNK , Penduduk dan KDNK per Kapita 2010-2017

Tahun	KDNK (Harga Semasa) (RM Juta)	Jumlah Penduduk ('000)	KDNK Per Kapita (RM)
2010	74,105	3,363	22,036
2011	82,834	3,402	24,350
2012	87,510	3,440	25,442
2013	91,479	3,477	26,308
2014	98,741	3,515	28,089
2016	106,789	3,610	29,579
2016	116,876	3,652	32,005
2017	127,157	3,701	34,362

Sumber: Anggaran Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor dengan menggunakan data Jabatan Perangkaan Malaysia.



**Rajah 1.8** Johor: Trend KDNK Per Kapita (RM) Dalam Harga Semasa, 2010-2017  
Sumber: Anggaran Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor.

**Jadual 1.5** KDNK Negeri Johor Bagi Tahun 2016 dan 2017

SEKTOR	Nilai Ditambah Bagi Tahun		Pertumbuhan (%)
	2016	2017	
Sektor Utama	14,517	15,830	9.0%
Pertanian	14,034	15,274	8.8%
Perlombongan dan Pengkuarian	483	556	15.1%
Sektor Perindustrian	39,132	40,855	4.4%
Pembuatan	31,991	34,182	6.8%
Pembinaan	7,141	6,673	-6.6%
Sektor Perkhidmatan	49,401	52,686	6.6%
Utiliti, Pengangkutan, Penyimpanan & Komunikasi	12,776	13,898	8.8%
Perdagangan Borong & Runcit, Penginapan dan Restoran	13,237	14,283	7.9%
Kewangan & Insurans, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan	10,240	10,659	4.1%
Perkhidmatan-perkhidmatan Lain	4,413	4,687	6.2%
Perkhidmatan Kerajaan	8,735	9,159	4.9%
campur Duti import	1,573	1,713	8.9%
KDNK pada Harga Pembeli (2010=100)	104,623	111,084	6.2%
Jumlah Penduduk ('000)	3,652	3,701	1.3%
KDNK Per Kapita (RM)	28,650	30,019	4.8%

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

## EKONOMI WILAYAH ISKANDAR MALAYSIA DI TAHUN 2017

Pertumbuhan ekonomi wilayah Iskandar Malaysia di tahun 2017 adalah sederhana tinggi. Hanya satu sektor yang mencatatkan kemerosotan di dalam nilai ditambah, iaitu sektor pembinaan yang telah merosot 6.6% (2016: 24.0%). Lima sektor pengeluaran ekonomi wilayah Iskandar Malaysia dianggarkan tumbuh dengan kadar melebihi kadar pertumbuhan KDNK

Wilayah (5.8%). Sektor-sektor ini ialah pembuatan (6.8%), sektor Utiliti, Pengangkutan, Penyimpanan & Komunikasi (7.3%), Perdagangan Borong & Runcit, Penginapan dan Restoran (9.0%), Perkhidmatan Kerajaan (6.1%) serta Perkhidmatan Lain (6.1%). Lima sektor ini menyumbang 79.9% kepada KDNK Wilayah Iskandar Malaysia. Sektor-sektor lain yang membantu pertumbuhan di tahun 2017 ialah sektor Kewangan & Insurans, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan yang tumbuh 3.8%.

**Jadual 1.6** Prestasi Ekonomi Wilayah Iskandar Malaysia di Tahun 2017

UKURAN	Nilai Bagi Tahun		Pertumbuhan
	2016	2017	
Penduduk ('000)	2,015	2,088	3.6%
KDNK* (Harga 2010) (RM Juta)	70,339	74,942	6.5%
KDNK per kapita (Harga 2010) (RM)	34,900	35,892	2.8%
KDNK (Harga Semasa) (RM Juta)	78,083	86,369	10.6%
KDNK per kapita (Harga Semasa) (RM)	38,742	41,364	6.8%

Sumber: Anggaran Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor

Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi Iskandar Malaysia pada harga malar tahun 2010 untuk tahun 2017 dianggarkan mencatat pertumbuhan 6.5% (2016: 7.4%). Jumlah nilai ditambah bagi tahun 2017 telah meningkat ke RM74,942 juta dalam harga malar 2010 (2016: RM70,339 juta). Ini menghasilkan

KDNK per kapita wilayah bernilai RM35,892 juta pada harga malar 2010 (2016: RM34,900), iaitu meningkat 2.8%. Nilai KDNK per kapita dalam ukuran pariti kuasa beli dianggarkan meningkat ke USD28,281 (2016: USD27,171). Anggaran Pendapatan Negeri Kasar (GNI) menghasilkan nilai RM83,270 juta bagi GNI pada harga semasa bagi tahun 2017 (2016: RM75,828). Ini menghasilkan GNI per kapita bernilai RM39,880 pada harga semasa bagi tahun 2017 (2016: RM37,623). Dalam nilai pariti kuasa beli GNI per kapita dianggarkan bernilai USD27,266 (2016: USD26,386).

**Jadual 1.7** Pertumbuhan dan Sumbangan Sektor-Sektor Kepada KDNK Iskandar Malaysia, 2016 dan 2017

Sektor	Pertumbuhan		Sumbangan	
	2016	2017	2016	2017
<b>Sektor Perindustrian</b>	8.3%	4.9%	44.7%	44.0%
Pembuatan	5.6%	7.0%	37.1%	37.2%
Pembinaan	24.0%	-5.3%	7.6%	6.8%
<b>Sektor Perkhidmatan</b>	6.5%	7.7%	53.7%	54.3%

Sumber: Anggaran Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor

**Jadual 1.8** KDNK Iskandar Malaysia Bagi Tahun 2016 dan 2017

SEKTOR	Nilai Ditambah Bagi Tahun		Pertumbuhan (%)
	2016	2017	
<b>Sektor Perindustrian</b>	<b>31,428</b>	<b>32,967</b>	<b>4.9%</b>
Pembuatan	26,073	27,896	7.0%
Pembinaan	5,355	5,071	-5.3%
<b>Sektor Perkhidmatan</b>	<b>37,799</b>	<b>40,721</b>	<b>7.7%</b>
Utiliti, Pengangkutan, Penyimpanan & Komunikasi	9,662	10,511	8.8%
Perdagangan Borong & Runcit, Penginapan dan Restoran	10,001	10,959	9.6%
Kewangan & Insurans, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan	9,356	9,952	6.4%
Perkhidmatan-perkhidmatan Lain	3,434	3,695	7.6%
Perkhidmatan Kerajaan	5,346	5,605	4.9%
campur Duti import	1,112	1,254	12.8%
KDNK pada Harga Pembeli (2010=100)	70,339	74,942	6.5%
Jumlah Penduduk ('000)	2,015	2,088	3.6%
KDNK Per Kapita (RM)	34,900	35,892	2.8%

Sumber: Anggaran Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor


## TENAGA BURUH NEGERI JOHOR DI TAHUN 2017

Berdasarkan Anggaran Penduduk Semasa 2017<sup>7</sup>, Negeri Johor dianggarkan mempunyai jumlah penduduk yang kedua tertinggi di Malaysia iaitu seramai 3.7 juta pada tahun 2017, iaitu peningkatan sebanyak 1.3% (2016: 3.65 juta). Pertumbuhan yang agak perlahan telah dirasai oleh kebanyakan negeri-negeri di

Malaysia kecuali Negeri Selangor. Pertumbuhan yang perlahan dipercayai disebabkan oleh tiga faktor utama iaitu, pertama, kadar pertumbuhan semula jadi yang perlahan iaitu 12.7% pada setiap ribu penduduk. Kedua, umur mula perkahwinan yang semakin meningkat. Faktor ketiga ialah Kadar Kesuburan Umur Tertentu (ASFR) yang berkurangan dan juga Kadar Kesuburan Keseluruhan<sup>8</sup> (TFR) yang merosot bagi ethnik Cina, India dan lain-lain.

**Jadual 1.9** Kadar Kesuburan Keseluruhan (TFR) Malaysia Mengikut Etnik

	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017
Bumiputra	2.639	2.716	2.681	2.570	2.630	2.575	2.495	2.535
Cina	1.517	1.557	1.719	1.384	1.455	1.366	1.274	1.320
India	1.733	1.663	1.579	1.474	1.455	1.380	1.300	1.340
Lain-lain	1.136	1.031	1.058	0.954	0.952	0.816	0.688	0.752



**Rajah 1.9** Johor: Taburan Penduduk Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina, 2017  
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Rajah 1.9 mempamerkan rajah piramid bagi taburan penduduk negeri Johor. Rajah ini mempunyai bentuk yang mengecil di bahagian bawah, iaitu mewakili kumpulan umur 0 hingga 15 tahun. Ini bererti bahawa penduduk negeri Johor secara purata dalam jangka panjang akan menjadi semakin "tua" dan akan mengakibatkan jumlah penduduk yang semakin mengecil. Ini adalah urutan dari jangka hayat

penduduk yang semakin panjang, kadar kematian yang semakin menurun dan kadar kelahiran yang semakin rendah. Keadaan ini akan menyebabkan pertumbuhan bilangan penduduk yang berumur (ageing population) di dalam masyarakat dan seterusnya mengakibatkan kadar tanggungan (dependency rate) yang meningkat.

<sup>7</sup> Jabatan Perangkaan Malaysia

<sup>8</sup> Kadar Kesuburan Jumlah (TFR) bermaksud purata bilangan anak yang akan dilahirkan sekiranya seseorang perempuan terus hidup sehingga akhir tempoh reproduktifnya. Secara umum, sekiranya Nilai TFR dibawah paras **2.1** maka masyarakat tersebut atau satu-satu keluarga dalam jangka panjang tidak dapat memenuhi tahap "replacement level". Jika situasi ini wujud maka jumlah penduduk bagi masyarakat tersebut akan berkurangan.

Adalah didapati bahawa 53% daripada jumlah penduduk adalah lelaki dan selebihnya adalah perempuan, keadaan ini tidak banyak berbeza dengan tahun-tahun sebelumnya. Corak taburan umur pula menunjukkan bahawa pada tahun 2017 kumpulan 0-14 tahun merangkumi 24.0% (2016: 24.3%), kumpulan 15-64 tahun sebanyak 69.4% (2016: 69.2%) manakala mereka yang berumur 65 dan keatas merangkumi 6.7% (2016: 6.5%). Ini jelas menunjukkan bahawa bilangan penduduk yang berumur melebihi 65 tahun meningkat. Situasi ini perlu diambil kira di dalam sebarang pennggubalan rancangan ekonomi dan sosial.

## Migrasi

Migrasi penduduk merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi struktur sosial budaya dan ekonomi setempat. Penduduk migran di sesuatu kawasan merangkumi migran intra-negeri, migran antara-negeri dan migran bukan-warganegara. Anggaran Penduduk Semasa 2017 (Jabatan Perangkaan Malaysia) mencatatkan bahawa bahawa 9.6 % penduduk Negeri Johor pada tahun 2017 adalah terdiri migran bukan-warganegara (2016: 9.5%; 2015: 9.3%; 2014: 9.1%).

**Jadual 1.10** Johor: Migran Dalam Negeri Mengikut Strata, 2007-2016

	Peratus Migrasi Dari			
	Bandar ke Bandar	Bandar ke Luar Bandar	Luar Bandar ke Bandar	Luar Bandar ke Luar Bandar
2007-2008	76.7	9.6	5.9	7.8
2008-2009	57.1	20.0	14.3	8.6
2009-2010	47.6	8.9	21.6	21.9
2010-2011	51.8	20.3	16.4	11.5
2011-2012	52.6	12.2	15.9	19.3
2012-2013	54.0	13.0	18.7	14.3
2013-2014	54.7	14.2	18.0	13.2
2014-2015	62.5	12.5	15.9	9.1
2015-2016	62.9	25.1	4.9	7.2

Sumber: Anggaran UPEN Johor menggunakan data Jabatan Perangkaan Malaysia

Negeri Johor mengalami migrasi bersih positif pada tahun 2013 yang diikuti oleh migrasi bersih negatif pada tahun 2014 (-3.0 ribu) dan migrasi bersih yang positif (+3.7 ribu) pada tahun 2015 dan migrasi bersih yang positif pada tahun 2016 (+10.7 ribu). Penyiasatan Migrasi oleh Jabatan Perangkaan Malaysia menyenaraikan beberapa faktor yang menyebabkan berlakunya migrasi. Pertama, penduduk yang berumur di antara 1-4 tahun cenderung untuk mengikut keluarga. Kedua, penduduk berpindah tempat kerja atau memulakan pekerjaan baru, mencari kerja, berhenti kerja atau bersara. Ketiga, penduduk mencari persekitaran baru terutama di kalangan kumpulan umur 25-34 tahun. Keempat, penduduk melanjutkan pelajaran (terutama kumpulan umur 15-24 tahun) dan kelima, penghijrahan selepas perkahwinan. Fenomena ini, dalam jangka panjang, memberikan kesan kepada penawaran tenaga kerja dari aspek bilangan dan ciri-ciri tenaga buruh yang bekerja.

Jadual 1.10 mempamerkan peratus migrasi dalam negeri mengikut strata. Jelas bahawa penghijrahan antara bandar adalah paling dominan diikuti oleh penghijrahan dari luar bandar ke bandar. Keadaan ini terdorong oleh peluang pekerjaan yang tersedia di bandar. Secara langsung atau tidak langsung situasi ini memberi kesan sosial dan permintaan ke atas pelbagai perkhidmatan yang diperlukan oleh pertambahan penduduk bandar.

Corak penghijrahan masuk dan keluar penduduk yang dipamerkan sebagai Jadual 1.11 menunjukkan bahawa ramai penduduk Negeri Johor berhijrah ke Negeri Selangor dan Melaka. Sementara itu Negeri Selangor juga menjadi sumber utama penghirahan masuk ke Negeri Johor.

**Jadual 1.11** Johor: Sumber dan Destinasi Migrasi, 2013-2016

Rank	Migrasi Pada Tahun					
	2013-2014	2014-2015	2015-2016	2013-2014	2014-2015	2015-2016
	Migrasi Ke Johor dari			Migrasi Dari Johor Ke		
1	Selangor	Selangor	WPKL	Selangor	Selangor	N. Sembilan
2	Kelantan	Pahang	Selangor	Melaka	Melaka	P. Pinang
3	Pahang	Kelantan	Perak	Sarawak	Sarawak	Terengganu
4	Sabah	N. Sembilan	Sarawak	Sabah	Sabah	Melaka
5	WPKL	P. Pinang	P. Pinang	Kelantan	Kelantan	Kelantan

Sumber: Anggaran UPEN Johor menggunakan data Jabatan Perangkaan Malaysia

### Penawaran Tenaga Buruh

Kewujudan tenaga buruh mahir menjadi salah satu tarikan kepada kemasukan pelabur-pelabur dari dalam atau luar negara. Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh 2017 menunjukkan Negeri Johor menyumbang 11.2% kepada tenaga buruh Negara. Keadaan ini tidak banyak berbeza dengan situasi di tahun 2016. Johor merupakan penyumbang yang ketiga terbesar selepas Selangor dan Sabah. Jumlah tenaga buruh negeri Johor pada tahun 2017 iaitu 1.6717 juta ini merupakan peningkatan 2% (2016: 1.6391 juta, 0.4%). Anggaran Penduduk Semasa 2017 dan data siri masa dari 2010 hingga 2017 menunjukkan bahawa kadar penawaran tenaga buruh berbanding dengan jumlah penduduk yang berumur 15-64 tahun telah meningkat dengan 64.8% pada tahun 2016 kepada 65.1% pada tahun 2017. Siri data tahunan menunjukkan bahawa penawaran tenaga buruh menjadi semakin mengecil dengan kadar pertumbuhan 0.4% pada tahun 2016

hanya berbanding 0.7% pada tahun 2015. Walau bagaimanapun, kadar tersebut telah meningkat kepada 1.9% di tahun 2017.


Peningkatan yang berlaku adalah seiring dengan pertumbuhan penduduk yang memasuki pasaran buruh terutama di kalangan yang berumur 20-39 tahun. Penduduk yang berada di luar tenaga buruh adalah di atas tiga sebab utama penduduk kekal di luar tenaga buruh ialah Masih belajar (2017:42.7%, 2016:42.8%), Surirumah/tanggungjawab keluarga/masyarakat (2017:41.2%, 2016:41.6%), Sedang dan Akan Melanjutkan Pelajaran (2017:2.2%, 2016:2.2%). Sebab-sebab utama ini ada kaitan dengan kumpulan belia yang berumur 15-24 tahun dan perempuan. Pertumbuhan marginal ini juga dapat dilihat melalui perubahan Kadar Penyertaan Tenaga Buruh. Di mana Kadar Penyertaan Tenaga Buruh dari 67.1% pada tahun 2015 mengecil kepada 66.6% pada tahun 2016 tetapi ia meningkat sedikit kepada 67.0% pada tahun 2017.

**Jadual 1.12** Johor: Penawaran Tenaga Buruh Mengikut Jantina dan Kawasan 2011-2017 ('000)

	Lelaki	Perempuan	Bandar	Luar bandar	Jumlah
2011	1,010.10	484.8	1,114.00	380.9	1,494.90
2012	1,029.80	494.7	1,136.30	388.2	1,524.50
2013	1,042.80	566.0	1,226.00	382.8	1,608.80
2014	1,060.40	575.8	1,258.40	377.8	1,636.20
2015	1,051.60	581.5	1,260.00	373.1	1,633.10
2016	1,062.90	576.2	1,280.30	358.8	1,639.10
2017	1,088.60	583.1	1,327.50	344.2	1,671.70

Negeri Johor merupakan pusat pekerjaan paling penting di Malaysia. Ini disebabkan oleh aktiviti ekonomi yang sentiasa berkembang dalam pelbagai sektor ekonomi terutama di kawasan Iskandar Malaysia yang menjadi jiran kepada pusat perdagangan dan kewangan serantau, iaitu Singapura. Tenaga buruh yang disumbangkan oleh penduduk bandar meningkat dari 77.2% pada tahun 2015 kepada 78.1% pada tahun 2016 dan terus meningkat kepada 79.4% pada tahun 2017. Pertambahan penawaran ini disebabkan oleh penghijrahan dari bandar ke bandar dan dari luar bandar ke bandar yang berlaku di antara negeri dan penghijrahan dalam negeri. Sebaliknya sumbangan tenaga buruh oleh penduduk luar bandar semakin berkurangan dari tahun ke tahun.

Rajah 1.10 menunjukkan bahawa penyumbang utama tenaga kerja ialah mereka yang di dalam kumpulan umur 25 hingga 29 tahun (2017:17.2%, 2016:17.0%), diikuti oleh kumpulan umur 30 hingga 34 tahun (2017:15.8%, 2016:15.5%) dan kumpulan umur 20 hingga 24 tahun (2017:14.6%, 2016:14.7%). Taburan tenaga kerja dan tenaga bekerja pada tahun 2017 adalah sama dengan taburan pada tahun-tahun sebelumnya dengan mempamerkan corak taburan yang serupa dengan negeri-negeri lain.



**Rajah 1.10** Johor: Penawaran Tenaga Kerja dan Tenaga Bekerja 2017  
 Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Daripada taburan tenaga kerja mengikut umur yang dipamerkan sebagai Rajah 1.10, satu kesimpulan yang boleh dibuat ialah, bilangan pekerja paling tinggi bagi kumpulan umur 25-29 tahun. Ini secara tidak langsung memberikan petunjuk bahawa ramai pelajar yang telah menamatkan pendidikan tertiar memasuki pasaran buruh.

**Taburan Penduduk Bekerja Mengikut Jenis Pekerjaan**

Peningkatan/ kemerosotan penawaran buruh memberi kesan kepada jumlah penduduk yang bekerja. Jumlah penduduk yang bekerja telah menurun dari 1.582 juta kepada 1.581 juta pada tahun 2016. Ini merupakan penguncupan sebanyak 0.13%. Tetapi ia telah meningkat kepada 1.6147 juta pada tahun 2017; peningkatan tahunan 2.2%.

Dari aspek sumbangan tenaga kerja mengikut pekerjaan, Negeri Johor secara keseluruhannya adalah merupakan penyumbang utama dalam pelbagai jenis pekerjaan. Ia menduduki tempat kedua hampir di dalam semua kategori pekerjaan.

Adalah didapati bahawa tumpuan pekerjaan penduduk Negeri Johor adalah 20.9% di dalam bidang Pekerja Perkhidmatan, Pekerja Kedai dan Jurujual. Sebaliknya 16.6% terlibat dalam bidang

Operator Loji dan Mesin serta Pemasangan. Penduduk Negeri Johor yang melibatkan diri dalam bidang Kerja Pertukangan Dan Yang Berkaitan adalah seramai 13.4% manakala 12.0% dalam bidang Juruteknik dan Professional bersekutu. Keadaan ini sangat sesuai dengan penawaran dan permintaan tenaga kerja kerana Sektor Pembuatan dan Pembinaan merupakan penyumbang terbesar kepada pekerjaan penduduk.

**Jadual 1.13** Bilangan dan Peratus Penduduk Bekerja Negeri Johor Mengikut Jenis Pekerjaan


	2016		2017	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Penggubal Undang-Undang	61.6	3.9	63.5	3.9
Pegawai Kanan dan Pengurus Professional	134.1	8.5	150.4	9.3
Juruteknik dan Profesional Bersekutu	174.4	11.0	193.8	12.0
Pekerja Perkeranian	137.4	8.7	159.6	9.9
Pekerja Perkhidmatan dan Pekerja Kedai dan Jurujual	357.1	22.6	339.0	20.9
Pekerja Mahir Pertanian	50.6	3.2	54.7	3.4
Pekerja Pertukangan dan yang Berkaitan	213.8	13.5	216.1	13.4
Operator Logi dan Mesin serta Pemasang	273.5	17.3	268.8	16.6
Pekerja Asas	178.1	11.3	168.9	10.5
<b>JUMLAH</b>	<b>1,580.6</b>	<b>100.0</b>	<b>1,614.7</b>	<b>100.0</b>

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

### Kadar Pengangguran

Pada tahun 2015 kadar pengangguran di Negeri Johor ialah 3.1%, meningkat dari 2.6% di tahun 2014. Ia meningkat terus kepada 3.6% pada 2016 tetapi menurun kepada 3.4% di tahun 2017. Walau bagaimanapun keadaan dijangka akan lebih baik pada tahun 2018. Fenomena ini adalah selari dengan Jangkaan Perniagaan 2017, Jabatan Perangkaan Malaysia. Ia adalah disebabkan oleh pertambahan peluang pekerjaan di semua sektor kecuali sektor perdagangan borong dan runcit.

Pada tahun 2017, kadar pengangguran yang tertinggi adalah di kalangan kumpulan umur 15-19 tahun (2016:16.7%, 2015:15.7%). Ini diikuti oleh kumpulan umur 20 hingga 24 tahun (2016:10.4%, 2015:9.3%). Kadar pengangguran yang jelas rendah ialah di kalangan yang berumur 40 hingga 45 tahun dan keatas (di antara 0.7% - 1.0%).



**Rajah 1.11** Kadar Pengangguran Negeri Johor Mengikut Kumpulan Umur  
 Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

**Jadual 1.14** Kadar Pengangguran Negeri Johor Mengikut Lokasi dan Kumpulan, 2015-2017

2015		2016		2017	
Lokasi/ Gender	Kadar Pengangguran	Lokasi/ Gender	Kadar Pengangguran	Lokasi/ Gender	Kadar Pengangguran
Bandar	3.1	Bandar	3.4	Bandar	3.5
Luar Bandar	3.2	Luar Bandar	4.1	Luar Bandar	3.2
Lelaki	2.7	Lelaki	3.4	Lelaki	3.3
Perempuan	3.8	Perempuan	3.8	Perempuan	3.6
<b>Keseluruhan</b>	<b>3.1</b>	<b>Keseluruhan</b>	<b>3.6</b>	<b>Keseluruhan</b>	<b>3.4</b>


Sumber: Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh 2015, 2016 dan 2017 Jabatan Perangkaan Malaysia

Analisis kadar pengangguran berdasarkan Lokasi (Bandar dan Luar bandar) dan Jantina menunjukkan, secara umumnya, kadar pengangguran di bandar meningkat sebanyak 0.1 mata peratus pada tahun 2017 berbanding dengan 2016. Sebaliknya kadar pengangguran di luar bandar menurun 0.9 mata peratus pada tahun 2017 berbanding tahun sebelumnya. Kadar pengangguran di kalangan lelaki lebih rendah berbanding kadar pengangguran di kalangan perempuan sejak tahun 2015. Fenomenon ini juga berlaku di tahun-tahun sebelumnya.

**Taburan Umur Tenaga Kerja**

Dari aspek umur pekerja pula, umur purata di kalangan pekerja di Negeri Johor telah mengalami perubahan dengan umur purata pada tahun 2011,

iaitu 35.6 tahun, meningkat sedikit kepada 36.0 tahun pada 2012 dan terus meningkat kepada 36.4 di tahun 2013. Angka ini kekal pada tahun 2014. Pada tahun 2016 purata umur penduduk bekerja menurun kepada 36.5 tahun dan terus menurun kepada 36.3 tahun, disebabkan ramai pekerja yang berumur dalam lingkungan 25 hingga 29 tahun telah memasuki pasaran pekerjaan untuk menggantikan mereka yang bersara/berhenti atau memasuki pasaran pekerjaan sebagai pekerja baharu. Keadaan ini berkemungkinan akan kekal agak lama disebabkan ramai pekerja di dalam lingkungan umur persaraan akan bersara dan digantikan oleh pekerja muda. Sekiranya transisasi berterusan berlaku, maka ramai pekerja yang muda akan menggantikan pekerja yang berumur di negeri Johor dan negeri lain di Malaysia.



**Rajah 1.12** Min Umur Penduduk Bekerja 2011-2017  
 Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


**Jadual 1.15** Kadar Penyertaan Tenaga Buruh Negeri Johor (%) Mengikut Kawasan dan Kelulusan Akademik Tertinggi 2016-2017

	2016			2017		
	Lelaki	Perempuan	Disatukan	Lelaki	Perempuan	Disatukan
<b>Bandar</b>	81.2	50.7	66.8	81.0	51.1	67.0
<b>Luar Bandar</b>	82.4	47.1	66.1	84.1	46.5	67.0
<b>Rendah</b>	89.3	40.1	66.1	89.2	36.8	66.1
<b>Menengah</b>	82.7	48.5	67.3	82.3	48.3	67.3
<b>Tertiari</b>	72.7	60.9	66.6	75.6	61.9	66.6
<b>Keseluruhan</b>	<b>81.4</b>	<b>49.9</b>	<b>66.6</b>	<b>81.7</b>	<b>50.2</b>	<b>66.6</b>

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

**Kadar Penyertaan Tenaga Buruh yang berumur (15-64)**

Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh oleh Jabatan Perangkaan Malaysia bagi tahun-tahun 2010 hingga 2017 menunjukkan bahawa Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB) di Negeri Johor, secara keseluruhannya, berkisar di antara 64.0% hingga 68.5%. Walau bagaimanapun perhatian khususnya di kalangan lelaki, didapati bahawa KPTB di kalangan lelaki di Negeri Johor pada berkisar di antara 81.4% hingga 82.4%. KPBT(Lelaki) Negeri Johor mengalami puncak 82.4% pada tahun 2012 dan 2014 dan yang paling rendah pada tahun 2016 iaitu 81.4%. Pada tahun 2017 KPTB lelaki ialah 81.7%. Sementara itu, KPTB di kalangan perempuan pula berada pada puncak pada 2015 iaitu 50.9%, manakala pada tahun 2017 KPTB ialah 50.2% meningkat dari 49.9% pada tahun 2016.



**Rajah 1.13** Kadar Penyertaan Tenaga Buruh Negeri Johor 2010 – 2017 (%)  
 Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

**Jadual 1.16** Kadar Penyertaan Tenaga Buruh Negeri Johor, 2011-2017

	Kadar Penyertaan Bagi Tahun						
	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017
15-	16.5%	16.0%	17.0%	17.0%	16.7%	18.2%	17.2%
20-	72.4%	70.1%	70.3%	71.8%	71.5%	65.0%	72.5%
25-	84.6%	83.6%	84.4%	86.1%	85.3%	86.5%	86.5%
30-	80.3%	80.6%	83.4%	83.1%	82.8%	84.1%	83.5%
35-	76.6%	77.4%	79.9%	81.2%	81.0%	84.1%	81.5%
40-	74.2%	74.7%	79.6%	78.5%	79.2%	81.5%	79.6%
45-	71.8%	72.8%	77.4%	74.1%	76.9%	79.2%	73.4%
50-	64.4%	69.1%	72.9%	73.1%	70.8%	73.1%	71.0%
55-	49.3%	51.2%	54.3%	57.6%	58.4%	59.2%	54.6%
60-	33.9%	36.1%	43.0%	40.2%	36.7%	36.5%	32.9%
<b>Keseluruhan</b>	<b>64.7%</b>	<b>65.0%</b>	<b>67.4%</b>	<b>67.5%</b>	<b>67.1%</b>	<b>67.7%</b>	<b>67.0%</b>

Sumber: Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia

Melihat kepada data KPTB mengikut kumpulan umur, dengan menggunakan data dari 2011 hingga 2017, secara keseluruhan kadar tersebut mempunyai taburan yang sama, di mana kadar penyertaan tertinggi adalah pada lingkungan umur 25-29 tahun diikuti oleh mereka yang berumur 30-34 tahun. Kadar penyertaan yang tinggi di peringkat awal disebabkan oleh tenaga kerja selesai menamatkan sijil persekolahan menengah dan selesai menamatkan peringkat pendidikan tertiar. Walau bagaimanapun

faktor pertambahan penduduk yang berada di luar tenaga buruh (seperti peningkatan mereka yang berada di alam persekolahan dan Institut Pendidikan Awam dan Swasta), pertambahan bilangan mereka yang masih belajar, pertambahan mereka yang bekerja di rumah dan pertambahan golongan pesara, menyebabkan berlakunya perubahan-perubahan pada kadar penyertaan tenaga buruh bagi kumpulan umur tertentu.

**Jadual 1.17** Kadar Penyertaan Tenaga Buruh 2016 dan 2017

	Kelayakan Akademik							
	UPSR	PMR/SRP	SPM	STPM	Sijil	Diploma	Ijazah	Tiada
<b>2016</b>	61.1%	52.0%	70.5%	57.2%	87.0%	80.4%	91.2%	61.5%
<b>2017</b>	61.5%	51.8%	70.5%	56.0%	86.1%	82.1%	88.5%	59.6%

Sumber: Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh Jabatan Perangkaan Malaysia 2016 dan 2017

Kesimpulan yang boleh dibuat daripada Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB) mengikut tahap akademik ialah, pertama, pekerja-pekerja yang memiliki pendidikan sijil lanjutan atau sijil tambahan selain SPM dan STPM (Sijil, Diploma dan Ijazah) peluang pekerjaan mereka adalah bertambah terbuka atau luas, ini dapat diperhatikan melalui KPTB golongan ini telah melebihi paras 80% pada tahun 2015 dan 2016. Kedua, Kadar Penyertaan Tenaga Buruh adalah tertinggi bagi mereka yang memiliki ijazah sarjana muda dan keatas. Malah pada tahun 2015 KPBT bagi golongan ini adalah lebih tinggi, iaitu 91.0% meningkat kepada 91.2% pada tahun 2016. Dapatan yang agak ketara daripada maklumat tadi

ialah KPTB bagi mereka yang memiliki sijil PMR/SRP dan pemilik sijil STPM adalah rendah.

### Taburan Penduduk Bekerja Mengikut Sektor Ekonomi

Pada tahun 2017 jumlah penduduk yang bekerja adalah dianggarkan seramai 1.6147 juta (2016: 1.5806 juta). Ini merupakan peningkatan sebanyak 2.2% berbanding dengan penguncupan sebanyak 0.1% pada tahun 2016. Tenaga kerja yang bekerja di dalam Sektor Utama adalah merupakan yang paling kecil. Pada tahun 2017, sektor ini menyumbangkan 8.1% kepada keseluruhan tenaga kerja yang bekerja

di Negeri Johor (2016: 9.1%). Sektor kecil Pertanian, Perikanan, Ternakan dan Perhutanan menampakkan peningkatan bilangan gunatenaga. Berlaku juga peningkatan daripada bilangan dan sumbangan sektor kecil perlombongan dan kuari, iaitu 0.5% (2016:

0.3%). Ini adalah disebabkan oleh kebergantungan sektor ini kepada sektor pembinaan di kawasan Iskandar Malaysia dan kawasan Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang.

**Jadual 1.18** Anggaran Tenaga Kerja Negeri Johor Mengikut Sektor Ekonomi, 2016 dan 2017

Sektor Ekonomi	2016		2017	
	Bilangan	%	Bilangan	%
<b>Sektor Utama</b>	<b>109.5</b>	<b>9.1</b>	<b>130.0</b>	<b>8.1</b>
Pertanian, Perikanan, Ternakan dan Perhutanan	101.7	8.8	121.2	7.5
Perlombongan dan Kuari	7.8	0.3	8.8	0.5
<b>Sektor Perindustrian</b>	<b>556.0</b>	<b>34.6</b>	<b>560.5</b>	<b>34.7</b>
Pembuatan	429.5	25.1	418.8	30.0
Pembinaan	126.5	9.5	141.7	8.8
<b>Sektor Perkhidmatan</b>	<b>915.1</b>	<b>56.3</b>	<b>924.2</b>	<b>57.2</b>
Utiliti ( Elektrik, Gas dan Air)	16.8	1.0	19.9	1.2
Perdagangan Borong dan Runcit, Hotel dan Restoren	401.7	24.8	417.5	25.9
Pengangkutan, Penyimpanan dan Komunikasi	87.2	5.9	98.6	6.1
Kewangan, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan	67.1	4.6	72.3	4.5
Perkhidmatan Awam dan Sosial	342.3	19.9	315.9	19.6
<b>Jumlah Penduduk Bekerja ( 15-64)</b>	<b>1,580.6</b>		<b>1,614.7</b>	
<b>Kadar Pengangguran</b>		<b>3.6%</b>		<b>3.4%</b>

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sumbangan Sektor Perindustrian kepada keseluruhan tenaga kerja Negeri Johor pada 2017 adalah sama dengan sumbangan di tahun 2016. Penguncupan tenaga kerja adalah ketara di sektor kecil pembuatan. Sektor kecil pembuatan adalah di antara penyumbang utama kepada tenaga kerja Negeri Johor, iaitu sebanyak 30.0% (2016: 25.1%).

Sektor kecil pembinaan telah menanggung tenaga kerja seramai 141.7 ribu orang di tahun 2017 (2016:126 ribu ), peningkatan sebanyak 12.0%. Sektor kecil ini menampung pertambahan tenaga kerja pembinaan yang aktif di kawasan Iskandar Malaysia dan Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang. Secara amnya sektor kecil pembinaan menyumbang 8.8% kepada tenaga kerja Negeri Johor di tahun 2017.

Secara keseluruhannya Sektor Perkhidmatan adalah penyumbang utama kepada tenaga kerja Negeri Johor. Sejumlah 57.2% daripada keseluruhan tenaga kerja yang bekerja di Negeri Johor bekerja di sektor ini (2016:56.3%). Sektor kecil Perniagaan Borong Runcit, Hotel Dan Restoran adalah di antara penyumbang utama di mana 25.9% daripada keseluruhan tenaga kerja Negeri Johor bekerja di sektor ini (2016:24.8%).

Seperti yang tercatat di dalam Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh 2017 jumlah tenaga kerja di sektor ini mengalami sedikit peningkatan 3.9% (2016: 2.5%). Walaupun aktiviti perniagaan hotel tidak mencatatkan perubahan yang ketara, peluang pekerjaan yang ada di sektor Perniagaan Borong Dan Runcit, Hotel Dan Restoran adalah terbit daripada penyediaan infrastruktur perniagaan runcit oleh pihak swasta seperti pusat membeli belah, pasaraya besar, serta peningkatan bilangan pasaraya kecil. Di samping itu infrastruktur yang disediakan oleh kerajaan negeri melalui Majlis Bandaraya, Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah membantu pertumbuhan sektor ini. Keadaan ini juga telah dibantu oleh aktiviti gerai dan restoran yang semakin meningkat di kawasan-kawasan perumahan dan bandar-bandar baru. Pertambahan infrastruktur ini secara tidak langsung menjadi "penyelamat" kepada tenaga kerja yang diberhentikan terutama di sektor pembuatan. Ia juga membuka peluang kepada lepasan sekolah dan kolej/universiti untuk berniaga secara kecil-kecilan.

Tenaga kerja di Sektor Kecil Kewangan, Hartanah Dan Perkhidmatan Perniagaan menyumbang 4.5%, walaupun berlaku kelembapan di sektor hartanah

(2016:4.6%). Aktiviti sektor hartanah tertumpu di kawasan-kawasan perbandaran termasuk kawasan Iskandar Malaysia dan sekitarnya tetapi tidak ketara di daerah lain.

Sumbangan sektor kecil Pengangkutan, Penyimpanan Dan Komunikasi mencatatkan peningkatan sebanyak kepada 6.1% di tahun 2017 (2016: 5.9%). Walau bagaimanapun peralihan kepada sistem atas talian (online) telah mengakibatkan pengurangan pergantungan kepada tenaga kerja manusia.

Bagi Sektor-sektor Awam Dan Sosial Lain, tenaga buruh banyak tertumpu di dalam perkhidmatan pendidikan, keselamatan dan pentadbiran. Walau bagaimanapun pada tahun 2017 tenaga kerja yang bekerja di sektor-sektor ini telah mengalami penurunan sebanyak 7.7% berbanding tahun sebelumnya.

### Trend Tenaga Buruh

Jumlah tenaga buruh yang dapat disediakan oleh Negeri Johor dalam jangka panjang adalah dipengaruhi oleh jumlah penduduk, umur penduduk dan bilangan migran, tetapi migrasi bersih negatif yang dialami oleh negeri Johor selama 6 tahun memberikan impak yang besar kepada penawaran tenaga buruh. Di samping itu, sebagaimana yang dinyatakan di atas, berlakunya migrasi keluar yang berterusan dari Negeri Johor atas sebab-sebab utama seperti mengikut keluarga, pekerjaan dan persekitaran secara tidak langsung memberi impak kepada penawaran tenaga buruh negeri. Satu fenomena yang perlu diambil perhatian ialah jumlah penduduk Negeri Johor bertambah dengan kadar 1.3 % setahun pada tahun-tahun 2007-2016. Nisbah Gunatenaga kepada Penduduk serta Kadar Penyertaan Tenaga Buruh yang menurun yang secara tidak langsung akan mengurangkan sedikit penawaran gunatenaga di negeri Johor. Justeru itu, Negeri Johor akan menghadapi arah aliran gunatenaga bekerja yang berkurangan di masa hadapan berselari dengan arah aliran di luar tenaga buruh yang meningkat akibat dari ketidaktentuan dan penyediaan pekerjaan yang boleh menjamin peningkatan peluang pekerjaan. Oleh yang demikian, persiapan dari segi prasarana untuk penyediaan peluang perniagaan amatlah penting. Persiapan juga perlu di fikirkan untuk menghadapi perkerja yang semakin tua.

Beraskan data dari Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh 2017, sektor perkhidmatan terus menjadi salah satu sektor yang memberikan jumlah peluang pekerjaan yang tertinggi berbanding dengan sektor-sektor lain. Ini telah didahului oleh sektor peniagaan borong dan runcit, hotel dan restoran diikuti oleh Sektor pembuatan. Ini adalah berdasarkan kepada jangkaan keaktifan sektor pembuatan dan peruncitan, hasil dari jangkaan ekonomi negara dan wilayah sekitarnya yang lebih baik pada tahun 2017/2018 dan seterusnya. Dasar kerajaan yang ingin menjadikan Iskandar Malaysia sebagai hab ekonomi selatan mendorong kepada kerjaan Negeri Johor mengambil peluang kepada kesan hiliran yang akan berlaku kelak seperti penyediaan tenaga kerja di dalam sektor kewangan dan hartanah yang lebih luas untuk masa akan datang.

## PELABURAN KE DALAM NEGERI JOHOR DI TAHUN 2017


### Perkembangan Pelaburan Ke Dalam Negara

Pelaburan keseluruhan kekal kukuh disokong oleh perbelanjaan perkilangan dan infrastruktur yang bertambah baik. Perbelanjaan modal oleh pengilang didorong oleh permintaan luaran yang lebih baik. Pelaburan harta tanah kediaman menjadi sederhana berikutan beberapa langkah yang dilaksanakan untuk menstabilkan pasaran harta tanah. Pada tahun 2017, jumlah pelaburan bernilai RM197.1 bilion telah dicatatkan dalam sektor-sektor utama, perkilangan dan perkhidmatan (2016: RM207.9 bilion). Jumlah ini merangkumi pelaburan ke dalam 5,466 projek yang dianggarkan bakal menjana 139,520 peluang pekerjaan. Daripada jumlah ini pelaburan langsung domestik bernilai RM142.4, merangkumi 72.2%. Selebihnya ialah pelaburan langsung asing (FDI). Jumlah keseluruhan pelaburan merosot 7.4% dengan penurunan ketara 17.2% dalam pelaburan dalam sektor perkhidmatan kepada RM121.1 bilion pada 2017 (2016: RM146.2 bilion). Penurunan ini adalah akibat pengurangan nilai pelaburan dalam subsektor hartanah (28.7%) kepada RM45.7 bilion. Walau bagaimanapun bilangan projek yang diluluskan meningkat 43.1%, mencerminkan perubahan dalam strategi pelaburan yang menghala kepada pembinaan rumah-rumah bersaiz kecil. Sektor perkilangan dan sektor utama masing-masing telah mencatatkan peningkatan sebanyak 8.9% dan 51.2%. Pelaburan yang diluluskan bagi sektor perkilangan ialah sebanyak RM63.7 bilion, meningkat 8.9% (2016: RM58.5 bilion).

### Sektor Utama

Pelaburan ke dalam sektor utama meningkat 51.2% kepada RM12.4bil (2016: RM8.2bil). Pelaburan dari sumber domestik berjumlah RM8.1 bilion atau 65.3% sementara asing pelaburan menyumbang yang selebihnya, iaitu RM4.3 bilion. Subsektor


perlombongan mencatatkan pelaburan yang diluluskan sebanyak RM11.7 bilion ke dalam 32 projek, sebahagian besarnya di dalam penerokaan minyak dan gas. Ini diikuti oleh subsektor perladangan dan komoditi dengan pelaburan sebanyak RM672 juta, dan subsektor pertanian.




**2017**

- ◇ Sektor Perkhidmatan mendahului dengan pelaburan RM121.1 bil.
- ◇ Pelaburan Domestik menerajui Pelaburan Swasta

**2017**



**2016**



Rajah 1.14 Pelaburan Langsung Malaysia Mengikut Sektor dan Sumber, 2017

### Sektor Pembuatan

Lapan industri menyumbang RM58.6 bilion atau 92% kepada keseluruhan pelaburan yang diluluskan dalam sektor pembuatan. Ini merangkumi produk petroleum termasuk petrokimia dan gas asli (RM26 bilion), diikuti oleh produk E&E (RM9.7 bilion), produk mineral bukan logam (RM7.7 bilion), kelengkapan pengangkutan (RM4.8 bilion), kimia dan bahan kimia (RM4.1 bilion), jentera & peralatan (RM2.2 bilion), pembuatan makanan (RM2.1 bilion) serta peralatan saintifik & pengukuran (RM2.0 bilion). Di dalam pelaburan industri pelaburan domestik menyumbang 66.2% daripada jumlah pelaburan, manakala baki adalah pelaburan asing. Sebahagian besar pelaburan domestik merupakan projek baru (RM31.8

bilion) manakala RM10.3 bilion merupakan projek pembesaran atau pelbagaian.

Pelaburan asing terbesar sektor ini ialah dari Republik Rakyat China (RRC), Switzerland, Singapura, Belanda dan Jerman. Lima negara ini menyumbangkan RM12.1 bilion atau 56% pelaburan asing yang diluluskan pada 2017. Pada tahun 2016, pelabur asing utama ialah daripada RRC, Belanda, Jerman, UK dan Republik Korea dengan jumlah pelaburan sebanyak RM15.4 bilion. Pelaburan RRC telah merosot 18.7% kepada RM3.9 bilion pada 2017 (2016: RM4.8 bilion) walau pun ianya merupakan sumber utama FDI selama dua tahun berturut-turut. Pelaburan RRC adalah dalam pelbagai industri termasuk produk mineral bukan metalik, kelengkapan pengangkutan, produk getah dan produk E&E.

Secara amnya, sebahagian pelaburan asing adalah melibatkan projek pembesaran dan pelbagaian dalam sektor perkilangan. Ini menyumbang RM13.9 bilion, iaitu 64.4% daripada jumlah pelaburan asing yang diluluskan dalam sektor perkilangan. Kebanyakan projek melibatkan pengeluaran barangan berteknologi tinggi dan bernilai tambah tinggi. Misalnya Osram Opto Semiconductor mengembangkan operasi dengan pembukaan kemudahan semikonduktor baru, iaitu kilang cip LED termaju dengan ekosistem LED yang lengkap. Pelaburan berjumlah RM4.2 bilion itu dianggar akan menjanakan 7,790 peluang pekerjaan menjelang 2020. Projek pembesaran berjumlah RM2.6 bilion oleh Robert Bosch Malaysia untuk menghasilkan panel kluster dan modul sambungan, menambah 194 pekerjaan bernilai tambah tinggi. Sementara itu B. Braun Medical Industries mengembangkan operasi pengeluaran peralatan perubatan, pharmaceutical sterile intravenous (IV) solutions, serta instrument pembedahan dan implan menggunakan proses automatik melalui pelaburan bernilai RM1.2 bilion yang bakal mewujudkan 809 pekerjaan baru.

Projek-projek perkilangan yang diluluskan pada tahun 2017 adalah lebih berintensifkan modal. Intensiti modal, diukur oleh nisbah modal pelaburan bagi setiap pekerja (CIPE) untuk projek yang diluluskan dalam sektor perkilangan tahun lepas mencatatkan kenaikan ketara sebanyak 23.7% daripada CIPE sebanyak RM912,239 pada 2016 kepada RM1,128,742 pada tahun 2017. Terdapat 9 projek yang diluluskan dengan pelaburan bernilai sekurang-kurangnya RM1 bilion, berjumlah RM34.7 bilion atau 54.5% daripada jumlah pelaburan yang diluluskan dalam sektor ini. Bagi pelaburan bernilai RM100 juta ke atas, 80 projek telah diluluskan dengan pelaburan sebanyak RM52.4 bilion (82.3%) daripada jumlah keseluruhan pelaburan yang diluluskan dalam sektor ini.

Dari jumlah 687 projek yang diluluskan, 56,420 peluang pekerjaan telah diwujudkan. Daripada jumlah ini, 14,155 (25.1%) berada dalam kategori pengurusan, teknikal, atau penyeliaan, peningkatan sebanyak 21% daripada 2016. Sementara itu, sejumlah 9,870 (17.5%) adalah jawatan untuk pekerja mahir. Industri E&E menjana peluang pekerjaan paling tinggi dengan 10,593 pekerjaan. Ini diikuti oleh peralatan pengangkutan (9,112), dan mesin & peralatan (6,078).

### Sektor Perkhidmatan

Sektor perkhidmatan kekal sebagai penyumbang terbesar kepada jumlah pelaburan yang diluluskan, menyumbang 61.4% atau RM121.0 bilion pada 2017. Nilai pelaburan diluluskan tahun-ke-tahun untuk sektor perkhidmatan menguncup 17.2% tahun lepas namun

bilangan projek mencatatkan peningkatan sebanyak 7.7% daripada 4,392 projek yang diluluskan pada 2016 kepada 4,731 pada tahun 2017. Pelaburan domestik menduduki bahagian terbesar sektor perkhidmatan sebanyak RM92.2 bilion, manakala pelaburan asing merangkumi RM28.8 bilion. Subsektor hartanah mewakili bahagian tertinggi sebanyak RM45.7 bilion atau 37.7%, diikuti oleh pertubuhan global (RM14.0 bilion atau 11.6%), perkhidmatan kewangan (RM11.8 bilion atau 9.7%) dan perdagangan pengedaran (RM9.4 bilion atau 7.8%).

Pertubuhan global yang diluluskan pada 2017 menyumbang pelaburan sebanyak RM14.0 bilion dan menjana 2,028 peluang pekerjaan untuk Malaysia. Daripada 225 projek pembangunan global, 9 adalah projek Hab Utama (Principal Hub-PH), menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 28 projek PH yang diluluskan sejak skimitu diperkenalkan pada tahun 2015. Syarikat terkemuka dengan pertubuhan global di Malaysia termasuk Nestle, Honeywell, Lazada, Huawei, Ikea, Roland, FM Logistics, Pos Malaysia dan Integrated Device Technology. Skim ini bukan sahaja membawakomitmen perniagaan untuk jangka masa panjang, tetapi juga menggunakan perkhidmatan perbankan Malaysia, perkhidmatan kewangan dan perkhidmatan sampingan lain sambil menjana peluang pekerjaan yang berkemahiran tinggi.

Pada tahun 2017, projek PH yang diluluskan merupakan gabungan MNC besar dan kecil dengan perbelanjaan perniagaan komited sebanyak RM13.64 bilion, menggunakan perkhidmatan sampingan bernilai RM1.21 bilion. Projek-projek ini akan mewujudkan 569 peluang pekerjaan baru bernilai tinggi dengan peluang yang luas bagi pemindahan pengetahuan untuk rakyat Malaysia. Antaranya ialah syarikat asing dari Belanda, Emiriah Arab Bersatu, Jerman, Jepun dan AS yang beroperasi dalam sektor ekonomi utama seperti E&E, komoditi dan makanan & minuman. Projek PH yang diluluskan pada tahun 2017 termasuk Integrated Device Technology (IDT), peneraju global dalam industri semikonduktor; Roland, pengeluar alat muzik elektronik terkemuka di Jepun; dan IKEA, peruncit perabot terbesar yang berpusat di Belanda. Dengan penubuhan baru IDT, Malaysia akan menjadi pusat Pusat Teknologi Automotif Maju, di mana aktiviti operasi ujiannya akan dipindahkan dari Jerman ke negara ini. Ini bakal memberi manfaat kepada rakyat Malaysia dari segi pemindahan teknologi canggih dan pengetahuan. Bagi Roland, Hab Utama tersebut bakal merasionalisasikan rantaian bekalan global Kumpulan syarikatnya dengan memusatkan aktiviti perancangan, perolehan, logistik, jualan dan pemasaran dan R&D untuk mencapai sinergi dan bagi mengoptimalkan serta meningkatkan keuntungan Kumpulan. Pusat Pengedaran dan Pembekalan

Serantau IKEA di Pulau Indah, Selangor akan memberi perkhidmatan kepada 12 kedai runcit di ASEAN, yang bakal meningkat kepada 20 kedai menjelang 2026.

Tahun 2017 menyaksikan pertumbuhan positif dalam sektor perkhidmatan di kalangan subsektor yang mempunyai aktiviti nilai tambah yang relatif tinggi; khususnya perkhidmatan penjagaan kesihatan, pengangkutan, hotel & pelancongan dan perdagangan pengedaran. Pelaburan di dalam perkhidmatan penjagaan kesihatan meningkat 136.1% kepada RM445.1 juta (2016: RM188.5 juta). Antara pemain penjagaan kesihatan utama di Malaysia adalah KPJ Healthcare Berhad, IHH Healthcare Berhad (Hospital Pantai dan Gleneagles), Ramsay Sime Darby Healthcare dan Columbia Asia Malaysia.

Pelaburan yang diluluskan bagi subsektor pengangkutan meningkat 119% pada 2017 kepada RM4.5 bilion (2016: RM2.0 bilion) di mana RM4.3 bilion disumbangkan oleh pelabur domestik, dan RM237.6 juta daripada pelabur asing. Sektor penerbangan menerima pelaburan berjumlah RM596.7 juta yang melibatkan 13 projek baru manakala 1 projek pembinaan dan penyelenggaraan lebuh raya melibatkan pelaburan sejumlah RM3.7 bilion. Sementara itu 2 projek maritim melibatkan pelaburan RM180.2 juta.

Malaysia yang kian popular sebagai pasaran pelancongan mewah telah membantu meletakkan sektor pelancongan negara sebagai salah satu penyumbang besar kepada kejayaan ekonomi negara. Sebanyak 70 projek bernilai RM9.2 bilion telah diluluskan dalam subsektor ini tahun lepas. Malaysia telah menerima banyak penghargaan dalam sektor pelancongan termasuk 10 destinasi pelancongan utama di dunia oleh Euromonitor International Report 2017. Pencapaian ini menggariskan daya tarikan dan keupayaan sektor pelancongan negara.<sup>28</sup> Sektor perkhidmatan, secara keseluruhannya terus menjadi penyumbang pekerjaan terbesar dalam ekonomi yang telah mewujudkan 82,172 peluang pekerjaan pada 2017 atau 59% daripada jumlah peluang pekerjaan dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan sektor utama. Perdagangan pengedaran, syarikat status MSC, dan hotel dan pelancongan menjana 84% daripada jumlah peluang pekerjaan dalam sektor perkhidmatan.



## Pelaburan Ke Dalam Negeri Johor

Negeri Johor adalah penerima pelaburan diluluskan yang tertinggi dengan jumlah RM21.9 bilion. Ianya diikuti oleh Pulau Pinang (RM10.8 bilion), Sarawak (RM10.5 bilion), Selangor (RM5.6 bilion) dan Melaka (RM4.7 bilion). Lima negeri ini menyumbang 84% kepada jumlah pelaburan yang diluluskan pada tahun 2017.





Pada tahun 2017, MIDA telah meluluskan satu lagi projek di Pengerang Integrated Complex (PIC), sebuah kompleks penapisan dan petrokimia yang berintegrasi tinggi yang dijangka menonjolkan status Malaysia sebagai peneraju global dalam industri produk petrokimia. Ia adalah sebahagian daripada 22,000 ekar Petroleum Integrated Pengerang Complex (PIPC) dengan pelaburan yang diluluskan sebanyak USD27.2 bilion. Apabila selesai, PIC dijangka menyediakan 4,000 peluang pekerjaan. Pada akhir 2017, kemajuan pelaksanaan projek PIC adalah mengikut jadual yang ditetapkan pada iaitu 84%.

Negeri Johor telah menarik pelaburan yang sejumlah besarnya adalah ke dalam kawasan Iskandar Malaysia (Daerah Johor Bahru) dan kawasan Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang (Daerah Kota Tinggi). Pelaburan ke sektor pembuatan Negeri Johor pada tahun 2017 yang bernilai RM21,928 juta adalah lebih rendah berbanding nilai-nilai pelaburan tahunan pada tahun 2015 dan 2016. Penurunan ini adalah akibat daripada penurunan pelaburan asing (FDI) yang menurun ke RM5,103 juta (2016: RM11,195 juta). Walau bagaimanapun, jumlah pelaburan tempatan telah mencatat peningkatan ke RM16,825 juta (2016: RM15,216). (Rujuk Rajah 1.15).


Sejumlah besar pelaburan yang diluluskan pada tahun 2017 adalah bagi industri Produk Petroleum (termasuk Petrokimia) yang telah menguncup 0.6% kepada RM14,624 juta (2016: RM14,716 juta). Sementara itu pelaburan di dalam industri Kimia dan Produk Kimia telah meningkat 101.9% kepada 2,087 juta (2016: RM1,033 juta), manakala pelaburan ke dalam industri Produk Mineral Bukan Logam meningkat 164.5% kepada RM3,306 juta, (2016: RM1,250 juta). Industri-industri yang mencatatkan kemerosotan nilai pelaburan merangkumi industri Barangan Elektrik & Elektronik (E&E) (2017: RM454 juta, 2016: RM2,185.9 juta) dan industri Pembuatan Makanan (2017: RM373 juta 2016: RM652 juta). Pelaburan-pelaburan ini, sebahagian besarnya, adalah tertumpu di kawasan Iskandar Malaysia (Daerah Johor Bahru) dan Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang (Daerah Kota Tinggi) (Sila rujuk Rajah 1.16a).



**Rajah 1.15** Nilai Pelaburan (RM Juta) Di Dalam Sektor Pembuatan Negeri Johor, 2013-2017  
 Sumber: Laporan Sosioekonomi Negeri Johor, 2017



**Rajah 1.16a** Nilai Pelaburan (RM Juta) Di Daerah Johor Baru dan Kota Tinggi, 2016-2017  
 Sumber Data: Laporan Sosioekonomi Negeri Johor, 2017



Rajah 1.16b Nilai Pelaburan (RM Juta) Mengikut Daerah (Kecuali Johor Baru dan Kota Tinggi), 2016-2017  
 Sumber Data: Laporan Sosioekonomi Negeri Johor, 2017

Jadual 1.19 Projek Pembuatan Yang Diluluskan Untuk Negeri Johor Mengikut Industri; 2016 dan 2017

Industri	Pelaburan Domestik (RM Juta)		Pelaburan Asing (RM Juta)		Jumlah Pelaburan (RM Juta)	
	2016	2017	2016	2017	2016	2017
1 Makanan	64.6	278.4	587.1	94.2	651.7	372.6
2 Minuman dan Tembakau	0.0	119.3	0.0	1.4	0.0	120.7
3 Tekstil & Barangan Tekstil	380.5	44.0	46.7	0.0	427.2	44.0
4 Kayu & Produk Kayu	12.1	22.8	18.6	28.6	30.7	51.3
5 Perabot & Kelengkapan	100.8	48.2	8.8	59.0	109.6	107.2
6 Kertas, Percetakan & Penerbitan	0.0	0.0	3.0	1.8	3.0	1.8
7 Kimia & Produk Kimia	81.7	769.2	951.7	1,317.5	1,033.4	2,086.7
8 Produk Petroleum (termasuk Petrokimia)	9,960.5	14,322.1	4,755.8	302.4	14,716.3	14,624.5
9 Produk Getah	0.3	0.0	375.6	26.5	375.8	26.5
10 Produk Plastik	111.7	47.2	911.6	175.9	1,023.3	223.1
11 Produk Mineral Bukan Logam	531.7	945.6	718.0	2,360.3	1,249.8	3,305.8
12 Produk Logam Asas	57.5	3.1	282.5	0.0	340.0	3.1
13 Produk Logam Fabrik	65.9	82.9	141.1	132.1	207.0	215.0
14 Jentera dan Peralatan	27.7	21.6	238.4	44.6	266.1	66.2
15 Produk Elektrik & Elektronik	98.5	27.7	2,087.3	426.5	2,185.9	454.2
16 Peralatan Pengangkutan	31.6	56.5	0.0	10.3	31.6	66.8
17 Peralatan Sainifik dan Mengukur	29.9	0.0	68.1	64.0	98.0	64.0
18 Pelbagai	3.3	36.5	0.7	57.7	4.0	94.3
19 Gas Asli	3,657.2	0.0	0.0	0.0	3,657.2	0.0
<b>Jumlah</b>	<b>15,216</b>	<b>16,825.1</b>	<b>11,195.0</b>	<b>5,102.7</b>	<b>26,410.6</b>	<b>21,927.8</b>

Sumber: Laporan Sosioekonomi Negeri Johor, 2017



2

***PRESTASI SEKTOR  
UTAMA DAN  
SEKTOR INDUSTRI  
NEGERI JOHOR DI  
TAHUN 2017***

**LAPORAN  
EKONOMI  
2017/2018**  
NEGERI JOHOR DARUL TA'ZIM

## PRESTASI SEKTOR UTAMA DAN SEKTOR INDUSTRI NEGERI JOHOR DI TAHUN 2017

### PENDAHULUAN

Bab ini memperihalkan prestasi sektor utama dan sektor industri Negeri Johor di tahun 2017 dari aspek output sektor-sektor dengan lebih terperinci daripada yang telah diperihalkan di Bab 1. Ukuran yang digunakan untuk memperihalkan output ialah nilai output kasar dan nilai ditambah dalam Ringgit Malaysia pada harga semasa. Sumber data bagi penganggaran nilai-nilai output bagi setiap sektor adalah data sekunder yang sebahagian besarnya telah diperolehi daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, Bank Negara Malaysia, Kementerian Kewangan Malaysia, MIDA, Jabatan-Jabatan serta Agensi-Agensi Kerajaan Negeri Johor.

Pengeluaran dan nilai ditambah ekonomi Negeri Johor meningkat walaupun berhadapan dengan prestasi ekonomi luar yang tidak menentu. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada harga 2010 mencatat pertumbuhan 6.2% di tahun 2017 (2016: 5.7%). Nilai pertumbuhan ini adalah selaras dengan pertumbuhan ekonomi Malaysia yang menerima kesan daripada pertumbuhan ekonomi dunia dan perdagangan serantau yang sedikit lebih rancak daripada tahun sebelumnya. Asas ekonomi negeri adalah kukuh dengan permintaan domestik yang berdaya tahan, sumber pertumbuhan yang pelbagai, pengangguran dan inflasi yang rendah. Permintaan domestik yang mempamerkan daya tahan yang mantap menjadi peneraju utama pertumbuhan. Pelaburan swasta ke dalam Negeri Johor kekal mengatasi negeri-negeri lain walau pun dengan nilai yang lebih rendah berbanding 2016. Dari segi penawaran, pertumbuhan ekonomi negeri didahului oleh sektor perkhidmatan yang menyumbang 47.4% kepada KDNK Negeri.

### PERTUMBUHAN SEKTOR UTAMA DAN SEKTOR INDUSTRI NEGERI JOHOR DI TAHUN 2017

Pada tahun 2017, semua nilai ditambah sektor pengeluaran, kecuali sektor pembinaan, tumbuh positif dengan diterajui oleh sektor perkhidmatan dan pembuatan. Sektor utama mengalami pertumbuhan 9.0% manakala sektor perindustrian dan sektor

perkhidmatan masing-masing mencatat peningkatan yang baik, iaitu 4.4% dan 6.6% (2016: 8.4% dan 6.0%). Pertumbuhan sektor industri disumbangkan oleh sektor pembuatan negeri yang tumbuh sebanyak 6.8% (2016: 6.0%) yang mencerminkan keaktifan di dalam pengeluaran berorientasikan eksport yang merekodkan peningkatan pengeluaran sebanyak 5.6% (2016: 9.4%). Situasi ini telah dibantu oleh peningkatan 7.7% di dalam pengeluaran pengeluaran berorientasikan domestik (2016: 12.9%). Pertumbuhan permintaan dalam negeri, khususnya dalam perbelanjaan persendirian (private consumption), menyumbang kepada pertumbuhan pengeluaran subsektor pembuatan berorientasikan domestik yang memberi limpahan positif kepada pertumbuhan sektor perkhidmatan.

Sektor utama Negeri Johor mencatat pertumbuhan sebanyak 9.0% pada tahun 2017 (2016: -4.2%). Nilai ditambah sektor pertanian turut meningkat dengan kadar 8.8% di tahun 2017 (2016: -4.8%). Sementara itu, sektor perlombongan dan kuari meningkat 15.1% pada tahun 2017; berbanding dengan 19.3% di tahun 2016. Selain itu, nilai ditambah sektor perindustrian berkembang 4.4% bagi tahun 2017 (2016: 8.4%). Pertumbuhan 6.8% di sektor pembuatan pada tahun 2017 (2016: 5.5%) telah gagal dibantu oleh sektor pembinaan yang mengalami kemerosotan 6.6% (2016: 24.0%).

### PRESTASI PENGELUARAN SEKTOR UTAMA SEKTOR PERTANIAN

Pada tahun 2017 aktiviti pertanian, perhutanan dan perikanan Negeri Johor mencatatkan pertumbuhan positif di dalam nilai ditambah pada harga malar 2010 dengan sumbangan sebanyak 15.9% kepada nilai ditambah sektor pertanian negara (2016: 15.7%). Pertumbuhan ini disokong oleh peningkatan pengeluaran aktiviti "tanaman lain" yang merangkumi pengeluaran buah-buahan, sayur-sayuran dan ternakan. Negeri Johor juga terus berperanan sebagai pengeluar utama makanan negara dengan anggaran hampir 70% dari keluasan negeri yang sesuai untuk tujuan pertanian. Tanaman getah dan kelapa sawit mendominasi, dari segi keluasan tanaman, dengan kelapa sawit meliputi sekitar


83.3% dari keseluruhan keluasan tanaman. Keluasan tanaman sawit pada tahun 2017 dianggarkan di sekitar 745,630 hektar iaitu 13.0% (termasuk 67,123 hektar kawasan tanaman muda) dari keseluruhan

kawasan penanaman kelapa sawit negara dan merupakan kawasan penanaman terbesar di Semenanjung Malaysia (27.8%).

**Jadual 2.1** Sumbangan Sektor-Sektor kepada Ekonomi Negeri Johor pada Tahun 2016 dan 2017

	NILAI DITAMBAH (RM Juta) (2010=100)		SUMBANGAN (%)	
	2016	2017	2016	2017
<b>SEKTOR UTAMA</b>	<b>14,517</b>	<b>15,830</b>	<b>14.7%</b>	<b>15.1%</b>
Pertanian	14,034	15,274	14.2%	14.6%
Perlombongan & Kuari	483	556	0.5%	0.5%
<b>SEKTOR PERINDUSTRIAN</b>	<b>39,132</b>	<b>40,855</b>	<b>39.5%</b>	<b>39.0%</b>
Pembuatan	31,991	34,182	32.3%	32.7%
Pembinaan	7,141	6,673	7.2%	6.4%
<b>SEKTOR PERKHIDMATAN</b>	<b>49,401</b>	<b>52,686</b>	<b>49.92%</b>	<b>50.4%</b>
Utiliti, Pengangkutan, Penyimpanan & Komunikasi	12,776	13,898	12.9%	13.3%
Perdagangan Borong & Runcit, Penginapan dan Restoran	13,237	14,283	13.4%	13.7%
Kewangan & Insurans, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan	10,240	10,659	10.3%	10.2%
Perkhidmatan-perkhidmatan Lain	4,413	4,687	4.5%	4.5%
Perkhidmatan Kerajaan	8,735	9,159	8.8%	8.8%

Sumber: Anggaran UPEN Johor dengan menggunakan data Jabatan Perangkaan Malaysia.



**Rajah 2.1** Perbandingan Sumbangan Nilai Ditambah Sektor kepada KDNK Negeri Johor bagi tahun 2016 dan 2017

## TANAMAN UTAMA

### Kelapa Sawit

Industri sawit Malaysia menunjukkan prestasi menggalakkan pada tahun 2017. Pengeluaran minyak sawit mentah (CPO) dan buah tandan buah segar (FFB) menyaksikan peningkatan ketara selepas pemulihan dari kesan fenomena El-Nino tahun sebelumnya. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia harga minyak sawit yang lebih tinggi dan permintaan eksport yang lebih baik meningkatkan pendapatan eksport.

Pada 2017 kawasan penanaman kelapa sawit di Johor mencapai 745,630 hektar. Johor mengatasi Pahang sebagai kawasan tanaman kelapa sawit terbesar di Semenanjung Malaysia, 27.8% daripada jumlah kawasan ditanam sawit di Semenanjung Malaysia atau 13.0% daripada jumlah kawasan ditanam sawit seluruh Malaysia.

Pada tahun 2017, pengeluaran minyak sawit mentah Johor mencatatkan peningkatan sebanyak 14.5% kepada 3,142,522 tan metrik berbanding 2,745,389 tan metrik yang dicatatkan pada tahun 2016 (Jadual 2.2). Peningkatan ini adalah disebabkan oleh peningkatan di dalam FFB yang diproses. Hasil (yield) FFB telah meningkat di tahun 2017 kepada 18.70 tan sehektar berbanding 15.77 tan sehektar di tahun 2016. Kadar pengekstrakan minyak negara (OER) pada 2017 merosot 2.3% kepada 19.72% daripada 20.18% pada 2016 kerana FFB yang diproses oleh kilang-kilang berkualiti rendah. Kadar OER di Semenanjung Malaysia merosot 2.8% kepada 19.21%.

Pada tahun 2017, harga produk-produk sawit didagangkan bercampur-campur di dalam trend menurun. Harga minyak mentah diniagakan 4.9% lebih tinggi atau secara purata RM130.00 bagi satu tan kepada RM2,783.00 satu tan, berbanding dengan RM2,653.00 satu tan pada tahun 2016. Harga tertinggi yang diniagakan bagi 2107 adalah pada bulan Januari iaitu RM3,268.00 satu tan dan paling rendah pada Disember iaitu RM2,407.00 satu tan. Harga minyak mentah yang lebih tinggi tahun ini adalah disebabkan terutamanya oleh harga yang lebih kukuh di pasaran dunia untuk minyak soya (SBO) dan minyak mentah Brent. Selain itu, peningkatan permintaan minyak sawit berlaku hasil daripada harga minyak sawit yang berdaya saing berbanding produk minyak dan lemak lain.

Peningkatan pengeluaran minyak sawit mentah ini adalah disebabkan oleh peningkatan hasil buah tandan segar (BTS) yang diproses iaitu sebanyak 18.4% kepada 16.3 juta tan sehektar berbanding 13.8 juta tan sehektar yang dicatatkan pada tahun 2016. Terdapat 454 buah kilang minyak sawit yang beroperasi di seluruh negara pada tahun 2017 dengan kapasiti memproses sebanyak 112.19 juta tan setahun. Namun kadar perahan minyak (OER) menurun 2.3 peratus kepada 19.72 peratus pada tahun 2017 berbanding 20.18 peratus pada tahun sebelumnya. Rajah 2.2c mempamerkan peningkatan pengeluaran bermula dari suku pertama 2017 dan berterusan sehingga ke akhir tahun. Pengeluaran minyak isirong sawit (kernel oil) juga meningkat dengan kadar 19.0% kepada 894,010 tan metrik pada tahun 2017 daripada 751,567 tan metrik pada tahun 2016. Kuantiti eksport minyak sawit telah meningkat sebanyak 3.2 peratus kepada 16.56 juta tan pada tahun 2017 berbanding 16.05 juta tan yang dieksport pada tahun 2016 berikutan permintaan yang tinggi, terutamanya dari Arab Saudi, Iran, Pakistan dan Filipina. India masih mengekalkan kedudukannya sebagai pasaran eksport minyak sawit Malaysia terbesar buat kali ke empat berturut-turut sejak tahun 2014 dengan jumlah eksport sebanyak 2.02 juta tan atau 12.2 peratus dari jumlah keseluruhan eksport minyak sawit pada tahun 2017. Rajah 2.2b mempamerkan trend pengeluaran minyak isirong.


Jumlah eksport barangan berasaskan kelapa sawit melalui Pelabuhan Pasir Gudang pula meningkat sedikit sebanyak 6.3% kepada 2,772,289 tan metrik pada tahun 2017 daripada 2,607,075 tan metrik dieksport pada tahun 2016 (Rujuk Rajah 2.2d). Walau bagaimanapun, pada masa yang sama, jumlah eksport barangan berasaskan kelapa sawit bagi seluruh negara pula meningkat sebanyak 2.9% ke 23.97 juta tan dari 23.29 juta tan yang dieksport pada tahun 2016. Pada masa yang sama, jumlah nilai eksport juga meningkat dengan jumlah yang memberangsangkan sebanyak 14.6% ke RM77.85 billion berbanding hanya RM67.92 billion pada tahun 2016 berikutan peningkatan jumlah eksport dan peningkatan harga barangan. Pada tahun 2017 juga menyaksikan peningkatan pendapatan dari hasil eksport minyak kelapa sawit meningkat sebanyak 11.3% ke RM46.12 billion berbanding hanya RM41.44 billion pada tahun 2016.

India masih lagi mengekalkan kedudukan sebagai pasaran terbesar eksport minyak kelapa sawit negara dengan jumlah eksport minyak sawit sebanyak 2.03 juta tan metrik atau 12.2% jumlah keseluruhan eksport


minyak kelapa sawit Malaysia. Walaubagiamanapun jumlah ini merosot sebanyak 28.2% berbanding 2.83 juta tan metrik pada tahun 2016. Ini berikutan pengambilan minyak sawit yang lebih tinggi dari Indonesia sebanyak 32.8% kepada 7.05 juta tan metrik dan import minyak bunga matahari yang lebih tinggi sebanyak 42.7% kepada 2.26 juta tan pada tahun 2017.

Pada tahun 2017, harga minyak sawit mentah keseluruhan menunjukkan aliran menaik dan memberangsangkan. Harga yang lebih tinggi pada tahun ini adalah disebabkan oleh harga yang lebih kukuh di pasaran dunia untuk minyak kacang soya dan minyak mentah Brent sebagai tambahan kepada penambahan peningkatan permintaan terhadap minyak sawit yang timbul daripada daya


saing harga terhadap minyak dan lemak. Ini sedikit sebanyak telah mempengaruhi hasil pengeluaran di Negeri Johor. Dengan peningkatan harga minyak sawit, penggiat industri terutama pekebun kecil di negeri ini dapat meningkatkan produktiviti serta tahap pengurusan tanaman sawit dengan lebih sistematik termasuk penggunaan jentera perladangan dan meningkatkan pendapatan. Jumlah tanaman sawit di Johor ialah sebanyak 748,860 hektar atau 27.6% dari jumlah keseluruhan tanaman di Semenanjung Malaysia, turun sebanyak 0.2% berbanding 745,630 hektar pada tahun 2016. Kawasan tanaman muda negeri juga menurun sebanyak 1.3% kepada hanya 66,236 hektar berbanding 67,123 hektar pada tahun 2016, atau hampir 10% dari keluasan tanaman matang negeri.




Rajah 2.2a Pengeluaran Minyak Kelapa Sawit Negeri Johor, 2016-2017 ('000 tan)



Rajah 2.2b Pengeluaran Minyak Isirong Negeri Johor, 2016-2017 ('000 tan)



Rajah 2.2c Pengeluaran Tandan Buah Segar Negeri Johor, 2016-2017 ('000 tan)



Rajah 2.2d Eksport Produk Berasaskan Kelapa Sawit Negeri Johor (Pelabuhan Pasir Gudang), 2016-2017 ('000 tan)

**Jadual 2.2** Pengeluaran Minyak Sawit Mentah Negeri Johor 2015-2017


	2015	2016	Pertumbuhan 2016/15 (%)	2017	Pertumbuhan 2017/16 (%)
	Pengeluaran (tan metrik)	Pengeluaran (tan metrik)		Pengeluaran (tan metrik)	
Januari	171,725	163,841	-4.59	211810	29.28
Februari	188,325	166,663	-11.50	214747	28.85
Mac	247,856	185,974	-24.97	210002	12.92
April	282,791	200,456	-29.12	216574	8.04
Mei	291,057	207,485	-28.71	225834	8.84
Jun	287,502	229,105	-20.31	205989	-10.09
Julai	288,086	232,726	-19.22	284963	22.45
Ogos	313,321	264,981	-15.43	293140	10.63
September	299,337	280,248	-6.38	295578	5.47
Oktober	300,383	284,922	-5.15	335271	17.67
November	246,005	274,107	11.42	326891	19.26
Disember	201,231	254,881	26.66	321723	26.22
<b>Jumlah</b>	<b>3,117,619</b>	<b>2,745,389</b>	<b>-11.94</b>	<b>3142522</b>	<b>14.47</b>

Sumber: MPOB

### Getah

Tanaman getah turut menyumbang kepada nilai tambah dalam subsektor pertanian di Negeri Johor selepas kelapa sawit. Harga getah yang telah melonjak sebanyak 71.6% pada akhir Disember 2016 ke 616 sen sekilogram kekal berada di tahap tinggi

sehingga mencecah ke 798 sen sekilogram pada bulan Februari 2017. Walau bagaimanapun ianya mula menurun sehingga ke harga terendah sepanjang tahun iaitu hanya 473 sen sekilogram pada Disember 2017. Perbandingan harga getah untuk tahun 2016-2017 dipamerkan sebagai Rajah 2.3.



**Rajah 2.3** Perbandingan harga getah bulanan (sen/kilogram) bagi tahun 2016-2017

Pengeluaran getah Malaysia meningkat pada kadar pertumbuhan tahunan 10.6% kepada 880.6 ribu tan pada akhir tahun 2017. Ini disebabkan oleh harga rendah yang berpanjangan dan keadaan cuaca yang tidak menentu yang telah menjejaskan penghasilan

getah lateks pada tahun 2016. Pekebun kecil masih lagi merupakan penyumbang terbesar kepada jumlah pengeluaran negara iaitu sebanyak hampir 90%. Bilangan pekebun kecil getah di negeri Johor pada tahun 2017 ialah seramai 18,513 orang atau 5.2% dari jumlah keseluruhan pekebun kecil Malaysia.

**Jadual 2.3** Pengeluaran Getah Mentah Negeri Johor 2014-2017

Tahun	Keluasan berhasil (Hektar)	Pengeluaran (kg)	Produktiviti (kg/hektar)
2014	3,294.57	5,330,567.00	1,617.99
2015	3,066.67	4,937,942.90	1,610.20
2016	3,068.00	4,605,619.34	1,501.18
2017	3,071.00	5,026,495.00	1,636.76
Pertumbuhan 2017/2016 (%)	0.10	9.14	9.03

Jumlah eksport yang merangkumi 54.4% hasil pengeluaran getah Malaysia pula adalah stabil pada purata 50,000 tan metrik sebulan sepanjang tahun 2017. Pada tahun 2017, eksport getah meningkat 18.8% kepada 1.35 juta tan daripada 1.13 juta tan pada tahun 2016. Negara pengeksport terbesar bagi getah Malaysia adalah China, Jerman, Iran, Amerika Syarikat dan Finland.

Seperti yang yang dijangka pasaran getah Malaysia terus meningkat bermula awal Januari 2017 didorong oleh unjuran positif ke atas pasaran komoditi global. Peniaga berkata jaminan daripada ahli-ahli Pertubuhan Negara-Negara Pengeksport Petroleum (OPEC) mengenai pengurangan minyak mentah dan ringgit yang lemah berbanding dolar Amerika Syarikat akan memberi sokongan kepada pasaran getah. Ini disokong juga oleh peningkatan penjualan kenderaan global dimana Toyota Motor Corp menjangkakan bahawa jualan kenderaan global akan meningkat sebanyak satu peratus pada 2017 memberi petunjuk permintaan daripada industri kereta tinggi pada masa akan datang. Jangkaan ini dibuat berikutan dasar China yang melanjutkan pengurangan cukai ke atas kereta enjin kecil selama satu tahun akan terus mengukuhkan permintaan untuk kenderaan yang meningkat dan ini turut dijangka menyokong pasaran getah. Walau bagaimanapun jumlah eksport yang tinggi ke negara China pada awal tahun 2017 telah mengakibatkan longgokan stok getah di gudang-gudang negara tersebut berikutan jumlah permintaan yang tidak menentu dan juga peningkatan nilai Ringgit Malaysia (MRB, Jan 2018). Bagi minggu berakhir Disember 2017, dagangan meningkat tetapi bercampur-campur dengan permintaan bagi gred tayar SMR 20 kekal kukuh dengan kenaikan harga Lembaga Getah Malaysia bagi SMR 20 pada kadar 580.79 sen sekilogram berbanding 926 sen sekilogram pada tempoh yang sama tahun sebelumnya. Harga getah asli pula berada pada kadar terendah iaitu

pada kadar 473 sen sekilogram berbanding pada kadar 616 sen sekilogram pada tempoh yang sama tahun 2016.

Jumlah pengeluaran negeri Johor pada 2017 meningkat 9.14% berbanding 2016 (2017: 5,026 tan metrik, 2016: 4,606 tan metrik). Jadual 2.3 mempamerkan trend pengeluaran getah negeri Johor sejak tahun 2012. Trend peningkatan pengeluaran adalah seiring dengan pengeluaran getah negara yang berada di tahap yang tinggi pada Januari dan Februari, iaitu mencecah 86,403 tan metrik. Walau bagaimanapun jumlah pengeluaran mula merosot sehingga mencecah jumlah pengeluaran terendah negara iaitu sebanyak 43,962 tan metrik pada akhir Mei 2017. Jumlah pengeluaran getah negara meningkat semula sehingga mencecah 67,125 tan metrik pada akhir bulan Disember 2017.

Penurunan harga getah adalah disebabkan oleh penurunan hasil kutipan susu getah berikutan sentimen pasaran yang bertambah baik di tengah kebimbangan mengenai kekurangan bekalan berikutan cuaca basah dan mengekang eksport getah asli (NR) oleh negara-negara Majlis Getah Tripartit Antarabangsa (ITRC) mulai 1 Januari 2018. Penawaran hasil getah berkurangan juga adalah akibat dari tindakan penoreh yang berhenti menoreh kerana kurangnya pendapatan dari hasil getah. Oleh itu, Lembaga Getah Negeri Johor telah mengadakan Taklimat Bantuan Musim Tengkujuh pada 7 Disember 2017 dengan tujuan untuk memastikan para penoreh masih lagi terus berminat untuk menghasilkan getah berikutan hampir 90% jumlah pengeluaran adalah dari sektor pekebun kecil. Taklimat diadakan di Segamat dimana projek Program Getah Untuk Pribumi (GUP) dilaksanakan. Dalam usaha untuk meningkatkan jumlah pengeluaran getah, seperti yang diwartakan tahun 2015, Lembaga Getah Malaysia (LGM) telah menjalankan satu inisiatif Program Getah Untuk Pribumi (GUP) ini seiring dengan EPP 1 dalam NKEA untuk meningkatkan produktiviti nasional ke 2,000 kg/ha/tahun. Objektif GUP ialah untuk membimbing peserta program dalam penanaman getah melalui aktiviti pemindahan teknologi secara berterusan mengikut setiap aktiviti perladangan sepanjang tempoh program serta untuk membolehkan peserta mencapai produktiviti pengeluaran hasil torehan purata 1,500 kg/hek/tahun dalam tempoh lima tahun penorehan.

Di Johor, Kampong Segamat Kecil telah terpilih untuk mengikuti projek ini yang melibatkan kawasan seluas 16.4 hektar dan seramai 14 orang peserta. Klon-klon

yang telah dibekalkan kepada peserta adalah klon RRIM 928, RRIM 929 dan RRIM 3001. Kemajuan semasa pertumbuhan pokok getah ini telah dipantau dan di laporkan setiap suku tahun. Pada suku tahun pertama 2016, dilaporkan seorang peserta telah menarik diri ekoran kebun beliau sering diserang oleh lembu dan mencatat kerugian sebanyak 90%. Bancian ukuran lilitan batang bagi tahun ketiga di 10 buah kebun telah selesai dijalankan pada purata 29.9 sm. Topografi kebun-kebun yang dibanci adalah berbukit dengan kecuraman melebihi 15% dan purata kepadatan tanaman adalah 500 pokok sehektar. Dilaporkan, kerja-kerja penyelenggaraan kebun dilakukan mengikut jadual yang telah ditetapkan. Bancian pada umur 60 bulan pula menunjukkan tanaman getah di dua kebun peserta telah mencapai 70% ukuran lilitan melebihi 45 sm. dan telah dibuka toreh. Hasil yang diperolehi telah direkodkan mula pada November 2017. Baki 10 kebun lagi dijangka akan dibuka toreh pada tahun 2018/2019. Pencapaian ini dijangka akan merencanakan lagi pengeluaran getah di Johor dan meningkatkan pendapatan pekebun kecil getah Johor dan seterusnya meningkatkan prestasi ekonomi negeri Johor selari dengan kenaikan harga getah.

## PERIKANAN

Di Negeri Johor, terdapat tujuh daerah perikanan iaitu Muar, Batu Pahat, Pontian, dan Johor Bahru (bahagian pantai barat), dan Kota Tinggi dan Mersing (bahagian pantai timur). Hasil perikanan utama negeri Johor adalah terdiri dari hasil-hasil tangkapan ikan laut (termasuk kerang-kerangan), ikan air tawar, udang harimau/putih, ikan dalam sangkar, kupang/siput sudu dan ikan air tawar (perairan umum). Tahun 2017 mencatatkan tangkapan ikan laut mencatat pengeluaran tertinggi di antara hasil-hasil laut Negeri Johor iaitu sebanyak 115,436 tan metrik, dengan peningkatan sebanyak 42% jika dibandingkan dengan tahun 2016 (-21.4%). Ini diikuti oleh ikan air tawar iaitu 12,013 tan metrik (13.5%), ikan dalam sangkar 9,993 tan metrik (54.6%), udang harimau/putih 4,942 tan metrik (37.6%). Manakala pengeluaran ikan hiasan dianggarkan berkurang iaitu sebanyak 646 juta ekor (-7.6%) berbanding 2016 (699 ekor, -10%). (Rujuk Jadual 2.3).

Dari tahun 2015 sehingga 2016, trend nilai pengeluaran tertinggi dalam pengeluaran hasil perikanan utama Negeri Johor adalah terdiri dari tangkapan ikan laut, ikan hiasan, ikan dalam sangkar, udang harimau/putih, ikan air tawar, ikan air tawar (perairan umum)

dan kupang/siput sudu. Berdasarkan Jadual 2.3, kesemua hasil pengeluaran perikanan mengalami peningkatan nilai untuk tahun 2017 berikutan hasil tangkapan yang bertambah berbanding tahun 2016, kecuali bagi kupang/siput sudu dan ikan hiasan. Tahun 2017 menunjukkan berlaku peningkatan nilai hasil perikanan Negeri Johor. Nilai pengeluaran kupang/siput sudu telah mengalami susut nilai iaitu 26%, dengan sedikit peningkatan nilai berbanding tahun 2016 (susut nilai 35%). Ikan hiasan dianggarkan turut mengalami sedikit susut nilai dengan penurunan sebanyak 0.1%.

Kuantiti eksport hasil perikanan utama di negeri Johor pada 2017 dijangka mengalami perubahan nilai eskport yang positif jika dibandingkan dengan tahun 2016. Kuantiti eksport tangkapan ikan laut dianggarkan 36,201.23 tan metrik, diikuti ikan diproses (20,661.05 tan metrik), ikan akuarium/hiasan (16,466,342 juta ekor), ikan air tawar/payau (3,341.54 tan metrik) dan udang harimau/putih (1,061.44 tan metrik). Ikan diproses mencatatkan perubahan kuantiti eksport terbesar pada tahun 2017 dengan peningkatan sebanyak 25% berbanding tahun 2016 (-1.44%), diikuti tangkapan ikan laut (24.3%) (Rujuk Jadual 2.4).

Tangkapan ikan laut menjadi penyumbang terbesar kepada nilai eskport hasil perikanan Johor iaitu sebanyak 47% (RM209,786 juta) diikuti ikan diproses, 33% (RM149,999). Manakala nilai eksport bagi ikan air tawar, ikan akuarium/hiasan dan udang harimau/udang putih mengalami peratusan yang rendah berbanding hasil perikanan utama Johor yang lain, dengan masing-masing menyumbang sebanyak 10% (RM46,213 juta), 6% (RM25,111 juta) dan 4% (RM16,665 juta).

Secara keseluruhannya, peningkatan pengeluaran hasil perikanan, eksport dan nilai eksport berlaku dalam sektor perikanan utama negeri Johor bagi tahun 2017. Ini adalah disebabkan oleh beberapa tindakan oleh kerajaan. Untuk membangunkan sektor perikanan, pusat pengumpulan dan pengedaran ikan dipertingkatkan bagi memenuhi permintaan ikan, terutamanya pada musim tengkujuh. Pengumpulan boleh dibuat bermula pada musim ikan banyak iaitu sekitar bulan April sehingga September setiap tahun. Teknologi Individual Quick Freezing (IQF) digunakan untuk memastikan pembekuan stok ikan adalah segar dan mampu bertahan sehingga setahun. Buat masa ini, pusat sedia hanya wujud di Selayang (Selangor), Kuala Kedah dan Kuala Besut (Terengganu).


**Jadual 2.4** Pengeluaran dan Eksport Hasil Perikanan Utama Negeri Johor, 2016 – 2017

PENGELUARAN	2016		2017		Perubahan (%)	
	Kuantiti (Tan Metrik)	Nilai (RM juta )	Kuantiti (Tan Metrik)	Nilai (RM juta )	Kuantiti (Tan Metrik)	Nilai (RM juta )
Udang Harimau/ Udang Putih	3,591.00	69.647	4,941.78	76.75	37.6	10.2
Ikan dalam Sangkar	6,462.14	116.14	9,992.58	121.66	54.6	4.8
Kupang/ Siput Sudu	1,665.84	3.16	1,705.94	2.35	2.4	-25.6
Ikan Air Tawar	10,582.42	52.05	12,013.16	52.18	13.5	0.2
Ikan Air Tawar (Perairan Umum)	618.4	9.02	801.03	9.53	29.5	5.6
Tangkapan Ikan Laut	81,224	715.42	115,436	755.17	42.1	5.6
Ikan Hiasan (Juta ekor)	699	287	646	286.70	-7.6	-0.1

EKSPORT	2016		2017		Perubahan (%)	
	Kuantiti (Tan Metrik)	Nilai (RM'000 )	Kuantiti (Tan Metrik)	Nilai (RM'000)	Kuantiti (Tan Metrik)	Nilai (RM'000)
Udang Harimau/ Udang Putih	1,028.52	16,172	1,061.44	16,665	3.2	3.0
Ikan Air Tawar/ Air Payau	3,042.29	44,181	3,341.54	46,213	9.8	4.6
Tangkapan Ikan Laut	29,123.85	169,062	36,201.23	209,786	24.3	24.1
Ikan diproses	16,526.97	120,816	20,661.05	149,999	25.0	24.2
Ikan Akuarium/Hiasan ( '000 ekor)	15,349,761	21,592	16,466,342	25,111	7.3	16.3

Sumber: Anggaran menggunakan data Jabatan Perikanan Malaysia



**Rajah 2.4** Anggaran Nilai Eksport (RM Juta) Hasil Perikanan Utama Negeri Johor 2017

## TERNAKAN

Nilai ditambah subsektor ternakan mengalami trend peningkatan berikutan peningkatan ketara pada tahun sebelumnya. Program-program pembangunan industri ternakan yang dilaksanakan kerajaan menjadikan Johor sebagai negeri yang memberi paling banyak sumbangan terhadap sektor ternakan utama. Ternakan ayam/itik di Johor merupakan pemacu kepada industri ternakan di Malaysia. Diikuti oleh negeri Perak yang menerajui perternakan itik. Kebanyakan ternakan adalah untuk kegunaan domestik dan untuk eksport ke Singapura. Pengeluaran

ayam/itik yang merupakan penyumbang terbesar (sebanyak 93%) untuk subsektor ini menurun sedikit sebanyak 1.8% sementara pengeluaran ternakan lain pula adalah bercampur-campur. Sementara itu, aktiviti ternakan merupakan subsektor ketiga terbesar di Johor. Pada tahun 2017, subsektor tersebut mencatatkan pertumbuhan 5.7 peratus berbanding 4.5 peratus pada tahun 2016 didorong oleh aktiviti ayam & itik serta lembu & kerbau. Kedua-dua aktiviti tersebut menyumbang 75.8 peratus daripada keseluruhan aktiviti ternakan di Johor. Jadual 2.5 menunjukkan jumlah pengeluaran ternakan mengikut jenis di negeri Johor dalam tan metrik.

**Jadual 2.5** Pengeluaran Ternakan Mengikut Jenis di Negeri Johor (Bilangan), 2012- 2017

Jenis Ternakan	Kuantiti					
	2012	2013	2014	2015	2016	2017
Ayam/Itik	442,902	435,173	451,477	457,499	449,065	468,534
Lembu/ Kerbau	5,777	5,866	5,783	5,760	5,761	5,659
Kambing/ Bebiri	164	166	139	146	132	121
Ternakan Lain	28,495	27,298	27,033	29,391	30,960	24,924
<b>Jumlah</b>	<b>477,339</b>	<b>468,503</b>	<b>484,432</b>	<b>492,796</b>	<b>481,910</b>	<b>489,238</b>

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor

Jumlah ternakan lain di dalam Jadual 2.5 merangkumi jumlah ternakan babi, burung unta, puyuh dan rusa. Keseluruhan jumlah pengeluaran ternakan Negeri Johor meningkat sebanyak 11.2%. Jumlah ini masih lagi dipengaruhi oleh jumlah pengeluaran burung puyuh yang terus meningkat pada tahun 2017. Jumlah pengeluaran burung puyuh negeri Johor meningkat sebanyak 13.8% pada tahun 2017 (1,713,580 ekor pada tahun 2017) berbanding hanya 1,505,860 ekor pada akhir tahun 2016). Walau bagaimanapun, ianya tidak menambah pada jumlah tan metrik kerana beratnya yang kurang signifikan.

Nilai eksport hasil ternakan di negeri Johor pula mengalami pertumbuhan bercampur-campur pada tahun 2017 ini. Nilai eksport komoditi ternakan negeri

Johor yang merangkumi ayam hidup, itik hidup dan telur secara keseluruhannya menurun sebanyak 5.7% kepada RM693.88 juta pada tahun 2017 berbanding RM735.42 juta pada tahun 2016. Walau bagaimanapun nilai eksport itik hidup meningkat sedikit sebanyak 7.5% pada tahun 2017 berbanding tahun 2016. Ini berikutan bertambahnya permintaan dari negara jiran seperti Singapura dan Indonesia pada ketika itu. Walau bagaimanapun, berikutan tersebarnya penyakit virus burung, kerajaan Indonesia mengeluarkan perintah pemberhentian eksport daging itik dari Malaysia. Sementara itu, nilai eksport telur ayam pula menurun sebanyak 10.4%. Ini kerana meningkatnya permintaan terhadap sumber protein alternatif iaitu telur itik.

**Jadual 2.6** Eksport Ternakan Utama Negeri Johor, 2012-2017

Jenis Ternakan	Nilai (RM'000)					
	2012	2013	2014	2015	2016	2017
Ayam Hidup	429,437	452,482	471,686	462,760	433,241	415,186
Itik Hidup	26,433	77,987	213,899	183,831	44,090	47,397
Telur ayam	100,504	167,553	168,894	205,399	258,086	231,296

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor, Malaysia

Adalah dijangka sektor ternakan negeri Johor akan lebih memberangsangkan berikutan halatuju industri ternakan negeri untuk tempoh lima tahun (2016-2020) telah pun bermula. Di antaranya ialah sasaran 5% bagi kenaikan populasi ternakan bagi ternakan lembu, rusa, bebiri dan kambing menjelang tahun 2020. Sementara itu populasi ternakan kerbau pula disasarkan meningkat 10% menjelang 2020. Jabatan Pertanian Negeri Johor juga meningkatkan pengkhususan untuk projek tenusu iaitu sebanyak 8,592 ekor lembu pada tahun 2016 dan dijangka akan meningkat sebanyak 5% pada tahun 2020. Usaha ini mensasarkan janaan kenaikan pengeluaran tenusu sebanyak 40% atau 10 juta liter setahun. Ini dianggarkan dicapai berikutan beberapa projek pembangunan yang dirancang untuk dijalankan pada tahun 2018, termasuk membina pusat pengumpulan (tahanan) bagi mengatasi masalah lembu berkeliaran di Mersing, membangunkan pusat jualan Agrovet dan lelongan ternakan di Lot 1368, Mukim Sg Segamat, Segamat, membangunkan rumah sembelih ruminan negeri di Lot PTD3357, Mukim Jementah, Segamat, dan menternak lembu dan rusa di Agromix Farm.

## PERHUTANAN

Negeri Johor merupakan negeri ke tiga terbesar di Semenanjung Malaysia selepas Pahang dan Perak. Sehingga Disember 2017, adalah dianggarkan terdapat hanya 23.6% (449,212 hektar dari jumlah keluasan tanah iaitu 1,901,600 hektar) kawasan berhutan di negeri Johor berbanding hampir separuh bagi negeri Pahang, Perak dan Kelantan. Jumlah hutan kekal juga masih kekal pada keluasan 414,628 hektar dengan 333,721 hektar telah diwartakan sebagai Hutan Simpanan Kekal (HSK) di bawah Akta Perhutanan Negara, 1984 dan 80,907 hektar telah dicadangkan untuk diwartakan (Jabatan Perangkaan Malaysia).

Aktiviti perhutanan negeri Johor menunjukkan trend penurunan dengan jumlah pengeluaran barangan kayu utama sebanyak hamper 20% (190,855 meter padu pada tahun 2017, berbanding 238,436 meter padu yang dikeluarkan pada tahun 2016). Jadual 2.7 memaparkan jumlah pengeluaran produk kayu kayan terpilih bagi negeri Johor sejak tahun 2012. Adalah dianggarkan bahawa 50% daripada aktiviti ini adalah di negeri Johor, khususnya di daerah Muar. Industri hutan Johor melibatkan kilang papan, kilang papan lapis dan kayu kumai di mana hanya satu kilang kayu kumai yang beroperasi di Johor berbanding 11 syarikat yang berdaftar (Jabatan Perangkaan Malaysia).

**Jadual 2.7** Pengeluaran Produk Kayu Kayan Terpilih di Negeri Johor, 2014-2017

Tahun	Kayu gergaji (mp)	Papan lapis (mp)	Venir (mp)	Kayu kumai (mp)	Jumlah	Perubahan (%)
2014	239,448	7,010	8,245	-	254,703	-41.4%
2015	257,741	4,695	7,805	-	270,241	6.1%
2016	230,028	3,662	4,214	532	238,436	-11.8%
2017	184,022	2,930	3,371	532	190,855	-20.0%

Kutipan hasil hutan negeri Johor juga menurun sebanyak 20% dari RM16,957,199 pada tahun 2016 kepada RM13,565,759 pada tahun 2017 berikutan berkurangnya keluasan catuan tebang yang diilluluskan dari 2940 hektar pada tahun 2015 kepada hanya 2121 hektar bermula pada tahun 2016. Royalti dari pengeluaran kayu balak premium masih lagi merupakan hasil yang tertinggi berbanding keluaran hutan lainnya. Sumber lain dari bayaran kompaun dan gantirugi, jualan borang rasmi kerajaan dan dokumen tender dan bayaran untuk pengusahaan hutan masih juga merupakan antara penyumbang ke

tiga terbesar bagi hasil hutan di negeri Johor. Jadual 2.8 mempamerkan trend kutipan hasil hutan negeri dari tahun 2014 sehingga 2017.

Selain dari pembalakan dan hutan simpan, hutan juga digunakan untuk tujuan rekreasi. Di antara aktiviti Eko-Perlancongan Johor ialah dengan memelihara Hutan Lipur Johor yang terdiri dari Hutan Lipur Gunung Arong, Hutan Lipur Gunung Pulau 2, Hutan Lipur Sungai Bantang, Hutan Lipur Soga Perdana, Hutan Lipur Panti, Hutan Lipur Gunung Belumut dan Hutan Lipur Taka Melor. Rekreasi hutan di Negeri Johor telah menjana

pendapatan melalui kedatangan pelancong-pelancong asing. Untuk lebih merencanakan kegiatan perhutanan di Negeri Johor, beberapa aktiviti telah dirancang, diantaranya denganewartakan Muar sebagai Pusat Kecemerlangan Kayu dan Produk Berasaskan Kayu dan menganjurkan Karnival

Pelancongan Ledang di daerah Tangkak. Satu program penanaman pokok mega telah diadakan oleh Parlimen Ledang pada 31 Disember 2016 di Tangkak sebagai usaha untuk meningkatkan kesedaran penjagaan hutan negeri sebagai sumber udara bersih.

**Jadual 2.8** Kutipan Hasil Hutan di Negeri Johor, 2012-2017

Tahun	Premium	Kayu Balak	Keluaran Hutan Lain	Ses	Sumber Lain	Jumlah Besar	Perubahan (+/-) %
2014	6,030,715	3,666,466	1,893,444	975,044	852,430	13,418,099	-25.3
2015	19,384,931	4,364,006	1,042,325	1,641,944	4,462,076	30,895,282	130.3
2016	8,979,164	3,219,617	1,037,331	1,189,454	2,531,633	16,957,199	-45.1
2017	7,183,331	2,575,694	829,865	951,563	2,025,306	13,565,759	-20.0

## PERTANIAN LAIN

Sektor kecil pertanian lain merangkumi tanaman sayur-sayuran, buah-buahan, nanas, kopi, koko, tanaman kontan dan kelapa adalah salah satu sektor utama yang turut menyumbang kepada pertumbuhan KDNK di Malaysia. Negeri Johor adalah di antara yang mempunyai keluasan tanaman yang tertinggi di Malaysia. Keadaan ini turut memberi hasil tanaman yang tertinggi di Malaysia dan menjadikan Negeri Johor sebagai penyumbang terbesar kepada sektor pertanian Malaysia.

Pada tahun 2017, keluasan bertanam buah-buahan di Johor adalah yang tertinggi berbanding negeri lain iaitu merangkumi hampir 29% dari keluasan bertanam Semenanjung Malaysia. Ia melibatkan keluasan 41,596 hektar dengan pengeluaran buah-buahan sebanyak 539,820 tan metrik, diikuti oleh sayur-sayuran (16,338 hektar) dan kelapa (11,515 hektar). Tanaman lain seperti nanas, koko, kopi dan tanaman kontan turut menjadi penyumbang kepada sektor kecil pertanian lain di Johor dengan keluasan anggaran di antara 348 hektar sehingga 7,580 hektar. Dianggarkan peningkatan yang positif berlaku terhadap keluasan semua tanaman melainkan koko, nanas kaleng dan kelapa, berbanding tahun 2016.

Seperti tahun-tahun sebelum, hampir separuh daripada pengeluaran pertanian lain di Negeri Johor disumbang oleh pengeluaran buah-buahan. Pada tahun 2017, dianggarkan 39% daripada pengeluaran buah-buahan di Semenanjung Malaysia adalah dari Negeri Johor dengan diikuti oleh Pahang, Perak dan Kelantan. Ianya merangkumi pengeluaran sebanyak

539,820 tan metrik. Ini adalah peningkatan sebanyak 1.4% berbanding tahun 2016 (532,249 tan metrik).

Malaysia adalah salah sebuah negara pengeluar utama nenas dunia selain daripada Thailand, Indonesia, Filipina, Hawaii, Ivory Coast, Kenya, Brazil, Taiwan, Australia, India dan Afrika Selatan. Mengikut Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) potensi eksport nenas Malaysia ke pasaran dunia termasuk negara-negara Arab iaitu Emiriah Arab Bersatu (UAE), Arab Saudi, Iran dan Hong Kong serta China melibatkan tiga jenis utama iaitu Morris, Josaphine dan MD2. Selain itu, Singapura dan Brunei juga merupakan pasaran eksport tradisi bagi nenas segar. Selain buah-buahan, Johor juga adalah negeri pengeluar nenas terbesar negara. Di Johor, empat daerah utama yang mempunyai keluasan bertanam tertinggi nenas adalah Kluang, Muar, Pontian dan Batu Pahat iaitu melebihi 1,500 hektar dengan pengeluaran tertinggi sekitar 39,701.20 ke 128,592.30 tan metrik pada tahun 2016. Pengeluaran nenas segar di Johor dijangka meningkat pada tahun 2017 iaitu 223,689 tan metrik berbanding 2016 (175,766 tan metrik).

Jadual 2.9 mempamerkan data keluasan tanaman, hasil pengeluaran dan nilai bagi Negeri Johor di tahun 2016-2017. Pengeluaran kedua tertinggi selepas buah-buahan adalah sayur-sayuran (247,359 tan metrik). Ini diikuti nenas segar (223,689 tan metrik), kelapa (99,577 tan metrik), nanas kaleng (57,469 tan metrik), tanaman kontan (54,474 tan metrik), kopi (7,367 tan metrik) dan koko (81 tan metrik). Pengeluaran koko untuk tahun 2017 dijangka berkurang sebanyak 41% berbanding 2016, dengan nilai pengeluaran berjumlah RM1,348 juta, berikutan pengurangan 1.4% keluasan bertanam.

Di tahun-tahun 2016 dan 2017, nilai pengeluaran tertinggi daripada hasil pertanian lain Negeri Johor telah dicatatkan oleh buah-buahan (RM599,332 ribu), sayur-sayuran (527,830 ribu), diikuti nanas segar (RM172,400 ribu), kelapa (RM123,504 ribu), tanaman kontan (RM70,501 ribu), nanas kaleng (RM45,975 ribu), kopi (RM6,877 ribu) dan koko (RM1,348 ribu).

Johor mempunyai lima daerah pengeluar kopi iaitu pengeluar tertinggi di Pontian, Batu Pahat, Kluang, Muar dan Kulai. Meskipun Sabah mempunyai keluasan tanaman kopi yang lebih besar berbanding Johor,

akan tetapi Johor adalah negeri pengeluar kopi terbesar di Malaysia, diikuti Sabah. Ini disebabkan hasil daripada pokok kopi Liberica paling meluas ditanam di Johor dan ia mempunyai hasil yang lebih tinggi berbanding jenis Robusta (FAMA, 2014). Pengeluaran hasil tanaman kopi pada tahun 2017 adalah lebih tinggi daripada tahun 2016. Ini adalah hasil usaha pelbagai pihak termasuk FAMA dan para usahawan dalam memajukan industri penanaman kopi. FAMA turut menggalakkan usahawan muda yang berminat dengan membantu mereka membuka kiosk/outlet Kopiesatu.

**Jadual 2.9** Keluasan Bertanam dan Hasil Pengeluaran bagi Lain-Lain Tanaman di Negeri Johor, 2016-2017

Jenis	2016			2017		
	Keluasan bertanam	Pengeluaran (Tan Metrik)	Nilai (RM000')	Keluasan bertanam	Pengeluaran (Tan Metrik)	Nilai (RM000')
Koko	353	138	1,183	348	81	1,348
Kopi	1,127	6,043	7,710	1,329	7,367	6,877
Nanas Kaleng	2,007	51,200	40,960	1,220	57,469	45,975
Nanas Segar	6,826	175,766	140,494	7,580	223,689	172,400
Buah-buahan	41,441	532,249	507,613	41,596	539,820	599,332
Sayur-sayuran	15,424	229,180	533,760	16,338	247,359	527,830
Kelapa	11,751	95,667	114,717	11,515	99,577	123,504
Tanaman Kontan	3,487	49,730	56,668	3,635	54,474	70,501

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Johor.

Secara keseluruhannya, kuantiti pengeluaran di sektor pertanian Negeri Johor mengalami sedikit peningkatan pada tahun 2017 jika dibandingkan dengan 2014-2016, kecuali bagi koko. Hampir semua tanaman, kecuali koko, kelapa dan nanas kaleng, mengalami peningkatan keluasan berbanding 2016. Kemarau yang panjang pada tahun 2015 sehingga Januari 2016 telah menjejaskan pengeluaran tanaman seperti sayur-sayuran dan nanas.

Mengikut Statistik Tanaman 2017<sup>1</sup>, pendaftaran pemilik tanah terbiar mencatatkan Johor sebagai mempunyai keluasan tanah terbiar yang tertinggi di Semenanjung Malaysia. Penggunaan tanah terbiar dijangka dapat membantu masalah ketidakcukupan bekalan makanan berasaskan pertanian. Prospek pertanian perlu dikaji dan diperkenalkan kepada masyarakat awam, selain petani untuk menggalakkan penglibatan setiap individu di dalam bidang pertanian. Galakan kearah penanaman kecil-

kecilan penting agar setiap lebih tanah yang ada boleh dioptimumkan penggunaannya bagi tujuan pertanian berskala kecil. Ia boleh dimulai dengan tanaman-tanaman di dalam pasu-pasu, atau rak seperti toclan (transformation of organics cultivation).

Rancangan Buku Hijau seperti yang telah dilancarkan pada Disember 1974, yang intipatinya adalah bertujuan menggalakkan penggunaan tanah secara optimum dengan tanaman jangka pendek dan lain-lain aktiviti pertanian, ternakan dan perikanan perlu diteliti semula dan diteruskan untuk membangkitkan dan menyemarakkan semangat pertanian hijau di kalangan rakyat Johor khususnya, Malaysia amnya. Matlamat utama rancangan ini ialah untuk menambahkan pengeluaran bahan-bahan makanan supaya cukup untuk keperluan Negara serta dapat menambahkan pendapatan rakyat dan negara, umumnya.

<sup>1</sup> Jabatan Pertanian Malaysia

### Aktiviti-Aktiviti Pembangunan Pertanian Negeri Johor

Untuk menggalakkan aktiviti pembangunan pertanian, pelbagai inisiatif telah dilakukan oleh pihak Jabatan Pertanian. Ini termasuklah galakan terhadap semua pengusaha tanaman agar memiliki skim-skim pensijilan sangat penting untuk memastikan industri pertanian dan makanan berasaskan pertanian terjamin dari segi kebersihan dan kualiti. Skim-skim pensijilan itu termasuklah myGAP, myOrganic, MPCA dan MAFAS. Skim myOrganic bertujuan untuk memberikan sijil kepada usahawan yang mengusahakan pertanian berasaskan organik. Skim MPCA diperkenalkan bagi memudahkan dan mempercepatkan perdagangan hasil tani. Di Kulai, bantuan program galakan usahawan dan galakan peningkatan pengeluaran pertanian (PG3P) telah diadakan untuk menggalakkan para usahawan kearah pertanian yang lebih cemerlang. Skim myGAP dan myOrganic diperkenalkan untuk meningkatkan kualiti hasil ladang bagi pengeluaran pertanian terutamanya dari segi pengurusan ladang, mutu dan keselamatan produk, jaminan keselamatan pekerja dan pemuliharaan alam sekitar. Dengan skim-skim ini, proses pemasaran hasil tanaman ke luar negara menjadi lebih mudah kerana ia diiktiraf oleh negara luar. Penambahbaikan ini adalah untuk memastikan industri pertanian berasaskan makanan terutamanya Perusahaan Kecil dan Sederhana menepati peraturan kebersihan.

Selain itu, beberapa projek telah dilaksanakan untuk memajukan industri kelapa yang melibatkan dua subprojek utama iaitu projek penanaman semula kelapa dengan menggunakan jenis kelapa varieti hibrid yang menghasilkan pulangan yang lebih tinggi, kelapa pandan, dan galakan pertanian integrasi dengan komoditi lain seperti nanas, koko dan kopi. Selain itu, projek pemuliharaan kelapa sedia ada turut dilaksanakan untuk membantu petani memulihkan dan memperbaiki saluran, melakukan penjarangan dan sulaman pokok-pokok tua. Pusat Pengumpulan Ladang turut diwujudkan untuk membantu pemasaran hasil kelapa secara efektif tanpa orang tengah. Untuk tanaman buah-buahan, terdapat dua sub projek iaitu Pembangunan Dusun Komersil dan Pemuliharaan Dusun, dan Pemerhatian dan Promosi Teknologi telah dilaksanakan bagi meningkatkan produktiviti tanaman dan pengeluaran buah-buahan.

Bagi meningkatkan prestasi dan pencapaian koko dan kopi di Johor, pelbagai inisiatif dilaksanakan oleh FAMA, Jabatan Pertanian Negeri Johor, Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia dan Lembaga Koko. Di antara inisiatif ini termasuk bantuan pemuliharaan kawasan kopi dan koko sedia ada, menggalakkan tanaman koko secara selingan, pemindahan teknologi, penganjuran latihan, kursus dan khidmat nasihat serta insentif pembelian input seperti baja dan racun. Penyelidikan secara berterusan giat dijalankan oleh agensi-agensi Kerajaan termasuklah Jabatan Pertanian Johor dan MARDI bagi mendapatkan hasil yang berkualiti termasuk dengan cara membangunkan teknologi pengklonan buah-buahan melalui teknik konvensional dan moden, membangunkan sistem tanaman yang lebih cekap melalui penggunaan input yang optimum dan juga teknologi pembungkusan yang sesuai dan baik demi menjamin mutu dan kualiti pasaran domestik dan eksport. Selain itu, teknik fertigasi turut diperkenalkan bagi mengoptimumkan ruang tanaman yang kecil dan penggunaan baja bagi menghasilkan pengeluaran yang tinggi kepada para petani dan usahawan tani. Selain itu, usahasama di antara golongan petani, usahawan dan institusi penyelidikan serta agensi kerajaan penting bagi memastikan bekalan utama makanan negara mencukupi, selain memastikan industri pertanian kekal sebagai peneraju utama ekonomi negara.

### SEKTOR PERLOMBONGAN DAN PENGKUARIAN

Secara umumnya sektor perlombongan dan pengkuarian di Negeri Johor menunjukkan prestasi seperti tahun-tahun sebelumnya, di mana sektor ini memberikan sumbangan terkecil kepada KDNK di Negeri Johor pada tahun 2017. Ianya merekodkan sumbangan hanya sekitar 0.4% sahaja pada tahun 2015 dan 0.42% pada tahun 2016. Walau bagaimanapun, peningkatan sumbangan kepada KDNK untuk tahun 2016 ini agak sederhana jua. Negeri Johor tidak mempunyai perlombongan utama seperti perlombongan minyak dan gas, timah atau boksit. Walau pun pelaburan dalam sektor minyak dan gas akan menjadi pelaburan utama pada tahun-tahun mendatang, khususnya di Pengerang, ianya belum lagi menjalankan operasi sepenuhnya pada tahun 2016. Pada tahun 2016, pengeluaran minyak mentah dalam bentuk kodensat serta LNG di keluarkan sekitar 650,000 bpd dan 6500 jkps sahaja. Setakat ini, selain dari kondensat dan LNG yang direkodkan,

hanya terdapat perlombongan dan pengkuarian bagi batu-bata, batu pejal, pasir silika dan lain-lain produk tanah atau pasir serta batu lombong secara kecilan yang dihasilkan di Negeri Johor. Perincian

data mengenai pengeluaran bahan batu-batuan dari perlombongan dan pengkuarian adalah seperti tertera dalam Jadual 2.10.

**Jadual 2.10** Pengeluaran Bahan Batu-Batuan Negeri Johor 2014-2017

Jenis Pengeluaran	Kuantiti ('000 tan metrik)				Perubahan (%)	
	2014	2015	2016	2017e	2016	2017
Pasir Silika ('000 tan)	1,272.5	1,378.2	1,220.2	1,238.2	-11.2.	1.5
Pasir Laut ('000 tan)	532.0	417.0	680.0	691.0	-63.0	1.6
Pasir Sungai Air Masin ('000 tan)	1,624.0	1,941.0	1,573.0	1,661.0	-19.0	5.6
Rumput ('000 tan)	1,670.0	1,923.0	1,856.0	2,002.0	-3.5	7.9
Batu- Bata ('000 ketul)	609,840	6637,326	496,983	463,526	-22.0	-6.7
Batu Pejal ('000 ton)	10,100.5	11,250.9	10,364.9	10,703.2	-7.9	3.3
Genting ('000 keping)	30,495.5	34,557.8	25,093.2	22,006.0	-72.0	-12.3
Tanah Liat ('000 tan)	140.1	123.5	170.1	186.6	45.0	4.2
Tanah merah ('000 tan)	3,219.3	2,701.2	1,957.0	1,363.5	-27.6	-30.3
Batu merah ('000 tan)	28.0	18.54	4.98	7.32	-97.0	47.0
Batu lombong ('000 tan)	1.3	0.57	0.56	0.10	-18.0	-82.0

Sumber: Pejabat Tanah dan Galian Negeri Johor

Pada tahun 2016, peningkatan pengeluaran yang tinggi (45.0%) telah dicatat bagi tanah liat. Pada tahun yang sama, pertumbuhan pengeluaran pasir sungai air masin, pasir silica, batu-bata dan rumput adalah negatif iaitu sekitar -3.5% hingga -19.0%. Bagi tanah merah dan batu lombong pula, penguncupan pengeluaran adalah agak drastik iaitu masing-masing menguncup kepada -27.6% dan -18.0%. Ini adalah kesan daripada sedikit kemuraman di sektor pembinaan negeri. Pada tahun 2017 secara umumnya sektor perlombongan dan pengkuarian menunjukkan pertumbuhan yang sederhana dalam pengeluaran beberapa produk. Pengeluaran pasir silica dan pasir laut merekodkan peningkatan yang agak rendah di dibandingkan dengan tahun 2016, iaitu peningkatan masing-masing sebanyak 1.5% dan 1.6% sahaja. Pengeluaran pasir sungai, tanah merah, batu pepejal dan rumput pula meningkat secara sederhana dari 3.3% hingga 7.9%. Pengeluaran batu-bata, tanah merah dan genting pula menunjukkan penguncupan yang agak ketara, iaitu antara -6.7% hingga -30.3%. Selain itu pengeluaran batu lombong menurun sebanyak 82.0%. Walau bagaimanapun pengeluaran batu merah mencatat kenaikan yang agak memberangsangkan, iaitu sebanyak 47.0%.

Berdasarkan kepada data di atas, jelas permintaan terhadap pasir, tanah liat dan batu-bata adalah berkait rapat dengan kegiatan di sektor pembinaan

dan industri pengeluaran bahan binaan di mana bahan-bahan tersebut adalah input untuk pengeluaran konkrit siap-bancuh dan simen. Seperti yang ketara di sektor pembinaan di negeri Johor pada tahun 2017 penguncupan sebanyak -6.6% berlaku, berbanding pertumbuhan sebanyak 19.0% pada tahun 2016. Realitinya ialah permintaan bahan-bahan pembangunan di Kawasan Iskandar Malaysia termasuklah pembinaan Forest City masih berjalan walau pun agak perlahan. Justeru itu, permintaan bagi pasir, rumput, batu pepejal, tanah merah serta genting adalah masih wujud.

## SEKTOR PEMBUATAN

Nilai ditambah sektor pembuatan negeri Johor berkembang pada kadar 6.8% pada tahun 2017 (2016: 5.5%) manakala output sektor ini dianggarkan berkembang secara sederhana pada 6.5% iaitu RM200.3 bilion dalam tahun 2017 (2016: 9.9%; RM188.1 bilion). Output industri berorientasikan eksport meningkat tetapi dengan kadar yang lebih sederhana iaitu pada kadar 5.6% (2016: 9.4%) selaras dengan permintaan dunia yang sederhana. Output industri berorientasikan domestik meningkat 7.7% (2016: 12.9%) hasil permintaan yang lebih tinggi bagi industri kelengkapan pengangkutan dan industri makanan. Sektor pembuatan terus mendapat perhatian

pelaburan domestik dan asing. Ini digambarkan oleh bilangan dan nilai projek yang diluluskan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) bernilai RM21.9 bilion pada tahun 2017 (2016: RM26.4 bilion). Gaji purata bulanan pekerja sektor ini dianggarkan bernilai RM2,298 manakala produktiviti<sup>2</sup> dianggarkan meningkat 11.8% (2016: RM2,287; 9.2%). Kadar penggunaan kapasiti berada pada 82.8% dalam tahun 2017 (2016: 77.5%) mencerminkan perkembangan berterusan sektor pembuatan.

### Pengeluaran Industri Berorientasikan Domestik

Pembuatan subsektor pengilangan makanan meningkat 9.6% disumbangkan oleh kenaikan pengeluaran ketara dalam minyak sawit bertapis sebanyak 26.1% (2016: 6.3%; -3.3%) berikutan pengeluaran CPO yang lebih tinggi. Sementara itu, output produk makanan lain berkembang 7.0% disokong oleh pengeluaran bahan makanan harian

seperti roti dan kek bagi memenuhi peningkatan permintaan isi rumah (2016: 11.1%).

Pengeluaran bahan berkaitan pembinaan kekal mencatat pertumbuhan pada 4.8% (2016: 4.8%). Pertumbuhan ini diterajui pengeluaran lebih tinggi bagi logam asas sebanyak 3.5% terutamanya besi asas dan keluli 5 (2016: -1.2%). Sementara itu, pengeluaran produk galian bukan logam berkembang 2.8% manakala produk logam (kecuali mesin dan kelengkapan) tumbuh 7.8% (2016: 7.6%; 9.9%) disokong permintaan untuk bahan binaan yang direka serta konkrit, simen dan plaster untuk aktiviti pembinaan. Sementara itu pengeluaran kelengkapan pengangkutan meningkat 5.4% (2016: 0.4%), sebahagian besarnya disokong oleh pengeluaran alat ganti dan aksesori untuk kenderaan bermotor serta aktiviti pembaikan dan penyelenggaraan kelengkapan pengangkutan yang meningkat.

Jadual 2.11 Prestasi Sektor Pembuatan Negeri Johor pada Tahun 2017

Jenis Industri		Output (RM Juta <sup>3</sup> )		Pertumbuhan
		2016	2017	
<b>INDUSTRI BERORIENTASIKAN DOMESTIK</b>				
1	Pengilangan Makanan	50,259	55,063	9.6%
2	Produk Plastik	5,636	5,952	5.6%
3	Pembuatan Produk Galian Bukan Logam	7,307	7,511	2.8%
4	Produk Logam Asas	6,317	6,537	3.5%
5	Pembuatan produk logam kecuali mesin dan kelengkapan	10,336	11,146	7.8%
6	Kelengkapan Pengangkutan	8,843	9,323	5.4%
<b>INDUSTRI BERORIENTASIKAN EKSPORT</b>				
1	Tekstil & Produk Tekstil	5,954	6,253	5.0%
2	Kayu & Produk Kayu	2,780	3,008	8.2%
3	Perabot & Kelengkapan	4,830	5,221	8.1%
4	Kertas, Percetakan & Penerbitan	4,922	5,395	9.6%
5	Kimia & Produk Kimia	17,013	17,540	3.1%
6	Produk Petroleum (termasuk Petrokimia)	733	791	7.9%
7	Produk Getah	6,150	6,494	5.6%
8	Pengilangan Jentera	4,405	4,766	8.2%
9	Produk Elektrik & Elektronik:	48,438	51,113	5.5%
	- Pembuatan Komputer, produk Elektronik dan optikal	37,306	39,358	5.5%
	- Pembuatan kelengkapan elektrik	11,132	11,755	5.6%

Sumber: Anggaran UPEN Johor dengan menggunakan sumber data daripada Jabatan Perangkaan Malaysia

<sup>2</sup>Nilai output kasar per unit upah

<sup>3</sup>Pada harga semasa

### Pengeluaran Industri Berorientasikan Eksport

Pengeluaran E&E negeri Johor dianggarkan berkembang 5.5% pada tahun 2017 (2016: 13.8%). Pencapaian ini selaras dengan trend jualan semikonduktor global yang dianggarkan berkembang 11.5% pada 2017. Pengeluaran Komputer, Produk Elektronik dan Optikal tumbuh sederhana pada kadar 5.5% (2016: 17.1%) manakala pengeluaran Pembuatan Kelengkapan Elektrik tumbuh 5.6% (2015: 3.8%) sebahagiannya berpunca daripada penurunan permintaan untuk peralatan hiburan di dalam kereta, pemain media mudah alih dan kamera digital.

Pengeluaran kimia dan produk kimia di sektor pembuatan Negeri Johor dianggarkan meningkat 3.1% (2016: -6.5%) didorong oleh peningkatan pengeluaran produk kimia lain (3.8%) serta produk farmaseutikal, kimia perubatan dan botani sebanyak 4.4% (2016: 4.5%; 2.9%; 4.0%). Output kimia asas, baja dan sebatian nitrogen pula meningkat 4.1% (2016: 5.9%) sejajar dengan peningkatan pengeluaran dalam sektor pertanian berikutan harga komoditi yang lebih kukuh.

Pembuatan kayu dan produk kayu berkembang 8.2% (2016: 3.5%). Pertumbuhan ini terutamanya disokong oleh peningkatan pengeluaran pengilangan dan pengetaman kayu sebanyak 15.5% (2016: 1.8%) berikutan permintaan yang kukuh dari AS, Australia dan Jepun. Sementara itu, pengeluaran perabot kayu dan rotan meningkat pada 10.3% (2016: 4.6%), meraih manfaat daripada penggunaan teknologi yang lebih tinggi serta kepelbagaian pasaran eksport.

Keluaran produk getah tumbuh sederhana pada 5.6% (2016: 6.4%) berikutan peningkatan kecekapan dalam pembuatan serta permintaan yang kukuh daripada industri di AS, Jepun dan Jerman. Walau bagaimanapun, pengeluaran tayar getah untuk kenderaan menguncup 1.7% (2016: 4.3%) disebabkan oleh kenaikan harga input di negara pengeluar getah utama.

### SEKTOR PEMBINAAN

Mengikut Laporan Statistik Pembinaan 2017<sup>4</sup> nilai kerja pembinaan di Negeri Johor telah direkodkan sebanyak RM25.1 bilion, iaitu 18.1% daripada jumlah nilai projek keseluruhan negara sebanyak RM138.7 billion. Johor merupakan negeri ketiga tertinggi dalam

nilai projek pembinaan yang diperuntukkan selepas Negeri Selangor sebanyak RM31.4 billion (22.6%), dan diikuti Wilayah Persekutuan RM27.9 billion (20.1%). Rajah 2.5 menunjukkan nilai projek mengikut lokasi pada tahun 2017.

Nilai ditambah sektor pembinaan menyumbang 6.4% kepada KDNK Negeri Johor pada tahun 2017, turun sedikit daripada tahun 2016 (7.2%). Melihat pada nilai ditambah sektor ini mencerminkan keaktifan aktiviti pembinaan di Negeri Johor agak perlahan dibanding dengan tahun 2016. Keaktifan sektor ini disokong oleh prestasi subsektor kediaman dan bukan kediaman dengan pelaksanaan pelbagai projek antaranya pembinaan rumah teres, rumah kembar, rumah pangsa, rumah kos rendah, pembinaan sekolah, pembinaan masjid, binaan khas, industri, pembinaan kompleks komersial dan hotel, kerja menaik taraf dan membaik pulih dan penyelenggaraan bangunan awam.


Nilai ditambah sektor pembinaan Negeri Johor merosot 6.6% pada tahun 2017 (2016: 24.0%). Nilai ditambah yang disumbangkan oleh sektor pembinaan merosot daripada RM7,110 juta pada tahun 2016 kepada RM6,641 juta pada tahun 2017. Sektor pembinaan Negeri Johor bergerak perlahan pada tahun 2017, sebanyak 38,839 bilangan transaksi telah tercatat dengan nilai transaksi berjumlah RM18.61 bilion, masing-masing turun sebanyak 3.1% dan 4.3% berbanding dengan 2016 (40,066 transaksi dengan nilai RM19.45 billion), rujuk Rajah 2.6a dan Rajah 2.6b dibawah. Subsektor kediaman menguasai pasaran hartanah keseluruhan, menyumbangkan 64.1% daripada keseluruhan pasaran hartanah Negeri Johor. Pergerakan aktiviti Pasaran Harta secara keseluruhannya adalah pelbagai. Subsektor industri dan tanah pembangunan masing-masing menunjukkan pertumbuhan sebanyak 9.5% dan 8.8%, manakala subsektor komersil dan subsektor kediaman masing-masing menguncup sebanyak 6.4% dan 5%. Dari segi nilai subsektor komersil dan subsektor kediaman masing-masing merekod peningkatan 18.7% dan 0.8%. Bagaimanapun, subsektor tanah pembangunan dan industri menunjukkan sebaliknya.

Dalam tahun 2017 berbagai projek pembinaan dilaksanakan di Negeri Johor. Antara projek mega yang sedang dilaksanakan adalah projek pembinaan Kompleks Bersepadu Pengerang (PIC) merangkumi Pembangunan Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia (RAPID) dan beberapa fasiliti


<sup>4</sup>Jabatan Perangkaan Malaysia

lain. Projek ini meliputi Kawasan seluas 2526 hec tar dan melibatkan 63,000 pekerja daripada berbagai peringkat. Hingga Disember 2017, Petronas telah melaburkan perbelanjaan berjumlah RM105 billion untuk pembangunan projek PIC. Selain itu terdapat beberapa projek mega di Iskandar Puteri, antaranya adalah Emerald Bay in City Harbour yang dibina atas 111 ekar tanah dengan nilai pembinaan RM4.1 billion. Projek in merangkumi 1649 unit rumah termasuk 250 unit bertanah dibina dalam 12 fasa dalam masa lapan tahun. Fasa 1A telah siap pada hujung 2016 terdiri dari rumah empat-tingkat dan rumah 3 tingkat (countyad home) dan 26 unit rumah kembar. Harga jualan rumah-rumah tersebut antara RM3.1 juta hingga RM10.5 juta. Fasa 1B terdiri dari 12 unit rumah 3-tingkat


yang siap pada suku kedua 2017 dengan harga jualan antara RM12 juta hingga RM18 juta dan dua phasa lagi mula dibina di hujung tahun 2017 terdiri dari 56 unit kondominium empat-tingkat dengan harga jualan RM1.7 juta dan 38 unit villa waterfront dengan harga bermula dari RM10 juta. Project ini terletak berhampiran dengan EduCity, International School, Marlborough College, Raffles American School dan Stamford American School. Selain itu projek UMCity, Medini Lakeside dan Veridea @Medini Lakeside juga sedang giat dalam pembinaan yang merupakan pembangunan komersil dengan nilai kasar pembinaan RM1.2 billion. Projek ini terdiri dari service apartmen, hotel dan blok pejabat dan kedai runcit.



**Rajah 2.5** Nilai Projek Pembinaan (RM billion) Mengikut Lokasi tahun 2017  
 Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia



Rajah 2.6a Bilangan Transaksi Harta 2013-2017



Rajah 2.6b Nilai Transaksi Harta (RM bilion) 2013-2017

Sumber: Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Malaysia (NAPIC)


**Jadual 2.12** Pembinaan Unit Kediaman Di Johor 2016-2017

Daerah	Stok Sedia Ada		Penyiapan Baru		Penawaran di Rancang		Mula di Lancar	
	2016	2017	2016	2017	2016	2017	2016	2017
Johor Bahru	367,594	411,664	5,397	5,894	7,685	6,967	11,266	7,619
Kota Tinggi	24,774	22,467	0	0	2,291	1,486	1,735	1,899
Pontian	22,136	19,055	317	342	34	55	295	134
Kluang	60,505	66,603	882	1,193	528	1,274	1,001	768
Mersing	6,770	6,846	151	18	207	69	33	200
Batu Pahat	74,132	85,492	932	602	984	951	786	778
Muar	47,605	42,905	285	150	75	0	80	45
Segamat	40,169	47,086	1,062	391	258	278	764	220
Kulai	66,969	66,814	368	859	374	70	1,194	520
Tangkak	20,979	19,752	103	0	0	0	99	81
<b>Jumlah</b>	<b>731,633</b>	<b>788,684</b>	<b>9,497</b>	<b>9,449</b>	<b>12,436</b>	<b>11,150</b>	<b>121,116</b>	<b>12,264</b>

Sumber: Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Malaysia (NAPIC)

Satu lagi projek ialah Project Eco Botanic, iaitu Eco Boulevard yang terdiri dari unit kedai 3-tingkat dan habis dijual pada hujung tahun 2016. Eco Bonanic ini juga dilengkapi dengan Eco Nest terdiri daripada berbagai keluasan rumah bermula dari 582 kaki persegi dengan harga bermula daripada RM550,000, dan unit Duplex dengan harga jualan bermula dari RM1.069 juta. Eco Nest telah siap dibina pada tahun 2017. Fasa

terakhir Eco Botanic adalah sebuah pasaraya, Eco Galeria masih dalam perancangan dan dijangka siap pada 2020. Selain itu terdapat projek pembangunan pembinaan rumah mampu milik rakyat, pembinaan masjid dan baikpulih masjid serta sekolah. Membina semula pasar awam Kampung Melayu Majidee, Johor Bahru, kos RM20 juta (lewat jadual) dan telah siap sepenuhnya awal 2017.



**Rajah 2.7** Bilangan Unit Tak Terjual Mengikut Harga Negeri Johor 2017

Sumber: Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Malaysia (NAPIC)

Subsektor kejuruteraan awam juga bergerak cergas antaranya termasuk, kerja menaiktaraf Lebuhraya Pasir Gudang, Fasa 2A membabitkan kos RM164.3 juta dengan jarak 7.7 km. bermula dari persimpangan Plentong hingga ke Sri Alam. Projek Fasa 2A ini bermula pada Mac 2016 dan dijangka siap Sept 2018. Lagi satu projek kejuruteraan awam yang sedang dilaksanakan ialah projek naiktaraf Jambatan Sungai Plentong jarak 40 meter berserta jalanraya sepanjang 1.1 km. Kos projek ini adalah RM22 juta. Pembinaan Empangan Kahang, daerah Kluang oleh Badan Kawal Selia Air Johor (BAKAJ) dan siap pada Mei 2017. Secara keseluruhan semua projek yang dilaksanakan memberi manfaat kepada rakyat dan pada masa yang sama dapat membangun ekonomi Negeri Johor.

### Pembinaan Unit Kediaman

Teras kerajaan Negeri Johor adalah mengutamakan kesejahteraan rakyat, kemajuan dan permodenan ekonomi Johor. Jesteru, perumahan menjadi agenda keutamaan Kerajaan Negeri Johor, iaitu semua penduduk mesti mempunyai tempat berlindung yang baik.. Fokus dan strategi perumahan oleh kerajaan Johor ialah meneruskan pembinaan rumah mampu milik dengan lebih banyak, membantu membaikpulih rumah yang uzur, menyediakan kemudahan skim pembiayaan serta memantapkan system permohonan agar lebih telus. Negeri Johor telah mensasarkan untuk membina rumah sebanyak 60,000 unit menjelang 2019. Dalam pertengahan tahun 2017, telah dilaporkan bahawa sebanyak 8,766 unit rumah telah disiapkan manakala 11,049 unit lagi dalam pembinaan. Baki 40,022 unit daripada sasaran 60,000 akan mula dibina pada tahun hadapan sehingga 2020.

**Jadual 2.13** Penawaran Unit Kediaman (Stok Sedia Ada) Mengikut Jenis Di Negeri Johor, 2016-2017


Daerah	Teres Setingkat		Teres 2-3 Tingkat		Pangsapuri/ Kondominium	
	2016	2017	2016	2017	2016	2017
Johor Bahru	77,164	79,236	114,699	132,545	28,100	48,821
Muar	9,957	8,209	4,565	4,590	1,228	1,452
Batu Pahat	23,910	21,359	11,858	14,208	482	1,160
Kluang	20,060	21,265	9,926	11,873	0	0
Segamat	12,167	13,306	5,891	8,511	0	0
Kota Tinggi	7,318	8,759	3,228	3,954	56	375
Pontian	4,917	5,165	2,390	2,792	0	0
Mersing	1,855	1,877	573	617	0	0
Kulai	26,684	25,155	18,050	20,866	1,908	888
Tangkak	5,399	5,139	2,859	2,879	225	0
<b>Jumlah</b>	<b>189,431</b>	<b>189,470</b>	<b>174,039</b>	<b>202,835</b>	<b>31,999</b>	<b>52,696</b>
Daerah	Rumah Bekembar Setingkat		Rumah Berkembar 2-3 Tingkat		Rumah Kos Rendah	
	2016	2017	2016	2017	2016	2017
Johor Bahru	5,272	5,018	9,902	11,134	46,466	49,394
Muar	6,628	3,522	2,012	1,356	6,042	20,746
Batu Pahat	4,804	4,402	2,329	2,429	15,767	23,048
Kluang	3,096	3,248	1,410	1,645	18,327	18,604
Segamat	2,466	2,121	824	894	10,340	12,103
Kota Tinggi	852	493	26	274	6,258	3,512
Pontian	1,840	1,951	406	389	4,715	5,703
Mersing	204	218	10	20	2,454	2,438
Kulai	1,213	817	1,339	1,732	10,078	9,247
Tangkak	1,634	1,363	638	419	5,528	8,476
<b>Jumlah</b>	<b>28,009</b>	<b>23,153</b>	<b>20,112</b>	<b>20,292</b>	<b>125,975</b>	<b>153,271</b>

Sumber: Penilaian dan Perkhidmatan Harta Malaysia (NAPIC)

Jadual 2.12 mempamerkan data pembinaan rumah kediaman di Negeri Johor bagi tahun 2016-2017. Meneliti data pembinaan Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Kementerian Kewangan Malaysia, bilangan unit kediaman yang sedia ada pada tahun 2017 adalah 788,684 unit berbanding 731,633 pada 2016 menunjukkan peningkatan hanya sebanyak 7.8%. Rumah kediaman yang mula dilancarkan pembinaan sebanyak 12,264 unit pada tahun 2017 manakala pada tahun 2016 sebanyak 121,116 unit menurun dengan banyaknya sebanyak 90.0%. Ini adalah disebabkan telah banyak pembangunan yang telah disiapkan dan bilangan rumah yang telah siap tetapi tidak terjual agak tinggi (Rujuk Rajah 2.2). Bilangan rumah yang baru siap dibina pada tahun 2017 sebanyak 9,449 unit manakala penyediaan baru pada 2016 sebanyak 9,497 unit berkurang sebanyak 0.5%.

Rajah 2.8 mempamerkan bilangan unit kediaman yang sudah siap dibina tetapi masih tidak terjual.

Jenis kediaman yang banyak tak terjual adalah Kondominium/ Apartmen (722 unit) dan teres 2-3 tingkat (226 unit) yang berharga antara RM500,001 ke RM1,000,000. Faktor utama yang menyumbang kepada tak terjual unit kediaman atau lambakan dipasaran adalah harga yang mahal dan tak mampu dimiliki. Selain daripada itu penawaran yang tinggi disesuatu lokasi seperti di Iskandar Puteri, Johor Bahru dan kekurangan kemudahan dan infrastruktur serta perhubungan dan akses juga sedikit sebanyak menyebabkan kelembapan dalam penjualan unit kediaman. Perhatian perlu diberikan dalam pembinaan unit kondominium/apartmen kerana banyak lagi unit jenis kediaman ini masih dalam pembinaan di Negeri Johor. Jika dilihat statistik bilangan unit kediaman tidak terjual bagi tahun 2017, Negeri Johor menduduki tempat tertinggi, sebanyak 4,376 unit (17.7%) daripada bilangan keseluruhan di Malaysia sebanyak 24,738 unit. Negeri berikut tertinggi adalah Pulau Pinang sebanyak 3,916 unit (15.8%) dan diikuti Negeri Kedah 3,783 unit (15.3%) (Rujuk Rajah 2.7).



**Rajah 2.8** Bilangan Unit Kediaman Tidak Terjual Mengikut Lokasi Tahun 2016-2017

Sumber: Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Malaysia (NAPIC)

Jadual 2.13 mempamerkan data penawaran unit kediaman mengikut jenis di Negeri Johor pada 2016-2017, terdapat paling banyak rumah teres 2-3 tingkat 202,835 unit (26%) pada tahun 2017 (2016:174,039 unit) bertambah sebanyak 16.5%, pertambahan yang agak tinggi, di ikuti rumah teres setingkat 189,470 unit (24%) dan rumah awam kos rendah 153,271 unit (19.4%). Bilangan unit kediaman pangsapuri atau kondominium adalah berjumlah 52,696 (6.7%) manakala rumah

kembar 2-3 tingkat berjumlah 20,292 unit (2.5%). Dari taburan ini, menunjukkan kerajaan Negeri Johor memberi tumpuan dalam usaha mempertingkatkan pembinaan rumah mampu milik dan rumah awam kos rendah. Keaktifan kerja-kerja pembinaan ini telah secara tidak langsung telah meningkatkan aktiviti kerja-kerja kejuruteraan seperti pembinaan jalan raya, longkang dan kerja-kerja lanskap.

**Jadual 2.14** Penawaran Unit Industri Di Negeri Johor 2016-2017

Daerah	Stok Sedia ada		Penyiapan Baru		Mula dilancar	
	2016	2017	2016	2017	2016	2017
Johor Bahru	9,611	10,056	171	432	170	50
Kota Tinggi	395	396	0	0	0	0
Pontian	298	296	0	0	0	0
Kluang	958	968	33	10	0	9
Mersing	40	40	0	0	0	0
Muar	173	173	0	0	0	0
Batu Pahat	1,464	1,464	0	0	0	0
Segamat	442	441	65	0	0	0
Kulai	2,015	2,200	106	0	36	97
Tangkak	208	208	0	0	0	0
<b>Jumlah</b>	<b>15,604</b>	<b>16,242</b>	<b>375</b>	<b>442</b>	<b>206</b>	<b>156</b>

Sumber: Penilaian dan Perkhidmatan Harta Malaysia (NAPIC)

### Pembinaan Bangunan Industri

Subsektor industri menyumbang sebahagian kecil kepada aktiviti pasaran harta keseluruhan. Mengikut laporan Pasaran Harta, JPPH tahun 2017 terdapat 799 transaksi (2016: 730 transaksi) bernilai RM1.90 bilion (2016:RM2.03 bilion) direkodkan, iaitu peningkatan sebanyak 9.5% dalam bilangan tetapi nilai pula menurun sebanyak 6.5%. Dari Jadual 2.14, dapat dilihat bahawa unit penyiapan baru bertambah dari 375 unit pada tahun 2016 kepada 442 unit pada tahun 2017 pertambahan sebanyak 17.7%. Stok sedia ada sebanyak 15,604 unit pada 2016 bertambah kepada 16,242 pada 2017 pertambahan sebanyak 4.1%. Unit industri yang baru dilancar berkurang sebanyak 206 pada 2016 kepada 156 unit pada 2017. Pengurangan pelancaran baru mungkin disebabkan terdapat 407 unit siap dibina tidak terjual bernilai RM976.66 juta. Bilangan dan nilai unit tidak terjual masing-masing menunjukkan peningkatan 26.8% dan 25.3% berbanding 2016 (321 unit siap dibina tidak terjual bernilai RM779.29 juta). Kebanyakan unit industri tidak terjual harganya melebihi RM1,000,000 (365 unit) yang kebanyakannya terletak di Johor Bahru.

**Jadual 2.15** Penawaran Pejabat Binaan Khas Di Negeri Johor 2016-2017

Daerah	Stok Sedia ada		Penyiapan Baru		Mula Pembinaan	
	2016	2017	2016	2017	2016	2017
Johor Bahru	96	97	0	2	2	1
Kota Tinggi	11	11	0	0	0	0
Pontian	7	7	0	0	0	0
Kluang	12	12	0	0	0	0
Mersing	12	12	0	0	0	0
Muar	21	21	0	0	0	0
Batu Pahat	29	29	0	0	0	0
Segamat	18	18	0	0	0	0
Kulai	6	6	0	0	0	0
<b>Jumlah</b>	<b>212</b>	<b>213</b>	<b>0</b>	<b>2</b>	<b>2</b>	<b>1</b>

Sumber: Penilaian dan Perkhidmatan Harta Malaysia (NAPIC)

### Pembinaan Pejabat Binaan Khas

Aktiviti di sektor pejabat binaan khas menurun. Sepanjang tahun 2017, terdapat dua unit penyiapan baru iaitu Bangunan Bank Simpanan Nasional, Johor Bahru dan Citrine@ Lake View di Medini, Iskandar Puteri dengan keluasan ruang 51,000 meter persegi. Terdapat hanya satu bangunan pejabat binaan khas yang mula dibina (47,380 meter persegi). Sehingga hujung tahun 2017 terdapat 213 unit bangunan pejabat sedia ada dengan keluasan ruang 1,137,938 meter persegi berbanding pada 2016 (212 unit, 1,803,867 meter persegi). Kadar penghunian pejabat binaan khas adalah stabil dengan kadar 80.5% pada 2017 berbanding 80.7% pada tahun 2016. Terdapat 3 bangunan binaan khas dalam pembinaan dengan keluasan 125,376 meter persegi, semua terletak di Johor Bahru (Rujuk Jadual 2.15).

### Pembinaan Kompleks Perniagaan

Pada akhir tahun 2017, terdapat sebanyak 143 unit kompleks perniagaan sedia ada di Negeri Johor dengan keluasan ruang 1,925,489 meter persegi (2016: 140 unit; 1,764,087 meter persegi). Beberapa kompleks perniagaan bertukar tangan di tahun 2017; KIP Mart Masai di Johor Bahru, KIP Mart di Kota Tinggi dan One Segamat di Segamat dengan nilai transaksi berjumlah RM316.01 juta. Prestasi subsektor ruang niaga adalah memberangsangkan dari segi peningkatan kadar penghunian kepada 79.9% pada

2017 (2016: 73%). Sepanjang tahun 2017 terdapat lima unit kompleks perniagaan yang siap dibina; SKS City Mall di bandar Penawar, AEON Mall di bandar Dato' Onn, Johor Bahru, TESCO Parit Raja di Batu Pahat, IKEA di Taman Desa Tebrau dan Paradigm Mall di Johor Bahru dengan ruang niaga keseluruhannya berjumlah 184,365 meter persegi. Sementara itu lima kompleks niaga mula dibina di Johor Bahru pada 2017 dengan keluasan 355,023 meter persegi (Rujuk Jadual 2.16).

**Jadual 2.16** Penawaran Unit Kompleks Perniagaan Di Negeri Johor 2016-2017

Daerah	Stok Sedia ada		Penyiapan Baru		Mula Pembinaan	
	2016	2017	2016	2017	2016	2017
Johor Bahru	64	67	1	3	5	5
Kota Tinggi	7	8	0	1	1	0
Pontian	7	7	0	0	0	0
Kluang	10	9	0	0	0	0
Mersing	0	0	0	0	0	0
Muar	8	8	0	0	0	0
Batu Pahat	16	17	0	1	0	0
Segamat	13	12	0	0	0	0
Kulai	11	11	0	0	0	0
Tangkak	4	4	0	0	0	0
<b>Jumlah</b>	<b>140</b>	<b>143</b>	<b>1</b>	<b>5</b>	<b>6</b>	<b>5</b>

Sumber: Penilaian dan Perkhidmatan Harta Malaysia (NAPIC)

Secara umum, sewaan ruang niaga di Johor adalah stabil di sebahagian besar kompleks perniagaan. Pergerakan positif sewa dilihat di Wetex Parade di Muar dan One Segamat Shopping Mall di Segamat disebabkan pembaharuan penyewaan dan semakan sewa. Ruang niaga di tingkat bawah Wetex Parade di Muar memperoleh sewa tertinggi iaitu RM234.66 hingga RM331.54 satu meter persegi sebulan disebabkan lokasi yang strategik dan bilangan pengunjung yang tinggi.

### Pembinaan Kompleks Riadah

Dalam subsektor bangunan riadah, terdapat lima hotel baru dengan penawaran berjumlah 1,231 bilik pada tahun 2017. Hotel-hotel tersebut ialah Hotel Perth di Senai, Amansari Residence Resort di Masai, Amansari Desaru di Bandar Penawar, Hotel Forest City Phoenix di Gelang Patah dan Hotel M Plus Boutique di Bandar Penawar. Sehingga akhir tahun 2017 terdapat 433 buah hotel di Negeri Johor dengan penawaran sebanyak 27,226 bilik (2016: 383 buah, 23,852 bilik). Negeri Johor masih kekal sebagai negeri yang mempunyai bilangan hotel yang paling banyak di Malaysia.



3

***SEKTOR-SEKTOR  
PERKHIDMATAN  
NEGERI JOHOR DI  
TAHUN 2017***

**LAPORAN  
EKONOMI  
2017/2018**  
NEGERI JOHOR DARUL TA'ZIM

## SEKTOR-SEKTOR PERKHIDMATAN NEGERI JOHOR DI TAHUN 2017

### PENDAHULUAN

Bab ini memperihalkan prestasi ekonomi makro Negeri Johor di tahun 2017 dari aspek output sektor-sektor ekonomi, khususnya sektor-sektor perkhidmatan, dengan lebih terperinci daripada yang telah diperihalkan di Bab 1. Ukuran yang digunakan untuk memperihalkan output ialah nilai output kasar dan

nilai ditambah dalam Ringgit Malaysia pada harga semasa. Sumber data bagi penganggaran nilai-nilai output bagi setiap sektor adalah data sekunder yang sebahagian besarnya telah diperolehi daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, Bank Negara Malaysia, MIDA, NAPIC serta beberapa agensi kerajaan Persekutuan dan Negeri.

**Jadual 3.1** Sumbangan Dan Pertumbuhan Sektor-Sektor Perkhidmatan Negeri Johor, 2016 dan 2017

SEKTOR	NILAI DITAMBAH (RM Juta)		SUMBANGAN (%)		PERTUMBUHAN (%)	
	2016	2017	2016	2017	2016	2017
	<b>49,401</b>	<b>52,686</b>	<b>47.2%</b>	<b>47.4%</b>	<b>6.0%</b>	<b>6.6%</b>
Utiliti, Pengangkutan, Penyimpanan & Komunikasi	12,776	13,898	12.2%	12.5%	9.1%	8.8%
Perdagangan Borong & Runcit, Penginapan dan Restoran	13,237	14,283	12.7%	12.9%	6.9%	7.9%
Kewangan & Insurans, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan	10,240	10,659	9.8%	9.6%	2.7%	4.1%
Perkhidmatan-perkhidmatan Lain	4,413	4,687	4.2%	4.2%	5.7%	6.2%
Perkhidmatan Kerajaan	8,735	9,159	8.3%	8.2%	4.6%	4.9%

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor perkhidmatan meningkat 6.6% pada tahun 2017 (2016: 6.0%) sebahagian besarnya dipacu oleh aktiviti penggunaan dan pelaburan. Pada tahun 2017, sektor perkhidmatan merangkumi 47.4% daripada KDNK Negeri (2016: 47.2%). Kumpulan perkhidmatan perantara meningkat 7.0% (2016: 7.0%) disokong subsektor komunikasi dan maklumat serta hartanah dan perkhidmatan perniagaan. Sementara itu, kumpulan perkhidmatan akhir meningkat 6.2% (2016: 5.0%) diterajui subsektor perdagangan borong dan runcit; makanan, minuman dan penginapan serta perkhidmatan lain.

Pertumbuhan nilai ditambah sektor-sektor perkhidmatan Negeri Johor di tahun 2017 adalah menyeluruh. Pengeluaran sektor-sektor perkhidmatan meningkat berikutan peningkatan di dalam penggunaan domestik dan pelaburan swasta yang membantu meningkatkan permintaan bagi pelbagai jenis perkhidmatan. Pertumbuhan nilai ditambah sektor perkhidmatan dipacu oleh subsektor Perniagaan Borong Dan Runcit, Kediaman Dan Restoran yang tumbuh 7.9% dan subsektor Utiliti, Pengangkutan, Penyimpanan & Komunikasi yang

tumbuh 8.8%. Subsektor-subsektor ini masing-masing menyumbang 12.9% dan 12.5% kepada KDNK negeri.

### SEKTOR UTILITI NEGERI JOHOR DI TAHUN 2017

#### Utiliti

Permintaan terhadap elektrik dan air adalah selari dengan jumlah penduduk, taraf hidup penduduk, keaktifan sektor pembuatan serta kegiatan sektor-sektor kecil perkhidmatan seperti perhotelan, restoran, peruncitan, dan pergudangan. Dengan dibantu oleh pertumbuhan sektor-sektor kecil ini nilai ditambah bagi sektor utiliti, pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi pada tahun 2017 dianggarkan meningkat 7.3% (2016: 9.0%).

#### Air


Air adalah merupakan keperluan yang sangat asasi. Air yang berkualiti adalah penting bagi keperluan kehidupan seharian dan sebagai input kepada

beberapa industri dalam sektor pembuatan, industri perhotelan dan restoran. Kerajaan negeri sentiasa memberi tumpuan terhadap penambahbaikan pengurusan sumber air yang dilakukan oleh Badan Kawal Selia Air Johor (BAKAJ) supaya dapat membekal air yang bersih mengikut piawaian yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Syarikat Air Johor Holding (SAJH) telah diberi amanah dan tanggung jawab untuk membantu kerajaan Negeri Johor dalam menyelesaikan isu bekalan air iaitu dalam pembangunan sumber air, pembinaan loji rawatan dan mengurus operasi penyelenggaraan loji rawatan air.

Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat telah melaksanakan beberapa projek bagi mengatasi masalah kekurangan air disebabkan dilanda musim kemarau dan pertambahan permintaan yang tinggi dengan pertambahan penduduk dan pertambahan pembangunan disektor industri dan komersil. Negeri Johor pada beberapa tahun yang lalu menghadapi musim kemarau dan mengalami kekurangan bekalan air. Masalah kekurangan air ini telah diselesaikan dengan pemindahan air mentah Layang 2 Fasa 2 dari Empangan Selayut ke Empangan Upper Layang yang dalam peringkat pelaksanaan untuk daerah Johor Bahru, Kulai dan Pontian dengan anggaran kos berjumlah RM181 juta. Manakala di daerah Mersing,


penyelesaiannya pula adalah dengan pemindahan air mentah dari Sungai Lenggur ke Empangan Congok sebanyak 16 juta liter hari (JLH) dengan pembinaan paip sepanjang 31.4 kilometer dan siap dibina pada Jun 2017. Kos projek ini adalah RM64.84 juta. Kerajaan Pusat juga telah memperuntuk sebanyak RM7 juta untuk menaiktaraf Empangan Congok untuk penyelesaian jangka panjang. Untuk Daerah Kluang masalah krisis air diatasi dengan menyalurkan bekalan air mentah daripada Empangan Kahang ke LRA Sembrong Timur dengan kos RM54 juta. Untuk penyelesaian jangka panjang perbelanjaan bernilai RM125 juta telah diperuntukkan bagi membina Loji Rawatan Air Kahang yang baru yang dapat menghasilkan 40 JLH dan dijangka siap pada 2018. Manakala di Muar pula masalahnya berbeza dengan daerah-daerah tadi. Masalah yang dihadapi adalah kemasukan air masin ke loji air. Ini akan diatasi dengan pembinaan Barrage Sungai Muar yang masih lagi dalam peringkat kajian.

Bagi mengurangkan beban kos sara hidup rakyat, kerajaan Johor telah memberi air percuma sebanyak 10 meter padu sebulan. Pemberian ini hanya layak kepada mereka yang penggunaan bulanan kurang daripada 35 meter padu dan tidak mempunyai tunggakan.



**Rajah 3.1a** Penggunaan Air (juta meter padu) Mengikut Kategori di Negeri Johor, 2013-2017

Sumber: SAJ Ranhill Sdn. Bhd.




**Rajah 3.1b** Taburan Penggunaan Air (juta meter padu) Mengikut Kategori Pengguna di Negeri Johor, 2017

Sumber: SAJ Ranhill Sdn. Bhd.

Nota: Lain-lain\* termasuk Institusi Keagamaan/Kebajikan yang diluluskan, Perkapalan, Kios Air dan Lain-lain Bil Yang di Tuntut Melalui Inbois.


Rajah 3.1a menunjukkan penggunaan air di Negeri Johor mengikut kategori. Jumlah penggunaan air telah bertambah dari 467.9 juta meter padu pada tahun 2016 kepada 479.1 juta meter padu pada tahun 2017 iaitu pertambahan sebanyak 1.8%. Pengguna utama adalah dalam sektor Domestik termasuk penggunaan domestik, kuarters estet dan rumah pangsa/ kondominium (59%), Bukan Domestik termasuk Perdagangan, /Sekolah/ Madrasah/ Tadika (40%), Lain-lain iaitu termasuk Institusi Keagamaan/ Kebajikan yang diluluskan, Perkapalan dan kios air

dan lain-lain bil yang dituntut melalui inbois (1%). SAJH telah berusaha melaksanakan berbagai program untuk menurunkan kadar air tanpa-pendapatan (non-revenue water - NRW) dan didapati peratus NRW telah menurun kepada 24.7% pada tahun 2017 (2016: 25.94 %). Ia merupakan kadar NRW yang agak rendah dibandingkan dengan negeri lain di Malaysia, rujuk Rajah 3.2. SAJH telah mengenalpasti komponen kehilangan yang menyumbang kepada NRW adalah kebocoran pada paip utama dan paip hubungan dan kehilangan komersil.



**Rajah 3.2** Peratus Non Revenue Water Mengikut Negeri, 2016

Sumber: Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air



**Rajah 3.3** Penggunaan Air (juta meter padu) Mengikut Daerah di Negeri Johor 2013-2017

Sumber : SAJ Ranhill Sdn. Bhd.

Daripada Rajah 3.3 dapat dilihat penggunaan air pada 2017 mengikut daerah paling tinggi adalah di daerah Johor Bahru sebanyak 232.37 juta meter padu, 48.5% (2016: 225.8 juta meter padu) daripada seluruh penggunaan air Negeri Johor sejajar dengan pembangunan pesat Iskandar Malaysia sebagai pusat pentadbiran dan komersil Negeri Johor dan pembangunan hartanah. Penggunaan tertinggi berikutnya adalah Kulai 49.9 juta meter padu (2016: 449.2 juta meter padu) bersamaan 10.4%. Kulai yang juga berada di dalam kawasan Wilayah Pembangunan Iskandar yang semakin berkembang berikutan pertambahan kilang dan terdapat berbagai pusat beli-belah di daerah itu termasuk Johor Premium Outlet. Diikuti Batu Pahat 42.3 juta meter padu (2016: 42.9 juta meter padu) iaitu 8.8% daripada jumlah penggunaan air Negeri Johor. Penggunaan air di daerah lain kurang daripada 7.0% daripada penggunaan air keseluruhan (Rujuk Rajah 3.3).

Bagi menampung keperluan pembangunan yang semakin rancak dan memenuhi peningkatan drastik terhadap permintaan air bersih di Iskandar Malaysia dan kawasan-kawasan lain, disarankan Kerajaan Johor merancang membangun sumber air baru bagi menampung bekalan air di negeri ini.


**Elektrik**

Penggunaan tenaga elektrik adalah keperluan asas dan ianya penting untuk kediaman, industri, komersil dan perhotelan. Penggunaannya meningkat selari dengan peningkatan jumlah kediaman di bandar dan luar bandar, peningkatan aktiviti perdagangan serta penambahan penggunaan di sektor perindustrian. Dengan penyiapan stesen loji jana kuasa arang batu di Tanjung Bin pada 2016, ia mampu menyalurkan sebanyak 1,000 Megawatt (MW) tenaga dalam satu

masa dan dapat memenuhi keperluan tenaga bagi kira-kira dua juta pengguna. Dengan loji sedia ada iaitu Tanjung Bin Power yang mempunyai kapasiti 2,100MW dan TNB Pasir Gudang (275MW), keseluruhan kapasiti penjanaan di Negeri Johor akan meningkat kepada 5,375MW secara berperingkat-peringkat menjelang tahun 2019.

Satu lagi projek tenaga adalah projek loji jana kuasa turbin gas kitaran gabungan 1,400 MegaWatt atau Track 4A di Pasir Gudang yang akan dibangunkan oleh General Electric (GE) yang menandatangani perjanjian pelbagai tahun (multiyear agreement) dengan Southern Power Generation Sdn Bhd (SPG) pada Mac 2018. Melalui perjanjian itu GE akan menyediakan penyelesaian perkhidmatan bagi dua turbin gas GE 9HA.02, yang pertama dipasang di Malaysia bagi meningkatkan keupayaan SPG yang bakal menyumbang kepada keperluan tenaga jangka panjang negara. Projek ini dianggarkan bernilai RM4.7 bilion.

Pada tahun 2016 Tenaga Nasional Bhd. (TNB) telah memperuntuk sebanyak RM561 juta untuk penyediaan kemudahan infrastruktur dan rangkaian kabel serta pencawang di Negeri Johor bagi memastikan bekalan eletrik di negeri ini sentiasa berada pada tahap yang tinggi serta memenuhi kehendak pelanggan. Daripada jumlah itu, sebanyak RM142 juta akan diguna untuk memperkukuhkan system bekalan eletrik di Johor Bahru. Pelaksanaan projek ini akan dibuat secara berperingkat sehingga tahun 2025. Dengan pembinaan loji-loji dan penyediaan kemudahan infrastruktur tersebut Negeri Johor telah mendapat tempias dalam pembangunan sosio ekonomi yang positif termasuk menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat negari ini dibidang kejuruteraan, pembuatan dan pengangkutan.




**Rajah 3.4** Unit Jualan Elektrik (Juta KWJ) Mengikut Kategori Pengguna di Negeri Johor 2013-2017  
 Sumber : Tenaga Nasional Berhad, Negeri Johor

Sejajar dengan pertambahan penduduk, unit kediaman dan pembangunan industri pembuatan dan komersil, penggunaan elektrik juga bertambah. Daripada Laporan Tenaga Nasional, unit jualan elektrik Negeri Johor pada tahun 2017, meningkat 2.7% daripada 16,951.8 juta Kilo Watt Jam (KWJ) bagi tahun 2016 kepada 17,402.3 juta KWJ bagi tahun 2017 (2016:4.8%). Secara keseluruhan penjualan elektrik menunjukkan trend menaik daripada tahun ke tahun. Sektor industri merupakan pengguna utama tenaga elektrik dengan unit penjualan sebanyak 8,256.2 juta KWJ (47.4%), diikuti oleh sektor komersil 5,423.1 juta KWJ (31.2 %) dan 3,723.0 juta KWJ (21.4%) bagi sektor domestik.

Peratus peningkatan unit jualan bagi tahun 2017 mengikut kategori adalah masing-masing 3% (2016 :0.4%) di sektor industri, sektor komersil 4% (2016 :7.4%) dan domestik berkurang sebanyak 0.6% (2016 :11.8%). Ini dapat dilihat dalam Rajah 3.4. Manakala penjualan elektrik mengikut daerah di Negeri Johor dapat dilihat

dalam Rajah 3.5, unit jualan tertinggi pada 2017 adalah di Johor Bahru sebanyak 4,456.77 juta KWJ (25.6%) diikuti Pasir Gudang sebanyak 3,692.9 juta KWJ (21.2%), Kulai sebanyak 1,930.7 juta KWJ (11.1%) Batu Pahat 1,557.4 juta KWJ (9.0%) dan Johor Jaya 1,535.1 juta KWJ (8.8%). Di daerah lain peratusan penjualan elektrik adalah kurang daripada 8% daripada unit jualan keseluruhan bagi Negeri Johor. Penyebab kepada jualan tertinggi elektrik di Johor Bahru kerana ia merupakan pusat pentadbiran dan pusat komersil terbesar di Negeri Johor dan pusat taburan populasi paling ramai, Pasir Gudang pula merupakan daerah tumpuan industri dan kediaman dengan tempian pembangunan rancak projek-projek Medini Iskandar. Sementara itu Kulai juga sedang membangun dengan berbagai projek perumahan dan industri kecil dan sederhana, perhotelan dan runcitan tempian dari wujudnya Johor Premium Outlet di daerah tersebut. Secara keseluruhan unit jualan elektrik meningkat di semua daerah di Negeri Johor.



**Rajah 3.5** Jualan Elektrik (Juta KWJ) Mengikut Daerah di Negeri Johor 2014-2017  
 Sumber : Tenaga Nasional Berhad, Negeri Johor

Secara keseluruhan jualan elektrik Negeri Johor menunjukkan trend menaik dari tahun ketahun. Selari dengan pembangunan pesat di Iskandar Malaysia, pusat komersil dan pertambahan penduduk yang tinggi, Johor Bahru menunjukkan jualan tertinggi diikuti Pasir Gudang dan Kulai.


### PERDAGANGAN BORONG DAN RUNCIT, HOTEL DAN RESTORAN

Keteguhan sektor kecil perdagangan borong, sektor kecil runcit, sektor kecil hotel dan sektor kecil restoran berkait rapat dengan kuasa beli penduduk, dan kestabilan asas ekonomi negara. Keaktifan sektor-sektor ini dapat dilihat melalui sensitiviti trend perbelanjaan pembeli, peningkatan dan penurunan bahan bakar dan kos untuk menjalankan perniagaan runcit. Secara amnya, perkembangan sektor kecil ini

dapat di ukur melalui trend jumlah pinjaman yang dikeluarkan oleh bank dari masa ke semasa.

Berdasarkan kepada jumlah pinjaman<sup>1</sup> yang telah dikeluarkan oleh sistem perbankan kepada semua sektor kecil ekonomi pada tahun 2017 telah

berkembang sebanyak 4.2% berbanding dengan penguncupan sebanyak 0.54% pada tahun 2016. Ini memberikan gambaran bahawa aktiviti di sektor kecil ini mengalami perkembangan positif berbanding di tahun sebelumnya.



**Rajah 3.6** Indeks Perdagangan Borong & Runcit, Makanan, Minuman dan Hotel, 2010-2017  
 Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Keaktifan sektor ini dirangsang oleh Sektor-sektor Kecil Perdagangan Borong, Perdagangan Runcit dan Sektor Kecil Kenderaan Bermotor dan Sektor Kecil Perhotelan. Secara keseluruhan prestasi sektor ini dipamerkan sebagai Rajah 3.6.

Pinjaman yang diluluskan oleh sistem perbankan untuk sektor ini adalah 18.5% dari keseluruhan pinjaman (2016:18.7%), dengan sebahagian besar pinjaman, iaitu 78.93%, adalah untuk aktiviti perdagangan borong (2016: 76.03%), peruncitan (18.19%) (2016: 21.32%) dan hotel dan restoran; 2.89% (2015: 2.76%). Sementara itu, berbanding 2016, pinjaman-pinjaman untuk sektor kecil perdagangan borong meningkat 8.2%, untuk sektor kecil peruncitan menguncup 10% manakala untuk sektor kecil restoren dan hotel meningkat 9.1%.

Peratus pinjaman kepada isi rumah meningkat kepada 27.0% di tahun 2017 (2016: 26.7%), memberi petanda mengenai kerancakan aktiviti sektor kecil peruncitan dan yang berkaitan. Situasi ini dicerminkan juga oleh Petunjuk Keyakinan (Confidence Indicator) Jabatan Perangkaan 2017. Bagi , suku pertama 2017 Petunjuk Keyakinan bagi sektor ini adalah -11.1% dan meningkat


kepada 8.3% peratus pada suku keempat tahun 2017. Trend prestasi sektor Perdagangan Borong & Runcit, Makanan, Minuman dan Hotel secara aggregate rajah arah aliran indeks bagi sektor ini dari 2010 hingga 2017 dipamerkan sebagai Rajah 3.6.

### Perdagangan Borong

Pada tahun 2015 terdapat 41,155 pertubuhan perdagangan borong dan runcit di Negeri Johor<sup>2</sup> berbanding 29,732 pertubuhan pada tahun 2010. Ini merupakan pertambahan purata tahunan sebanyak 2,280 pertubuhan perdagangan borong dan perdagangan runcit. Jumlah bagi Negeri Johor ini mewakili 10% dari jumlah pertubuhan di Malaysia dan menduduki tangga ketiga selepas Selangor dan Wilayah Persekutuan. Bilangan ini merangkumi perniagaan semua jenis komponen dan alat ganti kenderaan, jualan borong makanan, jualan borong pakaian, jualan borong bekalan bahan binaan, jualan borong alat tulis, jualan borong perkakasan komputer dan lain-lain. Prestasi aktiviti sektor kecil perdagangan borong sepanjang tahun 2017 diukur oleh Petunjuk Keyakinan (Confidence Indicator) yang di keluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.

<sup>1</sup> Laporan Bank Negara 2017

<sup>2</sup> Jabatan Perangkaan Malaysia



**Rajah 3.7** Petunjuk Keyakinan Perdagangan Borong 2013-2017

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Petunjuk Keyakinan berada pada tahap -7.1% di suku pertama tahun 2017 dan meningkat menjadi 10.7% pada suku keempat. Pergerakan Petunjuk Keyakinan bagi Perdagangan Borong bagi tahun-tahun 2013 hingga 2017 dipamerkan sebagai Rajah 3.7.

### Perdagangan Runcit

Sektor perniagaan runcit memainkan peranan penting di dalam penawaran barangan pengguna. Kedai runcit, pasar raya, pasar mini, convenience store, gerai runcit sayur-sayuran, gerai runcit ikan dan makanan laut, gerai runcit alat telekomunikasi, gerai runcit buku, surat khabar dan alat tulis, kedai runcit alat-alat binaan dan lain-lain merupakan perkhidmatan kepada pengguna. Bengkel penyelenggaraan dan pembaikan kenderaan merupakan salah satu "pelanggan wajib" perdagangan peruncitan yang terbesar di negeri ini. Prestasi yang baik di dalam sektor ini menjadi salah satu indikator bagi suasana ekonomi negeri dan negara. Kewujudan pasar raya besar, gedung serbaneka, pembinaan rumah kedai di setiap daerah dan "boutiques" di negeri ini turut membantu dalam peningkatan aktiviti peruncitan (makanan, minuman, pakaian dan pelbagai jenis barangan) dan kenderaan bermotor.


Laporan Penyiasatan Gajidan Upah 2016 mencatatkan bahawa pendapatan purata bulanan pekerja di Negeri Johor 2016 ialah RM 6,958, meningkat dari RM 6,141 bagi tahun 2014. Selain itu pendapatan median

bulanan pekerja meningkat dari RM 5,228 sebulan kepada RM 4,585 sebulan. Peningkatan pendapatan ini merupakan indikator bagi peningkatan kuasa beli penduduk secara keseluruhan. Prestasi sektor kecil peruncitan digambarkan oleh arah aliran Petunjuk Perdagangan Runcit (PPR). Trend PPR dari suku pertama tahun 2013 hingga suku keempat tahun 2017 dipamerkan sebagai Rajah 3.8. Jelas kelihatan pertumbuhan yang semakin menurun dari 7% pada tahun 2014 kepada 6% pada tahun 2016 tetapi meningkat kepada 24.6% pada suku ketiga dan 3.0% pada suku keempat 2017.

Salah satu faktor yang mempengaruhi kerancakan sektor peruncitan ialah tahap perbelanjaan pengguna. Perbelanjaan pengguna mengalami sedikit penurunan di suku tahun pertama dan kedua 2017. Ini adalah akibat, di antara lain, pelaksanaan GST, kenaikan kos sara hidup, nilai ringgit yang lemah, serta meningkatnya perbelanjaan untuk menjalankan perniagaan dan sikap berwaspada pengguna. Ini telah mempengaruhi Indeks Sentimen Pengguna<sup>3</sup> (Consumer Sentiment Index) pada keseluruhan tahun 2016. Dengan cadangan pemansuhan GST pada separuh tahun kedua tahun 2017 Consumer Sentiment Index meningkat dari 69.8 di Suku Pertama 2017 kepada 82.6 di Suku Keempat 2017.

Liberalisasi industri peruncitan yang membenarkan pasar raya besar (hypermarkets) milik asing beroperasi di Malaysia telah meningkatkan pertumbuhan

<sup>3</sup>Dikeluarkan oleh Malaysian Institute of Economic Research (MIER)



**Rajah 3.8** Petunjuk Perdagangan Runcit, 2013 - 2017  
 Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

sektor peruncitan. Pasar raya besar seperti TESCO, AEON, Giant, Holiday Plaza, City Square, Econ Save, MYDIN, 99 Speedmart sudah semakin popular di kalangan pengguna di Malaysia dan di Negeri Johor. Beberapa faktor meningkatkan daya tarikan kepada hypermarket. Ini termasuk ciri serba lengkap, moden, tempat parkir kenderaan yang selesa dan selamat, pilihan barangan yang luas selain harga yang dianggap berpatutan.

Gambaran kerancangan aktiviti peruncitan di tahun 2017 dicerminkan oleh kewujudan 143 kompleks peniagaan dengan keluasan lantai berjumlah 1,925,489 meter persegi (2016: 1,764,086 meter persegi). Kadar huni ialah 60.5% bagi pusat membeli belah (2016: 60.4%), 89.0% bagi Aked (2016: 88.9%) dan 92.4% bagi hypermarket (2016: 92.3%). Ini merupakan perkembangan positif dari segi keluasan dan kadar huni. Sebahagian besar kompleks perniagaan terletak di Johor Bahru (67), Batu Pahat (17), Kluang (9), Muar (8), Kulai (11), dan Segamat (12).

**Jadual 3.2** Trend Penawaran Ruang Membeli Belah Di Negeri Johor, 2011 - 2017

Tahun	Pusat Membeli belah		Arked		Hipermarket		Keseluruhan
	Jum Ruang (m.p.)	Peratus	Jum Ruang (m.p.)	Peratus	Jum Ruang (m.p.)	Peratus	Jumlah Ruang (m.p)
2011	1,099,788	68.8%	115,700	7.2%	382,810	24.0%	1,598,298
2012	1,143,756	68.5%	120,177	7.2%	406,520	24.3%	1,670,453
2013	1,093,702	67.7%	140,536	8.7%	380,929	23.6%	1,615,167
2014	1,087,197	65.6%	140,536	8.5%	429,056	25.9%	1,656,789
2015	1,111,519	65.3%	127,310	7.5%	464,215	27.3%	1,703,044
2016	1,166,592	66.1%	127,310	7.2%	470,184	26.7%	1,784,086
2017	1,345,825	69.9%	114,554	5.9%	465,110	24.2%	1,925,489

Sumber: NAPIC, Kementerian Kewangan Malaysia

Keaktifan kegiatan peruncitan juga disumbangkan oleh kewujudan 42 hypermarket dengan keluasan lantai 470,184 meter persegi (2015: 41; 464,215 meter persegi). Ini menggambarkan keyakinan peniaga tentang peningkatan kuasa beli dan sentimen pengguna terhadap kesetabilan ekonomi negeri secara am. Kerancakan aktiviti peruncitan dicerminkan oleh Indeks Sentimen Pengguna yang relatif meningkat berbanding tahun 2015. Keaktifan perniagaan runcit juga disumbangkan oleh beberapa pendekatan yang inovatif oleh pusat membeli belah dengan mewujudkan kios di ruang legar premis masing-masing. Inisiatif ini sedikit sebanyak memperluaskan peluang orang ramai untuk berniaga runcit.

Bilangan unit kedai yang dibina di sesuatu lokasi jika menjadi petunjuk kepada keaktifan perniagaan runcit. Di Negeri Johor, bilangan kedai dari pelbagai jenis pada tahun 2017 meningkat 1.9% menjadi 76,059 unit (2016: 74,571 unit). Daerah Johor Bahru mendominasi jumlah kedai dengan 43.7%, diikuti daerah Batu Pahat (12.0%), Kulai (9.5%), Kluang (9.1%) dan Segamat (7.3%).


### Hotel dan Penginapan

Dibawah kategori ini, aktiviti yang terlibat ialah yang melibatkan institusi-institusi hotel dan hotel resort, hotel apartmen, motel chalet, rumah rehat dan penginapan-penginapan lain. Mengikut Laporan Banci Ekonomi 2016 terbitan Jabatan Perangkaan Malaysia, pada tahun 2015 terdapat 470 pertubuhan yang menjalankan aktiviti yang berkait rapat dengan perkhidmatan penginapan berbanding 365 pertubuhan pada tahun 2010. Laporan NAPIC<sup>4</sup> mencatatkan bahawa di Negeri Johor pada tahun

2017, terdapat sejumlah 433 hotel (2016: 383) yang terdiri daripada 3 hotel 5 bintang, 11 hotel 4 bintang, 22 hotel 3 bintang dan selebihnya adalah hotel-hotel bertaraf 3 bintang dan ke bawah.

Ketibaan pelancong secara amnya mempengaruhi kadar penginapan hotel di Negeri Johor. Kadar penghunian hotel meningkat pada akhir tahun 2017 dengan ketibaan pelancong dari negara-negara Timur Tengah, Asia Tengah yang telah mula menampakkan perubahan dalam pemilihan destinasi mereka, disamping kewujudan cuti panjang bagi pekerja-pekerja di Malaysia. Prestasi sektor ini digambarkan oleh trend Indeks Penginapan yang menunjukkan pergerakan yang menaik walaupun secara perlahan (Rujuk Rajah 3.9). Nilai indeks penginapan dipengaruhi oleh faktor bermusim seperti cuti sekolah, cuti perayaan dan sebagainya. Secara keseluruhan Indeks Penginapan menunjukkan trend menaik. Perubahan yang paling besar ialah pada tahun 2016.

Jumlah hotel yang terdapat di Johor mewakili 13.3% daripada jumlah keseluruhan di Malaysia, manakala bilangan bilik hotel sebanyak 23,852 buah (2015: 23,035 buah) mewakili 11.2% dari keseluruhan penawaran bilik hotel di Malaysia. Bilangan chalet yang terdapat di sesebuah negeri menjadi indikator tambahan bagi keaktifan industri pelancongan. Ini adalah kerana permintaan terhadap chalet sentiasa meningkat akhir-akhir ini. Banci Ekonomi 2011, Jabatan Perangkaan Malaysia, menunjukkan terdapat 28 chalet dengan bilangan bilik berjumlah 860 di seluruh Negeri Johor. Hasil Banci Ekonomi 2011, Jabatan Perangkaan Malaysia, menunjukkan bahawa terdapat 9 rumah rehat/rumah tamu/asrama/bed & breakfast di Negeri Johor dengan jumlah 137 bilik .



Rajah 3.9 Indeks Penginapan, 2010 - 2017

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

<sup>4</sup> Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, Kementerian Kewangan Malaysia

**Jadual 3.3** Negeri Johor: Bilangan Hotel\* dan Indeks Penginapan


Tahun	Suku	Bilangan Hotel	Bilangan Bilik	Indeks Penginapan (2010=100)
2012	1	355	17,941	100.4
	2	356	18,809	104.7
	3	355	20,085	110.2
	4	361	20,711	110.8
2013	1	361	20,711	103.0
	2	364	21,066	107.6
	3	367	21,148	115.8
	4	368	21,397	115.7
2014	1	370	21,553	110.4
	2	371	21,878	112.5
	3	374	22,439	119.3
	4	375	22,774	120.8
2015	1	375	22,774	116.3
	2	375	22,774	118.8
	3	375	22,774	125.4
	4	375	23,035	127.4
2016	1	380	23,228	122.9
	2	381	23,484	124.4
	3	382	23,660	133.4
	4	383	23,852	135.8
2017	1	419	26,086	129.7
	2	431	26,798	131.8
	3	431	26,798	141.4
	4	433	27,226	144.1

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia/NAPIC

\* Hotel semua kelas

### Perkhidmatan Restoran, Makanan dan Minuman

Keaktifan perniagaan restoran berkait rapat dengan tahap sosio-ekonomi penduduk, tahap pekerjaan penduduk, jumlah penduduk yang berumur dalam lingkungan 20-35 tahun serta tahap pendapatan isirumah. Kewujudan kedai makanan segera yang moden menarik minat generasi baru (Gen Y dan Z) dalam merencanakan penawaran restoran sedemikian. Kewujudan "food court" di kawasan pusat membeli belah serta kewujudan restoran-restoran baru merencanakan aktiviti perniagaan restoran.

**Rajah 3.10** Indeks Makanan dan Minuman, 2010 - 2017

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah<sup>5</sup> menunjukkan bahawa perbelanjaan bulanan purata isi rumah di Negeri Johor pada tahun 2016 ialah RM4,184 berbanding dengan RM3,808 pada 2014. Ini merupakan peningkatan tahunan sebanyak 4.3%. Kerancangan perkhidmatan restoran boleh dilihat melalui sikap perbelanjaan individu dan isi rumah. Mengikut Laporan Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah 2016, corak perbelanjaan isi rumah penduduk Negeri Johor secara purata ialah 23.5% untuk perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api (2014: 21.62%), 17.5% untuk makanan dan minuman bukan alkohol (2014: 18.69%), 15.2% untuk pengangkutan (2014:16.38%), 12.0% untuk hotel dan restoran (2014:11.59%). Perbelanjaan untuk makan dan minum di luar rumah adalah sebanyak 11.8% dan 0.3% adalah untuk perkhidmatan.

Perbelanjaan untuk hotel dan restoren yang relatif besar merangsang percambahan gerai-gerai makanan dan minuman, restoren baru dan restoren beroperasi 24 jam. Sementara itu, gerai-gerai tidak kekal di kawasan perumahan baru dan kawasan pelancongan dan perindustrian menyumbang kepada peningkatan aktiviti sektor kecil restoran. Bilangan restoran dianggarkan bertambah pada tahun 2017 dengan kewujudan premis baru di kawasan perumahan baru dan kawasan kompleks perniagaan.

Di samping bilangan restoran yang banyak di kawasan-kawasan pihak berkuasa tempatan (PBT), bilangan penjaja dan peniaga pasar malam yang aktif berjumlah, masing-masing, sekitar 35,100 dan 25,500. Keadaan ini juga memberi impak kepada pendapatan peniaga dan pola perbelanjaan isi rumah Negeri Johor.

<sup>5</sup> Laporan Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah, Jabatan Perangkaan Malaysia.

Peningkatan tabiat makan di restoran dan kafe di kalangan penduduk amat berkait rapat dengan umur dan bilangan isi rumah. Di kalangan kumpulan umur kurang dari 24 tahun 16.7% daripada perbelanjaan bulanan ialah untuk perbelanjaan makanan dan minuman diluar rumah (2014: 15.2%). Ini diikuti oleh kumpulan umur 25 - 34 tahun dengan peratus 14.3% (2014: 13.3%). Terdapat hubungan positif di antara tingkat pendapatan dan perbelanjaan makanan dan minuman diluar rumah. Semakin tinggi pendapatan seseorang semakin tinggi minat untuk makan dan minum diluar. Bilangan isi rumah dan peratus makan di restoran dan cafe membentuk pertalian yang negatif. Bilangan isi rumah yang semakin meningkat menyebabkan penurunan peratus untuk makan di restoran dan kafe.

### SEKTOR PELANCONGAN

Secara amnya kadar kemasukan pelancong ke Malaysia pada 2017 telah menguncup 3.0% (2016: 4.0%). Ini merupakan penurunan yang agak signifikan. Walau bagaimanapun jumlah perbelanjaan pelancong meningkat sebanyak 0.1%. Walaupun kedatangan pelancong dari ASEAN menguncup

sebanyak 3.9% pelancong dari Negara ASEAN merangkumi 75.1% daripada jumlah pelancong ke Malaysia. Sementara itu pelancong dari ASIA merangkumi 86.5% daripada jumlah pelancong ke Malaysia. Singapura mendahului negara- negara lain dalam sumbangan bilangan pelancong ke Malaysia dengan diikuti oleh Indonesia dan China.

Pelancong dari Asia Timur telah meningkat sebanyak 6.3% pada tahun 2017, berbanding tahun sebelumnya. Pemilihan Malaysia di kalangan kumpulan pelancong ini adalah di atas sebab-sebab tertentu, terutamanya kadar pertukaran asing yang akibat dari penurunan nilai RM. Kesan dari peningkatan ini menghasilkan peningkatan hasil aktiviti pelancongan. Trend pelancong luar negara yang tiba di Malaysia memudahkan anggaran tahap industri pelancongan dalam negara pada tahun 2017. Statistik dari Tourism Malaysia dan Jabatan Imigresen Malaysia menunjukkan bahawa kedatangan pelancong warga Singapura adalah yang tertinggi iaitu mencecah 48% dari keseluruhan pelancong yang didaftarkan. Indonesia menyumbang 11.4% manakala China, Thailand dan Brunei masing-masing menyumbang 8.8%, 7.1% dan 6.4%.

**Jadual 3.4** Malaysia: Ketibaan Pelancong Luar Negara , 2015 - 2017

Negara Asal	2015		2016		2017	
	Bilangan	%	Bilangan	%	Bilangan	%
Singapura	12,930,754	50.3%	13,272,961	49.6%	12,441,713	47.9%
Indonesia	2,788,033	10.8%	3,049,964	11.4%	2,796,570	10.8%
Brunei	1,133,555	4.4%	2,124,942	7.9%	1,660,506	6.4%
China	1,677,163	6.5%	1,391,016	5.2%	2,281,665	8.8%
Thailand	1,343,569	5.2%	1,780,800	6.7%	1,836,522	7.1%
India	722,141	2.8%	638,578	2.4%	552,739	2.1%
Lain-lain	5,126,036	19.9%	4,499,131	16.8%	4,378,744	16.9%
<b>JUMLAH</b>	<b>25,721,251</b>		<b>26,757,392</b>		<b>25,948,459</b>	

Sumber: Tourism Malaysia

Empat pengangkutan utama pelancong memasuki Malaysia ialah pengangkutan darat (70.1%), pengangkutan udara (23.1%), pengangkutan laut (5.0%) dan keretapi (0.8%). Bagi Negeri Johor Tambak Johor, Gelang Patah, KTM Tanjung Pagar, Stulang Laut, Jeti Pasir Gudang, Kukup dan Lapangan Terbang Antarabangsa Senai merupakan pintu-pintu masuk utama. Negeri Johor mempunyai peluang baik menerima pelancong dari Singapura dan pelancong luar yang berkunjung ke Singapura.


Pusat-pusat membeli belah bertaraf antara bangsa dan "high-end" di Negeri Johor berupaya menarik pelancong amat aktif di sepanjang tahun. Pusat pelancongan seperti Pulau Tinggi, Pantai Teluk Buih, Pantai Rambah, Taman Negara Endau-Rompin, Gunung Tangkak, Taman Negara Tanjung Piai, Desaru, Danga Bay, Legoland termasuk kawasan-kawasan perkemahan air terjun (eco-tourism) dan lain-lain tempat juga menjadi daya tarikan pelancong, terutama pelancong asing.

**Arah Aliran Pelancongan dan Sumbangan Pelancongan Domestik**

Trend Petunjuk Keyakinan Penginapan Hotel yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia mempamerkan pergerakan yang beralun, tetapi apabila diteliti dengan lebih mendalam dapat disimpulkan bahawa permintaan terhadap perkhidmatan perhotelan dipengaruhi oleh faktor bermusim. Permintaan bagi perkhidmatan penginapan menurun di suku tahun pertama dan kedua setiap tahun tetapi meningkat secara perlahan pada suku-suku tahun berikutnya (Rujuk Rajah 3.11).

Hasil Banci Ekonomi 2016 (Sektor Pelancongan) menunjukkan bahawa Negeri Selangor menerima impak yang tinggi daripada industri pelancongan, dengan nilai tambah tertinggi iaitu sebanyak

RM50,977.9 juta. Nilai-nilai nilai ditambah bagi WP Kuala Lumpur ialah RM50,480.7 juta; Johor, RM11,406.3 juta; Pulau Pinang, RM9,012.1 juta; Perak, RM6,708.7 juta dan Sarawak, RM6,680.6 juta. Data dari Penyiasatan Pelancongan Domestik, Jabatan Perangkaan Malaysia 2016, menunjukkan bahawa terdapat seramai 189.3 juta pelawat domestik di Malaysia sepanjang 2016 (2015: 176.9 juta). Sejumlah 66.0 juta adalah pelancong domestik (2015: 62.7 juta). Selebihnya adalah pelawat harian. Negeri Selangor merupakan penerima kunjungan pelawat harian paling ramai iaitu seramai 24.124 juta (2015: 22.063 juta) orang dan diikuti oleh Negeri Perak 16.8 juta (2015: 15.96 juta), Wilayah Persekutuan 16.8 juta (2015: 15.1 juta) Negeri Sabah 16.5 juta orang (2015: 15.722 juta). Sementara itu bilangan pelawat yang berkunjung ke Negeri Johor berjumlah 12.2 juta (2015:11.59 juta).



**Rajah 3.11** Petunjuk Keyakinan Perkhidmatan Hotel Suku Tahunan, 2014-2017  
 Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

**Jadual 3.5** Jumlah Pelancong Domestik Yang Mengunjungi Lima Negeri Utama 2016-2017

Negeri	2016		2017		Perubahan Tahunan
	Jumlah ('000)	Peratus	Jumlah ('000)	Peratus	
Perak	7,202.4	10.9%	7,639.8	10.8%	6.1%
Johor	7,406.2	11.2%	7,545.2	10.7%	1.8%
Pahang	6,916.5	10.5%	7,703.2	10.9%	11.3%
Kedah	5,343.7	8.1%	4,929.6	7.0%	-7.7%
Selangor	5,520.5	8.4%	6,814.1	9.6%	23.4%

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Data daripada kajian yang sama menunjukkan bahawa Negeri Johor merupakan negeri yang paling ramai dikunjungi oleh pelancong domestik, iaitu seramai 7.05 juta. Taburan pelancong domestik yang berkunjung ke negeri-negeri terpilih di Malaysia dipamerkan sebagai Jadual 3.5.

Tempat-tempat yang menjadi tumpuan utama pelawat harian di Negeri Johor ialah Bandaraya Johor Bahru, Nusajaya, Kulaijaya, Batu Pahat dan Desaru. Tumpuan pelawat domestik lebih kepada

kawasan bandar. Kemasukan pelancong menjana pendapatan industri hiliran yang berkaitan. Laporan Akaun Setelit Pelancongan 2016 terbitan Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan sektor-sektor yang memperolehi manfaat mengikut kepentingan daripada perbelanjaan yang berkait langsung dengan aktiviti pelancong domestik, pelancong inbound dan pelancong outbound adalah sektor perkhidmatan. Sebahagian daripada maklumat yang berkaitan dipamerkan sebagai Jadual 3.6.

**Jadual 3.6** Taburan Peratus Perbelanjaan Pelancong 2017

Sektor Perkhidmatan	Domestik	Inbound	Outbound
Perkhidmatan Penginapan	9.9%	23.8%	21.8%
Perkhidmatan Penyediaan makanan dan Minuman	15.5%	12.9%	10.8%
Perkhidmatan Pengangkutan Penumpang	7.3%	18.4%	40.1%
Perkhidmatan Agensi Pelancongan dan Penempajaan Lain	1.9%	5.6%	2.6%
Perkhidmatan Kebudayaan, Sukan dan Rekreasi	1.6%	3.8%	2.9%
Jualan Runcit Bahan Api Kenderaan	18.0%	-	-
Barang Khusus bercirikan Pelancongan Negara	39.7%	30.2%	19.4%
Perkhidmatan Khusus bercirikan Pelancongan Negara	6.1%	5.3%	2.5%
<b>Jumlah</b>	<b>100.0%</b>	<b>100.0%</b>	<b>100.0%</b>

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Perbelanjaan yang dikeluarkan oleh pelancong "inbound" adalah penyumbang tertinggi iaitu 50% daripada keseluruhan perbelanjaan pelancong dengan diikuti oleh pelancong domestik, iaitu sebanyak 40% daripada keseluruhan perbelanjaan pelancong.

Menurut data Jabatan Perangkaan Malaysia, bagi tahun-tahun 2014, 2015 dan 2016 perbelanjaan pelancong untuk membeli belah dan untuk bahan api kenderaan adalah dua bahagian terbesar di dalam peruntukan perbelanjaan untuk melancong atau melawat. Dua jenis perbelanjaan ini diikuti oleh perbelanjaan makan dan minuman. Perbelanjaan penginapan berada pada kedudukan (rank) yang ke-4, selari dengan kedudukan untuk kemudahan penginapan. Oleh yang demikian, penyedia perkhidmatan seperti pengangkutan, perniagaan peruncitan, perhotelan dan restoren adalah diperlulah untuk meraih kesan daripada keaktifan subsektor pelancongan. Peratus perbelanjaan pelancong domestik mengikut kategori bagi tahun 2015 hingga 2017 dipamerkan sebagai Jadual 3.7.

Hasil siasatan (survey) yang dilakukan oleh pihak Tourism Malaysia menunjukkan bahawa, secara purata bagi tahun 2017, setiap pelancong domestik membelanjakan RM300 pada setiap perjalanan dan menginap selama 3.2 hari. Sebaliknya setiap pelancong inbound membelanjakan secara purata RM 3,167 (2016: RM3,068)

Puratanya seorang pelancong tinggal sekitar 5 hari di negara ini pada tahun 2016 berbanding 5.5 hari pada tahun 2015 iaitu menurun dari 6.6 hari pada tahun 2014 dan 6.8 hari pada tahun 2013. Terdapat juga pelancong-pelancong yang tinggal lebih lama dari purata. Sebagai contoh, pelancong dari Saudi Arabia secara purata tinggal 10.7 malam; Oman, 9.7 malam; Ireland, 8.7 malam; Switzerland, 8.7 malam; Pakistan 8.6 malam; dan Iran, 8.6 malam. Pihak kerajaan perlu memikirkan kaedah promosi yang sesuai untuk menggalakkan pelancong-pelancong tinggal lebih lama dan berbelanja lebih tinggi di Negeri Johor.

**Jadual 3.7** Peratus Perbelanjaan Pelancong Domestik Mengikut Kategori, 2015 - 2017

Kategori	2015		2016		2017	
	Peratus	Pangkat	Peratus	Pangkat	Peratus	Pangkat
<b>Perbelanjaan oleh pelawat domestik</b>	<b>89.2</b>		<b>88.9</b>		<b>88.6</b>	
Membeli belah	34.2	1	35.3	1	36.3	1
Pembelian bahan api kenderaan	16.9	2	16.0	2	15.2	2
Pengangkutan	6.7	5	6.5	5	6.3	5
Makanan dan Minuman	13.8	3	13.8	3	13.8	3
Penginapan	9.0	4	8.8	4	8.6	4
Perbelanjaan sebelum perjalanan	2.6	7	2.8	7	3.0	7
Aktiviti lain	6.0	6	5.7	6	5.5	6
<b>Perbelanjaan oleh Host</b>	<b>10.8</b>		<b>11.1</b>		<b>11.4</b>	

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Aktiviti pelancongan memberi impak kepada perkhidmatan yang berkaitan serta terus mengekalkan kedudukannya sebagai penyumbang pendapatan tukaran asing kedua terbesar bagi Malaysia. Aktiviti hiliran sektor pelancongan serta promosi yang agresif di pasaran baru dan bukan tradisional, terutamanya di Asia Barat, China, dan India dengan menggunakan "YouTube" atau medium lain yang luas capaiannya. Kemudahan dewan persidangan serta peningkatan bilangan persidangan peringkat antara bangsa dan pameran antarabangsa perlu di galakan di negara ini. Aktiviti sukan seperti International Marathon, International Big Walk perlu di masukkan ke dalam kalender sukan antarabangsa. Aktiviti-aktiviti tersebut perlu dibantu oleh promosi "Jualan Mega" yang perlu diadakan sekurang-kurangnya setahun sekali. Selain itu, diperlukan juga pengwujudan produk-produk pelancongan baru yang inovatif yang dikomplemen oleh produk-produk bercirikan kebudayaan.

## PENGANGKUTAN, PENYIMPANAN DAN KOMUNIKASI

Sektor pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi adalah satu satunya sektor yang mempamerkan prestasi yang sederhana baik dari tahun 2013 sehingga tahun 2017. Dalam harga malar tahun 2010, KDNK sektor ini tumbuh agak tinggi pada tahun 2013, iaitu pada kadar 7.8%. Tetapi pada tahun 2014, ianya mencatat penurunan sedikit kepada 5.1%. Walau bagaimanapun pada tahun 2015, sektor ini mempamerkan prestasi yang agak memberangsangkan iaitu pertumbuhan sebanyak 10.1%. Pada tahun 2016 sektor ini menunjukkan prestasi yang baik, iaitu perkembangan sebanyak 10.5%. Walau bagaimanapun pada tahun 2017, sektor

ini meningkat 6.9%. Prestasi sederhana ini dijangkakan akan berterusan pada masa akan datang. Ia boleh dikatakan satu senario yang agak menggalakkan dalam pengendalian pergerakan barangan, storan dan perhubungan dalam negara yang melibatkan transaksi perdagangan yang lebih mantap.

Kemantapan pertumbuhan dalam sektor ini didorong terutamanya oleh peningkatan perdagangan dan aktiviti berkaitan dengan perjalanan serta perkembangan berterusan industri komunikasi. Kecuali segelintir jenis pengangkutan, pada keseluruhannya sebahagian besar aktiviti pengangkutan dijangka meningkat berikutan peningkatan kekerapan penerbangan, tambahan rangkaian dan destinasi serta penambahbaikan infrastruktur pengangkutan dan pertumbuhan pesat aktiviti pelancongan dan perdagangan di Malaysia serta negara-negara ASEAN yang lain. Begitu juga, aktiviti penghantaran dijangka memberi suntikan terhadap perkembangan sektor ini selepas tahun 2017.

### Pengangkutan Darat

Pada umumnya, pengangkutan darat boleh dilihat melalui dua mod pengangkutan. Ianya selalunya dikaitkan dengan pengangkutan jalan raya dan pengangkutan rel. Kepesatan pertumbuhan pengangkutan jalan raya boleh dilihat melalui pergerakan penumpang dan barangan melalui bas-bas awam, kereta persendirian, kenderaan barangan dan juga kenderaan komersial. Sebaliknya pertumbuhan pengangkutan rel boleh dilihat melalui jumlah penumpang dan juga kargo yang dikendalikan oleh KTMB yang melangkaui stesyen-stesyen keretapi yang ada di dalam Negeri Johor.

## Pengangkutan Jalan Raya

Keaktifan pengangkutan jalan raya boleh dilihat daripada limpahan dari keaktifan sektor-sektor lain seperti pembuatan, perdagangan borong dan runcit serta lain-lain sektor perkhidmatan yang berkaitan. Hakikatnya, pengangkutan dan logistik menjadi nadi kepada aktiviti-aktiviti perdagangan di dalam banyak sektor. Juga, keaktifan sektor ini memberi impak kepada sektor-sektor lain seperti

insurans dan kewangan serta sector-sektor hiliran yang merangkumi perkhidmatan rawatan dan memperbaiki kenderaan melalui bengkel-bengkel dan pusat rawatan kenderaan. Begitu juga dengan pertambahan bilangan pengguna jalanraya dari tahun ke tahun seiring dengan pertambahan kenderaan baru dan kenderaan terpakai yang sentiasa menunjukkan trend menaik dari tahun ke tahun semenjak tahun 2013.

**Jadual 3.8** Bilangan Semua Jenis Kenderaan Baru Yang Didaftarkan pada Tahun 2013-2017

Tahun	Malaysia	Selangor	Johor	WP K. Lumpur	P. Pinang	Lain-lain Negeri
2013	1,212,700	118,565	147,825	291,990	113,015	541,305
	4.2%	3.9%	2.7%	3.4%	2.9%	5.4%
2014	1,261,781	123,100	151,708	301,568	116,159	568,886
	4.1%	3.8%	2.6%	3.3%	3.1%	5.1%
2015	1,305,705	127,357	154,813	310,251	118,769	588,886
	3.5%	3.5%	2.1%	2.9%	2.3%	4.5%
2016	1,358,738	132,236	159,294	320,558	122,650	624,000
	4.1%	3.8%	2.9%	3.3%	3.3%	4.8%
2017 <sup>e</sup>	1,405,442	136,584	162,820	329,745	125,660	650,630
	3.0%	3.3%	2.2%	2.9%	2.3%	4.3%

Sumber: Jabatan Pengangkutan jalan, Kementerian Pengangkutan Malaysia.


<sup>e</sup> anggaran ; peratus ialah perubahan dari tahun sebelumnya

Dalam kebanyakan hal aktiviti-aktiviti yang disebutkan di atas sedikit sebanyak boleh mempengaruhi penggunaan jalanraya. Jadual 3.8 menunjukkan bilangan semua jenis kenderaan baru yang didaftarkan di seluruh Malaysia, termasuk Negeri Johor dari tahun 2013 hingga 2017. Berpandukan kepada jadual ini, daripada bilangan semua jenis kenderaan baru yang didaftarkan di seluruh Malaysia menaik dengan kadar yang agak sederhana pada tahun 2013 berbanding dengan tahun sebelumnya. Pada tahun 2013 pula, kenaikan pendaftaran kenderaan baru di seluruh Malaysia agak sederhana-tinggi (4.2%) manakala di negeri-negeri menunjukkan kenaikan yang sederhana hingga ke sederhana-tinggi, iaitu antara 2.7% hingga 5.4%. Namun pada tahun 2016 hingga tahun 2017 kenaikannya lebih ketara berkisar di antara 2.1% hingga 4.8%. Ini menunjukkan bahawa pada tahun 2017 sahaja jumlah pertambahan kenderaan baru yang didaftarkan di Malaysia ialah melebihi 1.41 juta kenderaan, peningkatan sebanyak 3.04% dibandingkan dengan tahun 2016.

Bilangan kenderaan baru yang didaftarkan di Negeri Johor mencapai 147,825 unit pada tahun 2013. Ianya naik kepada 151,708 unit pada tahun 2014 dan 154,813 unit pada tahun 2015. Pada tahun 2016 ianya mencatatkan 159,294 unit kenderaan baru yang didaftarkan. Tahun 2017 mencatat peningkatan kepada 162,820 unit kenderaan baru yang didaftarkan, iaitu pertumbuhan 2.21% daripada tahun sebelumnya. Peningkatan ini dianggap kenaikan yang sederhana.

Pada tahun 2017 Negeri Johor merekodkan jumlah pendaftaran kenderaan baru yang kedua tertinggi di Malaysia di belakang Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (329,745 unit). Negeri Selangor dan Pulau Pinang pula merekodkan tempat ketiga dan keempat, iaitu masing-masing 136,584 dan 125,661 unit.

Rajah 3.12 mempamerkan trend jumlah kenderaan baru yang didaftarkan di tiga negeri iaitu Johor, Wilayah Persekutuan dan Selangor pada tahun-tahun 2013 hingga tahun 2017. Bilangan kenderaan yang didaftarkan di Negeri Johor mencatat trend peningkatan yang sama dengan negeri-negeri lain



**Rajah 3.12** Trend Jumlah Kenderaan baru yang didaftarkan ('000) di Johor, Selangor dan Wilayah Persekutuan, 2014-2017

dan Malaysia. Namun begitu, kenaikan hanyalah dalam lingkungan 2.1% hingga 2.9%, kurang daripada trend yang direkodkan oleh pendaftaran kenderaan bagi seluruh Malaysia yang merekodkan kenaikan di antara 3.04% ke 4.21%.

Penggunaan pengangkutan bas awam tidak menunjukkan sebarang perkembangan ketara di Negeri Johor dari tahun 2013 hingga tahun 2017. Peningkatan adalah sederhana pada tahun 2013 dan 2014. Bilangan pertubuhan/syarikat yang terlibat di dalam perkhidmatan ini tidak berubah dengan ketara dari tahun 2013 hingga 2017. Bilangan pekerja dan nilai ditambah bagi perkhidmatan bas awam mencatatkan perubahan yang sederhana dan mendatar pada tahun 2013, iaitu masing-masing meningkat 2.27% dan 1.42%. Pada tahun 2014 peningkatan jumlah pekerja dan nilai ditambah menaik sedikit, iaitu antara 3.16% bagi bilangan pekerja dan 2.71% bagi nilai ditambah. Pertumbuhan bilangan pekerja dan nilai ditambah yang sederhana berlaku pada tahun 2016, iaitu masing-masing sebanyak 1.7% dan 0.8%. Tahun 2017 pula menyaksikan satu konsolidasi peningkatan di dalam jumlah pekerja dan nilai ditambah, yang masing-masing mencatatkan peningkatan 3.5% dan 2.7%. Data berkaitan dengan penggunaan bas awam di Johor bagi 2013 – 2017 dipamerkan sebagai Jadual 3.9.

**Jadual 3.9** Penggunaan Bas Awam di Johor, 2013 - 2017

Tahun	Bilangan Pertubuhan	Bilangan Pekerja	Nilai Ditambah Banci (RM'000)
2013	48	2,431	46,189
	2.1%	2.3%	1.4%
2014	50	2,508	47,440
	4.2%	3.2%	2.7%
2015	52	2,572	48,354
	4.0%	2.6%	1.9%
2016	54	2,616	48,696
	3.9%	1.7%	0.8%
2017 <sup>e</sup>	56	2707	50,027
	3.7%	3.5%	2.7%

Sumber: Jabatan Statistik Malaysia

<sup>e</sup> anggaran ; perubahan dari tahun sebelumnya

Johor mempunyai rangkaian lebuhraya di antara yang terbaik di Malaysia. Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) adalah hubungan utama antara bandar-bandar besar di Negeri Johor. Lebuhraya Kempas, Kulai, Pontian dan Link Kedua ke Singapura adalah perhubungan darat yang penting. Pembangunan di kawasan Iskandar Malaysia memberi ruang dalam penggunaan lebuhraya yang komprehensif di Negeri Johor. Selain itu, SDE (Senai-Desaru Expressway) yang siap pada penghujung 2013 dan EDL (Eastern

Disperesal Link) yang juga telah siap pada tahun itu juga, telah merencanakan lagi pembangunan rangkaian lebuh raya di Johor. Lebuh raya Pantai (Coastal Highway) yang mempunyai 6 lorong yang dibuka pada Februari 2016 telah menjadi nadi penggerak kepada kawasan timur Iskandar Malaysia. Begitu juga Johor Bahru Pasir Gudang Elevated Expressway (JOBGEX) yang memendekkan masa perjalanan dari Johor Bahru ke Pasir Gudang sekitar 20 minit.

### Pengangkutan Rel

Pergerakan penumpang dan kargo melalui KTMB di Negeri Johor dari 2013 hingga 2017 dipamerkan sebagai Jadual 3.10. Jelas bahawa jumlah penumpang telah menurun dari 741,364 pada tahun 2013 kepada 563,395 pada tahun 2014. Namun pada tahun 2015 dan 2016, ianya meningkat. Tahun 2015 merekodkan kenaikan kepada 1,579,804 penumpang manakala pada tahun 2016 ianya meningkat kepada 2,582,143. Kenaikan ini adalah sangat memberangsangkan, iaitu sebanyak 180.0% pada 2015 dan 63.4% pada tahun 2016. Pada tahun 2017 pula, ianya menurun 29.0% kepada 1,834,357.

**Jadual 3.10** Pergerakan Penumpang dan Barangan Melalui KTMB di Negeri Johor, 2013-2017

Kategori	2013	2014	2015	2016	2017
Bilangan Penumpang	741,364	563,395	1,579,804	2,582,143	1,834,357
Perubahan Tahunan	-10.4%	-24.0%	180.0%	63.4%	-29.0%
Berat Kargo (tan metrik)	592,042	446,515	454,184	224,502	364,062
Perubahan Tahunan	4.1%	-24.5%	1.7%	-50.6%	62.2%

Sumber: Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB).

Pengendalian kargo barangan melalui KTMB di Negeri Johor mempunyai trend yang agak berbeza. Ianya memaparkan senario yang berombak. Peningkatan yang sederhana tinggi (4.1%) berlaku pada tahun 2013. Pada tahun 2014 pula, berlaku pengucupan 24.5% yang disusuli oleh peningkatan pengangkutan barangan kargo melalui KTMB yang paling sederhana (1.72%), di tahun 2015. Walau bagaimanapun di tahun 2016, trendnya menurun kembali kepada pertumbuhan negatif 50.6%. Ini disusuli oleh kenaikan yang memberangsangkan (62.2%) pada tahun 2017.


Walaupun pergerakan penumpang KTMB di Negeri Johor semakin menurun pada tahun-tahun 2013 hingga 2014, ianya naik pada tahun 2015 dan 2016 tetapi merosot pada tahun 2017. Ini menunjukkan ada unsur peningkatan keyakinan bagi pengangkutan keretapi oleh masyarakat awam di Johor. Sebaliknya, pengangkutan kargo melalui KTMB jelas menunjukkan ombak kenaikan dan penurunan yang berterusan dari 2013 sehingga 2016 dengan diiringi oleh kenaikan yang tinggi pada tahun 2017. Ini mungkin disebabkan berlakunya kenaikan di dalam penggunaan

perkhidmatan pengangkutan kargo melalui udara pada tahun-tahun 2015 sehingga 2017. Gambaran pergerakan penumpang dan kargo melalui KTMB dipamerkan sebagai Rajah 3.13.

### Pengangkutan Laut

Aktiviti-aktiviti pengangkutan melalui mod darat, laut dan udara biasanya dapat dirasai perkembangannya melalui kepesatan perkembangan infrastruktur, kerancangan ekonomi negeri serta kenaikan pendapatan pengguna. Program yang dimulakan oleh kerajaan untuk meningkatkan dan mengembangkan sektor kecil perkapalan tempatan dan perkhidmatan pelabuhan telah menyumbang kepada peningkatan aktiviti pemunggahan kargo dan peningkatan kapasiti pengendalian kargo di dua pelabuhan Johor; Pelabuhan Pasir Gudang dan Pelabuhan Tanjung Pelepas.

**Pelabuhan Pasir Gudang Johor** masih menjadi pelabuhan utama Negeri Johor. Ianya mengendalikan kargo am, pukal kering dan pukal cecair. Masih banyak aktiviti pengendalian kotena yang terus



**Rajah 3.13** Pergerakan Penumpang ('000) dan Kargo ('000 metrik ton) melalui KTMB di Johor, i 2013 - 2017

dijalankan di Pelabuhan Pasir Gudang. Data dari Lembaga Pelabuhan Johor menunjukkan bahawa jumlah pengendalian kargo am pada tahun 2013 ialah sebanyak 1.12 juta tan metrik. Ianya menurun pada tahun 2014 kepada 0.86 juta tan. Pada tahun 2015 pula, ianya naik kepada 0.98 juta tan dan terus meningkat kepada 1.09 juta tan pada tahun 2016. Pada tahun 2017 ianya menurun sedikit kepada 0.70 juta tan.

Di dalam perkhidmatan pengendalian pukal kering menunjukkan gelombang naik turun dari tahun 2013 hingga ke tahun 2017. Penurunan berlaku pada tahun 2014 dan tahun 2015. Pada tahun 2016 dan 2017 ianya naik dengan kadar yang sederhana. Perkhidmatan pengendalian pukal cecair naik di antara 10.61 juta tan kepada 12.71 juta tan dari tahun 2013 ke tahun 2015. Namun, pada tahun 2016, ianya turun kepada 12.18 juta tan dan menunjukkan penurunan minimal pada tahun 2017.

Pengendalian kontena pula naik daripada 9.99 juta FWT pada tahun 2013 kepada 10.53 juta FWT pada tahun 2014. Ianya mencatat kenaikan yang agak sederhana pada tahun 2015, iaitu kepada 10.62 juta FWT sebelum turun sedikit pada tahun 2016 ke 10.4 juta FWT. Pada tahun 2017 ia kembali meningkat kepada 10.89 juta FWT pada tahun 2017. Data-data ini dipaparkan sebagai Jadual 3.11.

**Jadual 3.11** Pengendalian Kargo ('000 tan metrik) dan Kontena (FWT/TEU) di Pelabuhan Pasir Gudang 2013-2017

Kategori	2013	2014	2015	2016	2017
Kargo Am	1,119	862	981	1,093	700
Pukal Kering	5,254	4,847	4,347	4,490	4,589
Pukal Cair	10,613	11,060	12,708	12,181	12,176
<b>Kontena</b>					
FWT	9,995	10,534	10,621	10,359	10,952
TEUs	757	793	801	827	901

Sumber: Lembaga Pelabuhan Johor

Nota: (1) FWT – Berat Kargo dalam Tan

(2) TEUs – Unit setara dua puluh kaki


Pada keseluruhannya, pengendalian kargo dan kontena melalui Pelabuhan Pasir Gudang mempunyai gelombang naik-turun yang paling sederhana pada tahun-tahun 2013 hingga 2017. Jumlah kontena yang dikendalikan pada keseluruhannya adalah stabil, iaitu sekitar 9.99 juta FWT dan 10.92 juta FWT. Dalam ukuran TEU pula, ianya berjumlah 0.76 juta TEU sehingga 0.90 juta TEU.

**Pelabuhan Tanjung Langsung** yang kedudukannya hanya beberapa kilometer sahaja dari Pelabuhan Pasir Gudang, tidak kurang juga pentingnya dalam pengendalian kargo di Negeri Johor. Walau bagaimanapun, ianya hanya mengendalikan cecair pukal yang merbahaya sahaja, seperti bahan-bahan kimia. Data yang berkaitan dengan pelabuhan ini sebahagian daripada data Pelabuhan Pasir Gudang. Untuk tahun-tahun yang akan datang

pula, pelabuhan ini mungkin akan menjadi lebih aktif apabila produk petro-kimia dari projek RAPID di Pengerang mula dikeluarkan selepas 2017.

**Pelabuhan Tanjung Pelepas** mencatat kenaikan pengendalian kargo yang agak tinggi secara konsisten dari 2012 hingga tahun 2015, walaupun menurun di tahun 2016. Jumlah kontena dalam FWT

telah melampaui 138.47 juta unit yang direkodkan pada tahun 2015 dan turun sedikit kepada 129.34 juta unit pada tahun 2016 sebelum meningkat kepada 131.7 juta unit pada tahun 2017. Jadual 3.12 mempamerkan kuantiti kargo yang dikendalikan oleh Pelabuhan Tanjung Pelepas dari tahun 2013 hingga ke 2017.



**Rajah 3.14** Pengendalian Kargo dan Kontena di Pelabuhan Pasir Gudang, 2013 - 2017 ('000 metrik tan)

**Jadual 3.12** Kontena Yang Dikendalikan oleh Pelabuhan Tanjung Pelepas Tahun 2013-2017 ('000 unit)

	2013	2014	2015	2016	2017
<b>FWT</b>	122,667	134,040	138,466	129,342	131,682
<b>TEUs</b>	7,628	8,524	9,117	8,281	8,377

Sumber: Pelabuhan Tanjung Pelepas


Nota: (1) FWT – Berat Kargo Dalam Tan

(2) TEUs – Unit setara dua puluh kaki

Pelabuhan Tanjung Pelepas khusus mengendalikan kargo jenis kontena sahaja. Jumlah yang dikendalikan di sini ialah sebanyak 7.63 juta TEU pada tahun 2013, meningkat sedikit kepada 8.52 juta TEU pada tahun 2014 dan meningkat secara sederhana-tinggi kepada 9.12 juta TEU pada tahun 2015. Pada tahun 2016 ianya merosot kepada 8.28 juta sebelum meningkat secara sederhana kepada 8.4 juta TEU pada tahun 2017. Jika dibandingkan dengan pelabuhan terbesar di Malaysia, iaitu Pelabuhan Kelang, pengendalian kontena di Pelabuhan Tanjung

Pelepas telah hampir atau lebih daripada 74.0% Pelabuhan Kelang. Jumlah TEU yang di kendalikan di Pelabuhan Kelang ialah 10.35 juta TEU pada tahun 2013. Trend menaik juga dijangkakan akan berlaku pada 2017 dan tahun-tahun seterusnya. Malahan, mengikut “2016 Global Container Ports Ranking,” Pelabuhan Tanjung Pelepas menduduki tempat ke-19 di dalam “World’s Top 20 Busisest Container Terminal,” pada tahun 2016, manakala Pelabuhan Klang menduduki tempat ke 12.

Pada keseluruhannya, peningkatan pengendalian kontena di Pelabuhan Tanjung Pelepas adalah hasil peningkatan kerjasama dengan pelabuhan-pelabuhan di Timur Jauh, China, Afrika dan Eropah. Sebagai contoh pembukaan beberapa pejabat pengendali dari Eropah dan Timur Jauh di Pelabuhan Tanjung Pelepas, seperti Mearsk dan Evergreen adalah contoh-contoh yang baik. Syarikat-syarikat logistic juga berminat untuk menjadikan pelabuhan ini sebagai hab storan. Ini membuktikan adanya kepercayaan yang tinggi dari syarikat-syarikat besar



**Rajah 3.15** Pengendalian Kontena di Pelabuhan Tanjung Pelepas, 2013 - 2017 ('000)

di seluruh dunia untuk beroperasi di Pelabuhan Tanjung Pelepas. Tambahan pula, pelaburan dari negara-negara luar di Wilayah Iskandar Malaysia,

menjadi pemangkin kepada kerancakan operasi pengendalian kontena di pelabuhan ini.

**Jadual 3.13** Pergerakan Kargo (Kg) di Lapangan Terbang Sultan Ismail 2013-2017


Kategori	2013	2014	2015	2016	2017 <sup>e</sup>
<b>Domestik</b>					
Ketibaan	1,474,768	2,308,895	2,859,054	3,238,329	3,930,472
Pelepasan	1,554,167	1,475,049	1,450,462	1,469,186	1,416,581
<b>Antarabangsa</b>					
Ketibaan	145,120	525,361	428,810	733,312	860,245
Pelepasan	269,876	624,989	533,968	803,666	950,811
<b>Jumlah</b>	<b>3,443,931</b>	<b>4,934,294</b>	<b>5,272,294</b>	<b>6,244,493</b>	<b>7,158,109</b>
Perubahan (%)	4.22	4.33	6.85	18.44	14.60

Sumber: Lapangan Terbang Sultan Ismail Johor (SATS)  
Nota :<sup>e</sup> : anggaran

### Pengangkutan Udara

Lapangan Terbang Sultan Ismail (LTSI), Senai merupakan pintu masuk yang penting bagi pelawat asing dan pelawat domestik. Ianya juga menjadi hab pergerakan kargo udara di selatan tanahair. Bilangan pergerakan kargo di Lapangan Terbang Senai dipaparkan sebagai Jadual 3.13.

Pada amnya, jumlah kargo domestik dan antarabangsa yang dikendalikan di Lapangan Terbang Senai mencatatkan peningkatan pada tahun 2013 dan 2014, dengan kadar kenaikan, masing-masing, sebanyak 4.22% dan 4.33%. Ianya mencatat peningkatan yang agak tinggi pada tahun 2015, iaitu pada kadar 6.85%. Pada tahun 2016 dan 2017 pula, ianya menunjukkan kenaikan yang tinggi, iaitu masing-masing 18.44% dan 14.60%. Jika dilihat dari sudut pengendalian kargo domestik sahaja, peningkatan yang sederhana telah direkodkan di tahun-tahun 2013 hingga tahun 2017.



Rajah 3.16 Pergerakan Kargo di Lapangan Sultan Ismail, 2013 - 2017 ('000 tan metrik )


Rajah 3.17 mempamerkan trend pergerakan kargo di LTSI dari tahun 2013 hingga tahun 2017. Adalah didapati bahawa arah aliran pengendalian kargo domestik di LTSI sentiasa menaik pada tahun-tahun 2013-2017. Bagi pengendalian kargo antarabangsa menunjukkan trend yang berbeza. Ianya menaik secara sederhana pada tahun 2013 dan 2014. Pada tahun 2015 ianya menurun secara sederhana diikuti dengan aliran menaik secara sederhana-tinggi pada tahun 2016 dan 2017. Pergerakan penumpang menunjukkan kenaikan yang tinggi iaitu

sebanyak 44.3% pada tahun 2013. Sejumlah 1.99 juta penumpang menggunakan Lapangan Terbang Senai pada tahun itu. Ini diikuti dengan peningkatan sekitar 16.9% pada tahun 2014. Pada tahun 2015 ia menaik, i dengan kadar 11.01%. Pada tahun 2016 jumlah penumpang meningkat 9.53%, iaitu jumlah yang tinggi sedikit daripada 2.83 juta penumpang. Pada tahun 2017 jumlah penumpang adalah sebanyak 3.51 juta dengan kadar kenaikan 24.03%. Pergerakan penumpang di LTSI dari 2013 hingga 2017 dipamerkan sebagai Jadual 3.14.

Jadual 3.14 Pergerakan Penumpang di Lapangan Terbang Sultan Ismail, 2013-2017.

Kategori	2013	2014	2015	2016	2017
<b>Domestik</b>					
Ketibaan	912,858	1,044,059	1,120,841	1,177,755	1,591,809
Pelepasan	891,759	1,028,525	1,105,901	1,167,355	1,338,696
Singgah	47,587	49,611	54,475	51,627	61,963
<b>Antarabangsa</b>					
Ketibaan	70,490	106,240	152,556	217,000	260,380
Pelepasan	67,412	97,381	148,189	214,357	255,053
Jumlah	1,990,106	2,325,816	2,581,966	2,828,074	3,507,901
% Perubahan	44.27	16.9	11.81	9.53	24.03

Sumber: Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Ismail.



**Rajah 3.17** Pergerakan Penumpang di Lapangan Terbang Sultan Ismail, 2013-2017 ('000)

Pada keseluruhannya, pergerakan penumpang di LTSI menunjukkan satu trend permintaan penumpang yang positif pada tahun 2013 hingga 2017. Pergerakan penumpang domestik menunjukkan aliran yang memberangsangkan. Di kalangan penumpang antarabangsa, peningkatan adalah sederhana dari 2013 sehingga 2016 dan mendatar pada tahun 2017. Ini ada kaitan dengan kestabilan ekonomi Negeri Johor dan juga aktiviti-aktiviti yang menarik bagi pelawat-pelawat asing untuk melancong ke Johor. Satu kes yang berkaitan ialah kewujudan Legoland di Iskandar Malaysia yang menjadi tarikan kepada pengunjung dari negeri-negeri lain di Malaysia serta Singapura. Kewujudan perkhidmatan Firefly dari Johor Bahru ke Pekan Baru, Indonesia serta penerbangan terus ke Kota Bharu dan Ipoh akan menyemarakkan lagi aktiviti pelancongan ke Johor melalui Lapangan Terbang Senai. Penambahan penerbangan Malindo Air di Johor Bahru dengan perkembangan ke destinasi-destinasi yang telah dirancang seperti Penang, Medan dan Banda Aceh serta penambahan kekerapan penerbangan ke Subang serta penerbangan terus ke China dan Macau melalui AirAsia akan meningkatkan pengendalian penumpang di LTSI.

**Telekomunikasi**

Mengikut Jabatan Statistik Malaysia permintaan bagi perkhidmatan telefon mudah alih adalah lebih tinggi daripada permintaan perkhidmatan talian tetap di kebanyakan negeri di Malaysia, termasuk

Johor. Ini adalah disebabkan oleh peningkatan jumlah penduduk, harga set telefon mudah alih yang mampu milik serta perkhidmatan yang inovatif lagi terkini serta kemudahan gadget tambahan yang diberikan oleh pembekal-pembekal. Kemudahan internet jalur lebar melalui serat optic (fiber optics) dan tanpa wayar (wireless) yang menjadi nadi penggerak perdagangan moden juga menunjukkan peningkatan jumlah pengguna dari tahun ke tahun.

**Jadual 3.15** Penggunaan Talian Telefon, Telefon Selular Dan Internet Di Johor 2013-2017 (Juta)

Tahun	2013	2014	2015	2016 <sup>e</sup>	2017 <sup>e</sup>
Talian tetap	0.485	0.481	0.476	0.436	0.436
Perubahan	-1.0%	-0.8%	-1.0%	-0.6%	0.0%
Telefon Selular	4.26	4.52	4.75	4.97	5.20
Perubahan	5.2%	6.1%	5.1%	4.6%	4.6%
Internet	0.660	0.692	0.724	0.758	0.788
Perubahan	4.9%	4.6%	4.6%	4.6%	3.9%


Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Data Negeri dan Daerah 2010.  
Nota: <sup>e</sup> menunjukkan anggaran.

Jumlah pengguna telefon talian tetap di Johor direkodkan berjumlah 485,000 pada tahun 2013. Pada tahun 2014 ianya menurun dengan kadar 0.82%. Di dalam tempoh 2015 - 2016 jpergerakan yang menurun direkodkan, walaupun kadar penurunannya

adalah nominal. Pada tahun 2017 tiada perubahan di dalam jumlah pengguna, berbanding 2016.

Penggunaan internet dan telefon selular sangat berkait rapat dengan penggunaan perkhidmatan transaksi "on line". Pertumbuhan komunikasi on line sudah menjadi sebahagian daripada perkhidmatan peruncitan, pengangkutan, dan penyimpanan, antara lain. Faktor ini menyumbang secara positif kepada keaktifan sektor perkhidmatan serta keseluruhan aktiviti ekonomi. Sementara itu peningkatan penggunaan alat telekomunikasi mudah alih jelas berlaku. Jumlah pengguna sentiasa

meningkat dengan peningkatan 6.1% pada tahun 2014. Peningkatan pada tahun-tahun 2015 dan 2016 pula, sederhana-tinggi dan konsisten iaitu, masing-masing dengan kadar 5.1% dan 4.6%. Pada tahun 2017 peningkatan adalah sederhana, iaitu 4.6%. Penggunaan internet menunjukkan pertumbuhan yang mantap pada tahun 2013 sehingga 2017, di mana ianya mencatatkan pertumbuhan di antara 3.9% sehingga 4.9%. Jumlah pengguna internet mencecah 788,000 pada tahun 2017. Ini adalah hasil kewujudan perkhidmatan yang semakin laju. Trend penggunaan telefon tetap, telefon selular dan internet dipamerkan sebagai Rajah 3.18.



Rajah 3.18 Penggunaan Telefon Talian Tetap, Telefon Selular Dan Internet Interaktif Di Negeri Johor (Juta) 2013-2017

Jadual 3.16 Bilangan Pertubuhan dan Pekerja yang Terlibat Dalam Pengedaran dan Penghantaran 2013-2017

Tahun	Bil. Pertubuhan	Perubahan	Bil Pekerja	Perubahan
2013	109	3.8%	1443	4.5%
2014	114	4.6%	1508	4.5%
2015	118	3.5%	1574	4.4%
2016	123	4.2%	1641	4.3%
2017	127	3.3%	1704	3.8%

Sumber: Jabatan Statistik Malaysia/Anggaran UPEN Johor

### Penyimpanan Dan Penghantaran

Keaktifan sebuah ekonomi terbuka dicerminkan oleh keaktifan kegiatan logistik; iaitu kegiatan yang meliputi pergudangan (warehousing), pengangkutan (transportation) dan pengedaran (distribution). Bilangan pertubuhan yang mengendalikan kegiatan pergudangan, penghantaran (tidak termasuk perkhidmatan kurier dan poslaju) di Negeri Johor meningkat dari tahun 2013 sehingga 2017. Kadar

peningkatan adalah di antara 3.5% hingga 4.6%. Jumlah pekerja yang terlibat dalam perkhidmatan pengedaran dan penghantaran meningkat dari tahun 2012 hingga 2016. Peratus peningkatan dalam bilangan pekerja adalah di antara 3.8% hingga 4.5%, boleh dianggap sebagai kadar yang sederhana tinggi. Bilangan pertubuhan dan jumlah pekerja menunjukkan peningkatan yang agak setabil pada tahun-tahun 2013 hingga ke 2017 dengan bilangan pertubuhan meningkat pada kadar 4.2% manakala

bilangan pekerja meningkat 4.3% pada tahun 2016. Pertumbuhan sederhana direkodkan pada tahun 2017 dengan kadar masing-masing sebanyak 3.3%

dan 3.8%. Peratus peningkatan bilangan syarikat dan bilangan pekerja perkhidmatan penghantaran dan pengedaran dipamerkan sebagai Jadual 3.16.

**Jadual 3.17** Bilangan Pertubuhan Dan Pekerja (Bergaji) Bagi Perkhidmatan Poslaju Dan Kurier Di Johor Tahun 2013-2017

Tahun	Bil Pertubuhan	Perubahan	Bil Pekerja Bergaji	Perubahan
2013	25	4.2%	439	4.0%
2014	26	4.0%	458	4.3%
2015	27	3.8%	481	4.4%
2016	28	3.7%	499	3.7%
2017	29	3.6%	519	4.0%

Sumber: Data Dari Jabatan Statistik Malaysia Dan Anggaran Dibuat Untuk Data Negeri

Data mengenai aktiviti perkhidmatan kurier dan penghantaran poslaju yang direkodkan di Negeri Johor dipamer sebagai Jadual 3.17. Adalah didapati bahawa bilangan pertubuhan dan bilangan pekerja yang bergaji menunjukkan peningkatan yang sederhana di Negeri Johor dari tahun 2013 hingga tahun 2015. Pada tahun 2016 dan 2017, perubahan yang dicatatkan adalah sederhana, iaitu di antara 3.6% hingga 4.0%. Selepas berhadapan dengan keadaan ekonomi yang meruncing pada tahun-tahun 2009 dan 2010, peningkatan bilangan pertubuhan dan bilangan pekerja dalam perkhidmatan poslaju dan kurier yang memuaskan dicatatkan di Negeri Johor pada tahun 2013, dengan peningkatan masing-masing sebanyak 4.2% dan 4.0%

Walau pun mengalami sedikit penurunan dalam beberapa sub-sektor kecil komunikasi dan pengendalian pengangkutan darat dan laut serta penyimpanan dan penghantaran pada tahun-tahun sebelum 2010, ianya tidak menjejaskan perkembangan pada keseluruhan sektor pengangkutan, komunikasi dan penyimpanan dan penghantaran pada tahun-tahun 2013 sehingga 2017. Malahan, ianya menunjukkan pertumbuhan yang lebih mampan di tahun-tahun tersebut. Perkembangan yang menggalakkan dijangka akan terus berlaku dalam sektor ini di tahun-tahun mendatang dengan adanya satu "kesan penggerak" (boosting effect) daripada kemunculan sektor minyak dan gas (oil and gas) di Negeri Johor melalui projek RAPID di Pengerang. Pembukaan beberapa lebuh-raya baru yang merentasi barat Johor dan di bahagian timur Wilayah Iskandar Malaysia merancakkan lagi sektor pengangkutan darat dan logistik. Justeru, sektor pengangkutan, logistik, telekomunikasi dan pengedaran akan menjadi pemangkin kepada

perkhidmatan pergerakan barangan dan komoditi serta perkhidmatan yang berkaitan di Negeri Johor.

## KEWANGAN, INSURANS, HARTANAH DAN PERKHIDMATAN PERNIAGAAN


Prestasi ekonomi negara, negeri dan tahap ekonomi penduduk secara langsung dan tidak langsung mempengaruhi pertumbuhan hampir semua sektor ekonomi. Prestasi sektor-sektor ekonomi tersebut memberi impak terus kepada sektor kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan. Oleh kerana Iskandar Malaysia dan Pengerang merupakan kawasan pemacu ekonomi Negeri Johor yang baru, keaktifan kedua-dua kawasan ini secara langsung dan tidak langsung memberi kesan kepada keaktifan sektor kecil kewangan, insuran dan perkhidmatan perniagaan Negeri Johor.

Selain itu, keupayaan kerajaan melestarikan ekonomi mempengaruhi prestasi sektor-sektor. Urutan daripada itu pengguna, pemaju, sektor perbankan, ahli-ahli profesional, ahli-ahli perniagaan dan usahawan akan mendapat suntikan baru dan bebas untuk membuat segala keputusan mengenai operasi organisasi mereka. Dasar-dasar kerajaan seperti cukai dan insentif berupaya memacu dan melicinkan segala perancangan dan memudahkan membuat keputusan bagi syarikat-syarikat. Prestasi sektor ini dalam tempoh 5 tahun dapat dilihat melalui indeks dan perubahan indeks yang tertera di Rajah 3.19. Pada tahun 2017 nilai ditambah sektor Kewangan, Insurans, Hartanah Dan Perkhidmatan Perniagaan tumbuh pada 4.1% kepada RM10,659 juta (2016: 2.7%).

### Perkhidmatan Kewangan dan Insurans

Tahap keaktifan sektor kewangan dan insurans dipamer oleh peningkatan Indeks Kewangan dan Insurans yang meningkat sebanyak 4.9 peratus pada tahun 2017 berbanding dengan 2.3 peratus pada tahun 2016.

Lonjakan yang sederhana ini adalah disebabkan oleh kerancakan aktiviti perniagaan insuran yang di gambarkan oleh Petunjuk Keyakinan (Confidence Indicator) perkhidmatan industri insurans yang menampakan peningkatan yang memberangsangkan. Petunjuk Keyakinan bagi industri ini meningkat 2 digit sepanjang tahun 2015, 2016 dan 2017. Kemantapan industri insurans menjadi penyelamat kepada perkhidmatan dan kewangan sepanjang tempoh 2013-2017. Rajah 3.20 mempamerkan trend Indeks Kewangan dan Insurans.



**Rajah 3.19** Indeks Kewangan, Hartanah & Perkhidmatan Profesional, 2010-2017


Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pinjaman bank yang rata-rata menurun sejak suku tahun pertama 2015 dan 2016 mengakibatkan Petunjuk Keyakinan bagi industri kewangan menjadi negatif. Akibatnya jumlah permohonan pinjaman yang diluluskan mencatatkan penurunan 2.7% pada tahun 2016 berbanding pertumbuhan 1.3% pada tahun 2015 dan 13.2% pada tahun 2014. Jumlah pinjaman yang diluluskan pada tahun 2017 meningkat 5.3% berbanding tahun 2016. Ini di gambarkan oleh Petunjuk Keyakinan yang positif sepanjang tahun 2017 (Rujuk Rajah 3.21).

Pertumbuhan pinjaman negatif dirasai di hampir semua sektor ekonomi kecuali sektor perdagangan borong (3.19%), sektor pembinaan (3.51%), sektor pertanian utama (10.03%), sektor elektrik dan gas (1.18%), pinjaman sekuriti (26.1%), kad kredit (3.9%) dan modal kerja (0.6%).

Peningkatan perniagaan insurans konvensional dan takaful adalah hasil daripada kesedaran penduduk dari pelbagai peringkat umur dan sosio-ekonomi hasil dari keaktifan agen-agen insurans dan keefisyenan syarikat-syarikat insurans. Keaktifan sektor kecil insurans juga berkait rapat dengan kemunculan produk-produk baru dan kesedaran pengguna tentang keperluan tabungan kecemasan, seperti tabungan kesihatan, tabungan kebakaran, tabungan pendidikan, tabungan keluarga dan pelbagai produk insurans yang lain.

Pertambahan produk baru dalam bidang insurans dan kewangan islam telah menyokong peningkatan sektor kecil insurans. Pihak kerajaan telah pun mewajibkan kakitangan kerajaan membeli polisi insurans dari pelbagai produk yang telah ditawarkan, terutama polisi insurans kesihatan, pendidikan dan keluarga atau insurans hayat. Perkembangan ini secara tidak langsung telah meningkatkan pendapatan dan nilai ditambah syarikat-syarikat insurans. Pihak kerajaan juga mengadakan skim insuran warga emas yang sedikit sebanyak telah meningkatkan aktiviti sektor kewangan dan insuran.



**Rajah 3.20** Trend Indeks Kewangan dan Insuran 2010-2017

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


### Perkhidmatan Perniagaan Hartanah

Perkhidmatan Perniagaan Hartanah merangkumi perkhidmatan penilaian, pengurusan, pembelian, penjualan, penyewaan, pembangunan dan aktiviti agen dan broker hartanah dan lain-lain. Berdasarkan Banci Ekonomi 2016 terdapat 1,651 pertubuhan berdaftar di Negeri Johor dengan menyumbang nilai ditambah sebanyak RM1,825 juta. Keaktifan perkhidmatan hartanah adalah berkait rapat dengan penawaran dan permintaan terhadap hartanah dan dengan sistem perbankan dan suasana ekonomi negara secara keseluruhan. Yang jelas pemain utama di dalam sektor ini ialah permintaan. Kelemahan permintaan akan melemahkan keseluruhan sektor kecil hartanah ini. Kesuraman industri hartanah kediaman dapat diukur melalui jumlah pindah milik dan nilai pindah milik hartanah sepanjang terutama hartanah kediaman dan bukan kediaman.

Laporan Pasaran Harta 2017 mencatatkan bahawa 62.8% hartanah kediaman yang dipindah milik pada tahun 2017, adalah kediaman yang berharga kurang

dari RM300 ribu. Ini bermakna rumah kos sederhana tinggi dan ke bawah adalah paling banyak berpindah milik. Tetapi pinjaman dan transaksi perumahan kos tinggi dapat mengatasi kelembapan yang di alami oleh sektor kecil kediaman dari jenis-jenis yang lain. Pemaju hartanah merasakan kelembapan dari segi hasil kasar, jumlah permintaan dan keadaan kewangan semasa yang menyebabkan Petunjuk Keyakinan Hartanah (Confidence Indicator) menjadi negatif di sepanjang tahun 2013 dan berlarutan hingga tahun 2017. Trend Penunjuk Keyakinan tersebut dipamerkan sebagai Rajah 3.22.

Kemerosotan pinjaman untuk tujuan pembelian Hartanah Bukan Kediaman seperti bangunan perindustrian, tanah, kompleks perdagangan, kedai dan lain-lain mengakibatkan kemerosotan industri ini pada 2014 dan berterusan hingga tahun 2017. Menurut Bank Negara Malaysia, peratusan pinjaman untuk pembelian hartanah (harta bukan kediaman dan harta tetap) yang dilepaskan (disbursed) oleh Sistem Perbankan Malaysia pada tahun 2017 menguncup di antara -3.1% dan -25.5%.




Rajah 3.21 Petunjuk Keyakinan Kewangan 2013-2017

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Nilai pindah milik hartanah di Negeri Johor pada tahun 2017 telah merosot sebanyak 4.3% berbanding dengan penguncupan yang dialami sebanyak 10.2% pada tahun 2016. Kemerosotan nilai pindah milik dialami bagi semua jenis hartanah kecuali hartanah

perdagangan. Kemerosotan bukan sahaja di alami bagi nilai transaksi tetapi juga bagi bilangan pindah milik untuk semua jenis hartanah kecuali hartanah industri. (rujuk Jadual 3.18).



**Rajah 3.22** Petunjuk Keyakinan Hartanah 2013-2017  
 Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

**Jadual 3.18** Bilangan dan Nilai Pindah Milik Hartanah Di Negeri Johor 2013-2016

Bilangan Pindah Milik Harta							
Tahun	Kediaman	Perdagangan	Industri	Pertanian	Tanah Pembangunan	Lain-lain	Jumlah
2013	33,651	5,083	1,214	10,048	2778	5	52,779
2014	39,017	5,774	1,255	10,001	2494	6	58,547
2015	31,060	4,507	1,134	9,027	1997	3	47,728
2016	26,186	3,359	730	8,294	1497	0	40,066
2017	24,886	3,144	799	8,180	1627	3	38,639
Perubahan (2016/2015)	-7.6%	-23.4%	-13.1%	15.3%	-21.6%	-100.0%	-10.2%
Perubahan (2017/2016)	-34.2%	18.7%	-6.5%	-14.8%	-30.1%	NA	-4.3%

**Jadual 3.18** Bilangan dan Nilai Pindah Milik Hartanah Di Negeri Johor 2013-2016 (Sambungan)

Nilai Pindah Milik Harta (RMjuta)							
Tahun	Kediaman	Perdagangan	Industri	Pertanian	Tanah Pembangunan	Lain-lain	Jumlah
2013	9,282.77	11,234.25	2,249.85	3,424.13	3,914.79	1.06	30,106.84
2014	13,737.82	6,424.17	2,847.45	3,344.05	6,660.65	40.74	33,054.88
2015	9,283.57	3,712.44	2,331.12	2,819.00	3,503.60	1.56	21,651.87
2016	8,577.70	2,845.25	2,026.78	3,250.85	2,747.10	0	19,447.68
2017	5,643.11	3,378.20	1,895.63	2,769.69	1,920.06	5.13	18,611.82
Perubahan (2016/2015)	-7.6%	-23.4%	-13.1%	15.3%	-21.6%	-100.0%	-10.2%
Perubahan (2017/2016)	-34.2%	18.7%	-6.5%	-14.8%	-30.1%	NA	-4.3%


**Jadual 3.18** Bilangan dan Nilai Pindah Milik Hartanah Di Negeri Johor 2013-2016 (Sambungan)

Nilai Purata Hartanah mengikut Subsektor (RM)							
Tahun	Kediaman	Perdagangan	Industri	Pertanian	Tanah Pembangunan	Lain-lain	Jumlah
2013	275,854	2,210,161	1,853,250	340,777	1,409,212	211,400	570,432
2014	352,098	1,112,603	2,268,884	334,372	2,670,670	6,790,000	564,587
2015	299,180	823,705	2,055,661	312,185	1,754,432	520,000	453,651
2016	327,568	847,053	2,776,411	391,952	1,835,070	0	485,391
2017	226,758	1,074,491	2,372,503	338,593	1,180,123	1,710,000	481,685
Perubahan (2016/2015)	9.5%	2.8%	35.1%	25.6%	4.6%	-100.0%	7.0%
Perubahan (2017/2016)	-30.8%	26.9%	-14.5%	-13.6%	-93.6%	NA	-0.8%

Sumber: Laporan Pasaran Harta 2016 dan 2017 NAPIC

### Perkhidmatan Professional, Sainifik dan Teknikal

Perkhidmatan Profesional merangkumi perkhidmatan arkitek, kejuruteraan, juru ukur, perkhidmatan guaman hartanah (perundangan), akauntan, veterina, penyelidik pasaran dan pengiklanan menjadi pengantara di dalam pembangunan ekonomi. Hasil Banci Ekonomi 2016 menunjukkan bahawa bilangan pertubuhan profesional yang berdaftar di Negeri Johor adalah sebanyak 3,185 dengan sumbangan nilai ditambah sebanyak RM1,188 juta. Perkhidmatan ini memberi impak yang amat besar dari segi kemahiran, sumbangan gunatenaga, output dan nilai ditambah. Keaktifan sektor ini berkait rapat dengan keaktifan keseluruhan ekonomi. Prestasi Indeks Perkhidmatan Professional, Sainifik dan Teknikal dari tahun 2010 hingga 2017 dipamerkan sebagai Rajah 3.23. Indeks ini meningkat 96 mata pada tahun 2017 berbanding tahun asas 2010 (2017: 196.0; 2016: 176.8)



**Rajah 3.23** Indeks Perkhidmatan Professional, Sainifik dan Teknikal

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Keaktifan Sektor Kecil Perkhidmatan Professional, Sainifik dan Teknikal dapat di gambarkan melalui taburan bilangan pertubuhan ini mengikut negeri. Negeri Johor menduduki tempat ketiga dari segi jumlah bilangan pertubuhan Profesional, Kewangan dan Hartanah. Berdasarkan Laporan Banci Ekonomi 2016 Negeri Selangor merupakan peneraju utama dari segi bilangan pertubuhan Professional dan Kewangan, manakala Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menjadi peneraju dalam bidang pertubuhan Hartanah. Negeri Johor menduduki tempat ketiga di dalam bidang-bidang yang dinyatakan tadi. Di Negeri Johor terdapat 9.4% pertubuhan Professional, 8.6% pertubuhan Kewangan dan 9.5% pertubuhan Hartanah. Sebagai perbandingan terdapat 34.9% pertubuhan Professional, 32.1% pertubuhan kewangan dan 23.6% pertubuhan hartanah di Negeri Selangor.


Perkembangan pembangunan yang berlaku di kawasan Iskandar Malaysia dan kawasan Pengerang memberi impak kepada keaktifan sektor kecil ini, selain daripada sumbangan dari sektor lain. Di samping itu, pertumbuhan sektor ini juga dicerminkan oleh kadar penghunian bagi bangunan binaan khas serta kadar sewa bangunan binaan khas. Jumlah ruang yang telah meningkat sebanyak 5.2% daripada 1,080,867 s.m kepada 1,137,938 s.m pada tahun 2017 menjadi suatu pengukur kepada perkembangan Perkhidmatan Perniagaan. Johor Bahru mempunyai bangunan binaan khas yang paling banyak iaitu 97 unit, daripada jumlah keseluruhan 213 unit. Ini adalah bersamaan dengan 45.7%. Daerah Batu Pahat dan Muar masing-masing mempunyai 29 unit (13.6%) dan 21 unit ( 9.4%) manakala Segamat mempunyai 18 unit (8.5%).

## PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN LAIN

Sektor ini merangkumi semua perkhidmatan yang tidak termasuk di dalam mana-mana sektor perkhidmatan yang tersenarai di tempat lain. Berdasarkan Laporan Indek Perkhidmatan, Jabatan Perangkaan Malaysia 2016, Sektor Perkhidmatan lain-lain menyumbang sebanyak 5.8% kepada prestasi keseluruhan sektor Perkhidmatan. Perkhidmatan yang termasuk di dalam kategori ini merangkumi, diantaranya, perkhidmatan klinik swasta, hospital swasta, klinik veterinar swasta, kolej/universiti swasta, perkhidmatan pengiklanan, kedai perkhidmatan dobi, kedai gunting rambut/salon kecantikan, cybercafe, pusat hiburan, pawagam, studio gambar, pusat tuisyen, perkhidmatan pelancongan, perkhidmatan penyediaan makanan (bukan restoran) dan sekolah memandu. Sumbangan subsektor ini kepada ekonomi Negeri Johor adalah melalui, diantaranya ialah, emolumen, keuntungan, cukai dan aktiviti sampingan institusi seperti peruncitan.

Bersumberkan maklumat Indeks Perkhidmatan Lain-lain dari Jabatan Perangkaan Malaysia seperti di Rajah 3.24, prestasi sektor ini didapati meningkat sebanyak 6.1% pada tahun 2017 berbanding tahun sebelumnya. Pertumbuhan ini dirangsang oleh Pendidikan Swasta (6.6%), Kesihatan Swasta (5.5%) dan Kesenian, Hiburan dan Rekreasi (5.0%).

Sektor Perkhidmatan Pendidikan menerima sumbangan nilai ditambah daripada institusi seperti tadika, sekolah rendah dan menengah swasta, institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) yang berasal daripada dalam negeri atau luar negeri. Di antara IPT luar negara yang mempunyai cawangan di Johor, terutama di kawasan Iskandar Malaysia, ialah University of Southampton, Raffles College Iskandar, Newcastle University of Medicine Malaysia, University of Reading Malaysia, Netherland Maritimes Institute of Technology dan Crescendo International College. Penubuhan universiti, kolej universiti memberi kesan kepada ekonomi setempat, melalui perbelanjaan pelajar-pelajar, kakitangan dan universiti. Secara umum perbelanjaan tersebut akan memberi nilai tambah yang memberi kesan pendharab (multiplier effect) kepada sektor-sektor kecil yang lain. Walaupun sumbangan sektor ini kepada KDNK negeri adalah kecil, namun peranan penting yang dimainkan ialah di dalam memberikan perkhidmatan sokongan kepada sektor ekonomi yang lain.



**Rajah 3.24** Indeks Perkhidmatan Lain 2010-2017

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Sektor Perkhidmatan/Penjagaan Kesihatan yang meliputi hospital swasta, klinik swasta, perkhidmatan pergigian, rumah bersalin, pusat dialisis, makmal perubatan, pusat akupunktur, perkhidmatan perubatan herba dan homeopati serta rumah penjagaan berkembang pesat terutama di kawasan bandar ekoran dari permintaan yang semakin meningkat. Pada tahun 2016, terdapat 1,832 pertubuhan yang berkaitan dengan perkhidmatan ini dengan sumbangan nilai ditambah sebanyak RM627 juta. Johor Bahru menjadi tumpuan kepada pemilihan tempat untuk menjalankan perkhidmatan ini. Usaha yang berterusan dalam mempromosi pelancongan kesihatan dan pendidikan telah memberi manfaat yang ketara kepada sektor ini. Keaktifan sektor ini sebahagiannya disumbangkan oleh peningkatan terhadap penjagaan kesihatan yang meningkat di Johor yang amat peka dengan tahap dan mutu kesihatan. Namun permintaan terhadap perkhidmatan sektor ini mengalami peningkatan yang amat perlahan, terutama pada suku Ke 3 (S3) dan suku Ke 4 (S4) 2016, akibat daripada pelaksanaan GST.

Dengan hospital swasta yang berjumlah 26 buah, serta kemudahan perkhidmatan perubatan pakar yang sentiasa meningkat dengan harga yang kompetitif serta perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berkualiti, sektor ini dijangka terus berkembang.

Kerajaan Malaysia secara amnya dan Kerajaan Negeri Johor secara khususnya perlu mengambil peluang atas pengiktirafan tertinggi kepada Malaysia oleh International Living's Annual Global Retirement Index (GRI) dalam kategori penjagaan kesihatan dan juga pengiktirafan tertinggi "Medical Travel Destination of the Year" daripada International

Medical Travel Journal (IMTJ) pada bulan April 2015. Pencapaian-pencapaian ini boleh dikekalkan dengan penyediaan "rangkaiannya" atau "network" yang baik dan komprehensif.

Pertumbuhan dalam sektor-sektor ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh peningkatan permintaan terhadap perkhidmatan/penjagaan kesihatan dan perkhidmatan pendidikan swasta.



**Rajah 3.25** Indeks Kesihatan dan Pendidikan Swasta 2010-2017

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pada asasnya, subsektor ini merupakan pembekal perkhidmatan yang membantu kesejahteraan hidup untuk seluruh ekonomi negeri seperti bengkel kereta, sekolah memandu, pusat kecantikan. Keaktifan sektor lain memberikan sumbangan yang positif kepada pertumbuhan nilai ditambah sektor ini. Oleh kerana sumbangan sektor ini kepada gunatengah negeri adalah agak besar sementara aktiviti organisasi-organisasi yang bergiat di dalam sektor ini kebanyakan dipantau/kawalselia oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) maka keaktifan dan kebijaksanaan pihak PBT secara tidak langsung menyumbang ke arah pertumbuhan sektor ini.

Kesenian, Hiburan dan Rekreasi, merupakan satu bidang yang masih baru di Malaysia tetapi mempunyai potensi yang tinggi untuk menjana nilai ditambah, mewujudkan peluang pekerjaan, meningkatkan pendapatan eksport. Bidang ini dinamakan 'Creative Economy'. Jenis-jenis aktiviti yang termasuk di dalam kategori ini ialah aktiviti kesenian, hiburan dan kreatif, aktiviti hiburan dan kebudayaan, sukan dan rekreasi. Pada tahun 2015 sejumlah 690 pertubuhan di bawah naungan "Malaysia's Creative Multimedia Cluster" (MCMC) dengan sokongan daripada Multimedia Super Corridor (MSC) telah menyumbang nilai ditambah sebanyak RM373.3 juta. Jelas, penempatan

Pinewood Studios di kawasan Iskandar Malaysia adalah langkah baik. Sektor Perkhidmatan Lain ini telah memberi manfaat kepada lebih kurang 50 ribu tenaga kerja dan telah menyumbang 4.2% kepada KDNK Negeri Johor di tahun 2017 (2016: 4.2%) disamping berkembang 6.2% di dalam nilai ditambah (2016: 5.7%).

## PERKHIDMATAN KERAJAAN

Perkhidmatan kerajaan menjadi peneraju kepada aktiviti ekonomi negeri disamping pemantau kepada pelaksanaan dasar ekonomi negeri secara keseluruhan. Oleh itu perkhidmatan yang berkualiti dan berterusan perlu disediakan agar ekonomi negeri dapat dijana dengan sempurna dan terbaik. Indikator untuk mengukur tahap pencapaian aktiviti perkhidmatan kerajaan, di antaranya, ialah Quality of Life Index, Consumer Price Index, Competitiveness Index, Happiness Index, Integrity Index, Consumers Sentiment Index dan Syariah Compliance Index.

Selain daripada jabatan-jabatan kerajaan Persekutuan, kerajaan Negeri Johor dan pasukan keselamatan dan polis, Negeri Johor merupakan tempat terletaknya 3 buah institusi pendidikan tinggi

awam (IPTA) yang besar, politeknik, kolej komuniti, 2 institusi latihan perguruan, 1,180 sekolah rendah dan menengah. Negeri Johor menjadi tumpuan lebih kurang 10 ribu orang pelajar IPT yang mendapatkan kemudahan pembiayaan kewangan PTPTN sedikit sebanyak dapat merangsang ekonomi setempat melalui perbelanjaan mereka. Disamping itu terdapat juga institusi penyelidikan awam, hospital-hospital kerajaan yang besar, yang menyumbang kepada pertumbuhan nilai ditambah ekonomi setempat.

Sumber utama pertumbuhan di sektor Perkhidmatan Kerajaan ialah peningkatan perbelanjaan emolumen bagi penjawat awam. Peningkatan emolumen bagi kakitangan awam termasuk polis dan tentera, elaun bagi anggota perkhidmatan awam serta bayaran kepada golongan profesional dan perkhidmatan teknikal menjana aktiviti subsektor lain seperti restoran, peruncitan dan perantara kewangan. Perbelanjaan kerajaan dijangka meningkatkan tahap perkhidmatan terutamanya melalui perluasan perkhidmatan pendidikan, kesihatan dan sosial yang akan secara langsung atau tak langsung menjana nilai tambah bagi subsektor pembinaan, penyelidikan dan perniagaan kepakaran. Sektor Perkhidmatan Kerajaan telah menyumbang 8.2% kepada KDNK Negeri Johor di tahun 2017 (2016: 8.3%) disamping berkembang 4.9% di dalam nilai ditambah (2016: 4.6%).



# 4

## ***EKONOMI NEGERI JOHOR DI TAHUN 2017***

**LAPORAN  
EKONOMI  
2017/2018**  
NEGERI JOHOR DARUL TA'ZIM

## PERKEMBANGAN EKONOMI WILAYAH ISKANDAR MALAYSIA SEHINGGA TAHUN 2017

### PENGENALAN

Bab ini memperihalkan perkembangan ekonomi Wilayah Iskandar Malaysia yang bertujuan menyediakan konteks yang relevan kepada perbincangan prestasi ekonomi yang amat bergantung kepada usaha-usaha di dalam perancangan pembangunan wilayah. Ini diikuti oleh perbincangan-perbincangan seterusnya yang merangkumi imbasan ekonomi dunia dan negara yang sangat relevan kepada kesihatan ekonomi Iskandar Malaysia. Perbincangan juga merangkumi pertumbuhan ekonomi makro Iskandar Malaysia, pasaran pekerja dan gunatengah Iskandar Malaysia, pembangunan infrastruktur di Iskandar Malaysia serta pelaburan di Iskandar Malaysia.

Iskandar Malaysia (IM) adalah koridor pembangunan utama di Negeri Johor yang merupakan salah satu daripada rancangan-rancangan pembangunan berimpak tinggi di dalam Rancangan Malaysia Ke-9 (RM-9). IM ditubuhkan pada tahun 2006 dengan meliputi kawasan seluas 2,217 km persegi yang merangkumi bandaraya Johor Bahru dan bandar-bandar Senai, Pasir Gudang dan pembangunan pusat pentadbiran Iskandar Puteri. Keseluruhan daerah Johor Bahru berada di dalam IM. Termasuk juga di dalam IM ialah sebahagian dari daerah Pontian.

Menurut *Comprehensive Development Plan* II Iskandar Malaysia mempunyai kelebihan strategik disebabkan lokasinya yang terletak paling selatan di Semenanjung Malaysia berada di laluan utama perkapalan antarabangsa. Perancangan IM ialah bertujuan untuk menjadikannya pusat utama bagi sembilan kelompok ekonomi yang diberi tumpuan khusus dengan menawarkan peluang pelaburan yang terbaik. Kelompok-kelompok tersebut merangkumi enam di dalam sektor perkhidmatan, iaitu, sektor Perkhidmatan Kewangan & Perniagaan, Industri-industri Kreatif, Logistik, Pelancongan, Pendidikan, Perkhidmatan Kesihatan, dan tiga di dalam sektor pembuatan, iaitu, Elektrik & Elektronik, Petrokimia & Oleokimia, serta Pemprosesan Makanan & Pertanian.

### KEMAJUAN EKONOMI ISKANDAR MALAYSIA

Sejak penubuhannya Iskandar Malaysia telah mengalami kemajuan pembangunan fizikal yang ketara dengan dicatatkan oleh petunjuk-petunjuk utama ekonomi dan pelaburan seperti Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), aliran pelaburan, pengwujudan pekerjaan serta peningkatan di dalam bilangan Enterprise Kecil dan Sederhana (PKS). Dari tahun 2010 hingga 2016, KDNK Iskandar Malaysia berkembang lebih cepat pada kadar purata 6.6% setahun (Johor: 5.9%, Malaysia: 5.1%) apabila siap projek-projek pemangkin seperti *Johor Premium Outlets*, LEGOLAND, Taman Tema Keluarga *Puteri Harbour* dan *EduCity*, antara lain.

### Kemajuan Ekonomi Iskandar Malaysia Dalam Tempoh 10 Tahun Pertama, 2006-2015

Sejak ditubuhkan, Iskandar Malaysia telah mencatatkan pembangunan pesat dari aspek pembangunan fizikal serta peningkatan penunjuk-penunjuk ekonomi utama seperti Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Dalam tempoh lima (5) tahun pertama kewujudannya (2006-2010) KDNK Iskandar Malaysia berkembang pada kadar 4.1% setahun untuk mencapai nilai RM42.6 bilion. Di dalam tempoh 2011-2014, KDNK Iskandar Malaysia berkembang lebih pantas dengan kadar purata 6.4% setahun. Di akhir tempoh ini projek-projek pemangkin seperti *Outlet Premium Johor*, LEGOLAND, Taman Tema *Puteri Harbour* dan *EduCity* telah siap dibina. Kemajuan ini telah berlaku di dalam persekitaran ekonomi yang mesra kepada pembangunan dan aktiviti di rantau ini. Sebaliknya kadar pertumbuhan yang sedikit perlahan telah dicatatkan pada tahun 2015 berikutan kesan negatif ke atas persekitaran ekonomi negara akibat daripada penurunan harga minyak dunia. Walau bagaimanapun, pertumbuhan KDNK Iskandar Malaysia mulai menunjukkan trend yang sihat apabila peratus pertumbuhan bagi tahun-tahun 2016 dan 2016 masing-masing mencatat 7.3% dan 6.7%.

**Jadual 4.1** Perbandingan Prestasi Ekonomi Wilayah Iskandar Malaysia, 2006 - 2018

	Pertumbuhan KDNK					
	2006 - 2010	2011 - 2014	2015	2016	2017	2018**
Malaysia	4.5%	5.4%	5.1%	4.2%	5.9%	5.6%
Johor	3.9%	5.9%	5.6%	5.7%	6.2%	6.0%
Iskandar Malaysia	4.1%	6.4%	6.4%	7.3%	6.5%	6.3%

Sumber: Anggaran UPEN Johor; \*\*Unjuran

### Pertumbuhan Ekonomi Iskandar Malaysia Bagi Tahun 2017

Pertumbuhan ekonomi wilayah Iskandar Malaysia di tahun 2017 adalah sederhana tinggi. Iskandar Malaysia dianggarkan telah mencatatkan pertumbuhan KDNK tahunan pada kadar 6.5% (2016: 7.3%), hasil peningkatan aktiviti ekonominya.

Pertumbuhan ini adalah lebih tinggi daripada pertumbuhan untuk Negeri Johor secara keseluruhan yang juga lebih tinggi daripada pertumbuhan KDNK Malaysia. Pertumbuhan KDNK Malaysia diumumkan bernilai 5.9% bagi tahun 2017. Rumusan gambaran KDNK Malaysia, Johor dan Iskandar Malaysia di pamerkan sebagai Jadual 4.1.

**Jadual 4.2** Perbandingan Pertumbuhan KDNK Malaysia, Johor dan Iskandar Malaysia, 2006 – 2017

	Pertumbuhan Purata Tahunan (%)		Pertumbuhan Bagi Tahun (%)**		
	2006 – 2010*	2010 – 2016**	2015	2016	2017
Malaysia	4.5	5.1	5.1	4.2	5.9
Johor	3.9	5.9	5.7	5.7	6.2
Iskandar Malaysia	4.1	6.7	6.5	7.4	6.5

\*Pertumbuhan KDNK pada harga malar 2005 \*\*Pertumbuhan KDNK pada harga malar 2010

Sumber: Iskandar Regional Development Authority (IRDA) – CDPII<sup>1</sup>, Laporan Ekonomi Malaysia; Anggaran UPEN Johor

**Jadual 4.3** Pertumbuhan KDNK Johor dan Iskandar Malaysia, 2013 – 2035

	Pertumbuhan Purata Tahunan (%)		
	2013 - 2015	2016 – 2020**	2021 – 2035**
Johor	6.1	5.9	6.3
Iskandar Malaysia	6.8	7.5	7.7

Sumber: \*Anggaran UPEN Johor; \*\*Iskandar Regional Development Authority (IRDA) - CDPII

Walau bagaimanapun sektor pembinaan dianggarkan mencatatkan kemerosotan 5.4% di dalam nilai ditambah. Empat sektor pengeluaran ekonomi wilayah Iskandar Malaysia dianggarkan tumbuh dengan kadar melebihi kadar pertumbuhan KDNK Wilayah, iaitu sektor Pembuatan, sektor Utiliti, Pengangkutan, Penyimpanan & Komunikasi, sektor Perdagangan Borong & Runcit, Penginapan dan Restoran serta sektor Perkhidmatan Kerajaan. Sektor-sektor lain yang


membantu pertumbuhan di tahun 2016 ialah sektor Kewangan & Insurans, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan dan sektor Perkhidmatan Lain.

**Jadual 4.4** Indikator Prestasi Ekonomi Wilayah Iskandar Malaysia di Tahun 2017

UKURAN	Nilai Bagi Tahun		Pertumbuhan
	2016	2017	
Penduduk ('000)	2,015	2,088	3.6%
KDNK* (Harga 2010) (RM Juta)	70,339	74,942	6.5%
KDNK per kapita (Harga 2010) (RM)	34,900	35,892	2.8%
KDNK (Harga Semasa) (RM Juta)	78,083	86,369	10.6%
KDNK per kapita (Harga Semasa) (RM)	38,742	41,364	6.8%

Sumber: Anggaran Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor

<sup>1</sup> Comprehensive Development Plan II



Rajah 4.1 Perbandingan Nilai Ditambah Sektor-Sektor Pengeluaran Ekonomi Iskandar Malaysia Bagi Tahun 2016 dan 2017

Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi Iskandar Malaysia pada harga malar tahun 2010 untuk keseluruhan tahun 2017 dianggarkan mencatat pertumbuhan 6.5% (2016: 7.4%). Jumlah nilai ditambah bagi tahun 2017 telah meningkat ke RM74,942 juta dalam harga malar 2010 (2016: RM70,339 juta). Ini menghasilkan KDNK per kapita wilayah bernilai RM35,892 juta pada harga malar 2010 (2016: RM34,900), iaitu meningkat 2.8%. Nilai KDNK per kapita dalam ukuran pariti kuasa beli dianggarkan meningkat ke USD28,281 (2016: USD27,171). Anggaran Pendapatan Negeri Kasar (GNI) menghasilkan nilai RM83,270 juta bagi GNI pada harga semasa bagi tahun 2017 (2016: RM75,828). Ini menghasilkan GNI per kapita bernilai RM39,880 pada harga semasa bagi tahun 2017 (2016: RM37,623). Dalam nilai pariti kuasa beli GNI per kapita dianggarkan bernilai USD27,266 (2016: USD26,386).

**Pertumbuhan Nilai Ditambah Sektor-Sektor Ekonomi**

Empat sektor pengeluaran ekonomi wilayah Iskandar Malaysia dianggarkan tumbuh dengan kadar melebihi kadar pertumbuhan KDNK Wilayah (6.5%), iaitu sektor Pembuatan (7.0%), sektor Utiliti, Pengangkutan, Penyimpanan & Komunikasi (8.8%), sektor Perdagangan Borong & Runcit, Penginapan dan Restoran (9.6%) serta sektor Perkhidmatan Lain (7.6%). Empat sektor ini menyumbang 74.7% kepada KDNK Wilayah. Sektor-sektor lain yang membantu pertumbuhan di tahun 2016 ialah sektor Kewangan & Insurans, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan yang tumbuh 6.4%, sektor Perkhidmatan Kerajaan yang tumbuh 4.9% dan sektor pembinaan

dianggarkan mencatatkan kemerosotan 5.3% di dalam nilai ditambah (Sila Rujuk Jadual 4.5).

**Sektor Perindustrian**

Secara keseluruhan nilai ditambah Sektor Perindustrian dianggarkan menyumbang sebanyak 44.0% kepada KDNK wilayah Iskandar Malaysia di tahun 2017 (2016: 44.7%). Sektor ini dianggarkan mengalami peningkatan nilai ditambah sebanyak 4.9% (2016: 8.3%) yang telah terhasil oleh pertumbuhan sederhana dalam nilai ditambah sektor pembuatan (6.9%) yang dimuramkan oleh kemerosotan 5.4% di dalam nilai ditambah sektor pembinaan. Nilai ditambah Sektor Pembuatan tumbuh positif di tahun 2017 hasil daripada keaktifan permintaan luar terhadap pengeluaran industri berorientasi eksport (terutamanya bagi produk E&E) secara keseluruhan serta peningkatan pengeluaran di dalam barangan pengguna domestik. Sektor ini menyumbang 37.2% dari segi nilai ditambah kepada KDNK Iskandar Malaysia di tahun 2017 (2016: 37.1%).

Sektor pembinaan dianggarkan mengalami kemerosotan 5.3% dalam nilai ditambah bagi tahun 2017 (2016: 24.0%). Kemuraman sektor ini adalah disebabkan oleh aktiviti yang agak perlahan, berbanding di tahun 2016, di dalam pembinaan infrastruktur, rumah kediaman, bangunan perdagangan dan kompleks serta kerja-kerja yang merupakan bahagian penting proses pembangunan Wilayah Iskandar Malaysia. Pada tahun 2017 nilai ditambah sektor ini dianggarkan menyumbang 6.8% kepada KDNK wilayah Iskandar Malaysia (2016: 7.6%).

**Jadual 4.5** Anggaran KDNK Bagi Iskandar Malaysia Bagi Tahun 2016 dan 2017 Pada Harga Malar Tahun 2010

SEKTOR	Nilai Ditambah Bagi Tahun		Pertumbuhan	
	2016	2017	2016	2017
<b>Sektor Perindustrian</b>	<b>31,428</b>	<b>32,967</b>	<b>8.3%</b>	<b>4.9%</b>
Pembuatan	26,073	27,896	5.6%	7.0%
Pembinaan	5,355	5,071	24.0%	-5.3%
<b>Sektor Perkhidmatan</b>	<b>37,799</b>	<b>40,721</b>	<b>6.5%</b>	<b>7.7%</b>
Utiliti, Pengangkutan, Penyimpanan & Komunikasi	9,662	10,511	9.8%	8.8%
Perdagangan Borong & Runcit, Penginapan dan Restoran	10,001	10,959	6.9%	9.6%
Kewangan & Insurans, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan	9,356	9,952	2.7%	6.4%
Perkhidmatan-perkhidmatan Lain	3,434	3,695	7.1%	7.6%
Perkhidmatan Kerajaan	5,346	5,605	6.4%	4.9%
campur Duti import	1,112	1,254	16.0%	12.8%
KDNK pada Harga Pembeli (2010=100)	70,339	74,942	7.4%	6.5%
Jumlah Penduduk ('000)	2,015	2,088	3.6%	3.6%
KDNK Per Kapita (RM)	34,900	35,892	3.7%	2.8%

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Nilai Bagi Tahun 2017 adalah anggaran Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor

**Jadual 4.6** Pertumbuhan (%) dan Sumbangan (%) Sektor-Sektor Pengeluaran Ekonomi Kepada KDNK Iskandar Malaysia, 2016 dan 2017

Sektor	Sumbangan	
	2016	2017
<b>SEKTOR PERINDUSTRIAN</b>	<b>44.7%</b>	<b>44.0%</b>
Pembuatan	37.1%	37.2%
Pembinaan	7.6%	6.8%
<b>SEKTOR PERKHIDMATAN</b>	<b>53.7%</b>	<b>54.3%</b>
Utiliti, Pengangkutan, Penyimpanan & Komunikasi	13.7%	14.0%
Perdagangan Borong & Runcit, Penginapan dan Restoran	14.2%	14.6%
Kewangan & Insurans, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan	13.3%	13.3%
Perkhidmatan-perkhidmatan Lain	4.9%	4.9%
Perkhidmatan Kerajaan	7.6%	7.5%

Sumber: Anggaran Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor

### Sektor Perkhidmatan

Secara keseluruhannya sektor perkhidmatan dianggarkan menyumbang 54.3% kepada KDNK Iskandar Malaysia pada tahun 2017 (2016: 53.7%). Sektor ini dianggarkan telah mengalami pertumbuhan sebanyak 7.7% bagi tahun 2017 (2016: 6.5%). Pada tahun 2017, semua sektor kecil perkhidmatan, kecuali sektor Perkhidmatan Kerajaan, mengalami pertumbuhan nilai ditambah melebihi 6.0% berbanding tahun 2016. Sektor Perkhidmatan Kerajaan tumbuh 4.9%.

Di kalangan sektor-sektor kecil perkhidmatan, sektor kecil Perdagangan Borong dan Runcit, Hotel dan Restoran adalah terbesar dari segi sumbangan nilai ditambah kepada KDNK Iskandar Malaysia (14.6%; 2016: 14.2%). Sektor kecil ini dianggarkan mengalami pertumbuhan yang mantap, iaitu 9.6% bagi tahun 2017 (2016: 6.9%). Sektor kecil perdagangan borong dan runcit kekal aktif dengan pembukaan kompleks perniagaan runcit baru serta keaktifan operasi pasar raya besar dan superstore utama. Sektor kecil Utiliti, Pengangkutan, Penyimpanan dan Komunikasi, yang mengalami pertumbuhan 8.8% bagi tahun 2017 (2016: 9.8%), dianggarkan menyumbang 14.0% kepada KDNK Iskandar Malaysia (2016: 13.7%). Nilai ditambah aktiviti pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi dianggarkan mengalami pertumbuhan 6.5% di tahun 2017 hasil daripada keaktifan dalam industri telekomunikasi.

Sektor Kewangan, Insurans, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan menyumbang 13.3% kepada KDNK wilayah (13.4%) dan tumbuh 6.4% bagi tahun 2017 (2016: 2.7%). Sektor ini tumbuh positif di tahun 2017 hasil sokongan aktiviti pembiayaan kredit pengguna dan pelaburan perniagaan. Walau bagaimanapun sumbangan perkhidmatan berkaitan hartanah dianggarkan sedikit perlahan akibat daripada kelembapan sektor pembinaan.

Sektor Perkhidmatan Kerajaan dan sektor Perkhidmatan-Perkhidmatan Lain masing-masing dianggarkan tumbuh pada kadar 4.9% dan 7.6% pada tahun 2017 (2016: 6.4%, 7.1%) dengan masing-masing menyumbang 7.5% dan 4.9% kepada KDNK Iskandar Malaysia (2016: 7.6%, 4.9%). Sumber utama pertumbuhan di sektor Perkhidmatan Kerajaan ialah peningkatan di dalam perbelanjaan emolumen. Pertumbuhan dalam sektor kecil Perkhidmatan-perkhidmatan Lain sebahagiannya disumbangkan oleh peningkatan permintaan terhadap aktiviti yang berkaitan dengan perkhidmatan kesihatan swasta, perkhidmatan pendidikan swasta serta pelancongan kesihatan.

**Prospek dan Risiko Pertumbuhan Ekonomi Wilayah Iskandar Malaysia Bagi 2018-2025**

Walaupun Iskandar Malaysia telah hampir mencapai pertumbuhannya yang telah disasarkan bagi tempoh tahun-tahun 2013 hingga 2015, satu perjalanan yang lebih mencabar ialah untuk memenuhi sasaran pertumbuhan 7.5% bagi tempoh 2016 - 2020 dan 7.7% bagi tempoh 2021 – 2025. Satu risiko yang perlu dihadapi ialah pertumbuhan ekonomi Asia yang perlahan di dalam senario pertumbuhan ekonomi dunia yang diunjurkan tidak sekata. Ini adalah diasaskan kepada unjuran Dana Monetari Antarabangsa (IMF) bahawa pertumbuhan ekonomi Asia untuk tempoh 3 tahun 2018 - 2020 pada kadar purata 5.6% dengan mengambilkira pertumbuhan ekonomi India dan China. Pertumbuhan purata ekonomi ASEAN pula telah diunjurkan tidak akan melebihi 5.3%.

Ekonomi dunia dianggarkan akan tumbuh 3.1% pada 2018. Dalam laporan ekonomi dwitahunannya, Bank Dunia memperingatkan bahawa kemajuan ekonomi tahun 2018 hanya sementara, kecuali peningkatan di dalam penyertaan tenaga kerja berlaku di banyak negara. Pertumbuhan ekonomi dunia dianggarkan akan menyederhana kepada 3.0% persen pada 2019 dan 2.9% pada 2020. Walau bagaimanapun, pertumbuhan akan lebih banyak didorong oleh ekonomi negara Asia, khususnya negara-negara pengeksport komoditi. Kadar pertumbuhan ekonomi untuk kelompok negara ini diprojekkan naik menjadi 4.5% pada 2018 dan rata-rata 4.7% pada 2019 dan 2020.

Ketidakpastian dan risiko yang berterusan terhadap prospek global dijangka memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia dan Iskandar Malaysia yang terdedah kepada perubahan

permintaan luar dan keadaan pasaran kewangan global. Risiko terhadap prospek pertumbuhan adalah berkait rapat dengan persekitaran luaran, penyesuaian mendadak kepada keadaan pasaran kewangan global, atau pertumbuhan ekonomi-ekonomi utama dan eksport yang, jika lebih lemah daripada jangkauan, memberi kesan limpahan negatif ke atas Malaysia. Di dalam negara, risiko utama adalah berkait dengan hutang kerajaan dan isi rumah yang tinggi, serta ketidaktentuan keadaan pasca PRU14 yang baru berlangsung.

**Jadual 4.7** Unjuran Pertumbuhan KDNK Global, 2017-2023

EKONOMI	Pertumbuhan KDNK			
	2017	2018	2019	2023
Amerika Syarikat	2.3	2.9	2.7	1.4
United Kingdom	1.8	1.6	1.5	1.6
Negara-Negara Asia Pesat Membangun	6.5	6.5	6.6	6.2
China	6.9	6.6	6.4	5.5
India	6.7	7.4	7.8	8.2
Malaysia	5.9	5.3	5.0	4.9
Singapore	3.6	2.9	2.7	2.6
Indonesia	5.1	5.3	5.5	5.6

Sumber: IMF World Economic Outlook Update (April 2018)


Pengukuhan ekonomi menawarkan peluang untuk mempercepat pembaharuan struktur untuk pertumbuhan jangka panjang yang berterusan dan untuk memudahkan peralihan ke arah pencapaian status negara berpendapatan tinggi pada tahun mendatang. Perkara lain yang penting adalah peningkatan produktiviti pekerja.

Walaupun semua perancang mengenali batasan untuk menguruskan kesan persekitaran luaran kepada sesuatu ekonomi, kajian semula boleh dibuat dengan melihat semula persekitaran dalaman (Iskandar Malaysia, Johor dan Malaysia) dan sumber yang sedia ada (IRDA dan agensi-agensi yang kerjasama) untuk terus memperbaiki cadangan nilai (value propositions) untuk memastikan bahawa Iskandar Malaysia mempunyai bahan-bahan 'utama' untuk menarik pelaburan dan mengurus pertumbuhan ekonomi. Satu aspek penting yang telah dikenal pasti dalam CDPIi ialah pengukuhan perkhidmatan pemudahan (facilitation services), memperincikan kluster-kluster ekonomi dan berusaha memperbaiki sistem pemudahcara (enablers) dan eko-sistem Iskandar Malaysia.

**Inisiatif Di Dalam Sektor-Sektor**


**Sektor Pelancongan**

Pelancongan, sebagai satu kluster, menggabungkan sektor lain; pengedaran, penginapan, makanan dan restoren, penjagaan kesihatan dan perkhidmatan pendidikan. Pembangunan sektor pelancongan di Iskandar Malaysia adalah berpandukan kepada cadangan Tanjung Puteri Strategic Tourism Cluster Development Study (2009), Corridors & Cities Lab (PEMANDU 2011), Johor Tourism Master Plan (2014) and CDPii (2015). Sektor pelancongan dianggarkan menyumbang RM3.1 bilion kepada jumlah pelaburan terkumpul yang berjumlah RM190 bilion bagi tempoh 2006 hingga akhir 2015.



**Rajah 4.2** Anggaran Bilangan Pelancong Tempatan Ke Iskandar Malaysia (Juta), 2011-2017

Sumber: Johor Tourism



**Rajah 4.3** Anggaran Bilangan Pelancong Asing Ke Iskandar Malaysia Mengikut Negara ('000), 2017

Sumber: Anggaran UPEN menggunakan data Jabatan Imigresen Johor

Usaha untuk menjadikan Iskandar Malaysia sebagai destinasi pelancongan yang keberhasilan tinggi tertumpu kepada tema 'Family Fun'. Inisiatif-inisiatif utama yang dilaksanakan oleh IRDA bermula 2016 ialah,

- Mewujudkan Johor Convention & Exhibition Bureau (JCEB) untuk menjadi wahana bagi mengumpulkan pihak-pihak terpilih di dalam industri pelancongan di Johor. Ianya ialah

bertujuan untuk mempromosi dan memasarkan Johor dan Iskandar Malaysia sebagai lokasi strategik untuk mesyuarat, konvensyen dan pameran ( MICE).

- Mengukuhkan peranan strategik Iskandar Malaysia Tourism Steering Committee (IMTSC) sebagai Tourism Think Tank Pelancongan untuk Iskandar Malaysia dan memanfaatkan wahana ini untuk melaksanakan suatu inisiatif yang digelar Big Move 3<sup>2</sup>.

<sup>2</sup>Rujukan: CDPii


- Meningkatkan produk pelancongan yang sedia ada di samping memperkukuhkan produk pelancongan baru.
- Memberi tumpuan kepada peningkatan dan penjenamaan produk pelancongan seperti Jejak Warisan Pusat Bandaraya JB (JB City Centre Heritage Trail), menjadikannya sebahagian daripada Kluster Kebudayaan & Warisan JB.
- Memperbaharui tumpuan kepada eko-pelancongan termasuk menawarkan pembaikan fasiliti di tiga tapak Ramsar; Tanjung Piai, Pulau Kukup dan Sungai Pulai.
- Mempromosi kampung-kampung di sekitar Sungai Melayu dan kampung-kampung “Kawan Iskandar Malaysia” melalui pakej-pakej yang menggabungkan taman tema, eko-pelancongan dan Jejak Makanan & Budaya Johor.
- Membangunkan dan memasarkan Pelancongan Golf di Iskandar Malaysia.
- Membangunkan Pelancongan Sukan melalui bola sepak dan acara sukan lain seperti triathlon, marathon dan regata.
- Membangunkan Iskandar Malaysia sebagai destinasi membeli-belah perdana dengan memanfaatkan kawasan membeli-belah sedia ada.
- Berkerjasama rapat dengan agensi-agensi pelancongan tempatan dan pertubuhan bukan kerajaan utama untuk memastikan Johor mempunyai bilik-bilik hotel empat dan lima bintang yang mencukupi untuk memenuhi pasaran MICE dan lain-lain Event Perniagaan.
- Menyediakan akses serta sambungan (connectivity) udara ke dalam dan dari Lapangan Terbang Senai sebagai salah satu bidang utama melalui kerjasama dengan rakan kongsi strategik.
- Membangunkan projek pelancongan baharu termasuk Pelancongan Islam & Halal yang berpotensi menggalakkan Pelancongan Islam.
- Membangunkan Iskandar Malaysia menjadi destinasi Penggambaran Pelancongan (Filming Tourism) - untuk bersama-sama Tourism Johor mempromosikan Iskandar Malaysia sebagai destinasi utama penggambaran pelancongan di Asia.

Selain itu projek-projek masa hadapan merangkumi juga pembinaan beberapa hotel baru yang bakal menawarkan tambahan bilik. Selain dari hotel, dua pusat konvensyen baru dijangka siap pada 2018 dan 2019 masing-masing di Terminal Feri Puteri Harbour dan di Iskandar City Square di Iskandar Puteri.

### Sektor Penjagaan Kesihatan

Sektor penjagaan kesihatan merupakan sektor perkhidmatan ketiga terbesar selepas logistik dan pelancongan dengan menyumbang RM3.89 bilion kepada pelaburan kumulatif ke dalam Iskandar Malaysia bagi tempoh 2006 – 2017 (Sep). Kerajaan Negeri Johor telah mengarahkan supaya satu pelan induk penjagaan kesihatan digubal untuk merealisasikan potensi Negeri Johor sebagai satu hab perubatan dan penjagaan kesihatan di rantau ini. Iskandar Malaysia berperanan sebagai perintis dalam pelan induk ini kerana kebanyakan penyedia penjagaan kesihatan swasta beroperasi di Iskandar Malaysia.

Lokasi Iskandar Malaysia yang strategic menimbulkan minat yang meluas di dalam sektor penjagaan kesihatan swasta. Dengan peningkatan penduduk dan permintaan untuk perkhidmatan penjagaan kesihatan awam. Projek-projek penjagaan kesihatan baru dianggarkan menambah 1,150 katil untuk memenuhi keperluan penjagaan kesihatan. Hospital Universiti KPJ-UTM dijangka menjadi Pusat Kecemerlangan Perubatan Sukan serta penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk Peralatan Perubatan manakala KPJ Dato' Onn Specialist Hospital dirancang untuk penempatan enam pusat kecemerlangan dalam bidang onkologi, wanita dan kanak-kanak, kosmetik dan pembinaan semula, ortopedik, kardiologi dan geriatrik.



**Rajah 4.4** Bilangan Pelancong Penjagaan Kesihatan Malaysia, 2012-2017

Sumber: Malaysia Healthcare Travel Council (MHTC). Data tahun 2016 Dan 2017 untuk pendapatan yang dijana adalah anggaran UPEN Johor

### Sektor Kreatif

Industri Kreatif iaitu filem, televisyen, permainan (games) dan “gamification”, animasi, pengiklanan dan penerbitan telah mengalami perubahan yang besar. Revolusi teknologi digital dan kebangkitan masyarakat celik internet menuntut pilihan yang

lebih luas daripada kandungan (content) dan akses kepada harga yang lebih murah, telah menuntut perubahan di dalam teknologi dan rantai nilai industri kreatif serta mencabar cara kandungan dicipta, diagregatkan, diedar, dipasarkan untuk menjana pendapatan.

Inisiatif dan program yang digariskan dalam CDP dan CDPii telah menetapkan supaya Iskandar Malaysia menjadi "Destinasi Kreatif Baru Di Asia". Pembinaan ekosistem yang kukuh untuk industri kreatif ini adalah penting dan tidak boleh dibiarkan terjejas kerana ianya akan membolehkan penggunaan disruptive technology<sup>3</sup>.

Di dalam bidang filem/kreatif, keupayaan untuk menarik produksi antarabangsa adalah amat penting. Disebabkan kewujudan banyak hab kreatif di seluruh dunia, tarikan produksi antarabangsa untuk beroperasi di Iskandar Malaysia adalah sangat kompetitif. Walau bagaimanapun, Pinewood Iskandar Malaysia Studios (PIMS), telah membolehkan RM462 juta dibelanjakan dalam negara dan mewujudkan 3,625 pekerjaan (termasuk 1,615 pekerja tempatan) di antara 2014 dan 2015. Penyokong bagi PIMS dan ekosistem filem ialah Film Johor (FJ), iaitu komisyen filem Negeri Johor, yang berperanan menjadi fasilitator produksi Marco Polo Season 2 yang bernilai RM195 juta pada tahun 2015. Sementara itu MaGIC-X (Media and Games Innovation Centre of Excellence), tapak asas untuk ekosistem permainan (games)/gamification menjadi pusat kepada Lembah Inovasi Iskandar Malaysia (IM Innovation Valley), melengkapkan Pinewood Iskandar Malaysia Studios (PIMS) dan adalah pemupuk pertumbuhan Industri Kreatif di Iskandar Malaysia.

### Sektor Budaya dan Warisan

Banyak negara maju menmanfaatkan Seni Budaya dan Warisan untuk tarikan pelancongan selain menjadikannya input kepada industri kreatif. Sebagai contoh, drama/filem Korea tidak pernah gagal untuk mempamerkan nilai-nilai seni budaya dan warisan

Korea. Selain itu Kimchi telah menjadi masakan yang dikenali di seluruh dunia sekarang. Iskandar Malaysia/Johor mewarisi seni budaya dan warisan nilai-nilai yang kaya yang perlu dipulihkan, diarkibkan dan/atau diterbitkan/dipamerkan supaya warisan sejarah ini tidak hilang. Dengan teknologi ia boleh dipulihkan dan juga dipamerkan dalam satu platform baru seperti Augmented/Virtual Reality dan 3D Hologram.

Iskandar Malaysia memerlukan satu pusat rujukan kecemerlangan (Center of Excellence - COE) seni budaya dan warisan untuk menyatukan, memulihkan, mengarkib dan menerbitkan semua sejarah/artifak yang berpotensi untuk mempunyai cabang penyelidikan. Ini akan menjadi input untuk industri kreatif iaitu filem/TV, permainan, animasi, rekabentuk fesyen, muzik dan seumpamanya. COE ini perlu mempunyai ruang yang dikhususkan untuk peminat seni kreatif dan warisan serta perniagaan kecil dan sederhana (PKS) serta merangkumi studio bekerja dan galeri terbuka. Selain itu kawasan-kawasan tertentu untuk sesi perkongsian pengetahuan, rangkaian (networking) atau sesi pertemuan pembeli dan persembahan secara langsung atau tayangan perlu diwujudkan.

## PASARAN PEKERJA DAN GUNATENAGA DI TAHUN 2017

### Jumlah dan Taburan Penduduk

Jumlah penduduk Iskandar Malaysia pada tahun 2017 dianggarkan meningkat menjadi 2.096 juta daripada 2.019 juta pada tahun 2016. Ini merupakan peningkatan tahunan sebanyak 3.8%. Jumlah penduduk di Iskandar Malaysia merangkumi lebih dari 54.0% daripada penduduk Negeri Johor, berpunca daripada penghijrahan masuk penduduk dari daerah lain di Johor, terutama daripada daerah yang berhampiran. Pada tahun 2017 penduduk Johor berjumlah 3.700 juta, meningkat dari 3.655 juta di tahun 2016. Jelas bahawa Iskandar Malaysia menampung penduduk yang menghampiri lebih

<sup>3</sup>Disruptive technology adalah inovasi teknologi, produk atau perkhidmatan yang membuat teknologi atau produk dominan yang sedia ada menjadi terganggu, dalam aspek ancaman kepada kewujudannya kerana kemunculan teknologi, produk atau inovasi yang baru tersebut. Walaupun dari segi kualiti ia tidak harus lebih baik dari yang sudah ada, pada umumnya terdapat perbezaan yang menari perhatian dalam hal harapan dari kebanyakan pemakai yang merasakan kelebihannya. Disruptive technology biasanya sederhana, tidak mahal dan sangat mudah digunakan. Secara kasarnya ada dua jenis disruptive technology; penemuan baru dan teknologi yang mengisi kekosongan di dalam produk atau teknologi yang sudah ada. Contoh-contoh disruptive technology ialah e-mail (disruptive technology kepada surat pos tradisi), kamera digital (disruptive technology kepada kamera berfilem), sms (disruptive technology kepada pager).


separuh penduduk Negeri Johor. Perbandingan di antara penduduk Negeri Johor dan Penduduk Iskandar Malaysia dari tahun 2012 hingga 2017 dipamerkan sebagai Rajah 4.7.

Penelitian yang lebih terperinci ke atas taburan penduduk di lima kawasan flagship Iskandar Malaysia, menghasilkan kesimpulan bahawa 31.4% daripada jumlah penduduk di Iskandar Malaysia tinggal di flagship D, manakala 27.2% penduduk tinggal di flagship A. Kawasan flagship C (yang dikenali sebagai Western Gate Development) mempunyai jumlah penduduk yang paling sedikit, iaitu seramai 59.7 ribu orang, iaitu merangkumi 2.8% sahaja. Sementara itu flagship E menampung 15.2% daripada penduduk

Iskandar Malaysia. Secara keseluruhannya taburan penduduk di flagship dipengaruhi oleh jenis aktiviti ekonomi yang wujud serta status perbandaran setiap flagship.

**Tenaga Buruh**

Iskandar Malaysia secara keseluruhannya adalah kawasan “bandar”. Segala aktiviti ekonomi di Iskandar Malaysia di dokong oleh aktiviti dua sektor utama iaitu Sektor Pembuatan dan Sektor Perkhidmatan. Keupayaan kedua-dua sektor disokong kuat oleh tahap kemahiran dan keupayaan penduduk/tenaga kerja serta bilangan penduduk yang tinggal di kawasan tersebut dan kawasan sekeliling.



**Rajah 4.5** Trend Jumlah Penduduk Negeri Johor dan Iskandar Malaysia ('000), 2012-2017  
 Sumber: Anggaran UPEN Johor dengan menggunakan data Jabatan Perangkaan Malaysia.

**Jadual 4.8** Trend Pertumbuhan Penduduk Iskandar Malaysia Mengikut Kawasan (Flagships) ('000)

Flagship	2012	2013	2014	2015	2016	2017
A	474.5	492.6	511.3	530.7	550.9	571.9
B	404.4	419.7	435.7	452.2	469.4	487.3
C	49.5	51.4	53.3	55.4	57.5	59.7
D	546.8	567.6	589.2	611.6	634.8	658.9
E	264.3	274.3	284.8	295.6	306.8	318.5
<b>JUMLAH</b>	<b>1,739.5</b>	<b>1,805.6</b>	<b>1,874.2</b>	<b>1,945.5</b>	<b>2,019.4</b>	<b>2,096.2</b>

Sumber: Anggaran UPEN Johor dengan menggunakan data Jabatan Perangkaan Malaysia

Jumlah tenaga buruh di Iskandar Malaysia pada tahun 2017 adalah dianggarkan seramai 1,025.0 ribu berbanding dengan 980.5 ribu orang pada tahun 2016. Ini merupakan peningkatan 4.5% (2016: 3.8%). Peningkatan ini adalah disebabkan oleh peningkatan di dalam Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB), terutama yang di dalam kumpulan umur 15-19, 20-24, 25-29, 30-34, 35-39 dan 40-44 tahun. Secara keseluruhannya Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB) bagi kawasan ini pada tahun 2017 ialah 67.0% meningkat dari 66.8% pada tahun 2016 (2015: 67.1%, 2014: 68.3%), ianya adalah lebih rendah dari kadar nasional (68.1%) dan sama dengan kadar KPTB bagi negeri Johor (67.0%).

**Jadual 4.9** Anggaran Bilangan Tenaga Kerja Di Iskandar Malaysia Mengikut Kumpulan Umur ('000)

Kumpulan Umur	Tahun		
	2015	2016	2017
15 -	23.6	26.4	26.0
20 -	148.0	158.1	160.0
25 -	191.9	198.8	213.0
30 -	145.0	146.4	155.4
35 -	123.4	128.4	133.0
40 -	105.6	111.0	116.5
45 -	87.1	88.2	93.1
50 -	63.3	65.0	69.7
55 -	39.8	42.2	41.7
60 -	16.4	16.0	16.6
<b>JUMLAH</b>	<b>944.1</b>	<b>980.5</b>	<b>1,025.0</b>

Sumber: Anggaran UPEN Johor dengan menggunakan data Jabatan Perangkaan Malaysia.

Pada setiap tahun di dalam tempoh 2015-2017, kumpulan umur 25 hingga 29 tahun merupakan kumpulan yang menyediakan tenaga buruh yang terbanyak bagi Iskandar Malaysia. Ini diikuti oleh kumpulan umur 20 hingga 24 tahun dan seterusnya dari kalangan mereka yang berumur 30 hingga 34 tahun dan kumpulan umur 35 hingga 39 tahun. Taburan tenaga buruh ini tidak banyak berbeza dengan taburan di peringkat Negeri Johor dan peringkat negara.

## Tenaga Kerja Mengikut Jenis Pekerjaan

Secara keseluruhannya, tenaga kerja yang bekerja di Iskandar Malaysia telah meningkat di kalangan semua jenis pekerjaan kecuali Pekerjaan Asas, Pekerja Perkhidmatan dan Pekerja Kedai dan Jurujual, dan Operator Loji. Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh 2017 (Jabatan Perangkaan Malaysia) menunjukkan bahawa 21.6% daripada tenaga kerja di Iskandar Malaysia menceburi bidang Pekerja Perkhidmatan dan Pekerja Kedai dan Jurujual (2016: 22.3%). Ini merupakan satu fenomena yang agak biasa kerana kebiasaannya sektor kecil ini merupakan tempat tumpuan kepada pencari-pencari kerja, baru dan lama. Ini adalah bertepatan dengan pembangunan pesat pusat-pusat perniagaan mall, hypermarket dan sebagainya. Namun, pada tahun 2016, bilangan pekerja yang bekerja di sektor kecil ini telah merosot dengan agak ketara. Di samping itu penyusutan tenaga kerja di sektor kecil ini adalah akibat dari kekurangan penawaran kerja di sektor ini yang secara tidak langsung disebabkan oleh keyakinan yang rendah terhadap potensi perkembangan perniagaan (dari segi jualan, hasil dan sebagainya) di kalangan pengusaha atau pelabur.

Adalah juga didapati bahawa 16.4% pekerja tertumpu di sektor Operator Loji dan Mesin serta pemasangan (2016: 17.3%), 14.0% pekerja terlibat dalam bidang ketukangan dan yang berkaitan (2016: 14.0%), manakala 12.8% bekerja di bidang Juruteknik dan Professional Bersekutu (2016: 11.8%). Mereka yang bekerja di peringkat tinggi seperti Penggubal Undang-Undang dan Pengurusan dan Professional meningkat dari 4.2% pada tahun 2016 kepada 14.4% pada tahun 2017. Keadaan ini adalah selaras dengan status Iskandar Malaysia sebagai pusat pentadbiran negeri, perkhidmatan profesional, perniagaan dan pembuatan. Berdasarkan Laporan Jabatan Perangkaan Malaysia 2016, Daerah Johor Bahru menduduki tempat ketiga selepas Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Daerah Petaling di Selangor dari segi bilangan pertubuhan sektor perkhidmatan dan sektor pembinaan (35,336 pertubuhan dan 2,944 pertubuhan). Pecahan tumpuan tenaga kerja adalah seperti di Jadual 4.9.

Kekuatan tenaga kerja di Iskandar berbanding kawasan lain di Negeri Johor dapat diamati daripada tumpuan pekerjaan yang diceburi oleh penduduk. Di dalam hal ini didapati bahawa 61.4% tumpuan pekerja adalah di Iskandar Malaysia (Rujuk Jadual 4.10).

**Jadual 4.10** Bilangan dan Peratus Tenaga Kerja Iskandar Malaysia, 2016 dan 2017

Jenis Pekerjaan		2016		2017	
		Bilangan ('000)	Peratus	Bilangan ('000)	Peratus
1	Pengubal Undang-Undang, Pegawai Kanan dan Pengurus	41.2	4.2%	44.1	4.4%
2	Professional	86.3	9.1%	98.8	10.0%
3	Juruteknik dan Professional Bersekutu	111.5	11.8%	127.0	12.8%
4	Pekerja Perkeranian	88.8	9.3%	107.0	10.8%
5	Pekerja Perkhidmatan dan Pekerja kedai dan Jurujual	216.6	22.3%	214.0	21.6%
6	Pekerja Mahir Pertanian	15.6	1.6%	16.0	1.6%
7	Pekerja Pertukangan dan Berkaitan	132.1	14.0%	140.5	14.0%
8	Operator Loji dan Mesin serta Pemasangan	164.2	17.3%	163.5	16.4%
9	Pekerjaan Asas.	90.8	9.6%	81	8.2%
<b>JUMLAH</b>		<b>947.0</b>	<b>100.0</b>	<b>992.2</b>	

Sumber: Anggaran UPEN Johor dengan menggunakan data Jabatan Perangkaan Malaysia

Sumbangan Iskandar Malaysia kepada tenaga kerja Negeri Johor adalah tinggi di dalam hampir semua kategori pekerjaan. Keadaan ini dapat dilihat di Jadual 5.10. Jelas bahawa di dalam hampir semua kategori pekerjaan, kecuali bagi kategori Pekerja Mahir Pertanian (29.2%) serta Pekerjaan Asas (48.1%).

Keseluruhan, 61.4% tenaga kerja yang bekerja di Negeri Johor bekerja di Iskandar Malaysia. Keadaan ini adalah selari dengan ciri Iskandar Malaysia sebagai pusat pentadbiran, pendidikan, perindustrian dan komersil terpenting di selatan Semenanjung Malaysia.

**Jadual 4.11** Anggaran Sumbangan Tenaga Kerja Iskandar Malaysia kepada Gunatenaga Negeri Johor 2017

Jenis Pekerjaan		Bilangan Tenaga Kerja ('000)		Peratus Sumbangan IM Kepada Bilangan Tenaga Buruh Negeri Johor (%)
		Negeri Johor	Iskandar Malaysia (IM)	
1	Pengubal Undang-Undang, Pegawai Kanan dan Pengurus	63.5	44.1	69.5%
2	Professional	150.4	98.8	65.7%
3	Juruteknik dan Professional Bersekutu	193.8	127.0	65.5%
4	Pekerja Perkeranian	159.6	107.0	67.1%
5	Pekerja Perkhidmatan dan Pekerja kedai dan Jurujual	339.0	214.0	63.1%
6	Pekerja Mahir Pertanian	54.7	16.0	29.2%
7	Pekerja Pertukangan dan Berkaitan	216.2	140.5	65.0%
8	Operator Loji dan Mesin serta Pemasangan	268.8	163.5	60.8%
9	Pekerjaan Asas.	168.9	81.2	48.1%
<b>JUMLAH</b>		<b>1614.7</b>	<b>992.2</b>	<b>61.4%</b>

Sumber: Anggaran UPEN Johor dengan menggunakan data Jabatan Perangkaan Malaysia

### Taburan Tenaga Kerja di Iskandar Malaysia Mengikut Jenis Industri

Bilangan tenaga kerja yang bekerja di Iskandar Malaysia meningkat kepada 992.2 ribu pada tahun 2017 daripada 947 ribu pada tahun 2016. Ini yang merupakan peningkatan 3.5% iaitu lebih rendah daripada peningkatan 2.2% bagi tenaga kerja Negeri Johor.

**Sektor Pembuatan** masih memainkan peranan penting di kalangan sektor-sektor yang menyediakan peluang pekerjaan di Iskandar Malaysia di tahun 2017. Adalah dianggarkan bahawa 27.3% daripada keseluruhan pekerja di Iskandar Malaysia bekerja di sektor ini pada tahun 2017 (2016: 27.8%). Keadaan ini adalah selari dengan kewujudan kawasan-kawasan perindustrian utama di Iskandar Malaysia, iaitu di Flagship B (Nusajaya), Flagship C (Western Gate), Flagship D (Eastern Gate) dan Flagship E (Skudai/Senai). Sebahagian besar daripada kilang-kilang yang dibina melalui pelaburan di dalam sektor pembuatan di kawasan ini dianggarkan memulakan operasi di tahun 2016 dan 2017. Berbanding dengan Negeri Johor, Iskandar Malaysia mempunyai Kadar Pengangguran yang rendah iaitu 3.2% (2016: 3.4%). Sebaliknya kadar pengangguran di Negeri Johor pada tahun 2017 ialah 3.4% (2016: 3.6%).

**Sektor Perniagaan Borong dan Runcit, Hotel dan Restoran** adalah sektor yang kedua terpenting di dalam menyediakan pekerjaan di Iskandar Malaysia pada tahun-tahu 2013 hingga 2017. Pada tahun 2017 sektor ini menyediakan 27.0% daripada jumlah pekerjaan (2016: 26.4%). Keadaan ini berkait rapat dengan kewujudan Central Business District (CBD) di Bandaraya Johor Bahru yang disokong oleh keaktifan sektor peruncitan di kawasan-kawasan Flagship B (Nusajaya) dan Flagship E (Skudai/Senai). Sektor kecil ini merupakan sektor "penyelamat" untuk diceburi di kalangan tenaga buruh yang bersara, yang kehilangan pekerjaan atau yang baru masuk ke alam pekerjaan.

**Sektor Perkhidmatan Kerajaan dan Perkhidmatan Lain** juga memainkan peranan penting di dalam menyediakan peluang pekerjaan di Iskandar Malaysia. Selain daripada Flagship A dan Flagship B di mana terletak pusat pentadbiran utama Negeri dan Persekutuan, kewujudan beberapa insitituti pendidikan dan penyelidikan di kawasan Flagship B dan Flagship E turut menyumbang kepada kewujudan peluang-peluang pekerjaan. Justeru, pada tahun 2017, sumbangan sektor kecil ini menguncup sedikit dari 22.1% kepada 20.2%. Penurunan yang ketara adalah di dalam sektor kecil Perkhidmatan kerajaan. Ini disebabkan, di antaranya, oleh pembekuan pengambilan pekerja baharu.

**Jadual 4.12** Anggaran Tenaga Buruh Bekerja Mengikut Sektor Ekonomi di Iskandar Malaysia, 2016 dan 2017

Jenis Pekerjaan	2016		2017	
	Bilangan ('000)	Peratus	Bilangan ('000)	Bilangan ('000)
1 Pertanian, Pemburuan, dan perikanan	29.6	3.1	29.1	2.9
2 Perlombongan dan Kuari	4.5	0.5	4.3	0.4
3 Pembuatan	263.1	27.8	270.9	27.3
4 Bekalan Elektrik , Gas dan Air	10.9	1.1	10.9	1.1
5 Pembinaan	78.1	8.2	94.7	9.5
6 Perdagangan Borong dan Runcit dan Hotel dan Restoren	249.6	26.4	268.2	27.0
7 Pengangkutan, Penyimpanan dan Komunikasi	58.0	6.1	65.1	6.6
8 Pengantaran Kewangan, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan	44.1	4.7	49.4	5.0
9 Perkhidmatan Kerajaan	179.6	19.0	168.2	17.0
10 Perkhidmatan Lain	29.4	3.1	31.4	3.2
<b>JUMLAH</b>	<b>947</b>	<b>100</b>	<b>992.2</b>	<b>100</b>


Sumber: Anggaran UPEN Johor dengan menggunakan data Jabatan Perangkaan Malaysia

## PELABURAN KE DALAM ISKANDAR MALAYSIA SEHINGGA 2017

Iskandar Malaysia mempunyai sembilan kluster ekonomi yang memberi tumpuan kepada peluang pelaburan. Ini merangkumi Perkhidmatan Kewangan & Perniagaan, Industri-industri Kreatif, Logistik, Pelancongan, Pendidikan, Perkhidmatan Kesihatan, Elektrik & Elektronik, Petrokimia & Oleokimia, dan Pemprosesan Makanan & Pertanian.

Tujuh pemacu ekonomi utama yang menarik pelaburan bernilai tinggi di Iskandar Malaysia merangkumi pemastian bekalan tenaga kerja yang mencukupi, penambahbaikan keupayaan modal insan sedia ada, pengembangan skala dan kualiti aktiviti-aktiviti bernilai tinggi, penambahbaikan kemudahan-kemudahan utiliti, penambahbaikan capaian di dalam dan ke Iskandar Malaysia, pembinaan reputasi Iskandar Malaysia, dan peningkatan keberkesanan operasi di Iskandar Malaysia. Pemacu-pemacu ini melengkapinya dengan tindakan dan inisiatif-inisiatif pakej yang lengkap dan komprehensif bagi menarik dan mengekalkan pelaburan.

Iskandar Malaysia telah memperolehi jumlah pelaburan komited terkumpul RM222 bilion dari 2006 hingga akhir 2016, dengan sektor-sektor pembuatan (57.38 bil) dan hartanah (RM122.00 bil) menjadi penyumbang utama. Sehingga akhir 2016 jumlah yang telah terlaksana dari jumlah ini ialah RM120 bilion (54%). Pada tahun 2016 Iskandar Malaysia meraih RM32.2 bilion pelaburan yang dikomitkan. Ini telah meningkatkan jumlah pelaburan terkumpul kepada RM222 bilion (2006 - 2016). Untuk Iskandar Malaysia mencapai visinya menjadi metropolis yang kukuh dan mampan di peringkat antarabangsa pada tahun 2025, wilayah ini harus mencapai pelaburan komited terkumpul yang disasarkan sebanyak RM383 bilion pada tahun 2025. Ini memerlukan pertumbuhan pelaburan tahunan pada kadar purata di antara 6.0% hingga 7.0% setahun untuk sepuluh tahun akan datang.




Rajah 4.6 Sasaran Pelaburan Iskandar Malaysia 2006-2025 (RM Bil)

Tahun	Sasaran Pelaburan	Tahun	Sasaran Pelaburan
2006-2011	RM47.0 bilion	2016-2020	RM107.0 bilion
2012-2015	RM73.0 bilion	2021-2025	RM155.0 bilion

Sumber: Iskandar Regional Development Authority (IRDA)

Dalam tempoh Jan-Dis 2017, Iskandar Malaysia telah memperoleh komitmen pelaburan terkumpul bernilai RM30.65 bilion. Ini membawa jumlah terkumpul komitmen pelaburan untuk Iskandar Malaysia untuk tempoh 2006 hingga akhir 2017 kepada RM253.10 bilion. Daripada jumlah RM244.46 bilion pelaburan dikomit yang terkumpul 54.0% atau RM131.09 bilion telah direalisasikan sehingga kini. Sebanyak RM11.60 bilion pelaburan tambahan telah direalisasikan dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun 2017. Ini menyumbang kepada 54% jumlah pelaburan yang terlaksana sehingga kini.

Sektor hartanah dan perkilangan kekal sebagai penyumbang utama kepada jumlah RM242.42 bilion pelaburan komited terkumpul. Pembangunan campuran, dengan jumlah pelaburan sebanyak RM68.90 bilion menyumbang 28.0% kepada jumlah pelaburan komited terkumpul, diikuti dengan sektor pembuatan yang mencatat sebanyak RM59.26 bilion atau 24.0%, harta kediaman sebanyak RM47.47 bilion atau 19% dan hartanah industri bernilai RM20.92 bilion atau 9%. Sektor yang digalakkan menyumbang RM81 bilion atau 33% daripada jumlah komitmen pelaburan kumulatif RM244.46 bilion tersebut.



**Rajah 4.7** Iskandar Malaysia: Perbandingan Pelaburan Komited dan Terlaksana (RM Billion), 2010 – 2017  
 Sumber: Iskandar Regional Development Authority (IRDA)


Pelaburan ke dalam sektor perkhidmatan berjumlah RM21.33 bilion atau 9.0%. Pelaburan tempatan terus menjadi penyumbang utama, menyumbang 60.0% daripada jumlah pelaburan. Beberapa projek utama yang ketara di dalam tempoh sembilan bulan pertama 2017 merangkumi IKEA Tebrau, SILC Fasa 3, Impiana Hotel, Kompleks Perubatan Pakar Jalan Tahana dan Jack Nicklaus Golf Course di Gelang Patah. Pelaburan asing paling tinggi adalah dari China dengan jumlah pelaburan bernilai RM30.37 bilion, diikuti oleh Singapura, RM20.87 bilion dan Amerika Syarikat, RM6.79 bilion. Pecahan sumbangan pelaburan komited terkumpul mengikut sektor dari tahun 2006 hingga 2016 dipamerkan sebagai Rajah 4.9.

Berdasarkan Rajah 4.9 dapat disimpulkan bahawa sektor perkhidmatan yang digalakkan iaitu Pelancongan, Kesihatan, Pendidikan, Kreatif, Logistik, dan Perkhidmatan Kewangan, menerima pelaburan komited yang kukuh dari tahun 2010 hingga 2016. Sementara itu pelaburan sektor perkhidmatan telah berkembang daripada jumlah pelaburan komited terkumpul RM4.29 bilion pada 2006 kepada RM17.33 bilion pada 2016. Sektor-sektor logistik, pelancongan dan kesihatan adalah pemacu utama bagi pertumbuhan dalam sektor perkhidmatan. Sektor pembuatan, iaitu sektor tradisional di Iskandar Malaysia kekal sebagai sektor kedua terbesar dengan jumlah pelaburan komited terkumpul sejumlah RM57.38 bilion yang mewakili hampir 25.0% daripada jumlah RM222.44 bilion pelaburan komited terkumpul.

**Jadual 4.13** Perbandingan Jumlah Pelaburan Yang Dikomit Dengan Pelaburan Terlaksana Mengikut Sektor, 2006-2017

Pelaburan Yang Dikomitkan Mengikut Sektor, 2006 – 2018 (RM billion)				Pelaburan Terlaksana Hingga Jun 2018 (RM billion)
Pembuatan	62.74	Pembangunan Campuran	81.18	-
Logistik	6.69	Kediaman	48.86	-
Pelancongan	7.12	Industri	20.92	-
Kesihatan	4.41	Utiliti	12.97	-
Pendidikan	2.76	Kerajaan	10.67	-
Kewangan	2.09	Teknologi Baru	2.94	-
Kreatif	0.59	<b>Jumlah</b>	<b>263.94</b>	<b>154.14</b>


Sumber: Iskandar Regional Development Authority (IRDA)



**Rajah 4.8** Iskandar Malaysia: Sumbangan Pelaburan Komited Berkumpulan Mengikut Sektor, 2006 – 2018 (Jun)  
 Sumber: Data Iskandar Regional Development Authority (IRDA)

Sektor hartanah (kediaman, perdagangan dan perindustrian) yang merupakan sektor yang disokong di Iskandar Malaysia, kini menjadi sektor terbesar di wilayah ini dari segi pelaburan dengan jumlah pelaburan komited terkumpul sejumlah RM121.99 bilion yang mewakili hampir 54.8% daripada jumlah pelaburan komited terkumpul. Pecahan pelaburan dalam sektor hartanah adalah; kediaman: RM44.43 bilion, komersial: RM57.72 bilion dan industri: RM19.84 bilion.

Pertumbuhan KDNK yang disasarkan yang akan dicapai menjelang 2025 memerlukan aliran dan pelaksanaan pelaburan secara berterusan. Untuk merealisasikan wawasan Iskandar Malaysia menjadi metropolis antarabangsa yang mantap dan lestari menjelang tahun 2025, wilayah ini dijangka menarik nilai pelaburan sejumlah RM383 bilion sehingga 2025.



**Rajah 4.9** Jumlah Berkumpul Nilai Pelaburan Domestik Dan Asing Yang Dikomited (RM Bilion), 2010 - 2016  
 Sumber: Iskandar Regional Development Authority (IRDA)

Dengan mengambil kira jumlah pelaburan komited terkumpul semasa sebanyak RM222 bilion, Iskandar Malaysia memerlukan hanya sejumlah pelaburan baru yang bernilai RM161 bilion dalam tempoh 10 tahun akan datang untuk memenuhi sasaran pelaburannya; satu nilai yang tidak terlalu sukar untuk dicapai.

Kemungkinan Iskandar Malaysia dapat memenuhi sasaran pelaburan dengan aktiviti promosi agresif kepada bakal pelabur adalah besar. Ini adalah berdasarkan kepada kelaziman kerjasama yang diperolehi oleh IRDA dengan agensi-agensi promosi lain seperti MIDA, JSIC dan lain-lain. Ini adalah selain daripada anjuran aktiviti promosi sendiri oleh IRDA yang menyasarkan negara-negara tertentu yang berminat untuk melabur seperti Jepun, Korea, Amerika Syarikat, antara lain. Walau bagaimanapun, faktor kritikal untuk memacu pertumbuhan terletak di atas pelaksanaan setiap pelaburan yang telah dikomitedkan supaya pelaburan-pelaburan ini dapat diterjemahkan menjadi aktiviti ekonomi dan pekerjaan dalam masa yang singkat.

### Strategi Meningkatkan Pelaburan Dan Ekonomi Iskandar Malaysia<sup>4</sup>

Secara amnya pelabur asing mempunyai banyak pilihan di dalam mencari lokasi untuk melabur. Strategi sebahagian besar pelabur lazimnya merangkumi usaha-usaha mencari pasaran (ke arah pasaran yang lebih besar untuk produk masing-masing), mencari sumber (untuk berada lebih dekat dengan sumber utama dan buruh), mencari kecekapan, mencari aset strategik, penggantian perdagangan/import serta mencari pengetahuan.

Di Asia, negara-negara seperti China dan Korea Selatan menawarkan pasaran domestik yang besar serta tenaga kerja teknikal yang mahir untuk pengeluaran dan perkhidmatan. Di kalangan negara-negara ASEAN, Indonesia, Thailand dan Vietnam telah muncul sebagai destinasi pelaburan yang mempunyai potensi pasaran domestik yang besar selain struktur kos operasi yang rendah. Walaupun Iskandar Malaysia adalah lokasi yang berdaya saing berdasarkan kriteria-kriteria seperti lokasi strategik, infrastruktur yang baik, ketersediaan pekerja mahir, antara lain, proposisi nilainya telah perlahan-lahan diatasi oleh negara-negara sedang membangun, terutamanya Indonesia, Thailand dan Vietnam. Oleh itu, Iskandar Malaysia perlu memperbaiki proposisi nilai secara berterusan

untuk kekal menjadi destinasi pelaburan yang menarik bagi pelaburan bernilai tinggi.

### Peningkatan Kemudahan Kepada Bakal Pelabur (*Facilitation*)

Dorongan pelaburan yang kukuh telah membawa pelabur strategik dalam pelbagai sektor ekonomi, termasuk pembangunan hartanah, ke Iskandar Malaysia. Bagi setiap sektor yang digalakkan, Iskandar Malaysia telah berjaya menawan pelabur pemangkin, di antaranya, seperti LEGOLAND, Outlet Premium Johor, EduCity. Iskandar Malaysia juga telah menarik pelaburan besar dari China terutamanya dalam sektor hartanah berbanding dengan negeri-negeri lain di Malaysia dan dianggarkan menarik ramai pelawat Cina ke Johor. Ramai pemaju hartanah utama China telah melabur dalam projek-projek strategik pesisir pantai.

Kejelasan proses dan kepantasan menyelesaikan pelbagai proses adalah penting bagi pelabur strategik. Sehubungan itu cabaran utama yang dihadapi oleh pelabur ke Iskandar Malaysia adalah berkaitan dengan isu-isu berikut:

- Undang-undang yang asing kepada pelabur yang berkaitan dengan pengambilan tanah, pembangunan, kelulusan dan lesen untuk sektor atau bidang perniagaan yang berlainan
- Pengetahuan mengenai keperluan Kementerian-Kementerian, Agensi Kerajaan dan pihak berkuasa tempatan yang mungkin berbeza dari pengalaman pelabur. Ini mungkin merangkumi keperluan pelabur untuk semakan dasar-dasar tertentu.

Model Operasi Bagi Kelulusan Pelaburan dan Pembangunan Projek (Operating Model of Project Investment and Development Approval) di dalam CDPii telah mengenalpasti keperluan untuk mengukuhkan peranan IRDA di dalam proses pemudahcaraan. Ini merangkumi pemfokusan semula proses kelulusan pelaburan projek, pengiktirafan kepentingan projek pelaburan strategik, pengukuhan fungsi Pusat Perkhidmatan Iskandar dan pengkajian semula mekanisme membuat keputusan semasa yang berkaitan dengan tanah, perancangan dan pembangunan. Keupayaan mempercepatkan kelulusan akan meningkatkan keupayaan Iskandar Malaysia untuk menarik pelaburan yang lebih banyak dan lebih baik.

<sup>4</sup>Sumber rujukan bahagian ini ialah bahan yang disediakan pihak Iskandar Regional Development Authority (IRDA).



**Rajah 4.10** Proses Pemudahcaraan Untuk Pelabur  
 Sumber: Iskandar Regional Development Authority (IRDA)

Untuk mendaratkan projek-projek pemangkin atau projek-projek mega ke Iskandar Malaysia, perkhidmatan pemudahcaraan perlu berada di tahap yang tinggi untuk memenuhi keperluan dan garis masa pelabur. Lebih awal sesuatu projek strategik mula beroperasi, lebih cepat dapat dituai manfaat-manfaat ekonomi.

### Pengukuhan Sektor-Sektor Penggalak Ekonomi

Untuk memperkukuhkan hubungan (linkage) antara kluster-kluster ekonomi, kluster-kluster digalakkan untuk berkembang secara menegak dan mendatar, melabur semula, melakukan inovasi, konsolidasi dan integrasi. Setiap kluster mensasarkan arah-arah utama untuk merencanakan pertumbuhan ke arah mendalami hubungan. Kluster-kluster yang baru muncul seperti perkhidmatan kreatif serta perkhidmatan kewangan dan perniagaan dipupuk menggunakan ekosistem pemudahcara yang sesuai. Sebaliknya bagi kluster teras sedia ada seperti elektrik dan elektronik, petrokimia, oleokimia dan logistik, arah utama masing-masing merangkumi pelaburan semula dan inovasi untuk tujuan mendalami rantai nilai masing-masing.

Di dalam Sektor Kreatif IRDA bersama-sama dengan pemegang kepentingan kreatifnya, Pinewood Iskandar Malaysia Studios (PIMS) membangunkan saluran bakat untuk pengeluaran antarabangsa yang besar agar krew-krew Malaysia dapat mengintegrasikan sepenuhnya

dengan pengeluaran ini. Selain itu, MAGIC-X, Filem Johor, FIMI juga telah ditubuhkan. MAGIC-X ialah pusat/inkubator inovasi untuk "gaming" dan "usahawan gamification". Filem Johor, yang bertindak sebagai Suruhanjaya Filem Negeri, ditubuhkan untuk membantu secara sistematik pengeluaran filem dengan satu jangka masa yang ditentukan. Selain itu Filem Insentif Malaysia (FIMI) berfungsi untuk menarik penerbitan antarabangsa untuk membuat penggambaran di Malaysia dan juga menaiktaraf produksi tempatan untuk pasaran antarabangsa.

Kluster elektrik dan elektronik (E&E) merupakan tulang belakang ekonomi rantau ini yang ditransformasi dengan meningkatkan rantai nilai melalui penggunaan teknologi dan pengetahuan dengan lebih intensif. Kelompok E&E bergerak secara mendatar dari komponen elektrik ke elektronik; dan secara menegak dari pemasangan, pembungkusan dan pengujian kepada pembangunan rekabentuk, R&D dan penubuhan pusat-pusat global dan serantau.

Setiap kluster digalakkan untuk melompat ke sektor pertumbuhan baru seperti teknologi nano, fotonik, elektronik kuasa, mikroelektronik dan bahan canggih. Ini adalah bidang pertumbuhan baru yang berpotensi yang dapat dipupuk dan dibangunkan dengan kerjasama pusat-pusat kecemerlangan di Iskandar Malaysia.

Pergerakan menegak dan mendatar dalam E&E memerlukan pelaburan baru dan pelaburan semula dalam teknologi canggih dan penyertaan aktif dari pemain kluster sedia ada dalam aktiviti R&D yang disokong oleh pembangunan taman teknologi tinggi dengan ekosistem yang lengkap. Dengan ekosistem yang lebih baik untuk pertumbuhan kluster E&E, Iskandar Malaysia boleh menawarkan hub E&E alternatif berbanding Singapura, dengan mengambil kesempatan daripada kos operasi yang lebih rendah di Iskandar Malaysia.

**Peningkatan Akses dan Kesambungan: Darat, Udara dan Rel**

Keperluan untuk memperbaiki perkara-perkara di atas adalah penting dalam memastikan Iskandar Malaysia dapat menghubungi bukan sahaja pelabur tempatan tetapi juga pelabur asing di seluruh dunia sambil memastikan pergerakan manusia, barangan dan perkhidmatan yang lancar yang diperlukan untuk memacu ekonomi. Inisiatif-inisiatif seperti Bus Rapid Transit, Perkhidmatan Rel Transit dan Rel Kelajuan Tinggi yang memerlukan pelaburan dan perancangan yang besar dapat meningkatkan kesalinghubungan di rantau ini dan harus dilaksanakan.

**Peningkatan Kemudahan Telekomunikasi, Tenaga dan Air**

Memperluas jalur lebar dan bandwidth, meningkatkan kebolehpercayaan bekalan tenaga (elektrik) dan ketersediaan bekalan air akan menjadi asas untuk menarik lebih banyak pelaburan. Ini adalah infrastruktur jangka panjang yang diperlukan untuk menarik pelaburan bernilai tinggi dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan.

Untuk Iskandar Malaysia menjadi metropolis yang kukuh, mapan dan berstatus antarabangsa, keperluan untuk bakat setempat menjadi lebih berdaya saing adalah penting.

**Peningkatan Modal insan**

Ini dilakukan melalui latihan dan peningkatan kemahiran yang tinggi untuk memenuhi keperluan industri. Walau bagaimanapun, halangan utama yang wujud dalam bakat setempat adalah ketidakupayaan untuk menarik dan mengekalkan pekerja berbakat terus bekerja di Iskandar Malaysia. Ini adalah kerana kebanyakan pekerja berbakat di Iskandar Malaysia akan berpindah ke Singapura

selepas mendapat pengalaman kerja disebabkan oleh kadar pertukaran yang menggalakkan.


IRDA bersama-sama dengan pihak berkepentingan utama (Kementerian/Agensi Persekutuan dan Negeri) bekerjasama rapat untuk memastikan kewujudan pekerja berbakat untuk memenuhi permintaan industri.

**Pemeriksaan Ekosistem PKS**

Dalam tempoh 10 tahun akan datang perusahaan kecil dan sederhana (PKS) merangkumi 96% daripada jumlah perusahaan. PKS di Iskandar Malaysia dijangka dapat bersaing sehingga peringkat dunia. Untuk itu perlu diperkukuhkan untuk berkeupayaan bersaing di Malaysia dan di luar negara. PKS perlu mengambil manfaat proposisi nilai (value proposition) mereka sendiri dan mencari kedudukan niche untuk bersaing di pasaran yang lebih besar dan lebih kompetitif.


**UNJURAN EKONOMI ISKANDAR MALAYSIA PASCA 2017**

Di bawah Rancangan Pembangunan Komprehensif (CDPii), KDNK Iskandar Malaysia telah diunjurkan meningkat daripada RM52.1 bilion pada tahun 2014 kepada RM120.4 bilion pada tahun 2025 dengan kadar pertumbuhan purata tahunan sebanyak 7.3% bagi tempoh 12 tahun tersebut. Dalam tempoh 2014-2016, KDNK Iskandar Malaysia tumbuh pada kadar purata 7.2% berikutan momentum pelaburan pada tahun 2012 dan 2014 serta pelaburan yang direalisasi untuk tempoh yang sama. Di dalam CDPii pertumbuhan KDNK diunjur meningkat dan berkembang pada kadar pertumbuhan purata tahunan sebanyak 7.5% di antara tahun 2017 dan 2020 dan 7.7% di antara tahun 2021 dan 2025.



**Rajah 4.11** Unjuran KDNK Iskandar Malaysia (RM Juta) Bagi Tahun 2014 - 2025


Sumber: Iskandar Regional Development Authority (IRDA)



**Rajah 4.12** Perbandingan Unjuran Ekonomi Negeri Johor Dan Wilayah Iskandar Malaysia, 2014 – 2025 Dalam CDPii

Sumber: Iskandar Regional Development Authority (IRDA)

Kadar pertumbuhan KDNK yang diramalkan untuk Iskandar Malaysia di bawah CDPii telah didasarkan kepada senario pertumbuhan yang ditetapkan dalam CDP 2006-2025 dan senario pertumbuhan kemungkinan besar (most likely) Johor berdasarkan prestasi sektor ekonomi dari 2011 hingga 2014 (tempoh dalam mana kajian semula CDP yang menghasilkan CDPii telah dijalankan). Pencapaian sebenar pertumbuhan KDNK purata dari 2014 - 2016 adalah pada kadar 6.9% (rujuk Rajah 4.12), iaitu 0.3% mata peratus di bawah kadar pertumbuhan sasaran, iaitu 7.2%. Jelas bahawa walaupun pertumbuhannya kukuh, KDNK per kapita Iskandar Malaysia masih belum memintas tahap KDNK per kapita Malaysia walaupun ia bergerak ke arah itu.



**Rajah 4.13** Perbandingan KDNK Per Kapita Di Antara Malaysia, Negeri Johor dan Wilayah Iskandar Malaysia, 2017, 2018\*  
 Sumber: Anggaran UPEN Johor menggunakan data Jabatan Perangkaan Malaysia \*unjuran

Dari aspek sumbangan sektor, di dalam CDPii, sumbangan sektor perkhidmatan kepada KDNK Iskandar Malaysia diunjurkan meningkat daripada 58.0% pada tahun 2011 kepada 60.0% pada tahun 2025 manakala sumbangan sektor pembuatan dijangka berkurangan daripada 42.0% kepada 40.0%.



5

***EKONOMI  
NEGERI JOHOR  
DI TAHUN 2018***

**LAPORAN  
EKONOMI  
2017/2018**  
NEGERI JOHOR DARUL TA'ZIM

## EKONOMI NEGERI JOHOR DI TAHUN 2018

### PENGENALAN

Bab ini membincangkan unjuran prestasi ekonomi makro Negeri Johor bagi tahun 2018. Perbincangan dimulakan dengan membentangkan maklumat mengenai prestasi dan arah aliran (trend) ekonomi Dunia secara ringkas. Ini akan diikuti oleh perbincangan mengenai arah aliran ekonomi beberapa kawasan negara maju, termasuk Amerika Syarikat (AS), kawasan Euro, China, Jepun dan Singapura. Maklumat ini adalah penting kerana prestasi ekonomi rantau-rantau tersebut memberi kesan kepada ekonomi Malaysia yang amat terbuka.

Seperti di Bab 1, ukuran prestasi utama yang digunakan di dalam perbincangan ini ialah pertumbuhan KDNK. Ini dilengkapi dengan ukuran-ukuran arah aliran ekonomi secara berkategori (categorical); di antaranya, naik/turun permintaan/perbelanjaan domestik, naik/turun permintaan/perbelanjaan luar negeri, situasi-situasi pasaran perumahan, pasaran pekerja, pelaburan hartanah, peluang pekerjaan, dan beberapa ukuran lain.

### EKONOMI DUNIA DI TAHUN 2018<sup>1</sup>

Pada akhir tahun 2017 Bank Negara Malaysia meramalkan ekonomi dunia tumbuh pada kadar yang lebih tinggi pada tahun 2018 hasil daripada momentum yang kukuh dari tahun 2017. Pertumbuhan dijangka dipacu oleh penggunaan swasta dengan disokong oleh aktiviti pelaburan ke dalam negara-negara maju.

Di Asia, aktiviti perdagangan diunjur terus berkembang, tetapi pada kadar yang lebih sederhana daripada tahun 2017. Prospek ini dijangka akan dirangsang oleh sokongan dasar monetari dan fiskal. Walaupun dasar monetari global kelihatan menuju normalisasi hanya secara beransur-ansur, aktiviti pembiayaan dijangka akan kekal akomodatif. Selain itu, perbelanjaan ke atas infrastruktur di Thailand, Korea dan Filipina dijangka membantu pertumbuhan serantau. Berdasarkan prospek yang positif ini, adalah dijangkakan bahawa trend pertumbuhan akan berterusan.

Ekonomi dunia bagi tahun 2018 juga diunjurkan berkembang pada kadar yang lebih tinggi dari tahun 2017 oleh pihak Dana Kewangan Antarabangsa (IMF). Unjuran ini adalah diasaskan kepada unjuran pertumbuhan permintaan domestik di beberapa negara maju dan negara-negara ekonomi yang sedang pesat membangun. Lanya juga diasaskan kepada jangkaan prospek perdagangan di negara-negara ekonomi sedang pesat membangun menjadi semakin cerah. Prospek ini disokong oleh jangkaan pengembangan fiskal di beberapa ekonomi utama serta jangkaan pemulihan harga komoditi. Walau bagaimanapun, prospek ekonomi dunia secara keseluruhan masih tetap berhadapan dengan risiko kejutan-kejutan luar jangkaan.

Walaupun perang dagang antara Amerika Syarikat (AS) dan China terus menjana banyak ketidakpastian Dana Kewangan Antarabangsa (International Monetary Fund - IMF) masih yakin bahawa ekonomi dunia akan bertambah baik. Dalam unjuran pada April 2018, IMF optimistik bahawa pertumbuhan ekonomi dunia akan lebih tinggi dari unjuran yang telah dibuat pada Januari 2018<sup>2</sup>. Harga komoditi yang semakin baik, pasaran kewangan, perdagangan yang terus menunjukkan prestasi lebih baik di negara maju serta negara berkembang pesat menjadi pencetus keyakinan IMF.

Pada April 2018 IMF mengunjurkan ekonomi negara-negara kawasan Euro akan tumbuh 2.4% pada tahun 2018, iaitu 0.5% lebih tinggi dari unjuran yang dibuat pada Januari 2018. Sementara itu ekonomi Jepun diunjurkan tumbuh sekitar 1.2%, 0.1% lebih tinggi dari unjuran sebelumnya, manakala China diunjurkan tumbuh 6.6%, 0.1% lebih tinggi dari unjuran sebelumnya. Sementara itu Amerika Syarikat (AS) diunjurkan tumbuh 2.9%, iaitu 0.6% lebih tinggi dari unjuran pada Januari 2018.

Walaupun bagaimanapun, dalam jangka panjang IMF memperingatkan tentang risiko yang perlu dihadapi oleh ekonomi dunia; di antaranya, peluang pekerjaan yang merosot, produktiviti kerja yang menurun serta populasi yang semakin tua. Ini berkemungkinan menyulitkan banyak negara di dalam mencapai pertumbuhan ekonomi per kapita yang lebih baik.

<sup>1</sup> Prospek dan scenario ekonomi pada suku empat 2017 serta suku pertama dan kedua tahun 2018.

<sup>2</sup> Petikan: "Ekonomi di negara-negara besar dunia sepanjang tahun 2018 akan lebih baik dari unjuran kami sebelumnya," - Maurice Obstfeld, Economic Counselor and Director of Research IMF, 16 April 2018

Di samping itu negara-negara sedang membangun yang ekonomi masing-masing berlandaskan komoditi perlu mula berusaha mempelbagaikan ekonomi, iaitu tidak bergantung semata-mata kepada komoditi.

Trend pertumbuhan pelaburan ke dalam negara-negara maju dijangka berterusan sepanjang tahun 2018. Di dalam persekitaran permintaan global yang dijangka lebih baik sentimen perniagaan dan keuntungan dijangka kekal kukuh. Data menunjukkan bahawa peningkatan stok modal sedia ada masih diperlukan. Selain itu, kelulusan Akta Potongan Cukai dan Pekerjaan AS dijangka menggalakkan lebih banyak pelaburan dalam jangka masa terdekat kerana perniagaan mendapat manfaat daripada potongan cukai korporat dan potongan perbelanjaan modal yang lebih besar. Di RR China, pembaharuan dasar yang berterusan bagi mengimbangi semula ekonomi dijangka menjadi penyebab kepada pertumbuhan yang lebih sederhana.

Ekonomi rantau Asia dijangka terus meraih manfaat daripada permintaan dalam negeri yang kukuh dalam ekonomi maju melalui saluran perdagangan. Pertumbuhan ekonomi sedang pesat membangun yang lain dari Asia, Timur Tengah dan Amerika Latin juga diunjurkan meningkat. Bagi pengeksporth komoditi, harga yang lebih tinggi, terutamanya bagi minyak mentah, akan menyokong peningkatan semula permintaan dalam negeri selepas beberapa tahun mengalami pertumbuhan di bawah trend. Selain itu, aktiviti dalam beberapa ekonomi dijangka pulih daripada impak negatif dasar pembaharuan pada tahun 2016 dan 2017. Contohnya India yang menerima kesan penyahwangian dan pelaksanaan GST.

### Risiko Kepada Pertumbuhan Ekonomi Dunia

Secara umumnya, risiko kepada prospek pertumbuhan ekonomi dunia dijangka lebih seimbang. Ini berbeza daripada keadaan beberapa tahun lalu di mana risiko yang boleh mengakibatkan pertumbuhan menjadi perlahan tersebar luas. Secara positifnya, dalam ekonomi maju, terdapat kemungkinan peningkatan pelaburan yang berterusan, dan kadar upah yang meningkat disebabkan oleh pasaran pekerja yang semakin kukuh. Keadaan ini akan memberikan kesan positif kepada perbelanjaan perniagaan dan isi rumah, dan menjana lebih banyak limpahan kepada ekonomi dunia melalui perdagangan.

Walau bagaimanapun, masih wujud beberapa risiko yang kekal sejak tahun 2017. Pertama, terdapat ketidakpastian yang berkaitan dengan impak normalisasi polisi monetari secara serentak merentas ekonomi utama. Ekonomi dunia mula beralih daripada tahap keadaan monetari akomodatif yang tidak pernah berlaku sebelum ini. Pasaran kewangan mungkin mengalami pembedahan secara mendadak jika tindakan dasar tidak sejajar dengan jangkaan pelabur.

Kedua, dasar perdagangan pandang ke dalam kekal menjadi ancaman terhadap perdagangan dunia. Risiko timbul terutamanya daripada langkah perlindungan oleh pentadbiran AS dan ketidakpastian di Eropah akibat perjanjian perdagangan baharu UK-EU yang belum selesai. Akhir sekali, risiko geopolitik berhubung dengan konflik dalam negeri, serangan pengganas dan pertikaian wilayah masih menjadi isu. Keadaan ini boleh menjejaskan sentimen pasaran kewangan dunia dan melembapkan aktiviti ekonomi.

### EKONOMI MALAYSIA DI TAHUN 2018

Malaysia diunjurkan berada pada pertumbuhan yang stabil dengan tumbuh sebanyak 4.8% pada tahun 2018<sup>3</sup> (2017: 5.9%). Asas ekonomi yang kukuh, kepelbagaian struktur, dan dinamisme yang wujud menjadi faktor utama mendorong pertumbuhan ekonomi Malaysia. Prospek pertumbuhan dijangka meningkat dengan pengukuhan keadaan ekonomi dunia. Pertumbuhan dijangka disokong oleh peningkatan yang berterusan dalam aktiviti sektor swasta. Momentum pertumbuhan yang kukuh juga akan disokong oleh limpahan positif yang berterusan daripada sektor luaran kepada aktiviti ekonomi dalam negeri.

Prestasi perdagangan Malaysia dijangka mendapat manfaat daripada permintaan global yang menggalakkan, dedahan kepada kitaran teknologi global, dan kapasiti pengeluaran eksport baharu. Di dalam negeri, pertumbuhan pendapatan dan guna tenaga dijangka mengekalkan perbelanjaan isi rumah yang mampan, yang disokong oleh sentimen pengguna yang bertambah baik. Tahap aktiviti pelaburan swasta juga dijangka kekal melalui perbelanjaan modal bagi projek yang sedang dilaksanakan dan projek baharu, dalam keadaan sentimen perniagaan yang meningkat. Sebaliknya, perbelanjaan sektor awam dijangka sederhana

<sup>3</sup>Unjuran Kementerian Kewangan Malaysia

berikutan usaha konsolidasi fiskal yang berterusan dan beberapa projek utama oleh syarikat awam yang hampir siap.

**Jadual 5.1** Sumbangan Sektor dan Pertumbuhan Ekonomi Malaysia 2017, 2018

SEKTOR	Sumbangan Kepada KDNK (%)	Pertumbuhan (%)	
		2017(a)	2018(r)
Pertanian	8.2	7.2	-0.2
Perombongan & Kuari	8.4	1.1	-0.6
Pembuatan	23.0	6.0	4.9
Pembinaan	4.6	6.7	4.5
Perkhidmatan	54.4	6.2	6.3
KDNK (2010=100)		5.9	4.8

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia/ Bank Negara Malaysia; (a) Awalan, (r) Unjuran

Selain daripada aspek-aspek di atas prospek ekonomi Malaysia juga dijangka dipengaruhi beberapa aspek positif yang berpunca daripada faktor-faktor luar dan dalam negeri. Permintaan global yang lebih kukuh daripada jangkaan dijangka mencerahkan prospek bagi industri berorientasikan eksport. Keadaan ini berpotensi meningkatkan hasil dan keuntungan perniagaan dan pendapatan isi rumah, yang mengukuhkan lagi sentimen perniagaan dan pengguna. Selain itu, potensi peningkatan gaji minimum dan pelaksanaan kemudahan pengeluaran yang sedia ada dan baharu yang lebih cepat daripada jangkaan dalam pelbagai industri, termasuk minyak dan gas, perkilangan berasaskan sumber dan E&E, dijangka akan turut menyokong prospek pertumbuhan yang lebih baik.

Namun begitu, risiko pertumbuhan menjadi perlahan masih wujud. Anjakan dasar monetari dan kawal selia yang tidak menggalakkan dalam ekonomi maju, peningkatan perlindungan perdagangan oleh rakan dagangan utama serta pertumbuhan yang lebih sederhana daripada jangkaan di RR China, boleh memberi kesan kepada kekuatan eksport Malaysia. Selain itu kemunculan semula ketidakpastian harga komoditi atau pembetulan yang mendadak dalam pasaran kewangan antarabangsa boleh menjejaskan sentimen, seterusnya melemahkan kekuatan aktiviti ekonomi dalam negeri.

Walaupun berhadapan dengan risiko ini Malaysia dijangka berada dalam kedudukan yang sederhana baik. Contoh masa lalu menunjukkan bahawa

Malaysia mempunyai keupayaan membuat penyesuaian dalam mengurus risiko-risiko ekonomi dan kewangan. Dasar strategik dan pembaharuan struktur yang pernah dilaksanakan selama ini telah menjana pelbagai sumber pertumbuhan. Pasaran kewangan dalam negeri mempunyai daya tahan untuk mengantara perubahan aliran modal yang besar, sekiranya berlaku peningkatan ketidakpastian dalam pasaran kewangan dan dengan itu dapat memelihara pasaran untuk menjadi lebih teratur bagi menyokong ekonomi.

## SEKTOR LUARAN

Sektor luaran Malaysia dijangka terus berdaya tahan berikutan pengukuhan ekonomi global pada tahun 2018. Prestasi eksport dijangka disokong oleh permintaan yang menggalakkan daripada rakan perdagangan utama, peningkatan yang berterusan dalam kitaran teknologi global, serta harga komoditi yang terus mampan. Bank Negara mengunjurkan eksport dan import kasar meningkat pada kadar yang lebih tinggi daripada trend purata, iaitu masing-masing sebanyak 8.4% dan 8.6%. Dalam keadaan aktiviti perdagangan yang terus kukuh, lebihan barangan bagi akaun semasa dijangka meningkat. Walau bagaimanapun, defisit dalam akaun perkhidmatan dan pendapatan akan terus mempengaruhi imbalan akaun semasa.

**Jadual 5.2** Perdagangan Luar Negeri Malaysia 2012 - 2018

BARANGAN (TERPILIH)	Pertumbuhan Tahunan (%)		
	Purata 2012-2016	2017(a)	2018(r)
<b>EKSPORT KASAR</b>			
Perkilangan	5.0	18.5	9.5
Pertanian	-5.4	10.9	3.5
Galian	-5.7	23.9	3.7
<b>IMPORT KASAR</b>			
Barangan Modal	4.9	15.3	3.4
Barangan Pengantara	0.8	20.0	5.8
Barangan Pengguna	10.5	6.1	2.5
<b>Imbalan Perdagangan (RM Bil)</b>	85.9	97.2	104.2

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia/Bank Negara Malaysia; (a) Awalan, (r) Unjuran

## Unjuran Eksport Negara

Pertumbuhan eksport kasar Malaysia dijangka disokong oleh permintaan daripada rakan dagangan utama Malaysia, seperti AS, EU dan ekonomi serantau. Penambahbaikan secara meluas dalam penunjuk masa depan seperti indeks keyakinan perniagaan rakan perdagangan utama, indeks pengeluaran perkilangan dalam ekonomi maju dan serantau, serta indeks US Technology Pulse menunjukkan kekuatan eksport perkilangan yang berterusan pada suku awalan tahun 2018. Khususnya, pelaburan yang berterusan ekonomi maju akan memberi sokongan kepada kitaran elektronik global sewaktu rangsangan permintaan terhadap telefon pintar menurun. Eksport semikonduktor Malaysia (2017: 19.0% bahagian eksport kasar) akan mendapat manfaat yang besar daripada penggunaan meluas semikonduktor dalam automobil dan barangan elektronik pengguna seperti peranti berangka dan peralatan pintar. Eksport semikonduktor untuk pasaran automotif dijangka kukuh disebabkan oleh penambahan kandungan semikonduktor dalam kenderaan dan permintaan yang meningkat untuk sistem keselamatan kenderaan yang canggih, serta sistem maklumat hiburan (infotainment) dan keselesaan. Bagi eksport bukan E&E seperti petroleum, bahan kimia dan produk logam, pertumbuhan dijangka disokong oleh permintaan yang mantap daripada kebanyakan negara serantau. Walau bagaimanapun, usaha pengimbangan semula oleh RR China (2017: 13.5% bahagian eksport kasar) mungkin mempertahankan eksport produk-produk ini.

## Unjuran Import Negara

Import untuk input pengantara bagi pengeluaran dalam negeri dijangka disokong oleh perbelanjaan sektor swasta yang mampan. Import barangan pengguna juga dijangka berkembang hasil permintaan isi rumah yang stabil untuk pakaian, makanan dan minuman yang diimport. Walau bagaimanapun, penurunan perbelanjaan modal oleh syarikat awam, sedikit sebanyak akan memberi kesan kepada import barangan modal memandangkan bagi projek-projek utama yang hampir siap. Kadar pertumbuhan yang rendah dalam import barangan modal mencerminkan asas yang tinggi pada tahun 2017.

## Pertumbuhan Harga Komoditi

Harga eksport komoditi utama dijangka menjadi perlahan pada tahun 2018, selepas meningkat kukuh pada tahun 2017. Harga sumber galian dijangka terus meningkat, tetapi pada kadar yang lebih kecil berbanding dengan tahun 2017. Peningkatan harga yang secara relatif kecil akan mengakibatkan pertumbuhan eksport minyak mentah yang lebih perlahan. Kenaikan dalam harga LNG yang lebih perlahan akan menyebabkan pengembangan yang lebih sederhana dalam eksport LNG.

Berbeza dari situasi di atas harga eksport pertanian utama, terutamanya minyak sawit mentah (CPO) dijangka menurun, mencerminkan tahap inventori yang tinggi ekoran pemulihan output CPO yang berterusan selepas El Niño. Pertumbuhan yang lebih perlahan dalam harga komoditi juga akan diterjemahkan kepada eksport yang lebih rendah bagi hasil perkilangan berasaskan sumber (seperti petrokimia dan oleokimia) dan import barangan pengantara (seperti bahan api dan pelincir) yang menggunakan komoditi mentah ini sebagai bahan mentah.

Secara keseluruhannya, prospek eksport Malaysia dijangka terus kukuh, disokong oleh kekuatan yang berterusan dalam jumlah eksport dalam keadaan pertumbuhan harga eksport yang sederhana. Walaupun kadar pengembangan eksport dan import keseluruhan dijangka menyederhana, pertumbuhan ini masih melebihi prestasi purata lima tahun yang lalu.

## SITUASI HARGA

Inflasi keseluruhan dijangka sederhana pada tahun 2018 berikutan kesan daripada faktor kos global yang lebih kecil. Inflasi keseluruhan dijangka berada pada tahap purata antara 2.0%–3.0% pada tahun 2018 (2017: 3.7%). Walaupun harga tenaga dan komoditi global dijangka meningkat pada tahun 2018, tahap inflasinya yang lebih tinggi pada tahun 2017 akan menyebabkan kesan peningkatan harga ini menjadi lebih kecil kepada inflasi keseluruhan.

Selain itu, kadar pertukaran ringgit yang lebih kukuh berbanding dengan tahun 2017 dijangka mengimbangi sebahagian kesan kenaikan harga tenaga dan komoditi global. Pengukuhan kadar pertukaran ringgit juga akan membendung kenaikan dalam kos import. Memandangkan inflasi dalam negeri bergantung pada trajektori harga minyak

dunia, masih wujud banyak ketidakpastian tentang unjuran inflasi. Inflasi asas, seperti yang diukur oleh inflasi teras, juga dijangka menurun pada tahun 2018 disebabkan oleh kesan pindahan kos yang lebih kecil kepada harga runcit berbanding dengan tahun sebelumnya. Tekanan inflasi daripada faktor permintaan dalam negeri akan dikekang oleh peningkatan produktiviti pekerja dan pelaburan berterusan untuk pengembangan kapasiti.

Pada akhir tahun 2017 harga minyak global di tahun 2018 diunjurkan meningkat oleh beberapa pihak berdasarkan keadaan pasaran minyak global yang dijangka terus ketat berikutan pelanjutan perjanjian pengurangan pengeluaran minyak global antara Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Petroleum (OPEC) dengan beberapa pengeluar bukan OPEC, terutamanya Rusia, sehingga akhir tahun 2018. Harga minyak juga dijangka disokong oleh permintaan minyak global yang lebih tinggi ekoran pertumbuhan ekonomi yang bertambah baik di kebanyakan ekonomi. Pada awal 2018 IMF mengunjurkan<sup>4</sup> harga purata minyak mentah berada pada paras USD60 setong pada tahun 2018, peningkatan 11.7% berbanding tahun 2017 (2017: 23.1%).

Walaupun harga minyak global yang lebih tinggi akan menyebabkan harga bahan api dalam negeri meningkat pada tahun 2018, asas yang lebih tinggi bagi harga bahan api dalam negeri pada tahun 2017 dan pengukuhan kadar pertukaran ringgit pada tahun 2018 dijangka menyebabkan sumbangan harga bahan api dalam negeri kepada inflasi keseluruhan dalam negeri dijangka kecil.

Selain daripada harga minyak, kos luaran lain juga dijangka meningkat di tahun 2018. Permintaan makanan global yang lebih tinggi dijangka menyebabkan harga makanan meningkat sedikit pada tahun 2018. Selain itu, kadar inflasi di kalangan negara-negara rakan import Malaysia diunjurkan meningkat sedikit pada tahun 2018, berikutan peningkatan permintaan global yang berterusan. Walau bagaimanapun, di beberapa ekonomi utama, keadaan pasaran pekerja yang ketat yang mungkin menjadi penyebab kepada pertumbuhan upah dijangka mewujudkan tekanan inflasi di luar jangkauan.

Pada tahun 2018 peningkatan permintaan dijangka menyebabkan jurang keluaran menjadi sedikit positif. Walau bagaimanapun, tekanan harga daripada permintaan dijangka dikekang oleh peningkatan produktiviti pekerja dan pelaburan untuk meningkatkan kapasiti. Dalam pasaran pekerja, kadar pengangguran dijangka stabil kerana tenaga kerja dijangka mengembang pada kadar yang lebih kurang sama dengan pertumbuhan guna tenaga. Sementara itu, pertumbuhan upah dijangka stabil. Persekutuan Majikan Malaysia (Malaysian Employers Federation, MEF) menjangkakan purata kenaikan gaji sekitar 5.5% bagi tahun 2018 (2017: 5.5%). Keadaan stok modal yang ketat pada tahun 2017 juga dijangka tidak akan berterusan, ekoran peningkatan dalam keupayaan produktif firma. Pelaburan swasta meningkat 9.3% pada tahun 2017 (2016: 4.3%) dan dijangka terus berkembang pada tahun 2018, dengan itu meningkatkan lagi keupayaan produktif firma.

Jadual 5.3 Petunjuk Utama Ekonomi Malaysia 2017 -2018

PETUNJUK	Nilai Bagi Tahun		Pertumbuhan (%)
	2017	2018	
Penduduk ('000)	32,050	32,900	2.7%
KDNK (Harga 2010) (RM Juta)	1,174,329	1,230,336	4.8%
KDNK per kapita (Harga 2010) (RM)	36,641	37,396	2.1%
KDNK (Harga Semasa) (RM Juta)	1,353,380	1,446,793	6.9%
KDNK per kapita (Harga Semasa) (RM)	42,228	43,975	4.1%

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Kementerian Kewangan Malaysia

Prospek inflasi tertakluk kepada dua risiko utama. Peningkatan dalam harga minyak global yang lebih kukuh daripada jangkaan dijangka menyebabkan inflasi keseluruhan berpurata lebih tinggi. Dalam negeri pertumbuhan permintaan yang lebih kukuh daripada yang dijangkakan mungkin mendorong kesan pindahan kos yang lebih besar kepada harga, dan menimbulkan risiko harga yang ditekan oleh permintaan yang lebih tinggi.

<sup>4</sup> Pada Ogos 2018 harga Brent Crude mencecah USD73.6 setong, peningkatan 37.8% berbanding Ogos 2017 manakala WTI Crude mencatat harga USD68.8 setong, meningkat 41.6%.

### Pertumbuhan KDNK Malaysia Pada Tahun 2018

Sehaluan dengan persekitaran ekonomi dunia Malaysia diunjurkan merekod pertumbuhan positif di dalam Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) di tahun 2018. Jumlah nilai ditambah negeri bagi tahun 2018 dianggarkan meningkat dengan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) tumbuh 4.8% pada harga malar 2010 (2017: 5.9%). Jumlah nilai ditambah bagi tahun 2018 dianggarkan meningkat ke RM1,230,336 juta (2017: RM1,174,329 juta) dalam harga malar 2010. Dalam harga semasa ianya dianggarkan bernilai RM1,446,793 juta (2017: RM1,353,380 juta). Ini menghasilkan KDNK per kapita bernilai RM37,396 pada harga malar 2010 (2017: RM36,641), iaitu meningkat 2.1%. Dalam harga semasa, KDNK per kapita meningkat ke RM43,975 (2017: RM42,228). Ini membawa kepada taraf hidup yang lebih tinggi dengan KDNK per kapita dalam ukuran pariti kuasa beli dianggarkan meningkat 4.1% ke USD30,042 (2017: USD28,871) (Sila rujuk Jadual 5.3). Anggaran Pendapatan Negeri Kasar (GNI) menghasilkan nilai RM1,390,407 juta bagi GNI pada harga semasa bagi tahun 2018 (2017: RM1,304,828). Ini menghasilkan GNI per kapita bernilai RM42,262 pada harga semasa bagi tahun 2018 (2017: RM40,713). Dalam nilai pariti kuasa beli GNI per kapita dianggarkan bernilai USD28,871 (2017: USD27,835).

### EKONOMI NEGERI JOHOR DI TAHUN 2018

Cabaran ketidakpastian persekitaran ekonomi dunia dijangka menjadi faktor utama yang akan mempengaruhi pertumbuhan ekonomi Negeri Johor pada tahun 2018. Ekonomi Negeri Johor diunjurkan tumbuh di antara 5.0% hingga 5.4% pada tahun 2018 dengan momentum yang sedikit perlahan berbanding pertumbuhan tahun 2017. Pertumbuhan dijangka dipacu oleh penggunaan swasta dengan disokong oleh kesan daripada pertumbuhan ekonomi yang sederhana di negara-negara maju.

Aktiviti perdagangan diunjur terus berkembang, tetapi pada kadar yang lebih sederhana daripada tahun 2017. Trend kemasukan pelaburan ke dalam negeri dijangka berterusan dan sedikit perlahan di tahun 2018. Di dalam persekitaran permintaan global yang sederhana sentimen perniagaan dan keuntungan dijangka sederhana.


Seperti kebanyakan ekonomi rantau Asia, Negeri Johor dijangka terus meraih manfaat daripada permintaan dalam negeri yang kukuh di negara-negara maju melalui saluran perdagangan. Pertumbuhan ekonomi sedang pesat membangun yang lain dari Asia, Timur Tengah dan Amerika Latin juga dijangka memberi kesan positif kepada ekonomi negeri. Walau bagaimanapun, pada jangka panjang, risiko yang tidak dapat dielakkan ialah yang berkaitan dengan peluang pekerjaan yang mungkin merosot dan produktiviti kerja yang menurun. Di samping itu sebagai sebuah ekonomi terbuka yang sedikit berlandaskan komoditi Johor perlu mula berusaha mempelbagaikan ekonomi, iaitu tidak bergantung semata-mata kepada komoditi.

### Prospek Ekonomi Tahun 2018

Prospek ekonomi negeri dipengaruhi oleh beberapa faktor luar dan dalam negeri. Keadaan ekonomi dunia yang dijangka kukuh pada tahun 2018 mencerahkan prospek bagi sektor-sektor pengeluaran negeri yang berorientasikan eksport. Keadaan ini berpotensi meningkatkan hasil dan keuntungan perniagaan dan pendapatan isi rumah yang seterusnya dijangka mengukuhkan sentimen perniagaan dan pengguna. Potensi peningkatan gaji minimum dan pelaksanaan kemudahan pengeluaran yang sedia ada dan baharu yang lebih cepat daripada jangkaan dalam pelbagai industri di negeri Johor (O&G, perkilangan berasaskan sumber dan E&E) dijangka turut menyokong prospek pertumbuhan ekonomi negeri.

Berdasarkan kepada jangkaan bahawa sektor luaran negara akan terus berdaya tahan berikutan pengukuhan ekonomi global pada tahun 2018, aktiviti ekonomi negeri Johor dijangka kukuh. Eksport barangan dan komoditi yang berpunca dari Johor dijangka disokong oleh permintaan daripada rakan perdagangan utama negara. Ini dijangka disokong oleh peningkatan dalam kitaran teknologi global, serta harga komoditi yang terus mampan.

Secara keseluruhannya, prospek ekonomi negeri Johor dijangka terus kukuh, disokong oleh kekuatan yang berterusan dalam jumlah pengeluaran dan eksport di dalam senario pertumbuhan harga eksport yang sederhana.



**Rajah 5.1** Perbandingan Nilai Ditambah Sektor-Sektor Pengeluaran Ekonomi Negeri Johor (RM Juta): 2017 - 2018  
 Sumber: Anggaran Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor.

**Jadual 5.4** Ringkasan Anggaran Prestasi Ekonomi Johor dalam Tahun 2017 dan 2018

PETUNJUK	Nilai Bagi Tahun		Pertumbuhan%
	2017	2018	
Penduduk ('000)	3,701	3,738	1.0%
KDNK (Harga 2010) (RM Juta)	111,084	116,596	5.0%
KDNK per kapita (Harga 2010) (RM)	30,019	31,196	3.9%
KDNK (Harga Semasa) (RM Juta)	127,157	136,651	7.5%
KDNK per kapita (Harga Semasa) (RM)	34,362	36,562	6.4%

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia/ Anggaran Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor

### Unjuran KDNK Negeri Johor Di Tahun 2018

Ekonomi Negeri Johor diunjurkan merekod pertumbuhan yang rendah berbanding tahun 2017 dengan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi tahun 2018 diunjurkan tumbuh 5.0% pada harga malar 2010 (2017: 6.2%). Jumlah nilai ditambah bagi tahun 2018 diunjurkan meningkat ke RM116,596 juta (2017: RM111,084 juta) dalam harga malar 2010. Dalam harga semasa ianya dianggarkan bernilai RM136,651 juta (2017: 127,157 juta). Ini menghasilkan KDNK per kapita bernilai RM31,196 pada harga malar 2010 (2017: RM30,019), iaitu meningkat 3.9%. Dalam harga semasa, KDNK per kapita diunjurkan meningkat ke RM36,562 (2017: RM34,362). Ini dijangka membawa kepada taraf hidup yang lebih tinggi dengan KDNK per kapita dalam ukuran pariti kuasa beli diunjurkan meningkat 7.4% ke USD24,977 (2017: USD23,493).

### Unjuran Pertumbuhan Nilai Ditambah Sektor-Sektor Ekonomi Negeri

Perbandingan nilai-nilai ditambah bagi Sektor Utama, Sektor Industri dan Sektor Perkhidmatan dipamerkan sebagai Rajah 5.1. Nilai-nilai ditambah serta kadar pertumbuhan mengikut sektor dan subsektor pengeluaran dipamerkan sebagai Jadual 5.5.

Sektor Perdagangan Borong & Runcit, Penginapan dan Restoran diunjurkan mencatatkan peningkatan nilai ditambah sebanyak 7.5% (2017: 7.9%). Sektor-sektor lain yang diunjurkan turut mencatatkan peningkatan di dalam nilai ditambah pada harga malar merangkumi sektor Pembuatan (5.7%) (2017: 6.8%), sektor Perlombongan Dan Pengkuarian (10.1%) (2017: 15.1%), sektor Utiliti, Pengangkutan, Penyimpanan & Komunikasi (7.6%) (2017: 8.8%), sektor Kewangan, Insurans, Hartanah Dan Perkhidmatan Perniagaan (5.5%) (2017: 4.1%), Pembinaan (-0.2%) (2017: -6.6%), sektor Perkhidmatan-Perkhidmatan Lain (6.3%) (2017: 6.2%) serta sektor Perkhidmatan Kerajaan (4.8%) (2017: 4.9%).

**Jadual 5.5** Unjuran Nilai-Nilai Ditambah Sektor Pengeluaran Negeri Johor bagi Tahun 2018 (2010=100)

	NILAI DITAMBAH (RM JUTA)			PERTUMBUHAN (%)	
	2017	2018(B)	2018(A)	B*	A**
Sektor Utama	15,830	15,868	15,928	0.2%	0.4%
Pertanian	15,274	15,256	15,305	-0.1%	0.2%
Perlombongan dan Pengkuarian	556	612	623	10.1%	12.1%
Sektor Perindustrian	40,855	42,790	43,047	4.7%	5.4%
Pembuatan	34,182	36,130	36,267	5.7%	6.1%
Pembinaan	6,673	6,660	6,780	-0.2%	1.6%
Sektor Perkhidmatan	52,686	56,135	56,283	6.5%	6.8%
Utiliti, Pengangkutan, Penyimpanan & Komunikasi	13,898	14,954	14,968	7.6%	7.7%
Perdagangan Borong & Runcit, Penginapan dan Restoran	14,283	15,354	15,369	7.5%	7.6%
Kewangan & Insurans, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan	10,659	11,245	11,352	5.5%	6.5%
Perkhidmatan-perkhidmatan Lain	4,687	4,982	4,987	6.3%	6.4%
Perkhidmatan Kerajaan	9,159	9,599	9,608	4.8%	4.9%
campur Duti import	1,713	1,804	1,804	5.3%	5.3%
KDNK pada Harga Pembeli (2010=100)	111,084	116,596	117,062	5.0%	5.4%
Jumlah Penduduk ('000)	3,701	3,738	3,738	1.0%	1.0%
KDNK Per Kapita (RM)	30,019	31,196	31,321	3.9%	4.3%


Sumber: Anggaran Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor.

\*Unjuran Bawah \*\*Unjuran Atas

### Sumbangan Nilai Ditambah Sektor-Sektor Pengeluaran kepada KDNK Negeri

Peratus sumbangan terbesar kepada KDNK Negeri Johor untuk tahun 2018 dijangka dicatatkan

oleh sektor perkhidmatan, dengan sumbangan diunjurkan sebanyak 48.9% (2017: 48.2%). Angka-angka yang berkaitan bagi Sektor Pembuatan dan Sektor Utama ialah, masing-masing, 31.52% dan 13.8% (2017: 31.3%, 14.5%).



**Rajah 5.2** Perbandingan Sumbangan Nilai Ditambah Sektor-Sektor Pengeluaran Ekonomi Kepada KDNK Negeri Johor: 2017 - 2018

Sumber: Anggaran Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor.

**Jadual 5.6** Negeri Johor: Sumbangan Nilai Ditambah Mengikut Sektor, 2017 Dan 2018 (Unjuran Bawah)

SEKTOR	Nilai Ditambah (RM Juta) (2010=100)		Sumbangan (%)	
	2017	2018	2017	2018
<b>SEKTOR UTAMA</b>	<b>15,830</b>	<b>15,868</b>	<b>14.3%</b>	<b>13.6%</b>
Pertanian	15,274	15,256	13.7%	13.1%
Perlombongan & Kuari	556	612	0.5%	0.5%
<b>SEKTOR PERINDUSTRIAN</b>	<b>40,855</b>	<b>42,790</b>	<b>36.8%</b>	<b>36.7%</b>
Pembuatan	34,182	36,130	30.8%	31.0%
Pembinaan	6,673	6,660	6.0%	5.7%
<b>SEKTOR PERKHIDMATAN</b>	<b>52,686</b>	<b>56,135</b>	<b>47.4%</b>	<b>48.1%</b>
Utiliti, Pengangkutan, Penyimpanan & Komunikasi	13,898	14,954	12.5%	12.8%
Perdagangan Borong & Runcit, Penginapan dan Restoran	14,283	15,354	12.9%	13.2%
Kewangan & Insurans, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan	10,659	11,245	9.6%	9.6%
Perkhidmatan-perkhidmatan Lain	4,687	4,982	4.2%	4.3%
Perkhidmatan Kerajaan	9,159	9,599	8.2%	8.2%

Sumber: Anggaran Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor


### Prospek Sektor Pembinaan Negeri Johor Di Tahun 2018

Pada tahun 2017 nilai ditambah sektor pembinaan Negeri Johor merosot 6.6%, iaitu merosot daripada RM7,110 juta pada tahun 2016 kepada RM6,641 juta pada tahun 2017 (2016: +24.0%). Secara keseluruhannya sektor pembinaan Negeri Johor bergerak perlahan dengan 38,839 transaksi yang mencatat nilai transaksi berjumlah RM18.61 billion, masing-masing turun 3.1% dan 4.3% berbanding dengan 2016 (2016: 40,066 transaksi dengan nilai RM19.45 billion).


Subsektor kediaman menguasai pasaran hartanah keseluruhan (64.1%). Pergerakan aktiviti pasaran hartanah secara keseluruhannya adalah pelbagai. Subsektor industri dan tanah pembangunan masing-masing tumbuh 9.5% dan 8.8%, manakala subsektor komersil dan subsektor kediaman masing-masing menguncup 6.4% dan 5.0%.

Walaupun aktiviti pembinaan Negeri Johor pada tahun 2017 perlahan prospek pembinaan untuk tahun 2018 dijangka lebih baik, dengan disokong dua projek mega iaitu Forest City dan Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang (PIPC). Kedua-dua projek ini dijangka terus menyumbang kepada sektor pembinaan Negeri Johor.

Secara keseluruhannya tahun 2018 merupakan satu lagi tahun mencabar bagi pasaran hartanah Johor dengan pasaran terus perlahan. Hartanah kediaman dijangka terus memainkan peranan penting disamping pasaran rumah mampu milik yang mengatasi sektor lain. Walau bagaimanapun harga rumah dijangka bertahan.



Rajah 5.3 Aktiviti Pasaran Hartanah; Suku 1, 2018  
Sumber: NAPIC



Rajah 5.4 Bilangan Unit Terjual Rumah Mengikut Harga; Suku 1, 2018  
Sumber: NAPIC


### EKONOMI ISKANDAR MALAYSIA DI TAHUN 2018

Pertumbuhan KDNK wilayah Iskandar Malaysia di tahun 2018 diunjurkan sederhana dengan kadar pertumbuhan di antara 5.6% hingga 6.0%. Tiada sektor ekonomi yang diunjur akan merosot di dalam nilai ditambah, kecuali sektor pembinaan. Nilai ditambah sektor pembinaan diunjurkan menguncup pada kadar 0.2%.

Empat (4) sektor pengeluaran wilayah Iskandar Malaysia diunjurkan tumbuh dengan kadar melebihi 5.0%, iaitu sektor Pembuatan (5.7%), sektor Utiliti, Pengangkutan, Penyimpanan & Komunikasi (7.6%), sektor Perkhidmatan Lain (5.3%), serta sektor Perdagangan Borong & Runcit, Penginapan dan Restoren (7.5%) dan sektor Kewangan & Insurans, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan (5.5%).

Empat sektor ini menyumbang 79.7% kepada KDNK Iskandar Malaysia (2017: 79.1%). Selain itu sektor Perkhidmatan Kerajaan dan sektor Perkhidmatan Lain juga membantu pertumbuhan di tahun 2018 dengan masing-masing tumbuh 3.4% dan 3.6% (2017: 4.9%, 7.6%) dengan jumlah peratus sumbangan yang bernilai 12.2% (2017: 12.4%).

Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) wilayah Iskandar Malaysia pada harga malar tahun 2010 untuk tahun 2018 diunjurkan meningkat ke RM79,113 juta dalam harga malar 2010 (2017: RM74,943 juta). Ini diunjur menghasilkan KDNK per kapita wilayah bernilai RM36,632 pada harga malar 2010 (2017: RM35,892), iaitu meningkat 2.1%. Dalam harga semasa KDNK diunjurkan meningkat kepada RM93,092 juta (2017: RM86,370 juta). Ini menghasilkan KDNK per kapita RM43,076 (2017: RM41,365).



**Rajah 5.5** Perbandingan Nilai Ditambah Sektor-Sektor Pengeluaran Ekonomi Wilayah Iskandar Malaysia (RM Juta): 2017 - 2018  
 Sumber: Anggaran Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor.

**Jadual 5.7** Indikator Prestasi Ekonomi Wilayah Iskandar Malaysia di Tahun 2018

UKURAN	Nilai Bagi Tahun		Pertumbuhan
	2017	2018	
Penduduk ('000)	2,088	2,160	3.4%
KDNK* (Harga 2010) (RM Juta)	74,943	79,113	5.6%
KDNK per kapita (Harga 2010) (RM)	35,892	36,632	2.1%
KDNK (Harga Semasa) (RM Juta)	86,370	93,032	7.7%
KDNK per kapita (Harga Semasa) (RM)	41,365	43,076	4.1%

Sumber: Anggaran Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor

Nilai KDNK per kapita dalam ukuran pariti kuasa beli diunjurkan meningkat 4.1% ke RM29,428 (2017: USD28,281). Unjuran Pendapatan Negeri Kasar (GNI) menghasilkan nilai RM90,394 juta bagi GNI pada harga semasa bagi tahun 2018 (2017: RM83,271). Ini diunjur menghasilkan GNI per kapita bernilai RM41,855 pada harga semasa bagi tahun 2018 (2017: RM39,881). Dalam nilai pariti kuasa beli GNI per kapita diunjurkan bernilai USD28,593 (2017: USD27,267).

**Sumbangan Nilai-Nilai Ditambah kepada KDNK Iskandar Malaysia**

Peratus sumbangan terbesar kepada KDNK Iskandar Malaysia untuk tahun 2018 dijangka dicatatkan oleh sektor perkhidmatan, dengan sumbangan diunjurkan sebanyak 54.6% (2017: 54.3%). Angka-angka yang berkaitan bagi Sektor Industri ialah 43.7% (2017: 44.0%) (Rujuk Jadual 5.9).

**Jadual 5.8** Iskandar Malaysia: Unjuran KDNK Mengikut Sektor, 2018

	NILAI DITAMBAH (RM JUTA) (2010=100)		PERTUMBUHAN (%)	
	2017	2018	2017	2018
<b>Sektor Perindustrian</b>	<b>32,967</b>	<b>34,547</b>	<b>4.9%</b>	<b>4.8%</b>
Pembuatan	27,896	29,486	7.0%	5.7%
Pembinaan	5,071	5,061	-5.3%	-0.2%
<b>Sektor Perkhidmatan</b>	<b>40,721</b>	<b>43,210</b>	<b>7.7%</b>	<b>6.1%</b>
Utiliti, Pengangkutan, Penyimpanan & Komunikasi	10,511	11,309	8.8%	7.6%
Perdagangan Borong & Runcit, Penginapan dan Restoran	10,959	11,781	9.6%	7.5%
Kewangan & Insurans, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan	9,952	10,499	6.4%	5.5%
Perkhidmatan-perkhidmatan Lain	3,695	3,827	7.6%	3.6%
Perkhidmatan Kerajaan	5,605	5,794	4.9%	3.4%
campur Duti import	1,254	1,356	12.8%	8.0%
KDNK pada Harga Pembeli (2010=100)	74,942	79,113	6.5%	5.6%
Jumlah Penduduk ('000)	2,088.0	2,160	3.6%	3.4%
KDNK Per Kapita (RM)	35,892	36,632	2.8%	2.1%

Sumber: Anggaran Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor.

## UNJURAN TENAGA BURUH NEGERI JOHOR DI TAHUN 2018


Berdasarkan kepada andaian pertambahan semula jadi yang sama seperti di tahun 2017 dan penghijrahan masuk yang kecil ke Negeri Johor, jumlah penduduk Negeri Johor pada tahun 2018 diunjurkan meningkat kepada 3.751 juta ( 2017: 3.700 juta). Sehubungan dengan itu, bilangan tenaga buruh yang bekerja pada tahun 2018 di Negeri Johor diunjurkan meningkat kepada 1.705 juta daripada 1.671 juta pada tahun 2017. Unjuran peningkatan yang marginal ini adalah diasaskan kepada jangkaan kasar imbangan bersih oleh Jabatan Perangkaan Malaysia ke atas beberapa industri di Negeri Johor pada suku pertama tahun 2018.

Adalah diunjurkan bahawa pada tahun 2018 keperluan tenaga pekerja akan meningkat di hampir semua sektor ekonomi, kecuali sektor perdagangan runcit, sektor perlombongan dan sektor hartanah. Sektor-sektor ini dijangka menambah bilangan pekerja sebagai suatu strategi bagi menghadapi peningkatan permintaan untuk barangan dan perkhidmatan. Di antara sektor yang dijangka mengalami penambahan bilangan pekerja yang pesat ialah sektor hotel dan penginapan, sektor komunikasi, sektor teknologi maklumat, sektor pembuatan, sektor pembinaan, serta sektor pengangkutan dan kewangan. Pecahan Imbangan Bersih bagi setiap sektor dipamerkan sebagai Rajah 5.6.

**Jadual 5.9** Wilayah Iskandar Malaysia: Unjuran Sumbangan Nilai Ditambah Mengikut Sektor, 2017-2018

SEKTOR	Sumbangan (%)	
	2017	2018
<b>SEKTOR PERINDUSTRIAN</b>	<b>44.0%</b>	<b>43.7%</b>
Pembuatan	37.2%	37.3%
Pembinaan	6.8%	6.4%
<b>SEKTOR PERKHIDMATAN</b>	<b>54.3%</b>	<b>54.6%</b>
Utiliti, Pengangkutan, Penyimpanan & Komunikasi	14.0%	14.3%
Perdagangan Borong & Runcit, Penginapan dan Restoran	14.6%	14.9%
Kewangan & Insurans, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan	13.3%	13.3%
Perkhidmatan-perkhidmatan Lain	4.9%	4.8%
Perkhidmatan Kerajaan	7.5%	7.3%

Sumber: Anggaran dan Unjuran Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor



**Rajah 5.6** Imbangan Bersih Keperluan Pekerja 2018 (%)  
 Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

**Kadar Pengangguran** dijangka akan berada pada tahap rendah, iaitu pada sekitar 3.2%. Situasi ini, menggambarkan keadaan gunatenaga penuh di NegeriJohor,selepasmengalamikadarpengangguran yang relatifnya sedikit tinggi pada tahun 2016 dan 2017. Sektor Utama diunjurkan mencatat sumbangan tenaga buruh bekerja paling kecil di tahun 2018, iaitu 8.0%. Ini adalah penguncupan 0.1 mata peratus berbanding tahun 2017. Walau bagaimanapun peningkatan bilangan tenaga buruh di dalam sektor ini meningkat ke 133,000 orang (2017: 130,000 orang). Ini adalah hasil daripada peningkatan bilangan di sektor pertanian dan sektor perlombongan dan kuari. Bilangan tenaga buruh di sektor kecil pengkuarian adalah lebih tinggi daripada bilangan di sektor kecil perlombongan Negeri Johor. Peningkatan tenaga buruh di sektor kecil pengkuarian, secara tidak langsung dijangka memperolehi manfaat daripada keaktifan sektor pembinaan di kawasan Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang dan kerja-kerja pembangunan di sekitar Wilayah Iskandar Malaysia.

Sumbangan Sektor Perindustrian kepada keseluruhan tenaga buruh Negeri Johor dijangka tidak banyak berubah pada tahun 2018 berbanding tahun 2017. Jumlah yang bekerja di sektor pembuatan dan pembinaan diunjurkan mengalami peningkatan pada tahun 2018. Sektor pembuatan menjadi salah satu penyumbang utama kepada tenaga kerja

Negeri Johor dengan menyumbang 25.5% kepada keseluruhan tenaga kerja negeri (2017: 30.0%). Ini disokong oleh pertambahan bilangan pertubuhan yang berdaftar di Negeri Johor kepada 8,046 buah pertubuhan pada tahun 2016 (2010: 5,181 buah). Aktiviti sektor pembuatan dan pembinaan banyak tertumpu di Wilayah Iskandar Malaysia, kawasan Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang dan kawasan Hub Pendidikan Pagoh Muar.

Sektor Perkhidmatan dijangka terus menjadi penyumbang utama kepada penggunaan tenaga buruh Negeri Johor. Adalah diunjurkan bahawa pada tahun 2018 tenaga buruh bekerja di dalam sektor ini meningkat kepada 946.1 ribu daripada 924.2 ribu pada tahun 2017. Sektor perdagangan borong dan runcit, penginapan dan restoran menjadi penyumbang utama tenaga buruh sektor perkhidmatan walaupun sektor kecil perdagangan runcit tidak menampakkan perubahan yang besar dari segi keperluan bilangan tenaga kerja. Sektor awam dan sosial pula merupakan penyumbang yang ketiga terbesar kepada keseluruhan tenaga kerja Negeri Johor pada tahun 2018 (19.3%) (Silalah rujuk Jadual 5.10). Perbandingan sumbangan mengikut sektor menunjukkan bahawa penyumbang utama ialah sektor Perniagaan Borong Dan Runcit, Hotel Dan Restoran (25.7%), sektor Pembuatan (25.5%). Ini diikuti oleh sektor Perkhidmatan Awam Dan Sosial (19.3%).

**Jadual 5.10** Anggaran Tenaga Buruh Negeri Johor Mengikut Sektor, 2017 dan 2018

SEKTOR	2017		2018	
	Bilangan ('000)	%	Bilangan ('000)	%
<b>Sektor Utama</b>	<b>130.0</b>	<b>8.1%</b>	<b>133.0</b>	<b>8.0%</b>
Pertanian, Perikanan, Haiwan dan Perhutanan	121.2	7.5%	124.1	7.5%
Perlombongan dan Kuari	8.8	0.5%	8.9	0.5%
<b>Sektor Perindustrian</b>	<b>560.5</b>	<b>34.7%</b>	<b>570.9</b>	<b>34.6%</b>
Pembuatan	418.8	30.0%	420.9	25.5%
Pembinaan	141.7	8.8%	150.0	9.1%
<b>Sektor Perkhidmatan</b>	<b>924.2</b>	<b>57.2%</b>	<b>946.1</b>	<b>57.3%</b>
Utiliti ( Elektrik, Gas dan Air)	19.9	1.2%	21.5	1.3%
Perdagangan Borong dan Runcit, Hotel dan Restoren	417.5	25.9%	423.4	25.7%
Pengangkutan, Penyimpanan dan Komunikasi	98.6	6.1%	107.8	6.5%
Kewangan, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan	72.3	4.5%	74.4	4.5%
Perkhidmatan Awam dan Sosial	315.9	19.6%	319.0	19.3%
Jumlah Penduduk Bekerja ( 15-64)	1,614.7		1,650.0	
Kadar Pengangguran	3.4%		3.2%	

## UNJURAN JANGKA PANJANG PENCAPAIAN EKONOMI NEGERI JOHOR, 2018-2030

Bahagian ini membincangkan kebolehcapaian sasaran tanda aras (benchmark target) ekonomi Negeri Johor pada tahun 2030. Sasaran yang dipilih ialah nilai 60,000 pendapatan per kapita pada tahun 2030 dalam nilai pariti kuasa beli (PPP). Persoalan yang akan terjawab ialah sama ada sasaran ini dapat dicapai jika ekonomi negeri terus berkembang dengan prestasi yang setara dengan yang telah dipamerkan di dalam tempoh 2010-2017 yang lalu<sup>5</sup>. Jika dalam tempoh 2018-2030 pertumbuhan purata tahunan 5.9% tidak berupaya membawa Negeri Johor untuk mencapai sasaran 60,000 pendapatan per kapita pada tahun 2030 dalam nilai pariti kuasa beli (PPP), persoalan yang ingin dijawab ialah berapa nilai kadar pertumbuhan purata tahunan yang diperlukan untuk mencapai sasaran tersebut.



## Unjuran-Unjuran KDNK Negeri Johor 2018-2030 Berdasarkan Beberapa Kadar Pertumbuhan Purata Tahunan

### Senario 1



Jika dalam tempoh 2018-2030 KDNK<sup>6</sup> tumbuh pada kadar purata 5.6% setahun, iaitu kadar pertumbuhan purata yang telah dialami oleh Negeri Johor di dalam tempoh 2010-2017, manakala bilangan penduduk negeri diunjurkan tumbuh pada kadar purata 1.0% setahun nilai KDNK yang terunjur adalah seperti yang dipamerkan sebagai Rajah 5.8. Berdasarkan kepada nilai-nilai yang dipamerkan unjuran bagi nilai KDNK per kapita pada harga 2010 dan KDNK per kapita dalam pariti kuasa beli (PPP) adalah seperti yang dipamerkan sebagai Rajah 5.9. Jelas bahawa kadar pertumbuhan purata 5.6% setahun tidak memadai untuk Negeri Johor mencapai sasaran nilai 60,000 (PPP) bagi KDNK per kapita di tahun 2030. Nilai KDNK per kapita yang berupaya dicapai ialah nilai 56,716. Ini bererti bahawa ekonomi negeri perlu digerakkan supaya tumbuh lebih pantas daripada kadar purata yang telah dicapai di dalam tempoh 2010-2017 yang lalu bagi tempoh 2018-2030.

<sup>5</sup>Di dalam tempoh 2010-2017 pertumbuhan ekonomi tahunan purata yang telah dicatatkan oleh negeri Johor ialah 5.9%.

<sup>6</sup>kadar pertumbuhan purata tahunan pada harga malar 2010.



Rajah 5.7 Unjuran Jumlah Penduduk Dan Nilai KDNK (2010=100) Bagi Tempoh 2018-2030 (Pertumbuhan Tahunan Purata 5.6%)




Rajah 5.8 Unjuran Nilai KDNK per kapita pada Harga Semasa dan Dalam Nilai PPP Bagi Tempoh 2018-2030 (Pertumbuhan Tahunan Purata 5.6%)


## Senario 2

Jika dalam tempoh 2018-2030 KDNK tumbuh pada kadar purata 6.0% setahun, iaitu lebih pantas daripada kadar yang dialami di dalam tempoh 2010-2017, manakala bilangan penduduk negeri diunjurkan tumbuh pada kadar purata 1.0% setahun nilai KDNK yang terunjur adalah seperti yang dipamerkan sebagai Rajah 5.11. Berdasarkan kepada nilai-nilai yang dipamerkan sebagai Rajah 5.10 unjuran bagi nilai KDNK per kapita pada harga 2010 dan KDNK

per kapita dalam pariti kuasa beli adalah seperti yang dipamerkan sebagai Rajah 5.11. Jelas bahawa kadar pertumbuhan purata 6.0% setahun juga tidak memadai untuk Negeri Johor mencapai sasaran nilai 60,000 (PPP) bagi KDNK per kapita di tahun 2030 apabila nilai yang diunjurkan akan dicapai ialah 59,306 dalam unit PPP. Ini bererti bahawa ekonomi negeri perlu digerakkan supaya tumbuh lebih pantas daripada kadar purata 6.0% setahun di dalam tempoh 2018-2030.



Rajah 5.9 Unjuran Nilai KDNK Dan KDNK Per Kapita Bagi Tempoh 2018-2030 (Pertumbuhan Tahunan Purata 6.0%)




Rajah 5.10 Unjuran Nilai KDNK per kapita pada Harga Semasa dan Dalam Nilai PPP Bagi Tempoh 2018-2030 (Pertumbuhan Tahunan Purata 6.0%)


### Senario 3

Jika dalam tempoh 2018-2030 KDNK tumbuh pada kadar purata 6.2% setahun manakala bilangan penduduk negeri diunjurkan tumbuh pada kadar purata 1.0% setahun nilai KDNK yang terunjur adalah seperti yang dipamerkan sebagai Rajah 5.12. Berdasarkan kepada nilai-nilai yang dipamerkan sebagai Rajah 5.11 unjuran bagi nilai KDNK per kapita pada harga 2010 dan KDNK per kapita dalam pariti

kuasa beli adalah seperti yang dipamerkan sebagai Rajah 5.13. Jelas bahawa kadar pertumbuhan purata 6.2% setahun memadai untuk Negeri Johor mencapai sasaran nilai 60,000 (PPP) bagi KDNK per kapita di tahun 2030 apabila nilai yang diunjurkan akan dicapai ialah 60,042 dalam unit PPP. Ini bererti bahawa ekonomi negeri perlu digerakkan supaya tumbuh pada kadar purata sekurang-kurangnya 6.2% setahun di dalam tempoh 2018-2030.



Rajah 5.11 Unjuran Nilai KDNK Dan KDNK Per Kapita Bagi Tempoh 2018-2030 (Pertumbuhan Tahunan Purata 6.2%)



Rajah 5.12 Unjuran Nilai KDNK per kapita pada Harga Semasa dan Dalam Nilai PPP Bagi Tempoh 2018-2030 (Pertumbuhan Tahunan Purata 6.2%)

**Unjuran Jangka Panjang Pencapaian Ekonomi Negeri Johor, 2018-2030: Rumusan**

Berdasarkan kepada tiga senario di atas bolehlah dirumuskan bahawa untuk mencapai nilai 60,000 KDNK per kapita dalam PPP di tahun 2030 pertumbuhan ekonomi negeri perlu ditingkatkan supaya berprestasi

lebih tinggi sedikit daripada kadar pertumbuhan purata tahunan yang telah dilalui dalam tempoh 2010-2017 (5.9%) kepada purata tahunan melebihi 6.2% sepanjang 13 tahun di dalam tempoh 2018-2030. Ini akan tercapai jika pertumbuhan KDNK setiap tahun "bertahan" pada kadar sekurang-kurangnya 6.2%.





**BPEN JOHOR**  
BAHAGIAN PERANCANG EKONOMI NEGERI JOHOR

**BAHAGIAN PERANCANG EKONOMI NEGERI**  
ARAS 3, BANGUNAN DATO' JAAFAR MUHAMMAD  
KOTA ISKANDAR, 79503 ISKANDAR PUTERI, JOHOR  
TEL : +607 266 6618  
FAKS : +607 290 9922  
LAMAM WEB : <http://www.johor.gov.my/upenj>

<http://www.johor.gov.my/upenj>